



**KEMISKINAN FEMINISME DAN DISKRIMINASI GENDER
GELANDANGAN RESIDIVIS WANITA DI KUALA LUMPUR, MALAYSIA**

Oleh

MOHD ALIF BIN JASNI

**Tesis ini dikemukakan kepada Sekolah Pengajian Siswazah, Universiti Putra
Malaysia, sebagai memenuhi keperluan untuk Ijazah Master Sains**

Ogos 2024

FEM 2024 23

Semua bahan yang terkandung dalam tesis ini, termasuk teks tanpa had, logo, iklan, gambar dan semua karya seni lain, adalah bahan hak cipta Universiti Putra Malaysia kecuali dinyatakan sebaliknya, Penggunaan mana-mana bahan yang terkandung dalam tesis ini dibenarkan untuk tujuan bukan komersil daripada pemegang hak cipta. Penggunaan komersil bahan hanya boleh dibuat dengan kebenaran bertulis terdahulu yang nyata daripada Universiti Putra Malaysia,

Hak Cipta © Universiti Putra Malaysia



Abstrak tesis yang dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia sebagai memenuhi keperluan untuk ijazah Master Sains

**KEMISKINAN FEMINISME DAN DISKRIMINASI GENDER
GELANDANGAN RESIDIVIS WANITA DI KUALA LUMPUR, MALAYSIA**

Oleh

MOHD ALIF BIN JASNI

Ogos 2024

Pengerusi : Wan Munira binti Wan Jaafar, PhD
Fakulti : Ekologi Manusia

Gelandangan residivis wanita didefinisikan sebagai bekas banduan yang hidup di jalanan dalam keadaan kemiskinan disebabkan oleh kegagalan mereka untuk berintegrasi semula dalam masyarakat. Selain kemiskinan, gelandangan residivis wanita terpaksa berdepan dengan pelbagai bentuk diskriminasi termasuk diskriminasi gender. Kajian ini menyorot naratif kehidupan gelandangan residivis wanita melalui pendekatan kualitatif fenomenologi berpandukan kerangka teori *Feminist Standpoint* dan Teori Interseksionaliti. Seramai lapan gelandangan residivis wanita di sekitar bandaraya Kuala Lumpur telah di temu bual bagi mendapatkan pandangan mereka terhadap pengalaman kemiskinan feminisme dan diskriminasi gender yang mereka hadapi. Hasil kajian membawa kepada penerokaan lima (5) sub tema utama berkaitan dengan kemiskinan feminisme iaitu (i) *keterbatasan peluang ekonomi dan pengangguran*, (ii) *sistem sokongan yang terhad*, (iii) *stereotaip gender*, (iv) *eksploitasi seksual* dan (v) *eksploitasi jenayah*. Dua tema yang mendasari isu diskriminasi gender dalam kelompok ini adalah (i) *stigma dan diskriminasi sebagai wanita* dan (ii) *diskriminasi pekerjaan*. Dapatan kajian dijangka dapat menyumbang

kepada pengetahuan berkaitan gelandangan residivis wanita dari perspektif kemiskinan dan diskriminasi yang masih kurang diterokai di Malaysia. Penerokaan isu secara subjektif dan mendalam diharapkan dapat membantu agensi kerajaan dan pemegang taruh dalam memperkenalkan program pasca pembebasan dan jagaan lanjutan yang bersesuaian, sekaligus membantu mengurangkan masalah kemiskinan feminisme dan diskriminasi gender yang wujud dalam kalangan residivis wanita di Malaysia.

Kata Kunci: kemiskinan feminisme, diskriminasi gender, gelandangan residivis wanita, integrasi semula

SDG: MATLAMAT 1: Tiada Kemiskinan, MATLAMAT 3: Kesihatan yang Baik dan Sejahtera, MATLAMAT 5: Kesaksamaan Jantina

Abstract of thesis presented to the Senate of Universiti Putra Malaysia in fulfilment
of the requirement for the degree of Master of Science

**FEMINISM POVERTY AND GENDER DISCRIMINATION OF HOMELESS
RECIDIVIST WOMEN IN KUALA LUMPUR**

By

MOHD ALIF BIN JASNI

August 2024

Chairman : Wan Munira binti Wan Jaafar, PhD
Faculty : Human Ecology

Homeless recidivist women are defined as former inmates living on the streets in poverty due to their inability to reintegrate into society. In addition to poverty, these women face various forms of discrimination, including gender-based discrimination. This study explores the narratives of homeless recidivist women using a qualitative phenomenological approach, guided by the Feminist Standpoint Theory and Intersectionality Theory. A total of eight homeless recidivist women in the Kuala Lumpur metropolitan area were interviewed to gain insights into their experiences with poverty, feminism, and gender discrimination. The findings reveal five main themes related to feminism poverty: (i) *limited economic opportunities and unemployment*, (ii) *inadequate support systems*, (iii) *gender stereotypes*, (iv) *sexual exploitation*, and (v) *criminal exploitation*. Two key themes underpinning gender discrimination within this group are (i) *stigma and discrimination as women* and (ii) *workplace discrimination*. The findings contribute to the understanding of homeless recidivist women from the perspectives of poverty and discrimination, which remain underexplored in Malaysia. By examining these issues subjectively and in-depth, the

study aims to assist government agencies and stakeholders in developing suitable post-release programs and aftercare services. Such efforts are expected to reduce the challenges of poverty, feminism-related issues, and gender discrimination experienced by homeless recidivist women in Malaysia.

Keywords: feminism poverty, gender discrimination, homeless recidivist women, reintegration

SDG: GOAL 1: No Poverty, GOAL 3: Good Health and Well-Being, GOAL 5: Gender Equality



PENGHARGAAN

Syukur ke hadrat Ilahi atas rahmat dan kurnia-Nya yang telah mempermudah perjalanan saya menyempurnakan pengajian di peringkat Ijazah Sarjana dalam bidang Gender dan Pembangunan di Fakulti Ekologi Manusia, Universiti Putra Malaysia. Ucapan terima kasih yang tidak terhingga saya tujukan kepada kedua-dua penyelia, Dr. Wan Munira Wan Jaafar dan Prof. Madya Dr. Zumilah Zainalaludin, atas segala bimbingan, ilmu, dan sokongan yang diberikan sepanjang proses penyelidikan ini. Saya juga ingin mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan kepada rakan-rakan sekerja di Pusat Pengajian Psikologi Gunaan, Dasar dan Kerja Sosial, Universiti Utara Malaysia, yang sentiasa memberi dorongan dan motivasi untuk saya mendalami bidang Gender dan Pembangunan.

Terima kasih yang tidak terhingga juga saya ucapkan kepada semua informan gelandangan residivis wanita yang sudi berkongsi pengalaman mereka dalam kajian ini. Penyertaan sukarela mereka adalah asas penting kepada kejayaan kajian ini. Setiap kisah dan pandangan yang diberikan telah memperkayakan pemahaman saya terhadap isu yang menjadi minat utama dalam penyelidikan ini. Akhir sekali, jutaan terima kasih kepada ibu saya, Rusnah Abd Mutalib, serta arwah ayah, Jasni Jaafar, atas kasih sayang, doa, dan sokongan yang tidak pernah putus. Tidak lupa juga kepada adik-beradik saya, Syafiqa Jasni, Nini Syaheera Jasni, Daniel Dubies Jasni, adik ipar, Saromizam, serta Sierra dan Sahara, yang sentiasa menjadi tulang belakang dan sumber kekuatan saya.



(.....)

Mohd Alif Bin Jasni

alevmikail@gmail.com/ mohd.alif.jasni@uum.edu.my

Tesis ini telah dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia dan telah diterima sebagai memenuhi syarat keperluan untuk ijazah Master Sains. Ahli Jawatankuasa Penyeliaan adalah seperti berikut:

Wan Munira binti Wan Jaafar, PhD

Pensyarah Kanan
Fakulti Ekologi Manusia
Universiti Putra Malaysia
(Pengerusi)

Zumilah binti Zainalaludin, PhD

Profesor Madya
Fakulti Ekologi Manusia
Universiti Putra Malaysia
(Ahli)

ZALILAH MOHD SHARIFF, PhD

Profesor dan Dekan
Sekolah Pengajian Siswazah
Universiti Putra Malaysia

Tarikh: 17 April 2025

JADUAL KANDUNGAN

Muka surat

ABSTRAK	i
ABSTRACT	iii
PENGHARGAAN	v
PENGESAHAN	vii
PERAKUAN	ix
SENARAI JADUAL	xiv
SENARAI RAJAH	xv
SENARAI LAMPIRAN	xvi
SENARAI SINGKATAN	xvii

BAB

1	PENGENALAN	1
	1.1 Pengenalan	1
	1.2 Latar Belakang Kajian	1
	1.3 Permasalahan Kajian	5
	1.3.1 Jurang Kajian Pertama: Kelompangan Pengetahuan tentang Fenomena Kemiskinan Feminisme dalam Kajian Gelandangan Residivis Wanita	7
	1.3.2 Jurang Kajian Kedua: Bentuk Diskriminasi Gender Sebagai Wanita di Jalanan	11
	1.4 Persoalan Kajian	13
	1.5 Objektif Kajian	13
	1.6 Skop Kajian	14
	1.7 Kepentingan Kajian	14
	1.7.1 Peringkat Mikro	15
	1.7.2 Peringkat Makro	15
	1.7.3 Peringkat Mezzo	16
	1.8 Definisi Konseptual dan Operasional	16
	1.8.1 Gelandangan Residivis Wanita	16
	1.8.2 Kemiskinan Feminisme	18
	1.8.3 Diskriminasi Gender	20
	1.9 Kesimpulan	21
2	SOROTAN LITERATUR	22
	2.1 Pengenalan	22
	2.2 Gelandangan Residivis Wanita Sebagai Komuniti Rentan di Jalanan	22
	2.2.1 Kesukaran Hidup Sebagai Gelandangan Residivis Wanita di Jalanan	24
	2.2.2 Faktor Bergelandangan dalam Kalangan Wanita	26
	2.2.3 Penglibatan Gelandangan Residivis Wanita dalam Pengulangan Jenayah	29
	2.2.3.1 Ketiadaan Tempat Tinggal	31
	2.2.3.2 Hubungan Keluarga yang Tegang	32

2.2.3.3	Pengangguran	33
2.2.3.4	Pengaruh Rakan Sebaya	34
2.2.3.5	Stigma dan Diskriminasi	36
2.2.3.6	Masalah Ketagihan Dadah	37
2.3	Fenomena Kemiskinan Feminisme dan Gelandangan Residivis Wanita	39
2.3.1	Peranan Gender Tradisional Sebagai Wanita	42
2.3.2	Jurang Gender dalam Pendapatan	44
2.3.3	Wanita Memikul Tanggungan Keluarga yang Besar	47
2.3.4	Kemiskinan Feminsme Membawa kepada Penglibatan ke dalam Aktiviti Jenayah	51
2.4	Diskriminasi Gender ke Atas Gelandangan Residivis Wanita	53
2.4.1	Stereotaip Gender terhadap Golongan Wanita	57
2.4.2	Kesukaran Mendapatkan Tempat Tinggal	60
2.4.3	Peluang Pekerjaan dan Gaji	62
2.4.4	Perlecehan dan Keganasan Seksual	65
2.4.5	Buli dan Penderaan Fizikal Serta Emosi	68
2.4.6	Cabaran dalam Mendapatkan Perkhidmatan Kesihatan	70
2.5	Kerangka Teoritikal	72
2.5.1	Teori Feminist <i>Standpoint</i>	72
2.5.2	Teori Interseksionaliti (<i>Intersectional Theory</i>)	75
2.6	Kesimpulan	79
3	METODOLOGI KAJIAN	80
3.1	Pengenalan	80
3.2	Falsafah Penyelidikan	80
3.3	Reka Bentuk Penyelidikan	81
3.4	Lokasi Kajian	81
3.5	Populasi Kajian dan Sampel	82
3.6	Teknik Persampelan	83
3.6.1	Teknik Persampelan Bertujuan (<i>Purposive Sampling Technique</i>)	83
3.6.2	Teknik Persampelan Bola Salji (<i>Snowball Sampling Technique</i>)	84
3.7	Instrumen Kajian: Protokol Temu Bual	85
3.8	Etika Penyelidikan	86
3.8.1	Tahap Pertama: Etika Sebelum Menjalankan Kajian Penyelidikan	87
3.8.2	Tahap Kedua: Etika Sepanjang Menjalankan Kajian Penyelidikan	87
3.8.3	Tahap Ketiga: Etika Selepas Menjalankan Kajian Penyelidikan	88
3.9	Tatacara Pengumpulan Data	89
3.9.1	Sebelum Pengumpulan Data (Proses Kajian Rintis)	89
3.9.2	Semasa Pengumpulan Data (Proses Menjalankan Kajian Lapangan Sebenar)	90
3.9.3	Selepas Pengumpulan Data (Proses Menjalankan Analisis Kajian)	92

3.10	Teknik Analisis Data	92
3.11	Kesahan dan Kebolehpercayaan	96
3.12	Kesimpulan	98
4	ANALISIS DATA DAN PERBINCANGAN	100
4.1	Pengenalan	100
4.2	Profil Informan Gelandangan Residivis Wanita	100
4.3	Proses Pembinaan Tema dan Analisis Kajian	104
4.4	Objektif Kajian 1:Meneroka Pengalaman Kemiskinan Feminisme dalam Kalangan Gelandangan Residivis Wanita Sepanjang Hidup Bergelandangan	110
4.4.1	Sub-Tema 1: Keterbatasan Peluang Ekonomi dan Pengangguran	113
4.4.1.1	Kod 1: Ketiadaan Peluang untuk Keluar daripada Kehidupan Miskin	113
4.4.1.2	Kod 2: Kemiskinan Disebabkan oleh Ketiadaan Sumber Kewangan	116
4.4.1.3	Kod 3: Hidup dalam Serba Kekurangan	119
4.4.1.4	Kod 4: Kemiskinan Disebabkan oleh Pengangguran	120
4.4.1.5	Kod 5: Ketiadaan Pendidikan Memberi Kesukaran dalam Mendapatkan Pekerjaan	122
4.4.1.6	Kod 6: Terpaksa Meminta Sedekah Akibat Kehidupan Miskin	124
4.4.1.7	Kod 7: Miskin dari Segi Harta Benda	125
4.4.2	Sub-Tema 2: Sistem Sokongan yang Terhad	127
4.4.2.1	Kod 1: Ketiadaan Keluarga Sebagai Sistem Sokongan	128
4.4.2.2	Kod 2: Tertekan Akibat Ketiadaan Keluarga	132
4.4.3	Sub-Tema 3: Stereotaip Gender	134
4.4.3.1	Kod 1: Tanggungan yang Besar Memberi Kesan kepada Kemiskinan	136
4.4.3.2	Kod 2: Kehidupan Lelaki Lebih Mudah daripada Wanita di Jalanan	138
4.4.3.3	Kod 3: Mengalami Ketidakaturan Hidup	140
4.4.3.4	Kod 4: Perjalanan Hidup yang Sukar	142
4.4.4	Sub-Tema 4: Eksploitasi Seksual	145
4.4.4.1	Kod 1: Gelandangan Residivis Wanita Sering Dieksploitasi oleh Teman Rapat	147
4.4.4.2	Kod 2: Penglibatan dalam Aktiviti Pelacuran	150
4.4.4.3	Kod 3: Gangguan Seksual di Jalanan	153
4.4.4.4	Kod 4: Persekitaran yang Kurang Kondusif dan Destruktif	157
4.4.5	Sub-Tema 5: Eksploitasi Jenayah	159
4.4.5.1	Kod 1: Ketagihan Dadah Turut Memberi Kesan kepada Keadaan Hidup Miskin	161
4.4.5.2	Kod 2: Menjual Dadah untuk Menampung Kehidupan	164
4.4.5.3	Kod 3: Terdedah dengan Ancaman Bahaya	167

4.5	Objektif Kajian 2: Memahami Bentuk Diskriminasi Gender yang Dihadapi Gelandangan Residivis Wanita Sepanjang Hidup di Jalanan	169
4.5.1	Sub-Tema 1: Stigma dan Diskriminasi Sebagai Wanita	172
4.5.1.1	Kod 1: Pandangan Buruk Masyarakat	173
4.5.1.2	Kod 2: Stigma dan Diskriminasi Akibat Status Sebagai Penagih Wanita	175
4.5.1.3	Kod 3: Ketiadaan Pendidikan Memburukkan Lagi Diskriminasi Gender	178
4.5.1.4	Kod 4: Panggilan Buruk Sebagai Ibu Tunggal/Balu	180
4.5.2	Sub-Tema 2: Diskriminasi kepada Pekerjaan	182
4.5.2.1	Kod 1: Mampu Mencari Kerja yang Tidak Formal	183
4.5.2.2	Kod 2: Tidak Semua Pekerjaan yang Dapat Dilakukan Wanita	186
4.5.2.3	Kod 3: Pandangan Hina Majikan Terhadap Penagih Wanita	189
4.5.2.4	Kod 4: Sering Dibuang Pekerjaan Akibat Rekod Jenayah	190
4.5.2.5	Kod 5: Lelaki Lebih Mudah Memperolehi Kerja Berbanding Perempuan	192
4.5.2.6	Kod 6: Majikan Enggan Mengambil Gelandangan Residivis Wanita untuk Bekerja	195
4.6	Kesimpulan	197
5	RUMUSAN DAN PENUTUP	199
5.1	Pengenalan	199
5.2	Implikasi Kajian	199
5.2.1	Implikasi Polisi, Dasar dan Program	199
5.2.2	Implikasi terhadap Teoretikal	201
5.2.3	Implikasi terhadap Bidang Gender dan Pembangunan	205
5.3	Limitasi Kajian	207
5.4	Cadangan Kajian	209
5.5	Penutup	210
	RUJUKAN	211
	LAMPIRAN	251
	BIODATA PELAJAR	259
	SENARAI PENERBITAN	260

SENARAI JADUAL

Jadual	Muka surat
1.1 Statistik Banduan Residivis Mengikut Pecahan Lelaki dan Wanita bagi Tahun 2010-2020	3
3.1 Ciri-Ciri Inklusif dan Eksklusif Kelayakan untuk Informan Kajian Residivis Wanita yang Menyertai Kajian	83
3.2 Struktur Protokol Temubual Secara Mendalam Informan Kajian	86
3.3 Langkah Analisa Data dan Pembentukan Tema	96
4.1 Profil Demografi Sosial Informan Gelandangan Residivis Wanita	102
4.2 Proses Pengekoden Terbuka	106
4.3 Proses Menjalankan Pengekoden Aksial	108
4.4 Proses Menjalankan Pengekoden Selektif	109

SENARAI RAJAH

Rajah	Muka surat
4.1 Pembentukan Tema dan Sub Tema Kemiskinan Feminisme Gelandangan Wanita	112
4.2 Pembentukan Tema dan Sub-Tema Diskriminasi Gender yang Dihadapi oleh Gelandangan Residivis Wanita	171



SENARAI LAMPIRAN

Lampiran	Muka surat
A Informan Gelandangan Residivis Wanita	251
B Surat Kelulusan Jawatankuasa Etika Universiti Putra Malaysia	256



SENARAI SINGKATAN

HIV	<i>Human Immunodeficiency Virus</i>
PBT	Pihak Berkuasa Tempatan
PMR	Penilaian Menengah Rendah
SPM	Sijil Pelajaran Malaysia
STD	<i>Sexually Transmitted Diseases</i>
UPSR	Ujian Penilaian Sekolah Rendah
UNHR	United Nations Human Rights



BAB 1

PENGENALAN

1.1 Pengenalan

Bab ini membincangkan latar belakang, permasalahan kajian, persoalan kajian, objektif kajian, skop kajian, kepentingan kajian, pendefinisian konseptual dan operasional dan kesimpulan.

1.2 Latar Belakang Kajian

Kemiskinan dalam kalangan wanita merupakan isu keadilan sosial dan kesihatan yang memberi kesan yang signifikan kepada penurunan potensi dan kebebasan wanita di seluruh dunia (Melo, 2019). Beberapa faktor seperti diskriminasi gender, ideologi seksis, dan penindasan sistemik telah dikenalpasti sebagai punca utama kepada kemiskinan feminisme. Menurut Abercrombie dan Hastings, (2016); Merino dan Lara, (2016), kemiskinan feminisme tidak hanya berpunca daripada faktor ekonomi, tetapi juga daripada struktur sosial patriarki dan diskriminasi gender. Wanita sering menghadapi jurang pendapatan yang besar berbanding lelaki, akses yang terhad kepada pendidikan, peluang pekerjaan yang terbatas, dan lain-lain diskriminasi di tempat kerja (Bretherton, 2020). Selain itu, tahap pendidikan yang rendah telah menyukarkan kebanyakan wanita untuk mendapatkan pekerjaan yang baik, sekaligus meningkatkan kerentanan wanita terhadap kemiskinan (Eissmann & Takeuchi, 2022).

Amore et al. (2011) mendefinisikan ‘gelandangan’ sebagai individu yang tidak mempunyai tempat tinggal yang selamat untuk berlindung dan berinteraksi dengan orang lain. Manakala ‘residivis’ merujuk kepada individu yang mengulangi tingkah

laku jenayah selepas menjalani hukuman penjara atau pemulihan (Henslin, 2008). Dalam konteks ini, gelandangan residivis wanita boleh ditakrifkan sebagai “bekas banduan yang mengalami kerentanan kronik di jalanan akibat stigma yang dikaitkan dengan rekod jenayah berulang”. Ketidakupayaan untuk berintegrasi semula dalam masyarakat telah mendorong mereka untuk mengulangi aktiviti jenayah.

Sistem patriarki yang diamalkan secara meluas di kebanyakan negara sedang membangun termasuk Malaysia telah meningkatkan cabaran yang dihadapi oleh gelandangan residivis wanita. Selain bergelut dengan masalah ekonomi, mereka juga terbeban dengan tanggungjawab domestik seperti penjagaan anak dan keluarga (Tarar & Pulla, 2014). Situasi ini dilihat sebagai penyumbang utama kepada kemiskinan, terutama bagi wanita yang bergantung kepada pekerjaan tidak formal (Chant, 2012). Wanita turut terpinggir dari aspek pendidikan, pekerjaan, dan sumber ekonomi, yang meletakkan mereka dalam kedudukan subordinat (Bretherton & Pleace, 2018). Gelandangan residivis wanita merupakan kumpulan rentan yang terdedah kepada keadaan kemiskinan yang melampau dan sering kali berada dalam status sosioekonomi yang lebih rendah berbanding lelaki (Vázquez et al., 2022; Christensen, 2019). Faktor seperti kegagalan hidup, pengangguran, penolakan keluarga, ketagihan dadah, dan diskriminasi masyarakat menyumbang kepada kehidupan mereka sebagai gelandangan (Lockwood et al., 2012; Lux, 2015; Piat et al., 2015).

Gelandangan residivis wanita yang tergolong dalam kumpulan pengulang jenayah tegar biasanya terlibat dalam aktiviti jenayah seperti penggunaan dan penjualan dadah, curi dan rompak, penipuan, dan pelacuran (Maltz, 1984; Maruna, 2001; The Guardian,

2019). Di Malaysia, terdapat peningkatan trend residivisme dalam kalangan gelandangan residivis wanita dalam sistem keadilan jenayah.

Jadual 1.1 : Statistik Banduan Residivis Mengikut Pecahan Lelaki dan Wanita bagi Tahun 2010-2020

Tahun	Jumlah Pembebasan (orang)	Banduan Pengulang Laku Jenayah (Residivis)					
		Jumlah (Lelaki)	Jumlah (Wanita)	Jumlah (Keseluruhan)	Peratus % (Lelaki)	Peratus % (Wanita)	% Keseluruhan
2010	75,397	5,420	104	5,524	7.19	0.13	7.32
2011	76,699	5,911	122	6,033	7.71	0.15	7.86
2012	81,862	6,389	135	6,524	7.81	0.16	7.97
2013	88,893	6,627	142	6,769	7.45	0.16	7.61
2014	94,495	7,449	170	7,619	7.88	0.18	8.06
2015	102,214	8,737	160	8,897	8.54	0.16	8.70
2016	110,682	9,626	249	9,875	8.70	0.22	8.92
2017	124,567	11,214	306	11,520	9.00	0.25	9.25
2018	134,690	13,518	378	13,896	10.04	0.28	10.32
2019	141,636	14,959	451	15,410	10.56	0.32	10.88
2020	210,251	31,614	1,288	32,902	15.03	0.61	15.64

(Sumber : Jabatan Penjara Malaysia 2021).

Jadual 1.1 menunjukkan peningkatan kes pengulangan jenayah wanita dalam tempoh 10 tahun (2010 hingga 2020) di Malaysia. Statistik menunjukkan dalam tempoh tersebut, jumlah residivis wanita meningkat daripada 104 orang pada tahun 2010 kepada 1,288 orang pada tahun 2020, iaitu peningkatan hampir 100 peratus. Walaupun jumlah residivis lelaki jauh lebih tinggi, iaitu seramai 31,614 orang pada tahun 2020, peningkatan dalam jumlah residivis wanita dilihat membimbangkan dan wajar diberi perhatian. Peningkatan yang signifikan ini menunjukkan keperluan untuk meneroka dan memahami isu ini dengan lebih mendalam sekaligus memberi perspektif baharu dalam konteks kajian gender dan pembangunan yang masih kurang diberi perhatian dalam kajian terdahulu (Mastrorilli et al., 2015).

Meskipun kelompok residivis wanita adalah lebih kecil berbanding residivis lelaki, namun kebanyakan mereka menghadapi kesukaran besar dalam berintegrasi semula

ke dalam masyarakat. Hal ini disebabkan oleh stigma yang dikaitkan dengan rekod jenayah dan pengalaman dipenjara. Remster (2021) menekankan bahawa gelandangan sering menghabiskan masa lebih lama di penjara kerana ketiadaan tempat tinggal tetap yang akhirnya meningkatkan risiko pengulangan jenayah. Kajian Mitchell et al. (2023) terhadap gelandangan di Australia mendapati 75% gelandangan yang disabitkan dengan jenayah akan mengulangi kesalahan dalam tempoh 24 bulan. Antara faktor yang dikaitkan dengan tingkahlaku pengulangan ini adalah gangguan personaliti, penyalahgunaan dadah, dan masalah kesihatan mental.

Di Malaysia, fenomena bekas banduan yang menjadi gelandangan turut dilaporkan dalam beberapa kajian tempatan antaranya oleh Jasni et al. (2018) dan Tharshini et al. (2018). Fenomena yang sama turut dilaporkan berlaku di Amerika Syarikat, di mana individu yang pernah dipenjarakan menghadapi risiko lebih tinggi untuk menjadi gelandangan (Johnson & Moschion, 2019). Jabatan Kebajikan Masyarakat (2022) mencatatkan peningkatan gelandangan berlaku di beberapa bandar utama seperti Kuala Lumpur, dengan jumlah tertinggi pada tahun 2020, iaitu 227 orang gelandangan lelaki dan 87 orang gelandangan wanita. Terdapat penurunan direkodkan pada tahun 2021, namun ia mungkin disebabkan oleh faktor luaran seperti pandemik, perpindahan ke kawasan lain, atau penahanan oleh pihak berkuasa. "Angka gelap," iaitu individu gelandangan yang tidak direkodkan secara rasmi dilihat sebagai cabaran utama untuk mengkaji kelompok ini secara meluas dan terperinci (Deleu, Schrooten, & Hermans, 2023).

Tinjauan kajian lepas mendapati terdapat kekurangan dalam kajian yang memfokuskan kepada gelandangan residivis wanita. Sebilangan besar kajian sedia

ada hanya menumpukan kepada gelandangan atau residivis secara umum tanpa memberi fokus khusus kepada pengalaman gelandangan residivis wanita. Oleh itu, satu kajian untuk meneroka pengalaman kemiskinan feminisme dan diskriminasi gender yang dialami oleh gelandangan residivis wanita perlu dilaksanakan. Selain meneroka secara terperinci pengalaman mereka di jalanan, kajian ini dijangka berpotensi menutup jurang kajian yang ada dan memberi dimensi baharu dalam penerokaan pengetahuan tentang gelandangan residivis di Malaysia.

1.3 Permasalahan Kajian

Usaha untuk mengintegrasikan semula gelandangan residivis wanita ke dalam masyarakat agar mereka tidak terus terjebak dalam kitaran gelandangan dan jenayah adalah satu keperluan yang mendesak (Walmsley, 2015). Namun, kajian terhadap golongan ini, terutamanya dalam konteks negara sedang membangun seperti Malaysia, masih terhad dan kurang mendapat perhatian. Isu ini semakin kompleks apabila kajian terdahulu terutama dalam bidang keadilan jenayah dan kriminologi cenderung memberi tumpuan hanya kepada 'lelaki', sekali gus meminggirkan pengalaman wanita (Carrington & Death, 2014; Mason & Stubbs, 2010). Aspek gender dalam pembangunan tidak boleh difahami secara menyeluruh sekiranya asas kajian masih didominasi oleh perspektif yang berpusat hanya kepada lelaki.

Walaupun kadar residivis wanita dilihat lebih rendah berbanding lelaki, namun kajian melibatkan wanita masih mempunyai nilai kajian yang signifikan (Olson, Stalans & Escobar, 2016; Sandler & Freeman, 2009). Hal ini disebabkan wanita menghadapi cabaran yang lebih khusus dan berbeza daripada lelaki (Sered & Norton-Hawk, 2020). Kajian lepas lebih memberi penekanan kepada kajian subjek lelaki, atau sekadar

membuat perbandingan antara jantina dari segi statistik (Cobbina, 2010; Deschenes et al., 2007). Kajian terhadap wanita cenderung bersifat kualitatif dengan sampel yang lebih kecil (Maruna, 2001), sekali gus mengehadkan pemahaman terhadap pengalaman mereka secara lebih mendalam.

Kajian kriminologi feminisme, seperti yang dijalankan oleh Camenius dan Sandman (2023), Chesney-Lind dan Morash (2013) serta Chesney-Lind dan Chagnon (2016), telah menekankan keperluan untuk mengkaji wanita dalam konteks jenayah. Di Malaysia, jurang ini semakin ketara apabila beberapa kajian tempatan seperti Abdullah (2012) dan Zainuddin dan Aboo Talib (2018) mencadangkan agar kajian gender diurus perdanakan untuk meneroka pengalaman wanita dalam pelbagai bidang dan perspektif secara lebih mendalam. Kajian ini berhasrat untuk mengisi jurang yang wujud dengan memberi tumpuan kepada dua isu utama iaitu kemiskinan feminisme dan diskriminasi gender yang dihadapi oleh gelandangan residivis wanita. Kemiskinan feminisme dalam konteks kajian ini merujuk kepada bagaimana struktur sosial dan ekonomi patriarki mempengaruhi kehidupan gelandangan residivis wanita sehingga membawa mereka kepada kemiskinan dan marginalisasi.

Kajian terdahulu dilihat kurang memberi perhatian terhadap dimensi gender, yang akhirnya mencadangkan pelbagai program pemulihan dalam sistem keadilan jenayah yang tidak sensitif gender. Pendekatan yang seragam untuk lelaki dan wanita adalah tidak sesuai dan mengabaikan keperluan khusus wanita (Van Voorhis, 2012). Wanita yang dibebaskan dari penjara dikatakan menghadapi diskriminasi tambahan yang tidak dialami oleh lelaki. Ini termasuk stereotaip sosial dan stigma berkaitan gender (Bosak et al., 2018). Keadaan ini menghalang mereka daripada mendapatkan

pekerjaan yang stabil, akses kepada tempat perlindungan dan menerima sokongan sosial yang mencukupi. Fenomena "gelandangan tersembunyi" telah diterokai oleh Gaetz et al. (2013) melalui kajian mereka di Kanada. Wanita cenderung untuk bersembunyi dan kurang menonjol di jalanan berbanding lelaki, menjadikan mereka sukar dikenal pasti, didekati dan dihubungi. Keadaan ini menyukarkan usaha untuk meramalkan bilangan sebenar wanita yang menjadi gelandangan, sekali gus mengehadkan pemahaman terhadap pengalaman mereka. Watson, Crawley, dan Kane (2016) menekankan bahawa tingkahlaku 'bersembunyi' ini menghalang intervensi yang berkesan, menyebabkan wanita terus terperangkap dalam kitaran kemiskinan dan jenayah.

Kajian terbaharu ini bertujuan untuk meneroka pendekatan inklusif melalui perspektif gender dan pembangunan dalam memahami pengalaman gelandangan residivis wanita di Malaysia. Pendekatan ini dijangka akan memberi pemahaman yang lebih baik terhadap aspek pengalaman kemiskinan feminisme dan diskriminasi gender, serta menyediakan asas untuk perlaksanaan dasar dan intervensi yang lebih kukuh dan berfokus.

1.3.1 Jurang Kajian Pertama: Kelompangan Pengetahuan tentang Fenomena Kemiskinan Feminisme dalam Kajian Gelandangan Residivis Wanita

Kajian mengenai kemiskinan feminisme adalah penting untuk memahami bagaimana wanita, khususnya gelandangan residivis wanita, menghadapi bentuk kemiskinan yang melangkaui kekurangan material dan melibatkan pelbagai lapisan diskriminasi yang berkait rapat dengan gender. Kemiskinan sering ditakrifkan sebagai ketiadaan pendapatan yang mencukupi untuk memenuhi keperluan asas seperti makanan,

pakaian, dan tempat tinggal (Jamil & Che Mat, 2014; Talib@Khalid, 2016). Namun, kemiskinan wanita memerlukan perhatian khusus kerana ia sering kali berakar daripada ketidaksamaan gender yang wujud dalam struktur sosial, ekonomi, dan budaya. Kajian Bretherton (2020) dan Sharam dan Hulse (2014) mendapati bahawa kemiskinan adalah keadaan pelbagai dimensi yang melibatkan faktor ekonomi, sosial, budaya, dan demografi, yang saling bertindih apabila dianalisis melalui lensa gender dan pembangunan.

Wanita lebih terjejas oleh kemiskinan kerana kekurangan kesaksamaan gender, akses terhadap pendidikan dan pekerjaan, serta struktur rumah tangga yang mengekang potensi mereka. Tahap pendidikan, misalnya, memberi kesan langsung kepada peluang pekerjaan yang tersedia untuk wanita, seperti yang dinyatakan oleh Cobb-Clark dan Zhu (2017). Ketaksamaan ini juga mencerminkan bagaimana wanita berada di kedudukan yang lebih rendah dalam hierarki sosial, ekonomi, dan politik di seluruh dunia, menyebabkan mereka lebih rentan terhadap keganasan seksual, penderaan rumah tangga, dan ketiadaan kuasa untuk membuat keputusan penting dalam kehidupan mereka (Burroway, 2021).

Kajian lepas yang meneliti gelandangan sering memberi tumpuan kepada kemiskinan secara umum tanpa mempertimbangkan perbezaan pengalaman antara gelandangan lelaki dan wanita, khususnya gelandangan residivis wanita. Pendekatan ini mewujudkan jurang besar dalam pemahaman tentang dimensi gender dalam kemiskinan (Takahashi, McElroy & Rowe, 2002). Gelandangan residivis wanita tidak hanya berhadapan dengan kemiskinan material tetapi juga diskriminasi gender yang mendalam, stigma sosial yang melabel mereka sebagai gagal memenuhi peranan

tradisional, serta sejarah jenayah yang menambah beban kepada peluang mereka untuk mendapatkan pekerjaan atau perumahan stabil (Mayock, Sheridan & Parker, 2015).

Struktur patriarki memperkukuhkan ketidaksetaraan ini, di mana wanita sering tidak diberi akses kepada sumber seperti tanah, harta benda, atau aset kewangan yang boleh membantu mereka keluar dari kemiskinan (Mishra, 2018). Keadaan ini mengekalkan mereka dalam kitaran kemiskinan yang sukar ditembusi, di mana tekanan sosial dan ekonomi bertindak sebagai penghalang kepada usaha mereka untuk memperbaiki kehidupan. Kajian Christensen (2019) dan Melo (2019) menegaskan bahawa kemiskinan feminisme adalah satu konsep yang mengakui bahawa kemiskinan wanita bukan hanya disebabkan oleh kekurangan sumber ekonomi tetapi juga struktur sosial patriarki yang mendasari ketidaksetaraan.

Dalam masyarakat patriarki, wanita sering dibayar kurang daripada lelaki untuk kerja yang sama, menghadapi jurang pendapatan gender yang berterusan, dan terhad kepada pekerjaan yang bergaji rendah serta kurang bernilai (Silva & Klasen, 2021). Jurang pendapatan menghadkan keupayaan mereka untuk memenuhi keperluan asas dan meningkatkan risiko kemiskinan (Bretherton, 2020). Wanita juga diberi tanggungjawab secara tidak seimbang untuk kerja penjagaan tanpa gaji, termasuk penjagaan anak dan kerja rumah, yang akhirnya membataskan keupayaan mereka untuk terlibat dalam pasaran buruh formal (Gelberg et al., 2004).

Ketaksamaan gender turut membawa kepada keganasan berasaskan gender, yang menjadi isu dasar dalam masyarakat patriarki. Wanita yang terperangkap dalam keganasan rumah tangga atau domestik dan sukar untuk meninggalkan hubungan

toksik akan membawa mereka kepada situasi kemiskinan (Rawat, 2014). Kajian Vandentorren et al. (2016) menunjukkan bahawa gelandangan residivis wanita menghadapi kadar kelaparan yang tinggi, perumahan yang tidak stabil, dan masalah kesihatan mental. Halangan seperti ini sering kali melibatkan faktor sosial dan ekonomi yang menyukarkan wanita untuk keluar daripada kitaran kemiskinan (Boudet et al., 2018). Penderaan, peminggiran sosial, dan kekurangan akses kepada keperluan asas menggambarkan bagaimana wanita yang hidup dalam masyarakat patriarki mempunyai kuasa terhad untuk membuat keputusan ekonomi dan sosial (Tanaya, 2021).

Dalam konteks ini, kajian terhadap kemiskinan feminisme adalah penting untuk memahami bagaimana struktur sosial dan patriarki memperkukuhkan ketidaksamaan dan memerangkap wanita dalam kitaran kemiskinan. Kajian seperti ini bukan sahaja menyumbang kepada pemahaman yang lebih holistik tentang kemiskinan tetapi juga menyediakan asas untuk mencadangkan intervensi yang lebih berkesan dalam menangani masalah ini. Sebagai contoh, pembangunan yang sensitif-gender menumpukan pada penghapusan jurang pendapatan, menyediakan sokongan ekonomi kepada wanita, serta memastikan akses yang sama rata kepada pendidikan, pekerjaan, dan perkhidmatan sosial. Penyelidikan ini juga dijangka dapat mengubah norma sosial yang diskriminatif dan menghapuskan stigma yang melabel wanita sebagai tidak berupaya atau tidak bernilai. Dengan memahami pengalaman kemiskinan feminisme, pendekatan pembangunan yang lebih inklusif dapat dirancang untuk memecahkan kitaran kemiskinan dan meningkatkan kesejahteraan wanita secara keseluruhan.

1.3.2 Jurang Kajian Kedua: Bentuk Diskriminasi Gender Sebagai Wanita di Jalanan

Permasalahan utama yang perlu diberi perhatian dalam kajian ini ialah keperluan untuk meneroka dan memahami diskriminasi gender yang dialami oleh gelandangan residivis wanita dalam konteks kemiskinan feminisme. Kajian lepas menunjukkan bahawa kemiskinan bukan sahaja berkaitan dengan kekurangan sumber material tetapi juga dipengaruhi oleh struktur sosial, ekonomi, dan politik yang didominasi oleh patriarki, yang memperkukuhkan ketidaksetaraan gender (Masud & Zainalaludin, 2019; Alessi et al., 2021). Gelandangan residivis wanita sering menghadapi diskriminasi berlapis, termasuk stigma sosial (Belcher & DeForge, 2012), stereotaip gender, dan prasangka terhadap status mereka sebagai bekas banduan dan penagih dadah. Keadaan ini memperburukkan peluang mereka untuk mendapatkan pekerjaan, tempat perlindungan yang selesa, dan akses kepada perkhidmatan asas (Kirkman et al., 2015; Verissimo et al., 2023).

Diskriminasi gender ini berlaku dalam pelbagai bentuk, termasuk ketidakadilan dalam akses kepada pendidikan, latihan kemahiran, dan pekerjaan formal, yang mengekalkan mereka dalam kitaran kemiskinan dan marginalisasi (Cobb-Clark & Zhu, 2017). Tambahan pula, majikan sering menolak wanita dengan latar belakang jenayah kerana stigma dan persepsi negatif, walaupun mereka berpotensi untuk berubah dan menyumbang kepada masyarakat (Pauly, 2014; Reilly, Ho & Williamson, 2022).

Kajian terdahulu yang memfokuskan kepada gelandangan sering mengabaikan perspektif gender, menjadikan pengalaman khusus gelandangan residivis wanita kurang mendapat perhatian (Johnstone et al., 2015; Barros et al., 2022). Dalam

konteks ini, isu diskriminasi gender yang dialami oleh gelandangan residivis wanita masih belum diterokai secara mendalam, terutamanya di negara membangun seperti Malaysia. Kajian sedia ada cenderung memfokuskan kepada gelandangan secara umum atau kepada populasi lelaki, menyebabkan kelompangan pengetahuan yang signifikan dalam memahami pengalaman wanita (Baptista, 2010; Milaney et al., 2020). Kajian ini menekankan bahawa diskriminasi gender bukan sahaja menyekat peluang mobiliti sosial, tetapi juga memberi kesan kepada kesihatan mental dan fizikal wanita, serta kemampuan mereka untuk membina semula kehidupan yang stabil (Narendorf et al., 2022; Omerov et al., 2020).

Kehidupan jalanan menyebabkan wanita sering berhadapan dengan sistem sosial dan ekonomi yang tidak menyokong keperluan mereka, terutamanya apabila mereka terpaksa bergantung kepada pekerjaan tidak formal yang tidak stabil dan berisiko rendah (Roschelle, 2017; Wrighting et al., 2019). Hal ini menyebabkan mereka lebih mudah dieksploitasi dan terus terjerumus dalam kemiskinan yang melampau. Kajian ini juga mendapati bahawa diskriminasi gender yang berlaku secara sistematik, seperti dalam bentuk dasar sosial yang tidak inklusif atau undang-undang yang tidak mesra wanita, turut menyumbang kepada kegagalan mereka untuk mendapatkan sokongan yang diperlukan (Savage, 2016). Sebagai contoh, gelandangan residivis wanita sering menghadapi kesukaran mendapatkan perumahan yang stabil atau bantuan pemulihan kerana rekod jenayah mereka, yang menjadi alasan untuk mereka terus dipinggirkan oleh masyarakat (Mabhala, Yohannes, & Griffith, 2017; Bullock et al., 2020).

Kajian ini penting untuk mengisi jurang pengetahuan dalam bidang gender dan pembangunan dengan menekankan keperluan untuk memahami pengalaman

diskriminasi gender yang dihadapi oleh gelandangan residivis wanita. Dengan menggunakan pendekatan yang inklusif dan sensitif-gender, kajian ini dapat mencadangkan strategi yang lebih efektif untuk mengatasi diskriminasi ini, seperti memperkenalkan dasar yang memberi tumpuan kepada pemeraksanaan ekonomi, pendidikan, dan sokongan sosial bagi golongan ini. Penyelidikan ini juga berpotensi menyumbang kepada pengembangan polisi awam yang lebih adil dan inklusif dalam menangani isu kemiskinan feminisme secara holistik. Hal ini adalah penting untuk memastikan bahawa golongan gelandangan residivis wanita dapat keluar dari kitaran kemiskinan dan mencapai kesejahteraan yang lebih baik dalam kehidupan mereka.

1.4 Persoalan Kajian

Kajian ini dipandu oleh dua persoalan kajian:

1. Bagaimanakah gelandangan residivis wanita mentafsirkan pengalaman kemiskinan feminisme yang dihadapi mereka?
2. Apakah bentuk diskriminasi gender yang dihadapi gelandangan residivis wanita sepanjang berada di jalanan?

1.5 Objektif Kajian

Secara umumnya, objektif khusus kajian ini terbahagi kepada dua iaitu:

1. Meneroka pengalaman kemiskinan feminisme dalam kalangan gelandangan residivis wanita sepanjang hidup bergelandangan.
2. Memahami bentuk diskriminasi gender yang dihadapi gelandangan residivis wanita sepanjang hidup di jalanan.

1.6 Skop Kajian

Kajian ini menumpukan kepada aspek pengalaman kemiskinan feminisme dan diskriminasi gender yang dihadapi oleh gelandangan residivis wanita semasa berada di jalanan. Skop kajian menumpukan kepada bagaimana kedua-dua isu ini saling berinteraksi dalam meningkatkan pengalaman sukar mereka sepanjang menjadi gelandangan. Pendekatan kualitatif digunakan, dengan pengumpulan data melalui temu bual mendalam bersama lapan orang informan gelandangan residivis wanita. Penerokaan ini bertujuan untuk memahami pengalaman peribadi golongan tersebut, termasuk isu ketidakseimbangan kuasa gender, stigma sosial, dan diskriminasi yang mereka hadapi. Kajian ini berasaskan Teori Feminist Standpoint, yang menekankan kepentingan pengalaman wanita terpinggir dalam mendedahkan struktur kuasa yang menindas mereka, serta Teori Interseksionaliti, yang menjelaskan kesalinghubungan pelbagai bentuk diskriminasi yang mempengaruhi kehidupan gelandangan residivis wanita. Melalui penerokaan ini, kajian ini berhasrat untuk meningkatkan kesedaran mengenai isu-isu tersebut, menyumbang kepada keadilan sosial, dan menyediakan asas untuk merangka dasar yang lebih inklusif dalam menangani kemiskinan feminisme serta diskriminasi gender secara lebih berkesan.

1.7 Kepentingan Kajian

Kajian ini diharapkan dapat memberi nilai tambah kepada ilmu pengetahuan berkaitan kehidupan gelandangan residivis wanita dari segi pengalaman kemiskinan feminisme dan diskriminasi gender. Kepentingan kajian ini boleh dihuraikan daripada aspek mikro, makro dan mezzo.

1.7.1 Peringkat Mikro

Di peringkat mikro, kajian ini dilihat berupaya merekodkan pengalaman gelandangan residivis wanita dari segi pengalaman kemiskinan feminisme dan diskriminasi gender sekaligus mengisi kelompangan yang wujud terhadap golongan ini sebagai subjek kajian. Hasil kajian dijangka dapat membantu gelandangan residivis wanita agar mampu mengeluarkan diri dari kehidupan di jalanan dan membantu mereka berubah menjadi insan yang produktif di dalam kehidupan berkomuniti. Dapatan kajian boleh membantu dalam pembentukan program pekhidmatan yang bertujuan untuk memenuhi keperluan khusus dan kriminogenik memandangkan gelandangan residivis wanita merupakan golongan yang hidup dalam keadaan keperluan asas yang defisit.

1.7.2 Peringkat Makro

Di peringkat Makro, dapatan kajian ini dijangka dapat dimanfaatkan oleh agensi kerajaan yang mengendalikan gelandangan seperti Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM), Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) dan Jabatan Penjara Malaysia . Dapatan kajian dapat dimanfaatkan untuk merangka program baharu dan penambahbaikan dalam program pemulihan sedia ada di penjara atau pusat koreksional yang mengambil bahagian. Hal ini bagi memastikan institusi pemulihan dan penjara berupaya menawarkan program pemulihan yang bersesuaian dalam memastikan gelandangan residivis wanita terus pulih ketika proses peralihan dan diterima sepenuhnya oleh masyarakat.

1.7.3 Peringkat Mezzo

Di peringkat mezzo pula, kajian ini dijangka dapat memberi sumbangan yang signifikan kepada bidang ilmu gender dan pembangunan. Seterusnya, kepada pihak pembuat dasar; khususnya yang berkaitan dengan keadilan jenayah dan pemulihan jenayah boleh menjadi data asas yang konkrit dalam merangka, menggubal dan melaksanakan program pemulihan berbentuk sensitif-gender yang bersesuaian. Ia dijangka dapat membantu Jabatan Penjara Malaysia memperkenalkan program yang dijangka mampu menjadikan gelandangan residivis wanita dapat pulih dan menjadi warga yang produktif dan patuh undang-undang. Secara keseluruhan, pengkaji berharap kajian ini dapat membantu membawa kepada perkembangan ilmu di dalam bidang gender dan pembangunan menerusi cadangan pelaksanaan intervensi pemulihan yang lebih baik kepada gelandangan residivis wanita yang dibebaskan dari penjara.

1.8 Definisi Konseptual dan Operasional

Terdapat tiga (3) terminologi yang digunapakai dalam kajian ini; (i) gelandangan residivis wanita, (ii) kemiskinan feminisme dan (iii) diskriminasi gender. Berikut adalah definisi konseptual dan operasional bagi ketiga-tiga terminologi:

1.8.1 Gelandangan Residivis Wanita

i. Konseptual:

Terdapat tiga konsep utama yang mendasari konsep gelandangan residivis wanita iaitu gelandangan, residivis dan wanita.

a) Gelandangan

Di Malaysia, kumpulan gelandangan dikategorikan sebagai orang papa di bawah Akta Orang Papa 1977 (AKTA 183). Perbincangan gelandangan berkait rapat dengan Akta Orang Papa 1977 (AKTA 183). Definisi gelandangan yang kukuh adalah asas yang diperlukan untuk menghasilkan statistik yang tepat dari segi ukuran dan ciri-ciri populasi gelandangan bagi pembuat dasar (Amore et al., 2011). Definisi gelandangan sangat berbeza di seluruh dunia dan hanya sedikit yang mempunyai asas konseptual. Definisi yang ditakrif oleh agensi kerajaan yang bertanggungjawab untuk menangani gelandangan cenderung untuk meminimumkan populasi dan menumpukan perhatian kepada kumpulan sasar yang dapat diberi tumpuan secara terbuka (Amore et al., 2011). Secara amnya, gelandangan merujuk kepada orang yang menghadapi ketiadaan tempat tinggal yang selamat yang diperlukan untuk berehat dan berhubung dengan orang dan tempat.

b) Residivis

Residivis merujuk kepada pengulangan jenayah. Secara umumnya ia berasal dari perkataan *recidivisme* yang membawa maksud tindakan seseorang mengulangi tingkah laku yang tidak diinginkan setelah mereka mengalami akibat negatif dari tingkah laku itu (Henslin, 2008). Pada tahap yang paling asas, residivisme dapat didefinisikan sebagai kembalinya seseorang itu kepada tingkah laku jenayah setelah dia disabitkan atas kesalahan sebelumnya, dihukum, dan (mungkin) diperbetulkan (Maltz, 1984). Antaranya faktor pengulangan jenayah adalah seperti mempunyai penyakit mental (Fazel et al., 2014; Tsai et al., 2017), penyakit kronik (Chandola & Conibere, 2015), pengangguran (Lockwood et al., 2012; Mears & Mestre, 2012), ketiadaan latarbelakang pendidikan yang baik, sejarah trauma atau pengabaian, pergantungan

kepada dadah dan, sentiasa berada dalam kehidupan miskin yang kronik (Nooe & Patterson, 2010).

c) Wanita

Wanita merujuk kepada manusia yang berjantina perempuan pada peringkat dewasa (Mosby, 2009; Venes, 2017). Wanita seperti yang didefinisikan dalam *Kamus Dewan* (2007) adalah suatu ungkapan yang bermaksud “berlawanan dengan lelaki”.

ii. **Definisi Operasional:**

Dalam kajian ini, secara operasionalnya, gelandangan residivis wanita merujuk kepada pengulanglaku jenayah dalam kalangan wanita yang berterusan melakukan kesalahan atau jenayah dan berakhir hidup sebagai gelandangan. Gelandangan residivis wanita merupakan subjek kajian yang dikaji. Mereka adalah dari kalangan yang hidup di dalam komuniti yang berterusan gagal berintegrasi semula disebabkan oleh kemiskinan yang menghimpit diri. Kajian ini melibatkan gelandangan residivis wanita yang bertumpu di sekitar Kuala Lumpur, hidup di jalanan, tidak mempunyai penempatan yang stabil, mempunyai rekod jenayah berulang dan merupakan warganegara Malaysia,

1.8.2 Kemiskinan Feminisme

i **Definisi Konseptual:**

Istilah "kemiskinan feminisme" mula digunapakai di Amerika Syarikat pada sekitar akhir tahun 1970-an. Isi rumah yang diketuai oleh wanita ini telah menunjukkan suatu bentuk corak ketidaksamaan ekonomi yang telah membuatkan seorang Ahli Sosiologi Amerika bernama Diana Pearce telah mengilhamkan idea berkenaan konsep

kemiskinan feminisme. Beliau melaporkan tentang corak ketidaksamaan ekonomi yang tidak seimbang dalam kalangan populasi individu berpendapatan rendah di Amerika Syarikat dan di seluruh dunia (Christensen, 2019). Hasil kajian Pearce (1978) telah mendapati berlakunya peningkatan kemiskinan dari sudut pendapatan terutama dalam kalangan isirumah yang diketuai oleh wanita Afro Amerika.

Istilah ini tercipta apabila didapati jenis struktur keluarga yang pesat berkembang adalah dari kalangan isi rumah yang diketuai oleh wanita (Pearce, 1978). Konsep ini memberi tumpuan kepada corak gender dalam evolusi kadar kemiskinan di Amerika Syarikat antara awal 1950-an dan pertengahan 1970-an (Pearce, 1978). Ia pada mulanya digunakan untuk menunjukkan peningkatan wanita dalam kalangan orang miskin dan peningkatan isi rumah diketuai wanita dalam kalangan isi rumah miskin. Pearce telah membincangkan secara meluas mengenai kemiskinan wanita dan ketidaksamaan ekonomi di hadapan Kongres A.S. dan *President's Working Group on Welfare Reform*. Idea kemiskinan feminisme walaupun telah bermula sejak 1970-an tetapi ia hanya mula popular sekitar tahun 1990-an menerusi penghasilan dokumen Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu.

ii Definisi Operational:

Dalam kajian ini, kemiskinan feminisme merujuk kepada peristiwa dan insiden hidup yang dilalui oleh gelandangan residivis wanita dari sudut keadaan hidupnya. Kemiskinan feminisme merujuk kepada suatu konsep yang menggambarkan hubungan antara kemiskinan dan ketidaksamaan gender, di mana kemiskinan dialami secara tidak seimbang oleh golongan wanita akibat struktur sosial, ekonomi, dan budaya yang mendiskriminasi mereka.

1.8.3 Diskriminasi Gender

i. Definisi Konseptual:

Diskriminasi gender boleh terjadi akibat daripada tindakan memberi layanan yang tidak sama rata berdasarkan faktor gender seseorang tersebut. Diskriminasi juga boleh berlaku kepada sesiapa sahaja sama ada secara langsung atau tidak langsung. Amnesty International (2021) menegaskan bahawa diskriminasi biasanya dilihat sebagai penghinaan kepada maruah manusia iaitu nilai teras yang menjadi asas kepada semua hak asasi manusia. Diskriminasi gender merujuk kepada layanan yang tidak sama rata atau tidak menguntungkan individu berdasarkan gender mereka, yang membawa kepada ketaksamaan dalam pelbagai bidang seperti pekerjaan, pendidikan dan amalan sosial. (United Nations, 2023). Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu menekankan bahawa diskriminasi gender boleh berlaku kerana jantina atau identiti gender seseorang yang menjejaskan akses mereka kepada peluang dan sumber (United Nations, 2023).

ii. Definisi Operasional:

Dalam kajian ini, diskriminasi gender yang merujuk kepada layanan buruk yang diterima oleh gelandangan residivis wanita sepanjang berada di jalanan. Hal ini boleh menjadi ketidakadilan dalam pengambilan pekerjaan, kegagalan dalam mendapatkan tempat tinggal, layanan buruk dalam mendapatkan akses kepada kesihatan, penganiayaan fizikal dan keganasan seksual disebabkan oleh gender sebagai wanita. Diskriminasi gender merujuk kepada perlakuan yang tidak adil, layanan yang berat sebelah, atau penindasan terhadap seseorang berdasarkan jantina atau identiti gender mereka. Diskriminasi ini sering berpunca daripada stereotaip gender, norma sosial, dan sistem patriarki yang mengutamakan satu jantina berbanding yang lain. Ia boleh

berlaku dalam pelbagai aspek kehidupan, termasuk pekerjaan, pendidikan, politik, undang-undang, dan kehidupan sosial

1.9 Kesimpulan

Secara kesimpulan kajian ini memfokuskan kepada dua aspek utama dalam kajian gender dan pembangunan iaitu kemiskinan feminisme dan diskriminasi gender. Antara lain, bab ini membincangkan tentang latarbelakang dan permasalahan kajian yang menumpukan kepada isu pengalaman kemiskinan feminisme dan diskriminasi gender yang dihadapi dan oleh gelandangan residivis wanita yang mana masih kurang diberi perhatian oleh pengkaji tempatan. Bab seterusnya akan membawa kepada perbincangan kajian lepas yang mengenegahkan kajian dan isu gelandangan residivis wanita dari konteks kajian lepas dari dalam dan luar negara. Kerangka teoretikal yang mendasari keseluruhan kajian akan turut dibincangkan.

BAB 2

SOROTAN LITERATUR

2.1 Pengenalan

Bab ini, menyorot kajian terdahulu berkaitan pengalaman kemiskinan feminisme dan diskriminasi gender dalam kalangan gelandangan residivis wanita sepanjang berada dalam kehidupan berkomuniti. Bab dimulakan dengan perbincangan tentang kehidupan gelandangan residivis wanita sebagai komuniti rentan. Seterusnya, tumpuan diberikan kepada penjelasan tentang kesukaran hidup di jalanan, faktor bergelandangan serta faktor penglibatan dalam aktiviti pengulangan jenayah. Kajian tentang gelandangan residivis wanita sebagai subjek perbincangan merupakan suatu yang sangat baharu di dalam konteks tempatan. Oleh itu, kajian lepas yang dibincangkan lebih tertumpu kepada kajian yang telah dilaksanakan oleh pengkaji di luar negara. Memandangkan skop kajian gelandangan residivis wanita masih kurang meluas, sorotan kajian lepas turut meninjau kajian lain yang berkaitan, antaranya yang menggunakan sampel kajian seperti bekas banduan, penagih dadah, gelandangan dan residivis. Bab ini turut membincangkan Teori *Feminist Standpoint* dan Teori Interseksionaliti sebagai kerangka teoritikal kajian dan diakhiri dengan kesimpulan kajian.

2.2 Gelandangan Residivis Wanita Sebagai Komuniti Rentan di Jalanan

Komuniti rentan secara umumnya merujuk kepada kumpulan individu yang mengalami sekatan atau penafian terhadap akses penuh kepada hak, peluang, dan sumber yang seharusnya tersedia untuk semua lapisan masyarakat (Robo, 2014). Peace (2001) dan Walsh (2006) menegaskan bahawa kumpulan ini menghadapi

pelbagai cabaran termasuk kemiskinan, diskriminasi, keganasan, bencana alam, masalah kesihatan, serta ketidaktentuan sosial dan ekonomi. Dalam konteks ini, bekas banduan, gelandangan, penagih dadah, ibu tunggal, orang kurang upaya, dan orang asli adalah antara kumpulan yang sering tergolong dalam kategori komuniti rentan.

Gelandangan, sebagai salah satu segmen komuniti rentan, sering dianggap sebagai populasi yang sukar ditangani dalam pelbagai konteks negara (Ramli & Dawood, 2017). Faktor seperti pengabaian keluarga, pengangguran, ketagihan dadah, dan diskriminasi sosial sering menjadi punca utama kemiskinan dan kerentanan mereka (Biscotto et al., 2016; Paul & Moser, 2009). Drani (2016) mendefinisikan gelandangan sebagai individu yang hidup di luar norma sosial, tidak mempunyai tempat tinggal tetap, tidak bekerja, dan sering berpindah ke lokasi sementara. Tingkah laku mereka, seperti tidur di koridor, meminta sedekah, dan membawa barang-barang peribadi ke mana-mana, mencerminkan tahap kebergantungan mereka kepada ehsan masyarakat.

Fleury et al. (2021) pula memberikan definisi yang lebih menyeluruh dengan menekankan aspek kekurangan akses kepada perumahan yang sesuai, termasuk dari segi keselamatan, persekitaran fizikal, dan keadaan sosial. Namun, di Malaysia, tiada takrifan rasmi bagi gelandangan. Alhabshi dan Manan (2012) menjelaskan bahawa istilah ini dipinjam daripada Indonesia, di mana ia merujuk kepada individu yang “sentiasa bergerak.” Perspektif ini mencerminkan pandangan sosial yang lebih luas, di mana gelandangan sering dilihat sebagai bukan sahaja miskin, tetapi juga terpinggir dalam masyarakat.

Selain itu, Adib, Hussin, dan Ahmad (2016) mengklasifikasikan gelandangan kepada pelbagai kumpulan seperti lelaki, wanita, kanak-kanak, dan keluarga. Walaupun masyarakat sering mengaitkan gelandangan dengan golongan lelaki, namun wanita juga didapati menjadi sebahagian daripada populasi ini. Isu gelandangan wanita sering mendapat perhatian yang lebih rendah Gaetz et al. (2013) menggambarkan gelandangan wanita sebagai "tidak kelihatan" kerana mereka sering mengelak daripada dilihat hidup di jalanan akibat kebimbangan terhadap keganasan dan bahaya persekitaran. Dalam banyak kes, mereka memilih strategi seperti tinggal bersama rakan atau keluarga, atau bergantung kepada lelaki untuk mengelakkan hidup di jalanan atau di rumah perlindungan. Richards et al. (2010) turut mengaitkan gelandangan wanita dengan masalah ekonomi, konflik keluarga, serta risiko menjadi mangsa. Faktor-faktor ini menyumbang kepada peningkatan jumlah gelandangan wanita di jalanan. Bretherton (2020) turut menambah bahawa walaupun gelandangan wanita bukanlah fenomena baharu, tempoh mereka mengalami gelandangan sering berbeza, dengan sesetengahnya menghadapi trajektori yang lebih panjang. Keadaan ini menuntut keperluan kajian terperinci terhadap komuniti ini agar strategi pemerkasaan dan bantuan yang lebih holistik dapat dilaksanakan.

2.2.1 Kesukaran Hidup Sebagai Gelandangan Residivis Wanita di Jalanan

Gelandangan residivis wanita tergolong dalam komuniti rentan yang berhadapan dengan pelbagai cabaran bersilang sepanjang kehidupan mereka di jalanan. Wanita dalam kategori ini bukan sahaja mempunyai sejarah pemenjaraan, tetapi juga kini terjerumus ke dalam kehidupan sebagai gelandangan, yang memperlihatkan dinamik kompleks antara isu sosial, ekonomi, dan gender (Huebner, DeJong, 2010; Page & Nooe, 2002). Faktor-faktor seperti situasi sosioekonomi yang tidak stabil, penafian

hak, masalah kesihatan, identiti gender serta perkauman berfungsi sebagai pemangkin kepada kerentanan mereka (Barros et al., 2022). Keadaan ini mengesahkan bahawa gender memainkan peranan penting dalam menentukan proses integrasi semula mereka selepas setiap kali dibebaskan daripada penjara.

Phipps et al. (2019) menegaskan bahawa wanita membentuk segmen populasi yang semakin meningkat dalam isu gelandangan dan mempunyai keperluan yang berbeza berbanding lelaki. Keperluan ini melibatkan identifikasi risiko yang mendorong mereka kepada gelandangan. Kajian Jones et al. (2009) menunjukkan bahawa kemiskinan dan gelandangan berkait rapat dengan peningkatan risiko penyakit kardiovaskular, morbiditi, dan kematian. Oleh itu, penyelesaian jangka panjang diperlukan bagi memastikan akses kepada penjagaan kesihatan yang mencukupi untuk golongan berpendapatan rendah dan gelandangan (Gebreyesus et al., 2019). Burlingham et al. (2010) pula menekankan bahawa ketiadaan rumah sering bermula sejak usia muda, menyebabkan mereka terus terjebak dalam kehidupan jalanan sehingga dewasa.

Kajian lain mengesahkan pelbagai cabaran tambahan yang dihadapi gelandangan wanita. Sebagai contoh, Cronley et al. (2020) mendapati bahawa gelandangan wanita sering hidup tanpa sokongan keluarga atau rakan, berada dalam kemiskinan yang melampau, mengalami ketagihan dadah, hubungan pasangan yang kronik, serta trauma daripada penderaan sewaktu kecil. Gonyea dan O'Donnell (2022) pula menambah bahawa gelandangan wanita yang berusia menghadapi cabaran yang lebih kompleks, termasuk kemerosotan kesihatan, rasa tidak selamat, dan keyakinan diri

yang rendah. Bagi wanita mengandung, cabaran ini diperburuk oleh keganasan domestik, seperti yang dilaporkan oleh Santos et al. (2021).

Biederman dan Nichols (2014) serta Cameron et al. (2016) turut mendedahkan bahawa gelandangan wanita sering mengalami diskriminasi dalam mengakses perumahan, peluang pekerjaan, pendidikan, dan perkhidmatan sokongan. Kajian mereka juga menunjukkan bahawa layanan buruk daripada penyedia perkhidmatan menyumbang kepada masalah kepercayaan, seterusnya meningkatkan risiko kehilangan tempat tinggal. Selain itu, ramai gelandangan residivis wanita telah mengalami trauma yang ketara, termasuk penderaan, keganasan, ketagihan dadah, dan kesukaran mendapatkan kerakyatan (Leibovits, 2020). Thomas dan Menih (2022) menegaskan bahawa stigma, penyakit mental dan fizikal, serta penggunaan dadah telah memperburuk situasi ini.

Dalam konteks negara berkecambah moden, Vamstad, Mattsson, dan Klarare (2022) menekankan bahawa gelandangan wanita merupakan indikator jelas kegagalan akses kepada hak kebajikan asas. Oleh itu, usaha untuk menangani cabaran bersilang ini adalah kritikal bagi memecahkan kitaran residivisme dan gelandangan serta mempromosikan integrasi semula mereka ke dalam masyarakat (Dickins et al., 2021). Usaha ini juga penting bagi memastikan kesejahteraan dan kestabilan gelandangan wanita secara keseluruhan.

2.2.2 Faktor Bergelandangan dalam Kalangan Wanita

Isu gelandangan sering kali berkait rapat dengan keadaan sosial dan ekonomi yang tidak stabil, yang menjadi punca utama kepada masalah ini (Mabhala et al., 2017). Dalam konteks gelandangan residivis wanita, pelbagai faktor seperti ketidakpastian

ekonomi, kekurangan perumahan mampu milik, dan diskriminasi berdasarkan rekod jenayah semakin memburukkan keadaan mereka (Baptista, 2010; Jasni et al., 2021). Kajian Milaney et al. (2020) memberikan tumpuan kepada pengalaman gelandangan wanita yang sering menjalani kehidupan tersembunyi di jalanan. Penemuan kajian tersebut menegaskan bahawa faktor seperti kekurangan pilihan perumahan stabil dan akses terhad kepada program perumahan menyumbang kepada masalah kehilangan tempat tinggal. Wanita ini menghadapi halangan penyewaan seperti keperluan sejarah penyewaan dan diskriminasi terhadap rekod jenayah, yang menyulitkan mereka mendapatkan perumahan (Phipps et al., 2019).

Menurut kajian Menih (2020), gelandangan wanita sering menggunakan strategi seperti berpindah-randah dan mendiami bangunan kosong untuk mengurangkan risiko di jalanan. Namun, risiko ini bertambah buruk apabila faktor gender turut mempengaruhi kerentanan mereka. Sebagai contoh, kehilangan tempat tinggal sering kali memberi kesan mendalam kepada ibu tunggal berpendapatan rendah yang memanjangkan kemiskinan merentasi generasi (Saaristo, 2023). Dalam kalangan warga emas pula, gelandangan sering berpunca daripada pengabaian oleh ahli keluarga seperti pasangan dan anak-anak (Nor, 2022).

Hubungan sosial yang rapuh atau terputus selepas dipenjara turut meningkatkan risiko gelandangan residivis wanita. Kekurangan sokongan sosial menyebabkan mereka sukar mencari tempat berlindung atau bergantung kepada rangkaian peribadi untuk bantuan (Hwang et al., 2009; Kneck et al., 2022). Walaupun keluarga boleh menjadi sumber sokongan, kajian Pampel dan Stegmaier (2020) menunjukkan bahawa hubungan keluarga yang tidak stabil boleh menambah beban sedia ada, menjadikan

sokongan ini kurang berkesan. Dari sudut ekonomi, proses mendapatkan pekerjaan stabil adalah cabaran besar bagi gelandangan residivis wanita. Faktor seperti jurang dalam sejarah pekerjaan (Jasinski et al., 2010), kekurangan pendidikan atau latihan, dan stigma terhadap rekod jenayah menghalang mereka mendapatkan pekerjaan yang konsisten, seterusnya mengurangkan peluang mereka untuk memperoleh perumahan (Zhao, 2023). Ketidakstabilan ini bukan sahaja meningkatkan risiko kehilangan tempat tinggal, malah memperlihatkan ketidakupayaan sistem untuk menyokong pemulihan mereka secara holistik (Bretherton, 2020).

Masalah kesihatan mental dan penyalahgunaan dadah juga memainkan peranan signifikan dalam meningkatkan kerentanan gelandangan residivis wanita (Broner, Lattimore & Steffey, 2010). Kajian Anombem et al. (2023) serta Bowpitt et al. (2011) menunjukkan bahawa kesihatan mental adalah faktor utama dalam masalah gelandangan, mengatasi faktor ekonomi. Selain itu, kajian Bowpitt et al. (2011) menekankan dominasi lelaki dalam populasi gelandangan tunggal, manakala wanita sering terpinggir walaupun mengetuai isi rumah dengan anak tanggungan. Tanpa akses kepada rawatan yang mencukupi, mereka berhadapan cabaran besar untuk mengekalkan perumahan dan membina semula kehidupan (Bretherton & Pleace, 2018).

Kneck et al. (2022) melaporkan bahawa individu gelandangan kerap mengalami kesihatan fizikal dan mental yang lemah serta pengecualian sosial yang meningkatkan risiko kesunyian dan marginalisasi. Warburton, Papic, dan Whittaker (2022) menambah bahawa kesunyian dalam kalangan gelandangan wanita sering membawa kepada penyalahgunaan dadah. Dalam konteks ini, penggunaan telefon bimbit

menjadi alat penting bagi mereka untuk mengekalkan hubungan sosial dan melawan peminggiran (Williams, Faith & Waldman, 2024). Selain itu, kekurangan program dan sumber responsif gender turut memperburuk keadaan gelandangan residivis wanita. Halangan undang-undang, seperti sekatan terhadap faedah awam dan akses terhadap perumahan awam, menghalang mereka daripada mencari kestabilan selepas dibebaskan. O'Regan et al. (2021) menyatakan bahawa gelandangan adalah pengalaman traumatik yang memberi kesan besar terhadap hubungan, kesihatan, pekerjaan, dan pendidikan. Lebih mencabar, cabaran dalam menavigasi proses integrasi semula, termasuk syarat parol dan percubaan, turut menyumbang kepada risiko kehilangan tempat tinggal dalam kalangan gelandangan residivis wanita.

2.2.3 Penglibatan Gelandangan Residivis Wanita dalam Pengulangan Jenayah

Dalam beberapa dekad terakhir, jumlah wanita dalam sistem keadilan jenayah telah meningkat secara signifikan, mencerminkan perubahan dalam dinamik populasi penjara di seluruh dunia (Gorbănescu, 2013; Javdani et al., 2011). Walaupun demikian, penyelidikan empirik dalam sistem keadilan jenayah masih cenderung memfokuskan kepada banduan lelaki, sedangkan wanita kini merupakan salah satu segmen populasi penjara yang semakin berkembang pesat (Greiner et al., 2015; Public Safety Canada, 2012). Peningkatan ini menuntut perhatian khusus terhadap isu gelandangan residivis wanita, yang sering terpinggir dalam wacana akademik dan dasar. Penglibatan gelandangan residivis wanita dalam pengulangan jenayah (residivisme) (Morash et al., 2017) didorong oleh pelbagai faktor, termasuk pengalaman kehilangan tempat tinggal serta kesukaran mereka mengakses sokongan dan sumber (Alper, Durose, & Markman, 2018; Tegeng & Abadi, 2018).

Kehidupan di jalanan secara langsung meningkatkan risiko residivisme dalam kalangan wanita dengan sejarah pemenjaraan, memperlihatkan hubungan kompleks antara kehilangan tempat tinggal, kekurangan sokongan sosial, dan tingkah laku jenayah (Urby, 2019). Keadaan ini mewujudkan kitaran yang sukar diputuskan, di mana gelandangan residivis wanita sering kali tersekat dalam sistem keadilan jenayah. Mereka ditangkap, didakwa, dan dipenjarakan berulang kali selepas setiap pembebasan. Proses pemenjaraan itu sendiri bersifat traumatik dan sering memburukkan masalah kesihatan mental mereka (Glaze & Kaeble, 2014). Selepas dibebaskan, ketiadaan sistem sokongan yang mencukupi menyebabkan mereka terus berada dalam situasi kritikal.

Kajian Biederman, Nichols, dan Lindsey (2013) menekankan bahawa gelandangan wanita menghadapi kesukaran yang signifikan dalam mendapatkan bantuan perkhidmatan. Mereka sering kali berhadapan pengalaman negatif semasa berinteraksi dengan penyedia perkhidmatan, yang seterusnya melemahkan keupayaan mereka untuk memanfaatkan sumber yang ada (Biederman et al., 2013). Tanpa sokongan dan sumber yang memadai, gelandangan residivis wanita mengalami kesukaran untuk menangani isu kesihatan mental mereka, yang pada akhirnya menyumbang kepada kehilangan tempat tinggal yang berterusan. Keadaan ini juga menghalang mereka daripada mencapai kestabilan perumahan yang diperlukan untuk memulihkan kehidupan mereka (Anombem et al., 2023; Esen, 2017). Oleh itu, pendekatan yang lebih holistik dan responsif gender diperlukan untuk menangani cabaran ini, termasuk menyediakan akses yang lebih baik kepada perumahan, sokongan mental, dan sumber ekonomi untuk memecahkan kitaran gelandangan dan residivisme.

2.2.3.1 Ketiadaan Tempat Tinggal

Faktor risiko utama kepada penglibatan dalam aktiviti jenayah dalam kalangan gelandangan termasuk ketiadaan tempat tinggal yang berpanjangan, penyalahgunaan dadah, dan penyakit mental yang serius, tanpa mengira gender (García-Andrade et al., 2018). Ketiadaan perumahan yang stabil mencetuskan cabaran untuk memenuhi keperluan asas, mengekalkan pekerjaan, mengakses penjagaan kesihatan, serta membina komuniti sokongan. Akibatnya, individu yang tidak berumah cenderung kembali kepada tingkah laku jenayah atau terjebak dalam situasi yang membawa kepada penahanan semula (Murphy, 2016; Tripodi et al., 2019).

Dalam konteks gelandangan residivis wanita, kekurangan akses kepada perkhidmatan integrasi semula yang menyeluruh selepas pembebasan daripada penjara menjadi penghalang besar kepada pemulihan mereka (Brennan et al., 2012; Grella & Rodriguez, 2011). Perkhidmatan kritikal seperti bantuan perumahan, peluang pekerjaan, rawatan penyalahgunaan dadah, dan program kesihatan mental sering tidak mencukupi atau tidak dapat diakses oleh golongan ini (Broidy, Payne, & Piquero, 2018). Selain itu, kekurangan peluang pendidikan dan hubungan dengan perkhidmatan sosial memperburuk keadaan mereka. Ketiadaan sistem sokongan berstruktur seperti perumahan sokongan meningkatkan risiko kitaran tingkah laku jenayah dan gelandangan berulang. Perumahan sokongan bukan sahaja menyediakan tempat tinggal yang stabil tetapi juga bertindak sebagai asas untuk akses kepada perkhidmatan lain, seperti rawatan kesihatan mental dan peluang pekerjaan. Tanpa sokongan ini, gelandangan residivis wanita menghadapi cabaran besar dalam mencapai integrasi semula yang berjaya ke dalam masyarakat (Sawyer, 2019; Trotter et al., 2015).

Keadaan ini menunjukkan bahawa pemulihan dan integrasi semula memerlukan pendekatan holistik yang mengiktiraf kepentingan kestabilan perumahan sebagai komponen utama dalam menangani kitaran gelandangan dan residivisme. Usaha strategik perlu difokuskan pada membangunkan perkhidmatan integrasi semula yang responsif gender untuk memastikan gelandangan residivis wanita dapat memecahkan kitaran ini dan membina kehidupan yang lebih stabil.

2.2.3.2 Hubungan Keluarga yang Tegang

Gelandangan residivis wanita sering berhadapan dengan kekurangan rangkaian sosial yang menyokong, terutamanya selepas pembebasan daripada penjara. Hubungan yang renggang atau terputus dengan keluarga dan rakan semasa pemenjaraan menjadi faktor utama yang menghalang mereka membina kehidupan semula dalam komuniti. Kekurangan sokongan sosial ini menyukarkan mereka mencari perumahan yang stabil, sekali gus meningkatkan cabaran dalam proses pemulihan dan integrasi semula (Rattelade, 2016). Situasi ini memberi impak negatif yang signifikan terhadap kesihatan mental mereka, memperburuk keadaan apabila kembali ke masyarakat.

Bagi menangani keperluan khusus gelandangan residivis wanita, terdapat keperluan mendesak untuk menyediakan perkhidmatan sokongan yang responsif-gender. Perkhidmatan ini harus dirancang untuk mempromosikan keselamatan dan kesejahteraan mereka, termasuk menangani aspek sokongan emosi dan sosial yang kritikal (Cabrera et al., 2023). Kekurangan rangkaian sosial yang stabil bukan sahaja meningkatkan perasaan terasing tetapi juga menghalang mereka daripada mendapatkan sokongan emosi, sumber daya, dan peluang bantuan yang diperlukan untuk memulakan semula kehidupan (Winetrobe et al., 2017). Frazer dan Kroll (2022)

menekankan bahawa ketidaksamaan sosial dan kesihatan yang kompleks sering dialami oleh individu gelandangan, termasuk gelandangan residivis wanita. Ketiadaan sistem sokongan dari ahli keluarga, yang sepatutnya menjadi sumber utama bantuan, menyumbang kepada perasaan terasing yang mendalam. Akibatnya, mereka menghadapi kesukaran untuk mengemudi dan mengatasi cabaran hidup, menjadikan pemulihan mereka lebih sukar.

2.2.3.3 Pengangguran

Faktor risiko lain yang signifikan dalam kalangan gelandangan residivis wanita adalah masalah pengangguran. Pengangguran bukan sahaja menimbulkan cabaran ekonomi, tetapi juga memberi kesan psikologi seperti tekanan hidup, kekecewaan, dan stres (Paul & Moser, 2009; Weisz & Quinn, 2018). Kajian Kromydas et al. (2021) turut menyokong bahawa pengangguran sering dikaitkan dengan masalah kesihatan mental, di mana penjaan pendapatan dan kemiskinan memainkan peranan penting dalam menentukan kesejahteraan individu.

Dalam konteks gelandangan, pengangguran memperburuk keadaan mereka, meningkatkan risiko penglibatan dalam aktiviti jenayah akibat kemiskinan yang dihadapi (Diraditsile & Ontetse, 2017). Paul dan Moser (2009) juga menekankan bahawa pengangguran membawa kesan psikologi yang serius, termasuk tekanan dan stres yang berpanjangan. Kajian Jennings et al. (2015) menambah bahawa pengangguran dalam kalangan gelandangan bukan sahaja memberi kesan kepada emosi dan kesihatan fizikal mereka tetapi juga membawa implikasi ekonomi yang signifikan. Sebaliknya, kajian Sanders, Hoskins, dan Morash (2023) menegaskan bahawa peluang pekerjaan adalah penting untuk meningkatkan status kewangan dan

kestabilan hidup. Hal ini membuktikan bahawa kemiskinan memberi impak besar kepada kehidupan gelandangan residivis wanita, seperti yang ditegaskan oleh Zhao (2023).

Kekurangan akses kepada sumber kritikal seperti pekerjaan, pendidikan, dan perkhidmatan sokongan lain mengekalkan kelemahan golongan ini dan meningkatkan risiko mereka untuk kembali kepada aktiviti jenayah (Durose, Cooper, & Snyder, 2014). Honawar (2019) menunjukkan bahawa pesalah wanita sering mempunyai keperluan yang berbeza dan lebih kompleks berbanding lelaki, khususnya kerana peranan mereka sebagai penjaga utama dalam institusi keluarga. Cabaran ini diperburuk oleh kelemahan sistemik, berat sebelah gender, dan diskriminasi di pelbagai peringkat masyarakat. Oleh itu, terdapat keperluan untuk memperkenalkan pendekatan profesional dan holistik bagi menangani isu residivisme dalam kalangan gelandangan residivis wanita. Pendekatan ini harus merangkumi sokongan pekerjaan, intervensi ekonomi, dan perkhidmatan kesihatan mental yang responsif-gender, untuk membantu mereka membina semula kehidupan yang stabil dan bebas daripada kitaran jenayah dan gelandangan.

2.2.3.4 Pengaruh Rakan Sebaya

Pengaruh rakan sebaya yang negatif, penyalahgunaan dadah, dan keterlibatan dalam aktiviti jenayah menjadi halangan besar bagi gelandangan residivis wanita untuk melepaskan diri daripada kitaran berbahaya dan membuat perubahan positif dalam kehidupan mereka (Biscotto et al., 2016). Walaupun rakan sebaya dapat memainkan peranan sebagai pendorong motivasi positif, mereka juga boleh mengukuhkan tingkah laku negatif, khususnya dalam kalangan mereka yang hidup di persekitaran jalanan

yang tidak selamat dan tidak menyokong (Sleet & Francescutti, 2021). Hidup di jalanan mendedahkan wanita ini kepada risiko keganasan, eksploitasi, dan penganiayaan, yang bukan sahaja merosakkan kesejahteraan mereka tetapi juga memburukkan trauma yang dialami. Keadaan ini menyukarkan mereka untuk keluar daripada kitaran gelandangan dan residivisme (Borghi et al., 2023; Dickins et al., 2021).

Menurut Sleet dan Francescutti (2021), isu gelandangan adalah masalah kritikal di peringkat global, menjadikannya cabaran kesihatan awam dan alam sekitar yang mendesak. Trauma yang dialami dalam persekitaran sedemikian memperburuk kerentanan psikologi dan sosial, serta menghalang individu untuk mengatasi cabaran hidup. Brennan, Breitenbach, dan Dieterich (2010) menegaskan bahawa halangan sosial seperti stigma, diskriminasi, dan kekurangan akses kepada peluang pekerjaan boleh menghalang peluang pemulihan mereka, sekali gus menyumbang kepada kitaran gelandangan dan tingkah laku jenayah.

Kajian residivisme telah lama menjadi tumpuan penyelidikan dalam keadilan jenayah, dengan usaha untuk memahami ciri-ciri mereka yang mengulangi kesalahan, faktor-faktor yang meramalkan residivisme, dan tempoh masa individu kekal dalam komuniti sebelum kembali melanggar undang-undang. Penyelidikan jangka panjang yang dijalankan oleh Mastroilli et al. (2015) selama 15 tahun memberikan pandangan mendalam tentang faktor dan cabaran yang dihadapi oleh golongan residivis, termasuk wanita. Kajian ini menekankan kepentingan tempoh pemerhatian yang panjang dalam membina pemahaman yang lebih menyeluruh mengenai isu residivisme wanita.

Selain itu, kajian Tripodi et al. (2019) menekankan keperluan untuk memberikan sokongan kepada wanita yang dipenjarakan dalam menangani trauma sebelum mereka dibebaskan. Pendekatan ini merangkumi penilaian kemurungan serta penggunaan intervensi yang disokong secara empirik untuk merawat masalah mental yang mendasari. Intervensi sedemikian penting untuk memutuskan kitaran residivisme dengan membantu wanita ini membina daya tahan dan mendapatkan kembali kestabilan emosi.

2.2.3.5 Stigma dan Diskriminasi

Gelandangan residivis wanita sering menghadapi pelbagai lapisan stigma dan diskriminasi, berpunca daripada sejarah jenayah, status gelandangan, dan identiti gender mereka. Keadaan ini bukan sahaja membawa kepada peminggiran sosial tetapi juga menghadkan akses mereka kepada sumber dan peluang penting, sambil meningkatkan risiko penganiayaan (Cronley, Nahar, & Hohn, 2020). Hubungan saling berkaitan antara kitaran residivisme dan gelandangan memperburuk keadaan mereka, dengan satu faktor memperkuat yang lain (Phipps et al., 2019). Tanpa perumahan, pekerjaan, dan sistem sokongan yang stabil, gelandangan residivis wanita menghadapi cabaran besar untuk memutuskan kitaran ini dan berjaya menyatukan semula ke dalam masyarakat (Bretherton, 2020).

Stigma masyarakat terhadap rekod jenayah dan gelandangan mencetuskan diskriminasi yang meluas, mewujudkan persekitaran yang tidak inklusif dan menekan wanita ini daripada mendapatkan peluang yang adil (Vamstad et al., 2022). Cabaran ini memburukkan lagi keupayaan mereka untuk mengekalkan kestabilan, mendapatkan pekerjaan, dan menjauhkan diri daripada tingkah laku jenayah.

Akibatnya, risiko residivisme meningkat, menjadikan mereka lebih sukar untuk keluar daripada kitaran ini (Brennan, 2015; Mannerfelt & Håkansson, 2018).

Kajian O'Regan, Ellen, dan House (2021) menunjukkan bahawa menjadi gelandangan adalah pengalaman traumatik, bukan sahaja bagi individu tetapi juga keluarga yang terlibat. Trauma ini boleh membawa kepada gangguan dalam hubungan sosial, kesihatan, pekerjaan, dan pendidikan (Carlson, Shafer & Duffee, 2010). Persepsi masyarakat yang negatif dan diskriminasi menghalang akses wanita ini kepada peluang pekerjaan dan perumahan, serta mengurangkan sokongan komuniti (Bretherton & Pleace, 2018).

Stigma dan pengecualian sosial ini mengekalkan kitaran gelandangan dan residivisme, dengan banyak wanita melaporkan tahap kemurungan yang lebih tinggi akibat situasi ini (Gattis & Larson, 2016). Dalam persekitaran sosial yang tidak menyokong, gelandangan residivis wanita berdepan dengan cabaran untuk membina semula kehidupan mereka. Mereka yang mempunyai sejarah residivisme sering kali dipinggirkan oleh masyarakat kerana status gelandangan dan rekod jenayah mereka. Kajian menunjukkan bahawa diskriminasi ini bukan sahaja menjejaskan harga diri dan kesihatan mental tetapi juga menghalang mereka daripada berintegrasi semula ke dalam masyarakat (James, 2014; Morash et al., 2015).

2.2.3.6 Masalah Ketagihan Dadah

Gelandangan residivis wanita dengan sejarah residivisme menghadapi pelbagai cabaran yang saling berkaitan, termasuk penyalahgunaan dadah, masalah kesihatan mental, trauma, dan penglibatan dalam tingkah laku jenayah (Rodermond, 2018).

Kajian Edwards et al. (2019) menekankan bahawa meskipun lelaki mempunyai kadar jenayah dan pemenjaraan yang lebih tinggi, sedangkan wanita adalah segmen sistem keadilan jenayah yang paling pesat berkembang. Peningkatan bilangan wanita dalam sistem keadilan jenayah secara global menjadikan mereka subjek kajian yang semakin penting, terutamanya dalam konteks kadar pemenjaraan dan residivisme yang tinggi (Mowen et al., 2019).

Salah satu cabaran utama yang dihadapi oleh gelandangan residivis wanita ialah penyalahgunaan dadah, yang meningkatkan risiko tingkah laku jenayah dan memburukkan kualiti hidup mereka. Kajian O'Brien et al. (2015) menunjukkan bahawa gelandangan yang menggunakan dadah terlarang lima kali lebih berkemungkinan mengalami kualiti hidup subjektif yang rendah serta lebih kerap menggunakan perkhidmatan kesihatan. Selain itu, pesalah wanita cenderung melaporkan penggunaan dadah yang lebih berat, lebih banyak gejala psikiatri, dan kerap kali mempunyai pasangan yang juga terlibat dalam penyalahgunaan dadah (Mannerfelt & Håkansson, 2018). Kajian ini juga mendapati bahawa hubungan dengan pasangan yang terlibat dalam penyalahgunaan dadah sering dikaitkan dengan masalah jenayah berulang.

Walaupun terdapat beberapa persamaan, faktor risiko residivisme bagi lelaki dan wanita menunjukkan perbezaan yang ketara. Wanita cenderung menghadapi cabaran yang berkaitan dengan stigma sosial, kekurangan sokongan sosial, dan beban psikologi yang lebih berat, menjadikan mereka lebih rentan terhadap residivisme (Mannerfelt & Håkansson, 2018). Dalam kes gelandangan residivis wanita, kesukaran mengakses dokumen pengenalan diri, penjagaan kesihatan, pekerjaan yang stabil, dan

perumahan mampu milik merupakan penghalang utama kepada pemulihan mereka (Lockwood et al., 2012; Nicholls et al., 2015).

2.3 Fenomena Kemiskinan Feminisme dan Gelandangan Residivis Wanita

Istilah "kemiskinan feminisme" pertama kali diperkenalkan oleh Diane Pearce pada akhir tahun 1970-an untuk menjelaskan ketidaksamaan ekonomi yang menyaksikan wanita dan kanak-kanak secara tidak seimbang diwakili dalam populasi individu berpendapatan rendah di Amerika Syarikat (Pearce, 1978; Christensen, 2019). Pada masa itu, Pearce mendapati bahawa dua pertiga daripada populasi miskin dewasa adalah wanita, dan fenomena ini terus meningkat apabila menjelang tahun 1983, hampir separuh daripada semua keluarga miskin adalah keluarga yang diketuai oleh wanita (Pearce, 1984). Walaupun kadar kemiskinan global secara keseluruhan telah menurun berikutan peningkatan gaji dan kadar penyertaan wanita dalam tenaga buruh (Gaddis & Klasen, 2014), wanita dan kanak-kanak terus hidup di bawah paras kemiskinan akibat pelbagai faktor seperti ketidakseimbangan gender (Chavan, 2023), diskriminasi ekonomi, dan dasar kebajikan sosial yang tidak mencukupi (Boudet et al., 2018).

Di seluruh dunia, kemiskinan feminisme menunjukkan dinamika berbeza yang mencerminkan pengaruh budaya, struktur, dan sosio-ekonomi (Zahrawati, 2020). Di Amerika Syarikat, fenomena ini diperburuk oleh peningkatan keluarga ibu tunggal, gaji dan upah yang rendah, dan sokongan kebajikan yang tidak memadai (Gui-gui, 2010). Di India, ia dikaitkan dengan ketidakadilan gender dan pengasingan sosial, manakala di Zimbabwe, budaya tempatan menafikan wanita akses kepada peluang ekonomi yang sama (Visalakshmi et al., 2018; Masvotore & Tsara, 2023). Di Ghana,

fenomena ini berkait rapat dengan pendidikan rendah dalam kalangan wanita, berbanding lelaki berpendidikan tinggi yang juga terdedah kepada kemiskinan, yang dikenali sebagai “kemiskinan maskulinisasi” (Owusu-Afriyie & Nketiah-Amponsah, 2014). Walaupun terdapat variasi di antara negara, tema umum yang mengaitkan kemiskinan feminisme adalah ketidakseimbangan sosio-ekonomi yang berakar pada struktur budaya dan dasar kerajaan.

Kemiskinan feminisme tidak hanya terbatas pada dimensi ekonomi tetapi juga mencerminkan cabaran berlapis-lapis yang dihadapi wanita akibat diskriminasi gender (Carfinkel & McLanahari, 2019). Perspektif feminisme menekankan bahawa pengalaman kemiskinan wanita sering dibentuk oleh tanggungjawab keluarga, diskriminasi pekerjaan, dan pergantungan ekonomi kepada lelaki (Man-xiu & Cailong, 2015). Ketidaksamaan gender ini, apabila digabungkan dengan tuntutan ibu tunggal atau janda, meningkatkan kerentanan terhadap keganasan rumah tangga, eksploitasi seksual, dan kemiskinan yang meluas (Chant, 2016; Sharpe & Swanson, 2016). Sebagai contoh, di Sindh, Pakistan, wanita luar bandar menghadapi kemiskinan akibat kekurangan pendidikan dan peluang pekerjaan yang bergaji rendah (Panhwar, Tahir, & Tunio, 2021), manakala di India, feminisasi pertanian menambah beban fizikal kepada wanita dan menjejaskan kesejahteraan mereka (Pattnaik et al., 2018). Fenomena ini mencerminkan bagaimana faktor budaya dan struktur terus menjejaskan wanita daripada memecahkan kitaran kemiskinan.

Punca asas kemiskinan feminisme dapat dikategorikan kepada tiga dimensi utama: komposisi demografi, keadaan ekonomi, dan dasar kerajaan. Komposisi demografi seperti peningkatan ibu tunggal dan wanita tua tanpa sokongan keluarga

meningkatkan risiko kemiskinan (Stone, 2018). Dalam konteks ekonomi, pasaran buruh yang berat sebelah terhadap lelaki memberikan lebih banyak peluang kepada mereka berbanding wanita, manakala dasar kerajaan yang tidak progresif gagal menyediakan sistem keselamatan sosial yang kukuh untuk menyokong golongan wanita miskin (Melo, 2019). Ketidakseimbangan ini memperlihatkan kesalinghubungan antara diskriminasi gender dan kemiskinan, di mana wanita yang terpinggir, termasuk wanita pribumi, wanita kulit berwarna, dan wanita kurang upaya yang menghadapi beban kemiskinan yang lebih tinggi (Christensen, 2019).

Pengalaman kemiskinan feminisme bukan hanya melibatkan kekurangan harta tetapi juga kekurangan peluang dan diskriminasi gender. Gelandangan residivis wanita sering dilihat tidak mempunyai harta atau aset yang mencukupi untuk memenuhi keperluan hidup mereka, yang seterusnya memperburuk keadaan kemiskinan yang mereka alami (Christensen, 2019). Kehidupan mereka lebih tertumpu kepada memastikan kelangsungan hidup berbanding mengumpul harta yang menonjolkan bagaimana pengalaman kemiskinan feminisme menyumbang kepada ketidaksamaan sosial dan kekurangan akses kepada sumber penting seperti pendidikan dan pekerjaan (Baloch et al., 2018) sedangkan pekerjaan dapat membantu gelandangan residivis wanita dalam memastikan kestabilan kewangan yang lebih baik (Sanders et al., 2023).

Kajian menunjukkan bahawa pengalaman kemiskinan feminisme yang dihadapi oleh gelandangan residivis wanita mempunyai dimensi yang melibatkan aspek peluang ekonomi, kurang akses kepada sistem sokongan, gender stereotaip dan sebagainya (Fry et al., 2017). Wanita sering tidak diwakili secara adil dalam kalangan individu pendapatan rendah, yang menjadikannya lebih sukar untuk mereka keluar dari

kemiskinan (Chulu, 2015). Ketiadaan keluarga dan dukungan sosial, serta pengalaman diskriminasi akibat gender, turut menyumbang kepada situasi mereka (Escareno, 2012). Keadaan ini menekankan bagaimana pengalaman kemiskinan feminisme melibatkan pengagihan pendapatan yang tidak sama rata menyebabkan wanita terpaksa menghadapi tekanan yang lebih besar dan berpotensi terlibat dalam aktiviti jenayah sebagai cara untuk mengatasi kesulitan dan cabaran hidup di jalanan (Baloch et al., 2018).

Walaupun terdapat kemajuan dalam menangani kemiskinan global, data menunjukkan bahawa isu "kemiskinan feminisme" masih kekal sebagai cabaran utama (Lekobane, 2015). Ini adalah akibat dari kerumitan mengukur kemiskinan feminisme, yang terlalu subjektif dan mencabar untuk dinilai dengan kaedah tradisional (Chant, 2015). Wanita sering berhadapan dengan pengecualian sosial, akses terhad kepada pendidikan dan pekerjaan, serta ketiadaan sistem sokongan yang memadai, menjadikan mereka antara populasi yang paling rentan terhadap kemiskinan (Gökovalı & Danişman, 2010). Oleh itu, pemahaman terhadap isu ini memerlukan pendekatan holistik yang melibatkan pembaharuan dasar, sokongan ekonomi, dan perubahan struktur masyarakat.

2.3.1 Peranan Gender Tradisional Sebagai Wanita

Kemiskinan feminisme sering dikaitkan dengan peranan gender tradisional yang telah lama menjadi sebahagian daripada struktur sosial masyarakat. Norma-norma ini mencerminkan jangkaan terhadap peranan wanita, terutamanya dalam keluarga dan kehidupan domestik, yang membatasi peluang mereka di dunia pekerjaan dan sfera awam (Tabassum & Nayak, 2021). Peranan gender tradisional merujuk kepada jangkaan budaya dan sosial yang menetapkan tanggungjawab tertentu berdasarkan

gender. Misalnya, lelaki secara tradisional dianggap sebagai pencari nafkah utama, manakala wanita bertanggungjawab untuk tugas domestik seperti membesarkan anak-anak, mengurus rumah tangga, dan menyediakan makanan (Iida, 2023). Pandangan ini tidak hanya membatasi peluang wanita untuk mencapai pembangunan diri tetapi juga mengukuhkan ketidaksamaan gender yang menjadikannya lebih rentan kepada kemiskinan feminisme.

Kajian menunjukkan bahawa peranan gender tradisional mempengaruhi pilihan wanita dalam memulakan keluarga dan aspirasi mereka untuk membina kerjaya. Iida (2023) menegaskan bahawa kebimbangan terhadap tanggungjawab tradisional ini sering menyebabkan wanita enggan mendirikan rumah tangga, kerana mereka menjangka peranan tradisional yang akan membataskan kebebasan dan aspirasi mereka. Walaupun lelaki sering dilihat sebagai pemegang kuasa dan bertanggungjawab menyediakan sokongan kewangan keluarga, wanita pula diharapkan untuk mengutamakan keluarga di atas semua aspek lain, termasuk kerjaya mereka (Kolpashnikova, Zhou, & Kan, 2020). Sistem budaya, agama, dan undang-undang memperkukuhkan peranan gender ini, menjadikan norma-norma ini terus diterima sebagai piawai sosial di banyak masyarakat.

Pembahagian peranan gender tradisional tidak hanya mengekalkan stereotaip gender tetapi juga menyumbang kepada ketidaksamaan peluang. Wanita yang dihadkan kepada peranan domestik sering kehilangan peluang pendidikan, pekerjaan, dan pembangunan peribadi. Dalam kajian Perrone, Wright, dan Jackson (2009), peranan gender tradisional dikaitkan dengan tekanan peranan kerja-keluarga yang membatasi keseimbangan antara kehidupan kerja dan keluarga, sekali gus memberi kesan kepada

pembangunan kerjaya dan pemenuhan peribadi. Dalam konteks ini, wanita sering dipaksa untuk memilih antara aspirasi kerjaya dan tanggungjawab keluarga, dengan masyarakat cenderung mengutamakan yang kedua.

Di samping itu, peranan gender tradisional juga memberi tekanan kepada lelaki untuk mematuhi ideal maskulin seperti menjadi kuat, tegas, dan tidak menunjukkan emosi. Ini tidak hanya menekan lelaki tetapi juga menghadkan penyertaan mereka dalam peranan penjagaan dan pengasuhan (Kolpashnikova et al., 2020). Sebaliknya, wanita dihadapkan dengan jangkaan masyarakat untuk mengutamakan keluarga berbanding kerjaya mereka yang menghalang kemajuan profesional dan aspirasi mereka di luar rumah. Pandangan ini memperkukuhkan struktur ekonomi yang berat sebelah, di mana lelaki terus dominan dalam pekerjaan bergaji tinggi, manakala wanita terperangkap dalam sektor bergaji rendah atau tidak bergaji.

2.3.2 Jurang Gender dalam Pendapatan

Salah satu punca utama kemiskinan feminisme ialah kewujudan jurang gender dalam pendapatan, yang terus memberi kesan negatif terhadap kedudukan ekonomi wanita di seluruh dunia. Jurang gaji gender ini merujuk kepada perbezaan pendapatan antara lelaki dan wanita dalam tenaga kerja, yang sering berlaku secara langsung dan tidak langsung (Alkadry & Tower, 2014). Kajian Alkadry dan Tower (2017) menunjukkan bahawa perbezaan ini tidak hanya disebabkan oleh faktor objektif seperti pendidikan dan pengalaman kerja tetapi juga oleh fungsi tersembunyi yang dipengaruhi oleh diskriminasi gender dalam pemberian pendapatan. Wanita, sama ada dalam sektor formal atau informal, sering menerima bayaran yang jauh lebih rendah berbanding

lelaki, meskipun mereka melakukan kerja yang setanding atau memiliki kelayakan yang sama.

Jurang gaji gender bukan sahaja mencerminkan ketidakadilan ekonomi tetapi juga memperlihatkan bagaimana norma masyarakat dan pengasingan pekerjaan terus memperkukuh kedudukan subordinat wanita dalam pasaran kerja (Byron, 2010). Dalam sektor awam dan swasta, wanita sering mendapati diri mereka di peringkat hierarki yang lebih rendah, dengan gaji yang lebih kecil dan peluang yang terhad untuk kenaikan pangkat. Selain itu, wanita juga jarang terlibat dalam proses pembuatan keputusan atau memegang jawatan tertinggi dalam organisasi, menjadikan mereka kurang berkuasa dalam menentukan hala tuju kerjaya mereka. Diskriminasi pendapatan ini menunjukkan ketidaksamaan yang berakar dalam hampir semua aspek kehidupan wanita bekerja, termasuk jumlah gaji, kestabilan pekerjaan, dan akses kepada peluang ekonomi yang setara (Byron, 2010).

Tambahan pula, kos sara hidup yang semakin meningkat, terutama disebabkan oleh inflasi dan keadaan ekonomi global, memberi impak besar kepada golongan wanita miskin, terutamanya ibu tunggal (Isahak et al., 2009). Sebagai pencari nafkah tunggal, ibu tunggal sering dibebani dengan pendapatan yang jauh lebih rendah berbanding keperluan keluarga mereka, menyebabkan mereka terperangkap dalam kemiskinan. Dengan sumber kewangan yang terhad, pilihan mereka untuk meningkatkan kualiti hidup menjadi sangat terhad (Hult, Pietilä, & Saaranen, 2020). Ketidaksamaan ini menimbulkan risiko lebih tinggi kepada wanita untuk terhimpit dalam kitaran kemiskinan yang sukar diputuskan.

Kajian sistematik literatur oleh Bishu dan Alkadry (2017) menegaskan bahawa wanita menghadapi cabaran tambahan dalam mengimbangi komitmen kerja dan keluarga, yang sering menjejaskan peluang mereka untuk kemajuan kerjaya. Polisi cuti bersalin yang tidak mencukupi dan kekurangan pilihan penjagaan anak yang berpatutan menyukarkan wanita untuk mengekalkan pekerjaan yang berterusan atau mengambil peranan dengan gaji yang lebih tinggi. Dalam banyak kes, wanita memilih pekerjaan dengan fleksibiliti yang lebih besar untuk memenuhi keperluan keluarga, tetapi ini sering kali datang dengan harga iaitu pendapatan yang lebih rendah dan peluang yang terhad untuk kenaikan pangkat.

Jurang pendapatan gender juga memperlihatkan ketidaksamaan struktural dalam pasaran kerja, di mana lelaki sering memperoleh pendapatan yang lebih tinggi kerana berada di industri yang menawarkan gaji lebih besar, manakala wanita tertumpu di sektor yang dianggap bergaji rendah seperti pendidikan, kesihatan, dan kerja sosial. Ketidakseimbangan ini diperburuk oleh stereotaip sosial yang menganggap peranan wanita lebih sesuai untuk tugas penjagaan, yang secara tradisinya tidak diberi nilai ekonomi yang setara dengan pekerjaan lelaki (Perrone et al., 2009).

Keadaan ini menunjukkan keperluan mendesak untuk reformasi dasar yang bertujuan untuk mengurangkan jurang gender dalam pendapatan. Polisi yang menyokong kesamarataan peluang, termasuk pelaksanaan gaji minimum yang setara tanpa mengira gender, peningkatan sokongan untuk penjagaan anak, dan pelaksanaan cuti bersalin yang mencukupi, dapat membantu mengatasi isu ini. Di samping itu, kesedaran tentang diskriminasi pendapatan gender perlu dipertingkatkan dalam

kalangan majikan untuk mempromosikan budaya tempat kerja yang lebih inklusif dan adil.

2.3.3 Wanita Memikul Tanggungan Keluarga yang Besar

Feminisme menekankan keperluan untuk mengiktiraf dan mengagihkan semula beban kerja penjagaan tanpa gaji yang secara tradisinya diletakkan di bahu wanita. Kerja penjagaan ini merangkumi pelbagai tugas seperti menjaga anak-anak, mengurus rumah tangga, memasak, dan menjaga ahli keluarga yang sakit atau lanjut usia. Tugas-tugas ini, yang sering kali dikategorikan sebagai kerja informal, tidak hanya kekurangan pengiktirafan ekonomi tetapi juga menghalang wanita daripada menyertai tenaga kerja formal secara penuh (Bretherton, 2020). Ketidakseimbangan ini memburukkan lagi ketidaksamaan ekonomi kerana wanita yang terpaksa menumpukan perhatian kepada kerja penjagaan sering kali kehilangan peluang untuk pekerjaan bergaji, yang seterusnya menyumbang kepada kemiskinan (Chant, 2015).

Dalam banyak budaya, imej "wanita tradisional" sebagai penjaga rumah masih dominan, dengan sedikit kesedaran bahawa wanita memainkan peranan penting dalam ekonomi. Beban kerja penjagaan ini menjadi lebih ketara bagi ibu tunggal yang menghadapi risiko kemiskinan tegar kerana pendapatan mereka jarang mencukupi untuk menyara keluarga (Chant, 2015). Dalam kalangan gelandangan residivis wanita, cabaran ini menjadi lebih kompleks. Selain daripada menanggung beban penjagaan anak, mereka juga berhadapan dengan tekanan hidup di jalanan, ketiadaan perumahan yang stabil, dan akses terhad kepada sumber (Anthony, Vincent, & Shin, 2018; Borghi et al., 2023).

Keadaan menjadi lebih sukar apabila gelandangan residivis wanita mempunyai pasangan lelaki yang turut mengalami masalah gelandangan atau mempunyai sejarah jenayah. Kajian Bassuk, Volk, dan Olivet (2010) menunjukkan bahawa kebergantungan pada pasangan lelaki yang tidak stabil meningkatkan kerentanan wanita ini, menghadkan keupayaan mereka untuk membuat pilihan bebas atau mengakses sumber tanpa campur tangan pasangan mereka. Dalam banyak kes, pasangan lelaki ini juga membawa cabaran tambahan, seperti ketagihan dadah atau penglibatan dalam aktiviti jenayah, yang memperburuk keadaan hidup wanita tersebut (Hinton & Cassel, 2013).

Bagi gelandangan residivis wanita yang juga ibu, kekurangan akses kepada penjagaan kanak-kanak yang mencukupi menjadi penghalang besar kepada usaha mereka untuk mencari pekerjaan atau melibatkan diri dalam aktiviti ekonomi. Mereka sering kali terpaksa memilih antara memenuhi keperluan mereka sendiri atau memastikan kesejahteraan anak-anak mereka. Kekurangan perumahan yang stabil tidak hanya mengganggu kehidupan keluarga tetapi juga menjejaskan pendidikan anak-anak mereka, yang membawa kesan jangka panjang terhadap pencapaian pendidikan dan prospek masa depan mereka (Brush et al., 2018).

Kemiskinan feminisme membenarkan usaha untuk memahami bagaimana ketidakadilan gender menyumbang kepada kekurangan akses ini. Gelandangan residivis wanita sering kali tidak hanya berdepan dengan kekurangan material tetapi juga dengan struktur sosial yang menghalang mereka daripada mengakses sumber-sumber sokongan. Hal ini termasuklah ketidakupayaan untuk mendapatkan sokongan keluarga disebabkan oleh pengasingan yang dialami, serta kekurangan akses kepada

sumber bantuan daripada masyarakat yang lebih luas (Winetrobe et al., 2017). Terdapat gelandangan residivis wanita yang menghadapi cabaran tambahan seperti tanggungjawab sebagai ibu tunggal, yang menambah lagi kesukaran untuk mendapatkan bantuan dan sokongan.

Pengalaman gelandangan residivis wanita menunjukkan bahawa kekurangan akses kepada sistem sokongan bukan sahaja menguatkan kitaran kemiskinan tetapi juga menambah tekanan psikologi dan sosial mereka (Newman, 2021). Tanpa jaringan sokongan yang stabil, mereka terpaksa bergantung pada strategi kelangsungan hidup yang tidak selamat dan sering kali tidak memadai, yang terus memperburukkan keadaan hidup mereka. Ketidakmampuan untuk mendapatkan bantuan daripada keluarga atau masyarakat mengakibatkan mereka terperangkap dalam lingkaran kemiskinan yang berterusan dan kekurangan peluang untuk meningkatkan keadaan hidup mereka (Winetrobe et al., 2017).

Tambahan pula, kerja penjagaan tanpa gaji yang tidak diiktiraf memberi impak psikologi yang signifikan terhadap wanita. Mereka sering merasa tertekan kerana harus memenuhi tuntutan keluarga sambil berusaha mencari kestabilan dalam kehidupan mereka sendiri. Dalam kes gelandangan residivis wanita, tekanan ini lebih berat kerana mereka sering kali harus mengimbangi beban penjagaan dengan cabaran kehidupan di jalanan. Kekurangan sokongan sosial dan ekonomi memperburuk keadaan ini, menyebabkan mereka terperangkap dalam kitaran kemiskinan dan ketidaksamaan.

Wanita yang mengalami keganasan atau eksploitasi, seperti keganasan rumah tangga, serangan seksual atau pemerdagangan manusia, menghadapi pergantungan ekonomi, kehilangan peluang pekerjaan dan peningkatan kerentanan kepada kemiskinan (Fry et al., 2017; Reeve, 2017). Mereka mengalami kesan yang buruk dalam kehidupan disebabkan oleh menghadapi keganasan tersebut. Sebagai contohnya, golongan gelandangan residivis wanita yang berakhir hidup di jalanan; antara sebab oleh keganasan rumah tangga (termasuk pasangan), eksploitasi dan penipuan dari pasangan. Hal ini terbukti daripada kajian Fry et al. (2017) yang telah mengatakan golongan orang muda yang mengalami isu gelandangan dan kemiskinan sebagai golongan yang sangat rentan. Pendekatan feminisme terhadap kemiskinan bertujuan untuk mencabar dan mengubah norma, struktur dan sistem masyarakat yang mengekalkan ketidaksetaraan gender dan jurang ekonomi.

Di samping itu, gelandangan residivis wanita menghadapi keganasan rumah tangga atau penderaan pasangan intim dalam hubungan mereka (Phipps et al., 2019). Kekurangan perumahan yang stabil dan sumber yang terhad boleh menyebabkan mereka mengalami cabaran untuk meninggalkan situasi kronik atau mengakses perkhidmatan sokongan untuk menangani penderaan yang mereka alami (Azim, MacGillivray, & Heise, 2019). Pasangan lelaki boleh menyumbang kepada sokongan emosi dan kewangan untuk golongan gelandangan residivis wanita dan anak-anak mereka. Walau bagaimanapun, pergantungan pada pasangan lelaki ini boleh juga menjadi tidak menentu dan menyebabkan mereka dieksploitasi, didera atau diabaikan.

2.3.4 Kemiskinan Feminsme Membawa kepada Penglibatan ke dalam Aktiviti Jenayah

Kemiskinan bukan sahaja mencerminkan ketidaksamaan ekonomi tetapi juga bertindak sebagai faktor yang mendorong individu, terutamanya wanita, ke dalam jenayah. Bagi sesetengah wanita, tekanan akibat kemiskinan yang berpanjangan, khususnya dalam kalangan ibu tunggal, boleh menyebabkan mereka mencari penyelesaian sementara, termasuk penggunaan dadah sebagai mekanisme melarikan diri dari realiti hidup yang sukar (Escareno, 2012). Dalam kes lain, desakan untuk menyara anak-anak memaksa mereka terlibat dalam jenayah seperti penjualan dadah. Fenomena ini menunjukkan bagaimana ketidaksamaan ekonomi dan sosial dapat memperkukuh kitaran kemiskinan dan jenayah, dengan wanita sebagai kumpulan yang paling terkesan (Baloch et al., 2018).

Kajian oleh Baloch et al. (2018) menegaskan bahawa ketidaksamaan gender yang meluas dalam pendidikan dan pendapatan menyumbang kepada pengagihan sumber yang tidak sama rata, seterusnya meningkatkan risiko wanita untuk hidup dalam kemiskinan. Keadaan ini memperlihatkan bagaimana ketidakseimbangan struktur memperburuk keadaan sosioekonomi wanita, menjadikan mereka lebih rentan kepada eksploitasi dan penglibatan dalam jenayah (Bakar, Yaacob & Rosle, 2021). Perspektif ini diperkuat oleh pandangan Siti Suriani (2021), yang menyatakan bahawa kemiskinan itu sendiri bukanlah jenayah, tetapi apabila hidup dalam kemiskinan berpanjangan, ia dapat menjadi pemangkin kepada penglibatan seseorang dalam aktiviti jenayah.

Kemiskinan, seperti yang dijelaskan oleh Hanratty (2017) dan United Nations (2021), mempunyai dimensi yang kompleks, termasuk pengangguran, pengecualian sosial, dan kerentanan tinggi terhadap bencana serta penyakit. Ia boleh dikategorikan kepada kemiskinan mutlak, di mana individu tidak mampu menyediakan keperluan asas seperti makanan dan tempat tinggal, dan kemiskinan relatif, di mana individu merasa kekurangan sumber jika dibandingkan dengan orang lain dalam masyarakat (Azman, Nor Azmal & Mat Nor, 2017; Talib&Khalid, 2016). Dalam konteks jenayah, kemiskinan berfungsi sebagai punca dan akibat. Kekurangan sumber, peluang, dan rangkaian sokongan memaksa individu untuk mencari jalan alternatif, termasuk jenayah, untuk memenuhi keperluan asas mereka (Wright, 2015).

Kajian menunjukkan hubungan yang jelas antara kawasan yang dilanda kemiskinan dan kadar jenayah yang tinggi. Bagi wanita, kekurangan pendidikan, kemiskinan generasi, dan keretakan struktur keluarga memainkan peranan penting dalam mendorong mereka ke kancah jenayah (Escareno, 2012). Dalam banyak kes, kemiskinan menjadikan jenayah sebagai "peluang" untuk memperoleh sumber yang tidak dapat mereka miliki melalui cara lain. Kemiskinan yang berkait rapat dengan jenayah kekerasan juga dapat dilihat sebagai usaha untuk mendapatkan barang keperluan melalui cara yang lebih mudah tetapi tidak sah. Keadaan ini menunjukkan bagaimana kemiskinan mencetuskan keinginan untuk bertahan hidup, yang akhirnya meningkatkan kadar jenayah (Escareno, 2012).

Wanita secara konsisten lebih terdedah kepada kemiskinan berbanding lelaki. Mereka sering kali menjadi yang terakhir mendapat akses kepada makanan, penjagaan kesihatan, dan pendidikan, sementara mereka terperangkap dalam tugas domestik

yang memakan masa tanpa mendapat bayaran (Wright, 2015). Situasi ini tidak hanya memburukkan keadaan ekonomi wanita tetapi juga menghadkan peluang mereka untuk memperbaiki taraf hidup. Dalam kalangan gelandangan residivis wanita, beban ini menjadi lebih kompleks, terutamanya apabila mereka perlu menanggung tanggungjawab sebagai ibu dalam persekitaran yang tidak stabil. Kekurangan perumahan, pendidikan anak yang terganggu, dan kebergantungan kepada pasangan lelaki yang juga terlibat dalam masalah sosial menjadi halangan besar untuk wanita ini keluar dari kitaran kemiskinan dan jenayah (Anthony et al., 2018; Bassuk et al., 2010).

Oleh itu, isu kemiskinan feminisme tidak boleh dilihat secara terasing tetapi perlu dianalisis sebagai sebahagian daripada masalah struktur yang lebih besar, termasuk ketidaksamaan gender, kekurangan peluang ekonomi, dan sistem sokongan sosial yang lemah (Barman-Adhikari et al., 2016). Reformasi dasar diperlukan untuk mengurangkan jurang gender dalam pendapatan, meningkatkan akses wanita kepada pendidikan dan peluang pekerjaan, serta menyediakan perumahan mampu milik dan penjagaan anak. Langkah-langkah ini dapat membantu wanita miskin, khususnya ibu tunggal, untuk keluar daripada kitaran kemiskinan dan mengelakkan penglibatan dalam jenayah.

2.4 Diskriminasi Gender ke Atas Gelandangan Residivis Wanita

Diskriminasi gender adalah isu yang sangat signifikan dalam kehidupan gelandangan residivis wanita, yang mengalami beban cabaran lebih besar berbanding gelandangan lelaki (Phipps et al., 2021). Kehidupan di jalanan mendedahkan mereka kepada pelbagai ancaman, stigma, dan diskriminasi yang berakar daripada stereotaip gender,

status gelandangan, dan faktor sosial lain (Brown & Stone, 2016). Diskriminasi merujuk kepada layanan tidak adil atau prejudis berdasarkan ciri tertentu seperti jantina, umur, bangsa, atau orientasi seksual, yang secara konsisten meletakkan gelandangan wanita dalam kedudukan yang lebih rentan (Fibbi et al., 2021).

Dalam konteks ini, ketidaksamaan gender sering menjadi punca diskriminasi yang dialami oleh gelandangan wanita. Menurut Vigod dan Rochon (2020), wanita secara terang-terangan lebih cenderung untuk menghadapi ketidaksamaan sosial dan ekonomi. Penyelidikan sedia ada menunjukkan bahawa diskriminasi adalah perkara biasa di kalangan gelandangan, dengan mereka sering dicemuh, difitnah, dan dianggap sebagai individu yang terlibat dalam jenayah (Johnstone et al., 2015; Farha, 2015). Kehidupan sebagai gelandangan juga membawa stigma tambahan, yang menjadikan wanita lebih terdedah kepada layanan tidak adil, termasuk pengecualian sosial dan peluang pekerjaan yang terhad.

Kebanyakan gelandangan residivis wanita ini berpunca daripada pengabaian keluarga, banduan, ketagihan, dan bankrup (Faudziah & Farrah, 2015). Diskriminasi gender terhadap gelandangan residivis wanita boleh disebabkan oleh kitaran kemiskinan, tiada sokongan sosial dan sebagainya. Diskriminasi gender sering berpunca daripada kitaran kemiskinan, ketiadaan sokongan sosial dan sebagainya (Noel, 2009). Keadaan ini boleh membuatkan golongan gelandangan residivis wanita ini terdedah dengan masalah kesihatan mental, perasaan ingin membunuh diri dan mengalami trauma sejak zaman kanak-kanak (Mejia-Lancheros et al., 2020; Milaney et al., 2020). Mereka terpaksa menghadapi pelbagai label diskriminasi seperti pelacur dan wanita jahat sepanjang di jalanan (Haile et al., 2020). Kesemua ini disebabkan individu

gelandangan sering tidak dianggap sebagai manusia yang berguna sepenuhnya oleh masyarakat (Johnstone et al., 2015).

Diskriminasi gender yang dialami oleh gelandangan residivis wanita mencakup penolakan akses kepada pekerjaan dan peluang ekonomi yang baik, serta kehidupan dalam ketakutan terhadap keganasan berasaskan gender. Kajian ini mendapati bahawa gelandangan residivis wanita sering dinafikan peluang yang adil dan layanan yang saksama, yang menjadikan mereka lebih terdedah kepada kesulitan hidup yang ekstrem. Diskriminasi gender ini menyebabkan mereka terperangkap dalam kemiskinan dan ketidakberdayaan, menjadikannya lebih sukar untuk keluar dari lingkaran kemiskinan yang mereka hadapi. Diskriminasi gender boleh berlaku dalam pelbagai bentuk—sama ada secara langsung atau tidak langsung yang membawa kepada layanan yang tidak sama rata disebabkan oleh gender mereka. Keadaan ini boleh melibatkan pengurangan akses kepada pendidikan, kesihatan, dan peluang pekerjaan yang berpatutan, yang secara keseluruhannya menyumbang kepada kekurangan sumber dan peluang yang penting untuk kelangsungan hidup.

Dalam masyarakat yang didominasi oleh lelaki, wanita sering dianggap lebih rendah dan dinafikan keistimewaan yang dinikmati oleh lelaki, memperburukkan lagi situasi mereka (Anombem et al., 2023). Diskriminasi gender sering digabungkan dengan bentuk diskriminasi lain seperti kaum, kelas, ketidakupayaan, dan seksualiti, yang menyebabkan gelandangan residivis wanita menghadapi situasi yang lebih teruk. Status mereka sebagai gelandangan residivis wanita, ditambah dengan rekod jenayah, ketagihan dadah, dan aktiviti jenayah seperti menjual dadah dan melacur,

memperburukkan diskriminasi yang mereka alami. Hal ini menjadikan mereka lebih terpinggir dan kurang mendapat sokongan daripada masyarakat.

Diskriminasi gender juga mempunyai kesan langsung terhadap kesihatan mental dan fizikal gelandangan residivis wanita, serta mengurangkan akses mereka kepada keperluan hidup seperti perumahan dan rawatan kesihatan (Amerson, 2008; Anombem et al., 2023). Ketidaksamaan dalam peluang dan akses kepada sumber ini bukan sahaja memperburuk kemiskinan tetapi juga memburukkan lagi keadaan hidup mereka, menjadikan kehidupan di jalanan lebih sukar dan penuh cabaran. Gelandangan wanita menghadapi pelbagai diskriminasi jika dibandingkan dengan kumpulan gelandangan yang lain (Edwards, 2021). Gelandangan wanita melaporkan mengalami pengecualian sosial yang teruk serta mengikuti intervensi penjagaan sosial yang tidak teratur dan jarang disesuaikan secara individu (Cameron et al., 2016).

Diskriminasi terhadap gelandangan wanita bukan sahaja berdasarkan status perumahan mereka tetapi juga sering kali melibatkan faktor lain seperti penyakit mental dan ketagihan dadah (Bungay et al., 2010). Kajian Ehlke et al. (2022) dan Zamorano et al., (2022) mendapati bahawa individu gelandangan dengan masalah kesihatan mental mempunyai trajektori stigma yang lebih kompleks, menunjukkan bahawa stigma ini memperburuk diskriminasi yang mereka hadapi. Kajian Barry et al. (2014) menambah bahawa diskriminasi ini menyebabkan individu gelandangan terperangkap dalam kitaran hidup yang destruktif, menjadikan usaha pemulihan lebih sukar. Dalam kes gelandangan residivis wanita, faktor seperti usia, seksisme, dan perkauman memperburuk cabaran mereka di jalanan (Mikael & Asamen, 2011).

Dasar dan program sokongan untuk gelandangan cenderung menyalahkan individu atas kehilangan tempat tinggal mereka, tanpa menangani faktor struktur seperti ketidaksamaan ekonomi dan politik yang menjadi punca utama gelandangan (Elwood & Lawson, 2017). Pendekatan ini tidak hanya mengabaikan realiti diskriminasi yang dihadapi oleh gelandangan wanita tetapi juga gagal untuk menawarkan penyelesaian holistik yang dapat memutuskan kitaran stigma dan diskriminasi.

2.4.1 Stereotaip Gender terhadap Golongan Wanita

Diskriminasi gender terhadap gelandangan residivis wanita merupakan cabaran berlapis yang berakar pada stereotaip tentang peranan wanita dalam masyarakat. Wanita yang hidup sebagai gelandangan residivis tidak hanya menghadapi stigma status mereka tetapi juga prejudis yang berasaskan gender, yang memperburuk lagi kerentanan mereka. Stereotaip gender, seperti kepercayaan bahawa wanita tidak layak untuk memperoleh pendapatan yang sama dengan lelaki, terus mendiskriminasi wanita dalam dunia pekerjaan dan memperkukuh ketidaksamaan peluang ekonomi (Johnstone et al., 2015). Dalam banyak sektor pekerjaan, wanita sering dipandang rendah dan dijangkakan untuk mengutamakan peranan menjaga keluarga berbanding kerjaya mereka, menjadikan mereka sukar untuk mencapai kestabilan ekonomi atau membebaskan diri daripada kitaran kemiskinan dan gelandangan (Tabassum & Nayak, 2021).

Kajian menunjukkan bahawa pengasingan pekerjaan yang didorong oleh stereotaip gender terus menyumbang kepada jurang pendapatan berdasarkan gender. Industri yang didominasi lelaki seperti kejuruteraan dan teknologi menawarkan gaji yang lebih tinggi, manakala profesion yang didominasi wanita seperti kejururawatan dan

perguruan cenderung mempunyai purata gaji yang lebih rendah (Gobillon, Meurs, & Roux, 2015). Ketidakadilan ini, yang didorong oleh stereotaip bahawa wanita kurang kompeten dalam bidang tertentu, membatasi akses wanita kepada pekerjaan yang lebih baik, menghalang kemajuan kerjaya mereka, dan menyumbang kepada kitaran diskriminasi dan kemiskinan (Alkadry & Tower, 2011).

Diskriminasi institusi juga memainkan peranan besar dalam mengekalkan stereotaip gender. Menurut Suleman et al. (2021), wanita di Malaysia masih menghadapi diskriminasi dalam sektor-sektor seperti pendidikan, politik, dan dunia korporat, di mana keputusan penting sering didominasi oleh lelaki. Dalam masyarakat multi-etnik seperti Malaysia, kepercayaan budaya memperkukuh peranan wanita sebagai penjaga keluarga, menyebabkan wanita menghadapi dilema antara mengejar kerjaya atau memenuhi tanggungjawab keluarga. Keadaan ini meminggirkan wanita daripada peluang kepimpinan dan pembangunan diri yang menjadikan mereka lebih terdedah kepada diskriminasi ekonomi.

Dalam kalangan gelandangan residivis wanita, stereotaip gender menyebabkan mereka menghadapi cabaran tambahan. Stereotaip ini sering kali membentuk bagaimana masyarakat dan penyedia perkhidmatan melihat mereka, dengan anggapan bahawa mereka tidak memerlukan program khusus yang disesuaikan untuk keperluan mereka (Stewart et al., 2021). Tempat perlindungan tradisional, misalnya, jarang menyediakan langkah keselamatan atau privasi yang mencukupi untuk wanita, menyebabkan mereka terdedah kepada keganasan dan eksploitasi berasaskan gender (Pavlova et al., 2014). Kajian DeWard dan Moe (2010) mendapati bahawa pengalaman wanita di tempat perlindungan sering kali menyebabkan mereka

kehilangan autonomi, identiti, dan rasa hormat terhadap diri sendiri yang menjadikan mereka lebih bergantung pada strategi ketahanan diri seperti penyesuaian dan kepatuhan.

Diskriminasi gender ini sering didorong oleh seksisme seperti prejudis berdasarkan gender. Seksisme ini merupakan suatu situasi yang merendahkan wanita serta memberi kelebihan dan keistimewaan kepada lelaki. Gender yang dianggap kurang berharga oleh sesebuah masyarakat menyebabkan mereka cenderung untuk menghadapi diskriminasi gender. Diskriminasi merupakan suatu yang sering dihadapi oleh golongan gelandangan ini (Johnstone et al., 2015; Skosireva et al., 2014). Gelandangan sering dicemuh, disisihkan, mendapat fitnah, didiskriminasi dan sering dilihat sebagai individu yang terlibat dalam jenayah (Farha, 2015). Keadaan hidup di jalanan boleh menyebabkan gelandangan dengan mudah mendapat stigma dan diskriminasi oleh masyarakat sekeliling (Barry et al., 2014). Struktur masyarakat yang sering mengasingkan wanita telah membawa cabaran hidup disebabkan gender mereka sebagai wanita (Suleman et al., 2021).

Walau bagaimanapun, terdapat kajian yang menunjukkan bahawa program perumahan sokongan yang direka untuk gelandangan residivis wanita dapat memberikan impak positif yang signifikan. McMaster et al. (2017) menegaskan bahawa program perumahan yang menyediakan sokongan komprehensif tidak hanya meningkatkan kestabilan perumahan tetapi juga memperkasakan wanita untuk mengambil bahagian dalam masyarakat, membina semula identiti mereka, dan memulakan semula kehidupan mereka. Langkah ini penting untuk menangani masalah diskriminasi berasaskan gender dan memperbaiki kehidupan wanita yang terpinggir. Bagi

menangani diskriminasi gender yang dihadapi oleh gelandangan residivis wanita, reformasi dasar perlu menumpukan kepada mengubah norma sosial dan stereotaip gender. Program yang disesuaikan, seperti penjagaan trauma dan kesihatan mental, mesti diberi keutamaan, dengan fokus kepada keselamatan, privasi, dan keperluan reproduktif wanita (Polakow & Brooks, 2014). Di samping itu, usaha perlu ditingkatkan untuk menghapuskan berat sebelah gender dalam sektor pekerjaan dan memperluaskan peluang bagi wanita untuk memecahkan halangan ekonomi dan sosial.

2.4.2 Kesukaran Mendapatkan Tempat Tinggal

Diskriminasi gender memainkan peranan utama dalam memperburuk keadaan gelandangan residivis wanita, khususnya dalam aspek akses kepada perumahan. Dalam masyarakat yang masih didominasi oleh norma patriarki, gelandangan wanita sering mengalami layanan tidak adil, terutamanya ketika cuba memperoleh tempat tinggal yang stabil (Johri, 2023). Diskriminasi ini melibatkan faktor seperti umur, saiz keluarga, pendapatan rendah, status sosial, warna kulit, dan kekurangan rujukan, yang menjadi penghalang utama bagi wanita untuk menyewa rumah yang sesuai (Crowell, 2016). Bagi gelandangan residivis wanita, cabaran ini semakin rumit dengan rekod jenayah mereka, yang menyebabkan mereka sering kali ditolak dalam sektor perumahan awam dan swasta. Walaupun terdapat pelbagai inisiatif pembaharuan, akses kepada tempat tinggal yang stabil masih merupakan isu mendesak yang tidak dapat ditangani sepenuhnya (Crowell, 2016).

Ketiadaan tempat tinggal yang selamat dan stabil memberi kesan langsung terhadap kesihatan fizikal dan mental wanita ini, selain memburukkan kesejahteraan

keseluruhan mereka. Kajian menunjukkan bahawa penyediaan perumahan yang selamat bukan sahaja dapat meningkatkan kesihatan tetapi juga mengurangkan risiko gelandangan residivis wanita kembali terlibat dalam sistem keadilan jenayah, seterusnya menjimatkan kos sosial dan ekonomi (Carnemolla & Skinner, 2021). Di Amerika Syarikat, hubungan erat antara sistem keadilan jenayah dan risiko gelandangan membuktikan bahawa menyediakan perumahan mampu milik merupakan langkah penting untuk mengurangkan pertindihan ini dan meningkatkan keselamatan awam (Remster, 2021).

Namun begitu, tanpa perumahan tetap, gelandangan residivis wanita sering kali terpaksa tinggal di kawasan yang tidak selamat atau menggunakan ruang awam sebagai tempat tinggal sementara. Kajian menunjukkan bahawa wanita yang tinggal di kawasan jalanan atau pinggir jalan lebih terdedah kepada penderaan fizikal, seksual, dan emosi berbanding mereka yang mempunyai tempat tinggal tetap (Fox, 2020). Hal ini menonjolkan keperluan mendesak untuk memperkenalkan program perumahan sementara, tempat perlindungan, dan inisiatif pencegahan yang dapat menawarkan keselamatan dan kestabilan kepada golongan wanita ini. Namun, realiti menunjukkan bahawa diskriminasi terhadap wanita dalam akses kepada perumahan yang selamat dan selesa masih berleluasa, melanggar hak asasi mereka seperti yang diakui oleh United Nations Human Rights (UNHR, n.d).

Pengaruh patriarki dan neoliberalisme turut memperburuk keadaan gelandangan wanita, terutamanya wanita berusia yang mengharapkan perumahan mampu milik dengan ciri keselamatan jangka panjang dan autonomi dalam ruang peribadi (Darab, Hartman & Holdsworth, 2018). Diskriminasi ini menyebabkan mereka terperangkap

dalam situasi di mana mereka berusaha keras untuk tidak tinggal di jalanan, semata-mata untuk mengelakkan stigma sebagai gelandangan (Casey, Goudie & Reeve, 2008). Keadaan ini menjadikan mereka lebih terdedah kepada risiko keselamatan dan keganasan.

Untuk mengatasi masalah ini, perancangan sosial yang komprehensif dan peningkatan akses kepada perumahan mampu milik adalah langkah penting yang perlu diambil. Warren dan McAuliffe (2021) mencadangkan bahawa penyelesaian ini harus memberi tumpuan kepada menyediakan ruang perumahan yang selamat, mampu milik, dan sesuai untuk wanita dan keluarga mereka. Selain itu, sokongan tambahan seperti penjagaan trauma, bantuan kesihatan mental, dan program latihan kemahiran perlu dilaksanakan untuk membantu gelandangan residivis wanita memecahkan kitaran diskriminasi dan ketidaksetaraan.

2.4.3 Peluang Pekerjaan dan Gaji

Diskriminasi gender dalam pekerjaan adalah salah satu halangan utama yang dihadapi oleh gelandangan residivis wanita dalam usaha mereka untuk keluar daripada kitaran kemiskinan dan gelandangan. Diskriminasi ini bukan sahaja menafikan peluang pekerjaan kepada wanita berdasarkan gender mereka tetapi juga menghalang kemajuan ekonomi dan sosial mereka. Golabek-Goldman (2017) menyatakan bahawa diskriminasi dalam prosedur pengambilan pekerja sering berlaku, termasuk kes di mana wanita tidak diberikan pekerjaan yang layak hanya kerana mereka perempuan. Diskriminasi ini diperburuk apabila gelandangan wanita tidak dapat memberikan alamat tetap atau terpaksa menggunakan alamat tempat perlindungan dalam

permohonan kerja mereka, yang menimbulkan prasangka tambahan di pihak majikan (Homelessness Policy Research Institute, 2020).

Gelandangan residivis wanita sering kali menghadapi kekurangan pendidikan, pengalaman kerja yang rendah, dan rekod jenayah, yang semuanya menjadi penghalang besar dalam mendapatkan pekerjaan. Majikan cenderung untuk menolak pemohon kerja dengan rekod jenayah, tanpa mengambil kira potensi mereka untuk berubah atau kemahiran mereka (Sugie, Zatz & Augustine, 2020). Diskriminasi ini memperburuk jurang gender dalam pekerjaan, dengan wanita sering kali terperangkap dalam pekerjaan bergaji rendah atau tidak stabil. Ini bukan sahaja menghalang mereka daripada memperbaiki status ekonomi tetapi juga memperkuat kemiskinan feminisme, di mana wanita terus mengalami ketidaksamaan ekonomi dan sosial yang berpanjangan (Patterson et al., 2015; Fry et al., 2017; Reeve, 2017).

Diskriminasi gender di tempat kerja turut memberi kesan negatif kepada motivasi, dedikasi, dan kepuasan kerja wanita, sambil meningkatkan tahap tekanan mereka (Channar, Abbassi, & Ujan, 2011; Tara & Zhang, 2023). Gelandangan residivis wanita sering kali merasa kehilangan identiti dan harga diri akibat diskriminasi ini, yang memaksa mereka untuk menyesuaikan diri dengan keadaan hidup yang mencabar. Gonyea (2019) mencatatkan bahawa strategi daya tindak yang digunakan oleh wanita dalam situasi ini, seperti bergantung kepada rangkaian sosial yang terhad, sering kali tidak mencukupi untuk membantu mereka mendapatkan tempat tinggal tetap atau pekerjaan stabil.

Kajian menunjukkan bahawa gelandangan yang berdepan dengan diskriminasi ini bukan sahaja menghadapi kesukaran dari segi kewangan tetapi juga terdedah kepada eksploitasi dan keganasan, menjadikan mereka lebih terdedah kepada kemiskinan berterusan dan kitaran penindasan (Golabek-Goldman, 2017). Pengalaman ini membuktikan perlunya pendekatan feminisme dalam menangani kemiskinan yang dialami oleh gelandangan residivis wanita, dengan memberi tumpuan kepada keadilan sosial dan peluang ekonomi yang adil bagi semua lapisan masyarakat.

Di samping itu, diskriminasi gender dalam proses pengambilan kerja masih kekal dominan walaupun pelbagai kemajuan telah dicapai dalam memperjuangkan hak wanita di banyak negara. Kajian menunjukkan bahawa gelandangan residivis wanita menghadapi diskriminasi disebabkan oleh jurang pekerjaan yang wujud akibat isu bergelandangan, kesihatan mental (DeHart et al., 2014), dan ketagihan dadah (Poremski et al., 2016). Situasi ini boleh menyebabkan gelandangan dengan rekod jenayah berasa terhalang dan mengelak daripada memohon pekerjaan (Poremski et al., 2014). Sementara itu, wanita dengan tanggungjawab menjaga anak dan tahap pendidikan yang rendah menghadapi kesukaran yang lebih besar untuk mendapatkan pekerjaan yang stabil (Vet et al., 2019).

Walaupun peluang pekerjaan dalam sektor tidak formal wujud, pekerjaan tersebut sering kali tidak stabil dan tidak menyediakan faedah sosial seperti KWSP serta akses kepada rawatan kesihatan. Pengkaji juga mendapati gelandangan residivis wanita lebih sukar mencari pekerjaan yang stabil dan berdepan cabaran seksisme dan perbezaan gender dalam mengekalkan pekerjaan yang baik (Priah, 2019). Oleh itu, pembangunan yang sensitif-gender perlu memberi tumpuan kepada keadilan sosial

dan peluang ekonomi yang adil bagi semua lapisan masyarakat, terutama bagi wanita yang paling terpinggir.

Faktor lain seperti tanggapan pertama majikan, kekurangan kemahiran temu duga, dan ketiadaan pakaian yang sesuai untuk temu duga turut menyukarkan gelandangan residivis wanita untuk mendapatkan pekerjaan (Bharat et al., 2020). Kekurangan akses kepada kemudahan seperti internet atau latihan kemahiran memperburuk situasi ini, menjadikan mereka lebih rentan terhadap diskriminasi. Vet et al. (2019) juga menegaskan bahawa tanggungjawab menjaga anak, yang kebanyakannya dipikul oleh gelandangan ibu tunggal, mengurangkan peluang mereka untuk mencari pekerjaan yang stabil, kerana mereka sering terpaksa memilih pekerjaan yang menawarkan fleksibiliti tetapi dengan gaji rendah.

Diskriminasi bukan sahaja mencerminkan ketidaksetaraan gender yang sistemik tetapi juga menyumbang kepada marginalisasi wanita dalam pasaran kerja. Kajian menunjukkan bahawa akses kepada pekerjaan yang stabil dapat membantu mengurangkan risiko gelandangan, tetapi gelandangan wanita sering kali kehilangan peluang ini kerana pelbagai sekatan, termasuk rekod jenayah, tahap pendidikan yang rendah, dan stigma gender (Priah, 2019; Lin, 2014). Keadaan ini menunjukkan keperluan mendesak untuk dasar yang lebih inklusif dan program yang dapat membantu gelandangan residivis wanita mengatasi halangan ini.

2.4.4 Perlecehan dan Keganasan Seksual

Gelandangan residivis wanita menghadapi tahap penganiayaan yang tinggi, bukan sahaja sebelum dan semasa, tetapi juga selepas episod gelandangan mereka.

Penganiayaan ini berlaku dalam pelbagai bentuk, termasuk gangguan seksual, serangan fizikal, dan penyalahgunaan lisan, yang sering dilakukan oleh pelbagai pelaku. Serangan seksual adalah salah satu cabaran utama yang dihadapi oleh gelandangan wanita, dengan data menunjukkan bahawa 92% gelandangan berstatus 'ibu' pernah mengalami pelbagai serangan seksual sepanjang hidup mereka, dan 13% menjadi mangsa rogol (Goodman, 2022). Di negara-negara kurang maju seperti Ethiopia, laporan menunjukkan bahawa sehingga 57% gelandangan wanita menjadi mangsa keganasan, yang sering kali diperburuk oleh stigma dan pelabelan masyarakat, seperti dianggap sebagai "pelacur" atau "wanita jahat" (Haile et al., 2020). Pandangan ini bukan sahaja merendahkan martabat gelandangan wanita tetapi juga menghalang mereka daripada mendapatkan bantuan yang mereka perlukan.

Kajian menunjukkan bahawa diskriminasi sosial terhadap gelandangan wanita adalah membimbangkan. Johnstone et al. (2015) menyatakan bahawa gelandangan dianggap sebagai golongan paling rendah dalam hierarki sosial, dengan stigma yang menyamakan mereka dengan objek. Persepsi negatif ini, termasuk pandangan bahawa gelandangan kurang kompeten dan tidak mesra, mencipta suasana diskriminasi yang memperburuk kerentanan gelandangan wanita terhadap ancaman fizikal, emosi, dan seksual. Selain itu, faktor ini boleh menjadikan gelandangan residivis wanita lebih terdedah kepada diskriminasi; ini termasuk tindakan keganasan yang dilakukan terhadap mereka dan kesukaran mendapatkan pekerjaan atau perumahan. Hal ini membuktikan wanita sering berakhir bergelandangan di kawasan yang tidak selamat di jalanan (Victor, 2020).

Kesihatan mental juga menjadi isu utama dalam kalangan gelandangan residivis wanita, yang sering kali mengalami trauma sejak zaman kanak-kanak. Milaney et al. (2020) melaporkan bahawa wanita ini mempunyai risiko lebih tinggi untuk mengalami masalah kesihatan mental, seperti kemurungan dan kebimbangan, yang sering kali diperburuk oleh episod gelandangan dan diskriminasi. Tambahan pula, penggunaan dadah dan alkohol sebagai mekanisme melarikan diri meningkatkan risiko mereka terlibat dalam hubungan seksual berisiko, termasuk hubungan tanpa perlindungan, yang menyumbang kepada penyebaran HIV dan penyakit kelamin lain (STD) (Ryan et al., 2009; Cederbaum et al., 2013). Risiko ini diperburuk oleh tempat tinggal yang tidak stabil dan keadaan hidup yang tidak selamat, yang menjadikan mereka lebih rentan terhadap eksploitasi seksual dan keganasan.

Penganiayaan dan diskriminasi yang dialami oleh gelandangan residivis wanita juga mempunyai implikasi serius terhadap kesihatan fizikal dan sosial mereka. Kehidupan di jalanan memaksa mereka untuk bertahan dalam persekitaran yang destruktif, di mana mereka sering kali tidak mempunyai pilihan selain hidup dalam keadaan yang tidak selesa dan berbahaya. Keadaan ini bukan sahaja menghalang pemulihan tetapi juga memperkuat keadaan marginalisasi mereka dan menjadikan mereka lebih sukar untuk berintegrasi semula ke dalam masyarakat (Homeless Hub, 2021). Tambahan pula, stigma terhadap wanita yang dijangkiti HIV memperburuk diskriminasi mereka, di mana masyarakat sering menjauhkan diri daripada mereka, menambah lapisan tambahan kepada beban psikologi dan sosial yang mereka tanggung (Cederbaum et al., 2013).

Di negara-negara kurang maju, gelandangan wanita menghadapi cabaran yang lebih serius kerana kekurangan sumber asas seperti makanan, air bersih, dan tempat perlindungan. Mereka juga berisiko lebih tinggi untuk menjadi mangsa keganasan seksual, yang bukan sahaja merosakkan martabat mereka tetapi juga menjejaskan keupayaan mereka untuk menjalani kehidupan yang produktif (Haile et al., 2020). Di samping itu, kajian menunjukkan bahawa gelandangan residivis wanita sering menjadi mangsa pengabaian keluarga, yang menghalang mereka daripada mendapatkan sokongan sosial yang diperlukan untuk keluar dari kitaran gelandangan (Faudziah & Farrah, 2015).

2.4.5 Buli dan Penderaan Fizikal Serta Emosi

Gelandangan residivis wanita menghadapi tahap kerentanan yang lebih tinggi berbanding gelandangan lelaki, terutamanya disebabkan oleh keberadaan mereka dalam sistem keadilan jenayah yang tidak adil dan stigma sosial yang memburukkan lagi keadaan. Pengalaman gelandangan residivis wanita ini sering kali diburukkan oleh penderaan fizikal, emosi, dan eksploitasi. Kajian Milaney et al. (2020) mendapati bahawa gelandangan wanita lebih cenderung mengalami trauma kanak-kanak, masalah kesihatan mental yang lebih serius, serta kadar pemikiran dan percubaan membunuh diri yang lebih tinggi berbanding gelandangan lelaki. Trauma yang dialami sejak kecil sering kali menjadi pencetus kepada episod gelandangan, di mana pengalaman seperti penderaan fizikal dan seksual mencipta kitaran kerentanan yang sukar diputuskan (Broll & Huey, 2020).

Kekurangan perumahan yang stabil, rangkaian sokongan sosial yang terhad, dan sumber yang tidak mencukupi menjadikan gelandangan residivis wanita lebih rentan

terhadap penderaan. Fitzpatrick, Bramley, dan Johnsen (2013) menekankan bahawa situasi ini meningkatkan risiko mereka menjadi sasaran buli dan eksploitasi, termasuk daripada pasangan intim. Kajian Tutty et al. (2013) menunjukkan bahawa keganasan rumah tangga adalah penyebab utama gelandangan dalam kalangan wanita. Ramai wanita yang melarikan diri daripada pasangan yang mendera akhirnya hidup di jalanan atau tempat perlindungan, yang sering kali tidak menyediakan perlindungan yang mencukupi daripada bahaya.

Stigma dan diskriminasi masyarakat terhadap gelandangan dan penglibatan dalam sistem keadilan jenayah juga memperburuk keadaan. Wanita ini sering dianggap sebagai individu yang "tidak layak" atau "tidak bermoral," yang menyebabkan mereka mengalami pengecualian sosial dan prasangka (Pauly, 2014). Pandangan ini mencipta persekitaran yang memburukkan lagi penderitaan mereka, menjadikan mereka lebih terdedah kepada penderaan dalam komuniti gelandangan atau oleh penyedia perkhidmatan. Kajian Broll dan Huey (2020) menunjukkan bahawa sejarah penderaan, sama ada pada zaman kanak-kanak atau dewasa, sering kali dikaitkan dengan episod gelandangan yang berulang. Pengalaman kehilangan tempat tinggal yang kronik memperburuk kesan trauma, menyebabkan wanita ini sukar untuk memulihkan keseimbangan psikologi dan sosial mereka. Kekurangan akses kepada ruang yang selamat dan terjamin juga memperkukuh kitaran penderaan ini. Mayock, Bretherton, dan Baptista (2017) menegaskan bahawa keganasan rumah tangga bukan sahaja menyumbang kepada gelandangan tetapi juga menjadikannya sukar untuk wanita melarikan diri daripada situasi berbahaya, kerana ruang yang tersedia sering kali tidak memenuhi keperluan khusus mereka.

Gelandangan residivis wanita turut menghadapi penderaan berlapis yang melibatkan pasangan intim, ahli komuniti gelandangan, atau penyedia perkhidmatan. Keadaan ini menunjukkan ketidakseimbangan kuasa yang berterusan, di mana wanita ini diletakkan dalam situasi eksploitatif yang meningkatkan tahap trauma mereka. Kajian Huey et al. (2014) menunjukkan bahawa pendedahan berulang kepada situasi kronik berupaya membawa kepada masalah kesihatan mental mendalam, yang sukar untuk ditangani tanpa intervensi yang sesuai.

2.4.6 Cabaran dalam Mendapatkan Perkhidmatan Kesihatan

Gelandangan residivis wanita menghadapi cabaran berganda dalam mengakses penjagaan kesihatan akibat diskriminasi gender, stigma sosial, dan keadaan sosioekonomi yang tidak stabil (Hult et al., 2020). Kekurangan sumber kewangan, stigma terhadap penyakit mental, dan kekurangan akses kepada rawatan perubatan asas memperburuk situasi mereka. Kajian menunjukkan bahawa wanita yang tinggal di jalanan sering terdedah kepada penderaan fizikal dan seksual serta menghadapi kesulitan mendapatkan produk asas seperti tuala wanita, memaksa mereka menggunakan bahan tidak sesuai, seperti kain koyak atau sebuku roti, untuk menangani keperluan semasa haid (Priah, 2019; Sommer et al., 2020). Pengalaman ini bukan sahaja mencerminkan diskriminasi yang wujud tetapi juga menonjolkan ketidakadilan struktural yang menjejaskan maruah dan kesejahteraan mereka.

Stigma kesihatan mental adalah satu lagi isu utama. Kajian Milaney et al. (2020) dan Ehlke et al. (2022) menunjukkan bahawa diskriminasi terhadap wanita dengan masalah kesihatan mental yang serius meningkatkan risiko mereka untuk menggunakan bilik kecemasan secara kerap dan menghadapi prasangka daripada

penyedia perkhidmatan kesihatan. Stigma ini bukan sahaja menghalang mereka daripada mendapatkan rawatan tetapi juga menyumbang kepada masalah kesihatan mental yang lebih teruk, seperti kemurungan dan kebimbangan (Gattis & Larson, 2016). Selain itu, diskriminasi kaum dan gender memburukkan lagi keadaan ini, dengan gelandangan wanita sering kali menghadapi halangan tambahan seperti masa menunggu yang lama dan kekurangan pengangkutan ke kemudahan kesihatan (Allen & Vottero, 2020).

Dalam konteks penjagaan kesihatan materniti, gelandangan wanita, terutamanya yang hamil, menghadapi cabaran yang signifikan (Knight, 2016; Sadeghi et al., 2021). Kajian McGeough, Walsh, dan Clyne (2020) mendapati bahawa gelandangan wanita yang hamil sering kali tidak menerima rawatan pranatal atau postnatal yang mencukupi akibat sistem penjagaan kesihatan yang kompleks dan kurang berfokus kepada individu. Di Amerika Syarikat, faktor sosioekonomi seperti ketiadaan insurans kesihatan dan stigma turut menghalang mereka daripada mendapatkan rawatan selepas bersalin (Miyawaki & Tsugawa, 2022). Keadaan ini menekankan keperluan untuk menyediakan perkhidmatan penjagaan kesihatan yang berterusan dan menyeluruh kepada gelandangan wanita untuk menangani cabaran mereka dengan lebih efektif (Theobald et al., 2023).

Halangan struktural dan diskriminasi sistemik juga memainkan peranan penting dalam mengehadkan akses kesihatan gelandangan wanita. Di Malaysia, tahap pendidikan rendah, kemiskinan, dan stigma sosial menjadi penghalang utama kepada rawatan perubatan, terutamanya bagi wanita yang berada di bawah paras kemiskinan (Aizuddin, Abdul Jabar & Idris, 2019). Di Kanada pula, gelandangan remaja

perempuan sering terperangkap dalam kitaran kemiskinan dan prejudis yang menyukarkan mereka mendapatkan rawatan perubatan yang berkualiti (Reid, Berman & Forchuk, 2005). Halangan ini menunjukkan bahawa diskriminasi bukan sahaja berlaku di peringkat individu tetapi juga tercermin dalam struktur dan dasar penjagaan kesihatan itu sendiri.

2.5 Kerangka Teoritikal

Kerangka teoritikal memperkenalkan dan menerangkan teori yang berfungsi sebagai panduan asas bagi penyelidikan ini. Dalam kajian ini, Teori *Feminist Standpoint* dan Teori Interseksionaliti digunakan sebagai rujukan dalam memahami kemiskinan feminisme dan diskriminasi gender yang dihadapi oleh gelandangan residivis wanita di jalanan.

2.5.1 Teori *Feminist Standpoint*

Teori *Feminist Standpoint*, yang bermula daripada epistemologi feminis menawarkan lensa kritikal dalam memahami kemiskinan feminisme dan diskriminasi gender yang dihadapi oleh gelandangan residivis wanita. Teori ini menekankan bahawa pengalaman hidup kumpulan terpinggir, termasuk wanita, menghasilkan perspektif kritikal terhadap realiti sosial (Harding, 1991). Dalam konteks gelandangan residivis wanita, teori ini membantu memberi kefahaman bagaimana faktor gender, ketidaksamaan ekonomi, dan status sosial memperkuat peminggiran mereka dalam masyarakat.

Teori ini mengkritik epistemologi tradisional yang sering dikuasai oleh perspektif lelaki, menyoroti bagaimana pengalaman wanita, khususnya yang terpinggir, sering

diabaikan dalam penghasilan pengetahuan (Cabrera, Belloso & Prieto, 2020). Nancy Hartsock, salah seorang perintis teori ini, menegaskan bahawa pengalaman hidup wanita memberikan sudut pandang yang lebih lengkap terhadap struktur sosial dan kuasa, sama seperti bagaimana kelas pekerja memahami kapitalisme dari kedudukan mereka sebagai pihak yang tertindas (Hartsock, 2017). Dalam kajian terhadap gelandangan residivis wanita, teori ini menonjolkan bagaimana ketidaksamaan sistemik, seperti diskriminasi gender, keganasan rumah tangga, dan eksploitasi ekonomi, memperburuk keadaan kemiskinan mereka.

Sandra Harding (1991) memperluas teori ini dengan menekankan bahawa pengalaman sosial yang berbeza mencipta pengetahuan yang berbeza. Dalam konteks gelandangan residivis wanita, pengalaman mereka yang berulang kali terjebak dalam kitaran kemiskinan dan sistem keadilan jenayah menawarkan bagaimana struktur sosial gagal melindungi mereka. Dorothy Smith (1987) pula menyoroti bahawa pengalaman harian wanita, terutamanya dalam kehidupan gelandangan, menawarkan perspektif kritikal tentang ketidakseimbangan kuasa dalam masyarakat patriarki. Dalam hal ini, Smith menunjukkan bahawa sistem sosial dan dasar kebajikan sering mengabaikan tanggungjawab khusus wanita, seperti penjagaan anak dan keperluan kesihatan reproduktif.

Kemiskinan feminisme, seperti yang diuraikan oleh Pearce (1978), merujuk kepada peningkatan kadar kemiskinan dalam kalangan wanita akibat ketidaksamaan ekonomi dan tanggungjawab gender yang tidak seimbang. Teori *Feminist Standpoint* membantu mendedahkan bagaimana struktur sosial, termasuk dasar kebajikan dan perumahan, memperkukuh ketidaksamaan ini. Dalam kehidupan gelandangan

residivis wanita, kemiskinan sering kali berpunca daripada diskriminasi gender yang sistemik, seperti jurang gaji, kekurangan peluang pekerjaan, dan kegagalan sistem kebajikan untuk menyediakan sokongan yang mencukupi. Sebagai contoh, wanita sering dipinggirkan daripada sektor pekerjaan yang menawarkan gaji tinggi, dan ini menghalang mereka daripada keluar daripada kitaran kemiskinan (Bretherton, 2020).

Dalam perspektif *feminist standpoint*, kemiskinan feminisme tidak hanya dilihat sebagai hasil struktur ekonomi, tetapi juga sebagai refleksi patriarki dalam sistem sosial. Patricia Hill Collins (2022), dalam teori *Black Feminist Thought*, menekankan bagaimana pengalaman wanita kulit hitam, yang menghadapi diskriminasi berlapis-lapis berdasarkan gender dan kaum, memberikan pandangan tentang bagaimana ketidakadilan gender dan ekonomi saling berkaitan. Pengalaman ini juga relevan dalam memahami bagaimana gelandangan residivis wanita dari latar belakang etnik tertentu menghadapi cabaran tambahan dalam bentuk diskriminasi kaum.

Teori *Feminist Standpoint* juga membolehkan kita mengkritik bagaimana struktur sosial dan dasar-dasar kebajikan gagal untuk melindungi gelandangan residivis wanita (Carastathis, 2014). Sistem kebajikan sering kali tidak memadai untuk menangani cabaran yang dihadapi oleh wanita ini, seperti tanggungjawab menjaga anak dan perlindungan daripada keganasan (Mayock et al., 2017). Sebagai contoh, banyak gelandangan wanita terlibat dalam jenayah kecil, seperti mencuri makanan, sebagai cara untuk bertahan hidup. Namun, sistem keadilan jenayah sering menghukum mereka tanpa menangani punca masalah, seperti ketidakstabilan ekonomi dan sosial mereka (Walby, 2011).

Harding (2004a, 2004b) menegaskan bahawa pengalaman hidup wanita dan golongan minoriti perlu menjadi asas untuk memahami dan memperbaiki sistem sosial. Dalam konteks gelandangan residivis wanita, ini bermakna memberi keutamaan kepada pengalaman mereka dalam merangka dasar perumahan, sistem kebajikan, dan program pemulihan. Sebagai contoh, Hooks (2000) mencadangkan bahawa feminisme yang inklusif harus mengambil kira suara wanita terpinggir, seperti gelandangan residivis wanita, untuk menangani ketidakadilan yang mereka alami.

Teori *Feminist Standpoint* menawarkan potensi besar untuk perubahan sosial dengan membawa suara gelandangan residivis wanita ke dalam wacana arus perdana. Perspektif mereka penting untuk mencabar naratif dominan yang sering menyalahkan individu atas kegagalan sistemik (Harding, 2004b). Sebagai contoh, keganasan gender yang dialami oleh gelandangan residivis wanita sering kali dilihat sebagai isu peribadi, sedangkan teori ini menegaskan bahawa ia adalah hasil langsung daripada struktur sosial yang tidak adil.

2.5.2 Teori Interseksionaliti (*Intersectional Theory*)

Teori Interseksionaliti, yang diperkenalkan oleh Kimberlé Crenshaw pada akhir 1980-an, memberikan kerangka penting untuk memahami bagaimana pelbagai bentuk penindasan seperti gender, kelas sosial, dan etnik berinteraksi untuk mencipta pengalaman bagi kumpulan yang terpinggir. Dalam konteks gelandangan residivis wanita, teori ini membolehkan pengkaji menganalisis secara mendalam bagaimana kemiskinan feminisme dan diskriminasi gender membentuk kehidupan wanita yang berulang kali terjebak dalam kitaran gelandangan dan sistem keadilan jenayah. Diskriminasi yang dialami oleh seseorang individu tidak boleh dilihat secara tunggal,

tetapi sebagai hasil gabungan pelbagai identiti sosial yang saling mempengaruhi, menghasilkan bentuk penindasan yang kompleks dan berlapis-lapis.

Dalam analisis interseksionaliti, gender, kelas sosial, dan status gelandangan menjadi kategori utama yang saling berinteraksi. Gelandangan residivis wanita tidak hanya menghadapi diskriminasi kerana mereka wanita, tetapi juga kerana status sosioekonomi mereka, sejarah jenayah, dan identiti sosial lain yang sering dipinggirkan. Sebagai contoh, stigma sosial terhadap wanita yang keluar masuk penjara mengukuhkan stereotaip bahawa mereka tidak layak mendapat peluang pekerjaan atau perumahan yang stabil (Reilly et al., 2022). Keadaan ini memperburuk pengalaman kemiskinan feminisme yang dihadapi oleh golongan wanita. Menurut Pearce (1978), kemiskinan feminisme merupakan fenomena di mana wanita secara tidak seimbang diwakili dalam kalangan individu miskin akibat diskriminasi gender yang sistemik.

Diskriminasi gender dalam pekerjaan turut menyumbang kepada kemiskinan feminisme. Wanita sering kali dihadkan kepada pekerjaan bergaji rendah atau tidak formal, yang kurang menawarkan peluang untuk kemajuan ekonomi (Bretherton, 2020). Dalam kes gelandangan residivis wanita, status mereka sebagai bekas banduan menghalang akses mereka kepada sektor pekerjaan formal, menyebabkan mereka bergelut untuk keluar dari kemiskinan. Di samping itu, stigma sosial yang dikaitkan dengan rekod jenayah menyebabkan mereka menghadapi diskriminasi berganda, menjadikan proses pemulihan menjadi lebih sukar (Sugie, Zatz & Augustine, 2020).

Teori interseksionaliti menekankan bahawa identiti sosial yang bertindih mencipta bentuk penindasan. Sebagai contoh, wanita dari kumpulan etnik minoriti menghadapi diskriminasi berganda kerana gender dan perkauman. Collins (2022) menekankan bahawa pengalaman wanita kulit hitam, khususnya, tidak boleh difahami hanya dari sudut gender atau kaum sahaja, tetapi mesti dilihat sebagai interaksi antara kedua-dua faktor tersebut. Dalam konteks gelandangan residivis wanita, interaksi ini jelas kelihatan dalam cabaran yang mereka hadapi untuk mendapatkan akses kepada perumahan, pekerjaan, dan sokongan sosial.

Konteks kelas sosial turut memainkan peranan penting dalam memperkukuhkan kemiskinan feminisme. Wanita yang berasal dari latar belakang keluarga berpendapatan rendah menghadapi kekurangan sumber daya yang ketara untuk memperbaiki keadaan hidup mereka (Rabiah-Mohammed, Oudshoorn, & Forchuk, 2020).. Akses kepada pendidikan, yang merupakan salah satu cara untuk meningkatkan mobiliti sosial, sering kali terhad kepada wanita dalam kumpulan ini (Rivera, 2003). Pendidikan bukan sahaja meningkatkan keyakinan diri tetapi juga membuka peluang pekerjaan yang lebih baik, membantu mereka untuk keluar daripada kitaran kemiskinan.

Stigma sosial terhadap gelandangan residivis wanita tidak hanya menghalang mereka daripada mendapatkan pekerjaan tetapi juga akses kepada perkhidmatan kesihatan. Gelandangan wanita sering menghadapi pelbagai cabaran kesihatan fizikal dan mental, termasuk trauma akibat penderaan dan ketagihan (Milaney et al., 2020). Akses kepada rawatan perubatan sering terhad, bukan sahaja kerana kekurangan sumber kewangan tetapi juga disebabkan oleh prasangka terhadap mereka dalam sistem

penjagaan kesihatan (Ehlke et al., 2022). Kajian menunjukkan bahawa stigma terhadap masalah kesihatan mental yang dihadapi oleh gelandangan wanita sering kali menyebabkan mereka tidak mendapatkan rawatan yang sewajarnya, memperburuk keadaan mereka (Gattis & Larson, 2016). Di samping itu, kekurangan insurans kesihatan dan sumber penjagaan yang konsisten menghalang mereka daripada menerima rawatan yang berkualiti, termasuk penjagaan kesihatan reproduktif yang sangat diperlukan (Lim et al., 2002).

Teori interseksionaliti juga menyoroti bagaimana kekangan sosial dan ekonomi saling berinteraksi untuk memperkukuhkan ketidaksetaraan. Misalnya, gelandangan wanita yang merupakan ibu tunggal menghadapi tanggungjawab tambahan untuk menjaga anak-anak sambil berusaha memenuhi keperluan asas mereka (Reeve, 2018). Kekurangan akses kepada penjagaan anak yang berpatutan dan tempat perlindungan yang selamat sering kali menyebabkan mereka kekal dalam kitaran gelandangan (Borghi et al., 2023). Dalam kes ini, diskriminasi gender berinteraksi dengan tanggungjawab penjagaan untuk mencipta halangan tambahan kepada mobiliti sosial.

Menurut Hancock (2007), pendekatan interseksionaliti membantu mengenalpasti kompleksiti pengalaman hidup wanita yang terpinggir. Dengan menganalisis bagaimana identiti sosial seperti gender, kelas, dan etnik yang bertindih, pengkaji dapat memahami dengan lebih mendalam bagaimana struktur sosial memperkuat penindasan terhadap gelandangan residivis wanita. Hal ini penting dalam membangunkan dasar dan program yang lebih inklusif dan responsif kepada keperluan mereka.

2.6 Kesimpulan

Secara keseluruhannya, tinjauan literatur memainkan peranan yang signifikan dalam memberikan pandangan yang komprehensif dan objektif mengenai konteks kajian ini, iaitu pengalaman kemiskinan feminisme dan diskriminasi gender terhadap gelandangan residivis wanita. Berdasarkan kajian lepas, beberapa intipati utama dapat dikenal pasti untuk memandu penyelidikan ini dengan lebih mendalam. Antaranya, kajian lepas menunjukkan bahawa pengalaman kemiskinan feminisme bukan sahaja berkait rapat dengan kekurangan pendapatan, tetapi turut melibatkan akses terhadap kepada peluang pendidikan, pekerjaan, dan perkhidmatan sosial. Selain itu, diskriminasi gender terus menjadi penghalang besar dalam usaha gelandangan residivis wanita untuk keluar daripada kitaran kemiskinan, termasuk stigma sosial, pengabaian hak asasi, dan pengalaman buruk seperti gangguan seksual.

Kajian lepas juga memberikan asas yang kuat dalam memahami bagaimana faktor-faktor seperti status sosial, tanggungjawab sebagai ibu tunggal, serta cabaran berganda sebagai bekas banduan, menjadikan golongan wanita ini lebih rentan terhadap diskriminasi. Melalui kerangka teori seperti *Feminist Standpoint* dan Teori Interaksionaliti, pengkaji dapat mensintesis teori-teori yang relevan untuk menganalisis secara kritikal isu-isu yang timbul daripada pengalaman kemiskinan feminisme dan diskriminasi gender. Tinjauan literatur ini bukan sahaja menyediakan landasan teoritis yang kukuh tetapi juga bertindak sebagai sumber data sekunder yang relevan untuk menyokong dan memperkayakan kajian ini. Secara keseluruhannya, pengetahuan daripada kajian lepas memberikan panduan yang penting dalam memahami konteks dan membentuk pendekatan yang lebih inklusif dan efektif untuk menyelesaikan isu-isu yang dihadapi oleh gelandangan residivis wanita.

BAB 3

METODOLOGI KAJIAN

3.1 Pengenalan

Bab ini membincangkan aspek dan proses dalam pelaksanaan kajian, termasuk falsafah penyelidikan, reka bentuk, lokasi penyelidikan, populasi, sampel, kaedah persampelan, dan prosedur pengumpulan data. Instrumentasi termasuk kesahan dan kebolehpercayaan, etika penyelidikan dan teknik analisis data turut dibincangkan.

3.2 Falsafah Penyelidikan

Kajian ini dilaksanakan dengan asas paradigma interpretivist dalam mencapai objektif kajian yang ditetapkan. Interpretivist bertujuan untuk mengungkap makna dalam pengalaman subjektif individu yang terlibat dalam interaksi sosial (Creswell, 2009). Pengkaji yang menggunakan paradigma interpretivist biasanya menyelami konteks sosial yang dikaji dengan berusaha memahami dan mengembangkan teori mengenai komuniti atau kumpulan individu melalui pemerhatian sepanjang kajian (Bryman, 2016; Creswell & Poth, 2016). Dalam bidang kajian gender, paradigma interpretivist dilihat sesuai untuk digunakan dalam penerokaan hidup gelandangan residivis wanita yang tinggal di jalanan. Pendekatan ini selari dengan prinsip interpretif yang membolehkan penerokaan pengalaman sebenar subjek yang dipilih dapat berlaku secara semulajadi dengan naratif yang tersusun (Crotty, 1998; Merriam & Tisdell, 2015).

3.3 Reka Bentuk Penyelidikan

Reka bentuk penyelidikan secara kualitatif dipilih sebagai asas penyelidikan kerana ia melibatkan proses mengumpul, menganalisis, dan mentafsir data bukan numerik yang dikenalpasti sesuai untuk menjawab persoalan kajian (Creswell & Poth, 2018). Pendekatan fenomenologi digunapakai untuk menerangkan pengalaman gelandangan residivis wanita sebagai suatu fenomena unik yang tidak dialami oleh semua orang. Dalam bidang kajian kemanusiaan, penemuan kajian sering diterjemahkan kepada pengumpulan maklumat mendalam dan persepsi melalui kaedah kualitatif induktif, termasuk temu bual dengan gelandangan residivis wanita sebagai pemberi maklumat utama dalam kajian ini (Creswell, 2014). Pemilihan kaedah kualitatif membolehkan penerokaan berlaku dengan lebih mendalam seterusnya memberikan pemahaman yang meluas tentang pengalaman kumpulan gelandangan residivis wanita yang terlibat di dalam kajian ini (Creswell & Poth, 2016; Moustakas, 1994).

3.4 Lokasi Kajian

Kajian ini telah dijalankan di sekitar bandaraya Kuala Lumpur khususnya dilokasi tumpuan gelandangan seperti di Jalan Chow Kit dan Jalan Tengku Abdul Rahman (Jalan TAR). Gelandangan residivis wanita sering menjadikan bandar-bandar besar seperti Kuala Lumpur sebagai lokasi utama setiap kali dibebaskan dari penjara kerana faktor keterbukaan, peluang pekerjaan dan kemudahan infrastruktur. Beberapa kajian tempatan termasuk Idris dan Ramli, (2017) dan Yani et al., (2016) telah mengklasifikasikan Kuala Lumpur sebagai pusat tumpuan gelandangan dan bekas banduan. Walaupun tiada data yang tepat mengenai jumlah sebenar gelandangan residivis wanita yang ada di Kuala Lumpur, namun berdasarkan pelbagai laporan dari

media tempatan, Kuala Lumpur dilihat sebagai lokasi kajian yang berpotensi untuk menyediakan sampel kajian bagi meneroka isu ini (Berawi & Ismail 2019; Idris & Ramli 2017).

3.5 Populasi Kajian dan Sampel

Kajian ini melibatkan kumpulan sampel gelandangan residivis wanita berdasarkan ciri-ciri inklusif yang dinyatakan dalam Jadual 3.1. Penetapan kriteria inklusif dapat membantu pemilihan sampel gelandangan residivis wanita yang diperlukan dalam meneroka naratif kehidupan dan pengalaman mereka di jalanan. Keadaan ini bersesuaian dengan skop dan objektif yang ditetapkan dalam kajian (Marshall & Blanco, 2021). Seramai lapan orang informan gelandangan residivis wanita telah terpilih untuk ditemu bual. Proses temu bual yang dijalankan bersama kesemua informan telah berjaya mencapai tahap ketepuan data dan membantu mencapai objektif kajian. Proses pengumpulan data telah menunjukkan ketepuan semasa sesi temubual bersama informan yang ketujuh dan kelapan. Data tepu mula didapati apabila pengkodan transkrip setiap informan mula menampakkan persamaan kod yang serupa dan menghasilkan tema yang sama.

Jadual 3.1 : Ciri-Ciri Inklusif dan Eksklusif Kelayakan untuk Informan Kajian Residivis Wanita yang Menyertai Kajian

Ciri yang ditetapkan	Informan Kajian Gelandangan Residivis wanita
Ciri -ciri inklusif	1. Merupakan wanita
	2. Mempunyai rekod pemenjaraan berulang
	3. Berumur 21 tahun dan ke atas
	4. Warganegara Malaysia
	5. Tidak mempunyai penyakit mental yang telah didiagnos atau direkodkan oleh mana-mana institusi
	6. Hidup di jalanan
	7. Tidak mempunyai tempat tinggal yang stabil / tetap
Ciri-ciri eksklusif	1. Mempunyai penyakit mental yang didiagnos dari mana-mana institusi kesihatan dalam negara

3.6 Teknik Persampelan

Kajian ini melibatkan dua teknik persampelan iaitu teknik persampelan bertujuan dan bebola salji dalam mengenalpasti sampel gelandangan residivis wanita yang diperlukan. Perincian dua teknik persampelan tersebut adalah seperti berikut:

3.6.1 Teknik Persampelan Bertujuan (*Purposive Sampling Technique*)

Persampelan bertujuan adalah teknik persampelan bukan kebarangkalian (*non probability sampling*) di mana informan dipilih berdasarkan ciri-ciri tertentu yang relevan dengan objektif kajian. Persampelan bertujuan amat berkesan untuk mensasarkan kumpulan sampel tertentu dengan cepat (Patton, 2014; Creswell & Poth, 2016). Dalam kajian ini, teknik persampelan bertujuan digunakan untuk mengakses subset tertentu individu yang memenuhi kriteria kemasukan yang telah ditetapkan oleh pengkaji. Ciri-ciri inklusif yang telah ditetapkan bagi pemilihan sampel memastikan

hanya mereka yang memenuhi kriteria ini terpilih sebagai informan kajian (Neuman, 2014; Suri, 2011).

Seperti yang dinyatakan oleh Patton (2014), persampelan bertujuan membolehkan pengkaji memberi tumpuan kepada subset tertentu dalam populasi yang mempunyai atribut yang berkaitan dengan kajian, memudahkan proses pengumpulan data yang lebih disasarkan. Kajian yang menggunakan persampelan bertujuan perlu mempunyai pemahaman yang jelas tentang matlamat kajian dalam mengenal pasti dan merekrut informan yang sesuai secara berkesan. Proses ini melibatkan pengecualian individu yang tidak memenuhi ciri inklusif yang diperlukan dan boleh melibatkan pelbagai strategi bergantung kepada keperluan kajian (Creswell & Poth, 2016; Neuman, 2014). Pendekatan ini dilihat berkesan dalam penyelidikan kualitatif kerana ia berupaya membantu pengkaji untuk memahami isu-isu kompleks dan menjana pandangan yang mempunyai implikasi penting untuk sampel yang dipilih (Tong, Sainsbury, & Craig, 2007).

3.6.2 Teknik Persampelan Bola Salji (*Snowball Sampling Technique*)

Persampelan bebola salji adalah kaedah di mana informan pertama (dan seterusnya) membantu merekrut informan kedua dan seterusnya untuk penerusan kajian. Teknik ini sangat berguna apabila pemberi maklumat yang berpotensi adalah sukar untuk ditemui. Persampelan bebola salji adalah kaedah persampelan bukan kebarangkalian yang melibatkan dua langkah utama: i) mengenal pasti subjek yang berpotensi dalam populasi, dan ii) meminta subjek ini untuk merekrut individu lain. Adalah penting untuk mengambil perhatian bahawa informan tidak diwajibkan untuk memperkenalkan informan lain; sebaliknya, proses perekrutan harus berlaku secara

sukarela dan semula jadi (Biernacki & Waldorf, 1981). Proses ini diulang sehingga saiz sampel yang diperlukan dicapai atau sehingga data tepu. Secara etika, informan tidak seharusnya dipaksa untuk mengenal pasti informan lain; sebaliknya, mereka digalakkan untuk menjemput orang lain untuk mengambil bahagian dalam kajian tanpa paksaan (Heckathorn, 2011).

Dalam kajian ini, teknik persampelan bebola salji digunakan untuk mengenal pasti informan gelandangan residivis wanita kerana mereka mengenali di antara satu sama lain. Dalam proses ini, kerahsiaan maklumat peribadi informan yang mengambil bahagian dalam kajian dijamin untuk menggalakkan lebih ramai informan yang berpotensi ikut serta dalam kajian yang dijalankan (Atkinson & Flint, 2001; Noy, 2008).

3.7 Instrumen Kajian: Protokol Temu Bual

Bagi kajian ini, protokol temu bual mendalam telah digunakan sebagai instrumen utama. Protokol yang dibina memastikan soalan asas menepati penerokaan maklumat bagi mencapai objektif yang ditetapkan secara menyeluruh. Protokol temu bual bertujuan untuk menyesuaikan perbualan di antara pengkaji dengan informan berkaitan isu yang dibincangkan, memastikan informan menjawab secara spontan dan memberi tumpuan kepada data yang ingin dikumpul (Creswell & Poth, 2016). Salah satu kelebihan protokol temu bual ialah, ia membantu pengkaji membuat keputusan yang teliti tentang cara menggunakan masa dengan berkesan (Patton, 2014). Protokol temubual sebagai sebahagian daripada alat pengumpulan data direka untuk mendapatkan informasi mengenai subjek kajian. Sebelum pengumpulan data, protokol temubual dibangunkan untuk menentukan tempoh temu bual, bahasa yang akan

digunakan, dan soalan yang akan ditanya. Pembinaan dan pembangunan protokol temu bual adalah berdasarkan kajian lepas, objektif kajian, dan rangka kerja teori kajian (Rubin & Rubin, 2011).

Kajian ini menggunakan satu protokol temu bual secara mendalam khas untuk sampel gelandangan residivis wanita. Protokol temubual secara mendalam ini terbahagi kepada empat bahagian utama; Bahagian A mengandungi soalan berkaitan demografi dan pengalaman hidup informan. Bahagian B mengandungi soalan tentang pengalaman kemiskinan feminisme. Bahagian C mengandungi soalan tentang diskriminasi gender dan Bahagian D mengandungi soalan yang meminta pandangan dan refleksi informan kajian secara keseluruhannya. Struktur protokol temubual bagi kajian ini boleh dirujuk pada Jadual 3.2.

Jadual 3.2 : Struktur Protokol Temubual Secara Mendalam Informan Kajian

Senarai topik
Bahagian A: Latarbelakang profil demografi
Bahagian B: Pengalaman Kemiskinan Feminisme
Bahagian C: Diskriminasi Gender
Bahagian D: Refleksi dan Penutup

3.8 Etika Penyelidikan

Etika penyelidikan bertujuan untuk melindungi informan daripada kecederaan fizikal dan psikologi serta memastikan kerahsiaan maklumat peribadi mereka terpelihara sepanjang proses penyelidikan (Israel & Hay, 2006). Secara umumnya, tidak ada paksaan bagi informan untuk melibatkan diri atau mewajibkan penyertaan mereka dalam kajian (Wellington, 2015). Integriti bagi mengekalkan kerahsiaan peribadi informan dan kekal konsisten dalam amalan penyelidikan beretika perlu dikekalkan

sepanjang penyelidikan berlaku (Denzin & Lincoln, 1996). Proses penetapan etika penyelidikan dalam kajian ini diperincikan kepada tiga tahap seperti berikut:

3.8.1 Tahap Pertama: Etika Sebelum Menjalankan Kajian Penyelidikan

Kajian ini telah memohon dan mendapat kelulusan daripada Jawatankuasa Etika Universiti Putra Malaysia (JKEUPM) dengan nombor rujukan kelulusan JKEUPM-2022-707 untuk menjalankan penyelidikan (rujuk Lampiran B). Sebelum kelulusan, cadangan kajian telah dibentangkan kepada ahli Jawatankuasa Etika dan beberapa penambahbaikan telah dilaksanakan seperti berikut:

- i JKEUPM telah meminta untuk menambahbaik pembentukan beberapa soalan yang dikenalpasti sensitif dan boleh mengganggu emosi informan. Memandangkan informan kajian ini termasuk dalam kategori berisiko, JKEUPM telah mencadangkan agar soalan direkabentuk dengan menitikberatkan elemen sensitiviti, lebih terbuka dan mengalakkan penggunaan soalan berbentuk *probing* sepanjang temu bual dijalankan.
- ii. JEKUPM mencadangkan agar aspek keselamatan dititikberatkan semasa temubual dijalankan. Ini bagi memastikan keselamatan pengkaji dan juga informan terjaga dan terhindar dari kejadian yang tidak diinginkan. Berdasarkan saranan, proses pengumpulan data telah dijalankan dengan bantuan pengawalan oleh pihak berkuasa keselamatan dan berjalan dengan lancar.

3.8.2 Tahap Kedua: Etika Sepanjang Menjalankan Kajian Penyelidikan

Sepanjang menjalankan proses pengumpulan data (temubual), informan telah dimaklumkan mengenai tujuan kajian dan objektif yang ingin dicapai. Ini membantu mereka untuk membuat keputusan tentang penyertaan mereka dalam kajian (Creswell & Creswell, 2017). Flik (2022) berpendapat, pendekatan terbaik untuk mendapatkan persetujuan informan adalah dengan memberi penjelasan secara lisan mengenai kajian

terlebih dahulu, diikuti dengan penyerahan borang persetujuan bertulis kepada informan. Ini bagi memastikan mereka benar-benar memahami dan bersetuju untuk mengambil bahagian dalam kajian yang dijalankan. Berdasarkan piawaian etika yang dicadangkan, berikut adalah tiga (3) langkah utama yang telah diambil bagi proses mendapatkan persetujuan informan dalam kajian ini:

1. Maklumat Am Kajian: Informan diberi penerangan secara jelas tentang tujuan penyelidikan, prosedur, risiko, dan hak mereka untuk menarik diri pada bila-bila masa sebagai informan kajian (Beauchamp & Childress, 2014).
2. Kerahsiaan: Informan dijelaskan tentang akta kerahsiaan dan perlindungan maklumat peribadi, akses kepada data yang tidak dibenarkan dan memastikan ia diuruskan dengan penuh kerahsiaan.
3. Integriti: Informan diyakinkan tentang aspek integriti dan kejujuran pengkaji semasa melaporkan hasil kajian termasuk menghormati hak dan kepentingan informan sepanjang proses penyelidikan (Resnik & Elliott, 2016). Informan dimaklumkan tentang rakaman temubual dan keperluan untuk mereka memberi persetujuan terhadap perkara (rakaman) tersebut tanpa sebarang paksaan (Babbie, 2020).

3.8.3 Tahap Ketiga: Etika Selepas Menjalankan Kajian Penyelidikan

Kesemua data yang dikumpul melalui aktiviti temu bual bersama informan dianalisis mengikut objektif dan dipastikan tiada manipulasi data berlaku (Silverman, & Patterson, 2021). Aspek kejujuran dalam melaporkan data dipatuhi berdasarkan prosedur etika untuk memastikan kredibiliti penemuan kajian. Kesemua data penyelidikan telah disimpan dengan teliti (secara digital) untuk mengelakkan kebocoran maklumat dengan akses terhad dan bagi memastikan keterjaminan integriti dalam proses penyelidikan (Morrow, Castañeda-Sound, & Abrams, 2012).

3.9 Tatacara Pengumpulan Data

Tatacara pengumpulan data melibatkan tiga peringkat utama iaitu sebelum, semasa dan selepas, seperti berikut:

3.9.1 Sebelum Pengumpulan Data (Proses Kajian Rintis)

Kajian ini telah menetapkan penggunaan teknik pengumpulan data rintis melalui Perbincangan Kumpulan Berfokus (*Focus Group Discussion*, FGD). Tujuan pemilihan perbincangan kumpulan fokus sebagai teknik pengumpulan data bagi membolehkan informan secara bersama-sama meluahkan pandangan (Patton, 2014). FGD membolehkan pengkaji mendapatkan pandangan awal tentang kesesuaian soalan yang telah direkabentuk selain meninjau potensi kesesuaian melaksanakan FGD dalam proses kutipan data sebenar (Krueger, 2014). Bagi tujuan kajian rintis, FGD telah dijalankan bersama tiga orang gelandangan residivis wanita. Hasil daripada FGD telah menunjukkan cabaran dalam menemubual gelandangan residivis wanita secara berkumpulan. Informan mengalami kesukaran untuk menyatakan pandangan mereka terutamanya berkaitan dengan maklumat peribadi dan sensitif. Ini menyokong pandangan Morgan (1997) dan Krueger (2014) yang menjelaskan bahawa FGD akan menimbulkan kesukaran kepada informan, terutamanya dalam membincangkan topik peribadi dan sensitif dan berpotensi mencetuskan konflik atau salah faham semasa sesi perkongsian.

Dapatan kajian rintis membawa kepada perubahan metod pengumpulan data kepada temubual mendalam secara bersemuka bersama informan secara individu. Perubahan pada protokol temubual juga melibatkan penggubalan semula soalan FGD kepada berbentuk temubual. Perubahan dilakukan berdasarkan penambahbaikan dari

pengalaman yang dilalui sepanjang melakukan FGD. Protokol temubual telah melalui proses semakan pakar bidang iaitu Dr. Sabri Sulaiman dan Dr. Nurmahfuzah Razak. Bidang kepakaran Dr. Sabri adalah dalam Perkhidmatan Sosial (Kerja Sosial & Kaunseling). Manakala, bidang kepakaran Dr. Nurmahfuzah adalah dalam bidang Sains Sosial dan Tingkah Laku (Sosiologi dan Kajian Budaya).

3.9.2 Semasa Pengumpulan Data (Proses Menjalankan Kajian Lapangan Sebenar)

Pengumpulan data sebenar telah berlaku pada bulan Mac 2023 dan berlangsung selama 8 bulan. Proses pengumpulan data berjalan lancar dengan bantuan Pertubuhan Kebajikan Ar-Riqab yang beroperasi di Kuala Lumpur. Pertubuhan Kebajikan Ar-Riqab Kuala Lumpur (Ar Riqab KL) telah didaftarkan pada 3 Oktober 2019 sebagai sebuah organisasi kebajikan yang memberi tumpuan khusus kepada golongan penerima zakat kategori Ar-Riqab di sekitar Kuala Lumpur dan Lembah Klang. Berpusat di Chow Kit, Kuala Lumpur, organisasi ini berperanan dalam membantu golongan gelandangan serta masyarakat miskin bandar.

Lima kumpulan utama yang menjadi fokus pertubuhan ialah pengguna dadah, pekerja seks, individu transgender, remaja jalanan, serta keluarga berisiko. Saluran ini memaparkan pelbagai aktiviti organisasi, wawancara bersama orang awam dan pakar dalam bidang berkaitan, serta perbincangan mengenai isu sosial dan ekonomi semasa. Penglibatan pengkaji bersama pertubuhan ini bermula dengan menjadi sukarelawan. Pengkaji telah memohon kerjasama pertubuhan dalam mendapatkan responden yang diperlukan.

Penyertaan pengkaji sebagai sukarelawan tetap bersama Pertubuhan Kebajikan Ar-Riqab telah membantu dalam mengenalpasti sampel gelandangan reidivis wanita yang sesuai sebagai informan kajian. Pengalaman pengkaji sebagai sukarelawan yang sering terlibat dalam aktiviti pengedaran makanan dan bantuan keperluan asas kepada 'klien' pertubuhan telah membantu membina '*rapport*' yang baik dengan bakal informan kajian ini. Kesemua sesi temu bual telah dijalankan di Pusat Komuniti Pembelajaran yang beroperasi di Jalan Chow Kit, Kuala Lumpur. Kajian telah mendapat kelulusan dari pihak Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) untuk menjalankan temubual di salah satu ruang komuniti di pusat komuniti tersebut (lihat lampiran surat kebenaran dari DBKL). Pemilihan pusat adalah bersesuaian kerana ia mudah diakses oleh informan yang berada di sekitar Jalan Chow Kit.

Pemilihan lokasi yang berada di bawah seliaan DBKL juga membolehkan kajian untuk mendapatkan khidmat bantuan pekerja sosial dari DBKL yang hadir untuk memantau aktiviti penyelidikan. Selain itu, kajian turut mendapat kerjasama dari pengawal keselamatan yang menjaga pusat komuniti bagi membantu dari aspek kawalan keselamatan dan memastikan kelancaran proses temu bual yang dijalankan.

Sesi temubual bersama informan telah membolehkan perkongsian maklumat dan pengumpulan data berlaku dalam keadaan yang selamat dan selesa. Ia juga membantu proses penerokaan yang lebih mendalam mengenai pengalaman dan perspektif setiap informan (Patton, 2014). Sesi temubual mendalam telah memberikan hasil yang positif dengan kutipan data yang komprehensif (Seidman, 2019). Secara keseluruhannya, kajian di lapangan telah berjaya dilaksanakan dengan sesi temubual bersama lapan orang informan gelandangan residivis wanita. Sesi temubual

ditamatkan setelah proses pengumpulan data telah mencapai tahap ketepuan pada informan ketujuh dan kelapan.

3.9.3 Selepas Pengumpulan Data (Proses Menjalankan Analisis Kajian)

Proses penterjemahan data secara verbatim bermula sebaik sahaja selesai aktiviti pengumpulan data di lapangan. Data verbatim yang telah siap diterjemahkan kemudiannya dimasukkan ke dalam perisian Atlas.ti untuk tujuan pengekodan dan pengkaji memulakan proses interpretasi data di peringkat seterusnya (Bazeley, 2020; Friese, 2019).

3.10 Teknik Analisis Data

Analisis data dalam kajian ini dilakukan berdasarkan tema-tema yang diperoleh daripada konsep umum yang telah dikenal pasti serta melalui proses pengkategorian yang sistematik. Pengkaji bertanggungjawab menyusun dan menganalisis data dengan berpandukan tema-tema utama yang telah muncul (Rivas, 2012). Sebelum proses analisis dijalankan, semua data yang dikumpul melalui temu bual ditranskripsi terlebih dahulu. Proses transkripsi ini dilaksanakan sendiri oleh pengkaji dengan bantuan perisian Atlas.ti untuk memastikan pemahaman yang lebih mendalam terhadap data yang diperoleh. Di samping itu, transkripsi dilakukan secara serentak dengan sesi temu bual bagi membolehkan pengkaji menambah maklumat yang mungkin tidak sempat dicatat semasa temu bual berlangsung. Langkah ini bukan sahaja membantu dalam mengekalkan ketepatan maklumat tetapi juga memudahkan pengkaji dalam membuat catatan reflektif berkaitan dengan data yang dikumpul.

Selepas temu bual selesai, data ditranskripsi secara verbatim, iaitu baris demi baris, bagi memastikan segala butiran yang dinyatakan oleh informan direkodkan dengan tepat. Proses transkripsi ini turut melibatkan semakan berulang kali dengan rakaman audio bagi memastikan kesahihan data. Setelah transkripsi selesai, pengkaji mula membangunkan sub-tema dan tema utama yang akan digunakan untuk menyokong perbincangan hasil kajian. Menurut Bhavnani, Chua, dan Collins, (2014), terdapat enam langkah utama dalam pengurusan dan analisis data kualitatif yang digunakan dalam kajian ini. Analisis data bermula sebaik sahaja temu bual pertama selesai, di mana pengkaji mengumpul dan menyusun data secara sistematik bagi memudahkan proses analisis seterusnya. Langkah berikutnya melibatkan proses transkripsi, di mana semua data berbentuk audio diterjemahkan ke dalam bentuk teks sebelum dianalisis. Setelah transkripsi selesai, pengkaji membaca keseluruhan teks tersebut untuk mendapatkan gambaran umum tentang isu yang dikaji sebelum beralih kepada proses pengekodan data.

Pengekodan merupakan salah satu elemen utama dalam analisis data kualitatif kerana ia membantu dalam mentafsir makna serta membina tema dan konsep berdasarkan data yang diperoleh (Ezzy, 2002). Proses pengekodan dalam kajian ini dilakukan secara induktif, yang bermaksud tema yang dibentuk diperoleh secara langsung daripada transkrip temu bual dan tidak ditentukan sebelum analisis dilakukan. Dalam proses ini, pengkaji meletakkan label kod yang sesuai pada ayat-ayat dalam transkrip, mengurangkan kod yang bertindan, serta menggabungkan kod yang serupa bagi membentuk tema yang lebih jelas dan bermakna. Ezzy (2002) menyatakan bahawa terdapat tiga peringkat utama dalam proses pengekodan data, iaitu pengekodan

terbuka (*open coding*), pengkodan aksial (*axial coding*) dan pengkodan selektif (*selective coding*) (lihat Jadual 3.3).

Pada peringkat *open coding*, data dianalisis secara terbuka tanpa sebarang fokus khusus terhadap sesuatu idea, sebaliknya kod diberikan kepada kategori umum yang muncul dalam data. Pada tahap ini, pengkaji meneliti keseluruhan transkrip, mengenal pasti unit-unit analisis, serta memberi kod kepada makna, perasaan dan tindakan yang dinyatakan oleh informan. Selain itu, proses ini juga melibatkan penggunaan metafora atau kata kiasan, perbandingan antara peristiwa, tindakan dan perasaan yang direkodkan, pembahagian kod kepada subkategori, serta integrasi kod yang lebih spesifik bagi membentuk pemahaman yang lebih jelas tentang fenomena yang dikaji. Dalam proses ini, pengkaji membaca setiap ayat secara teliti bagi memastikan tiada maklumat yang penting tercicir.

Selepas proses pengkodan terbuka (*open coding*), analisis beralih kepada peringkat pengkodan aksial (*axial coding*), di mana kod-kod yang telah dikenal pasti mula dikelaskan mengikut kategori yang lebih spesifik. Pada tahap ini, pengkaji mencari hubungan antara kod-kod yang telah diperoleh dalam proses *open coding* bagi membentuk pola yang lebih jelas dalam data (Ezzy, 2002). Peringkat terakhir dalam proses pengkodan ialah pengkodan selektif (*selective coding*), yang merangkumi proses pemilihan dan penyusunan kategori utama yang memberi makna kepada fenomena yang dikaji. Pada tahap ini, pengkaji mengenal pasti kod-kod utama dalam analisis serta hubungan antara kod-kod teras dengan kod-kod lain. Proses ini juga melibatkan perbandingan skema pengkodan yang telah dibentuk dengan teori-teori sedia ada bagi memastikan analisis yang lebih kukuh dan berasas. Di samping itu,

semakan terhadap tema utama yang telah dihasilkan turut dilakukan bagi menambah baik ketepatan serta kesahihan hasil analisis.

Langkah seterusnya dalam analisis data kualitatif ialah membentuk gambaran keseluruhan berdasarkan tema-tema yang telah dikenalpasti. Dalam proses ini, pengkaji menghubungkan tema-tema yang muncul semasa proses pengekodan bagi mendapatkan pemahaman yang lebih menyeluruh tentang isu yang dikaji. Langkah terakhir dalam proses analisis data adalah penyediaan laporan kajian. Hasil kajian ditulis menggunakan pendekatan induktif, di mana data dibentangkan terlebih dahulu sebelum kesimpulan dibuat. Pendekatan ini membantu dalam memberikan pemahaman yang lebih mendalam terhadap fenomena yang dikaji, kerana ia membolehkan pembaca melihat bukti empirikal sebelum sebarang tafsiran atau rumusan diberikan (Osborn, 2008).

Dalam usaha memastikan interpretasi data yang lebih tepat, pengkaji turut membaca keseluruhan transkrip temu bual dan menganalisisnya semula bagi memastikan pemahaman yang selari dengan perspektif informan (Minichiello et al., 2008). Setelah semua data dianalisis, tema utama dikenal pasti menggunakan pendekatan induktif, di mana pola dan hubungan dalam data diteliti untuk membentuk kerangka pemahaman yang lebih kukuh terhadap fenomena yang dikaji. Keseluruhan proses analisis data yang dijalankan dalam kajian ini memastikan bahawa setiap langkah dilaksanakan secara sistematik dan menyeluruh. Pendekatan yang digunakan dalam pengekodan serta pembangunan tema membolehkan pengkaji mengenal pasti corak yang signifikan dalam data, sekaligus memastikan hasil kajian yang sahih dan bermakna.

Pengkaji melampirkan jadual 3.3 tentang Langkah Analisa data dan pembetulan tema seperti berikut:

Jadual 3.3 : Langkah Analisa Data dan Pembentukan Tema

Langkah	Proses
1. Pengkodan terbuka (<i>Open coding</i>)	• Mengeksplorasi data • Mengenal pasti unit untuk dianalisis • Pengkodan makna, perasaan dan tindakan • Membuat metafora data • Membandingkan dan membezakan peristiwa, tindakan dan perasaan • Memecahkan kod kepada subkategori • Mengintergrasikan kod kepada kod yang lebih eksklusif • Mengenal pasti ciri-ciri kod
2. Pengkodan Aksial (<i>Axial coding</i>)	• Mengeksplorasi kod • Memeriksa hubungan antara kod
3. Pengkodan Selektif (<i>Selective coding</i>)	• Mengenalpasti kod teras • Memeriksa hubungan antara kod teras dengan kod-kod yang lain • Membandingkan skema pengkodan dengan teori yang ada

3.11 Kesahan dan Kebolehpercayaan

Untuk meningkatkan kesahihan dan kebolehpercayaan penemuan penyelidikan, beberapa strategi telah dilaksanakan antaranya *peer checking*, *peer review* dan *peer debriefing*, penglibatan yang berpanjangan, dan jejak audit. Setiap strategi membantu memastikan hasil penyelidikan adalah boleh dipercayai dan sahih.

i. *Peer checking*

Peer checking adalah teknik yang digunakan untuk meningkatkan kredibiliti dan kesahihan dengan berkongsi penemuan atau tafsiran dengan informan (Lincoln &

Guba, 1985). Dalam kajian ini, pengkaji telah berkongsi data yang telah dianalisis dengan beberapa informan asal. Informan menyemak transkrip, kod, tema utama dan sub tema yang berkaitan dengan maklumat yang telah mereka kongsi semasa sesi temubual. Maklum balas dari informan yang bersetuju dengan tafsiran dan analisis, meningkatkan kredibiliti kajian. Walau bagaimanapun, pengkaji tidak berjaya menemukan semula beberapa informan kerana keberadaan mereka yang sukar dikenalpasti. Ini dijelaskan oleh Merriam & Tisdell (2015) bahawa antara cabaran proses semakan rakan bagi populasi yang berisiko adalah kesukaran untuk menghubungi mereka semula. Dalam konteks kajian ini, informan tidak dapat dihubungi mungkin disebabkan telah berpindah keluar dari Kuala Lumpur atau telah ditangkap dan dipenjarakan semula.

ii. *Peer review* dan *Peer Debriefing*

Peer checking dan *peer debriefing* melibatkan penilaian oleh pengkaji atau pakar bidang terhadap penemuan dan metodologi kajian untuk mengurangkan bias dan menentukan kesahihan data (Lincoln & Guba, 1985). Data yang diperolehi dari kajian ini telah melalui *peer review* oleh penyelia dan *peer debriefing* dengan pakar akademik yang tidak terlibat dalam penyelidikan (Creswell & Miller, 2000). Dua pakar bidang yang terlibat dalam proses *peer review* dan *peer debriefing* adalah Dr. Sabri Sulaiman dan Dr. Nurmahfuzah Razak. Kedua-dua mempunyai kepakaran dalam bidang polisi sosial dan juga sosiologi. Dr. Nurmahfuzah mempunyai kepakaran dalam bidang melibatkan gelandangan sebagai subjek kajian.

iii. Proses Kajian Lapangan yang Panjang

Proses kajian lapangan yang panjang merujuk kepada penggunaan masa yang mencukupi di lapangan untuk membina kepercayaan dengan informan dan memperoleh pemahaman yang lebih mendalam tentang fenomena kajian (Lincoln & Guba, 1985). Dalam kajian ini, pengumpulan data berlangsung selama lapan bulan. Pengkaji meluangkan masa untuk mengenal pasti dan menemubual informan yang memenuhi kriteria inklusif dan memastikan penyertaan mereka secara sukarela (Creswell & Poth, 2018).

v. Jejak Audit

Jejak audit melibatkan pendokumentasian sistematik proses penyelidikan untuk memastikan ketelusan dan kesahan data (Merriam & Tisdell, 2015). Dalam kajian ini, pengkaji menggunakan perisian untuk pengkodan dan mengekalkan jejak audit yang membantu mengatur dan menjejaki data secara sistematik. Penggunaan perisian Atlas.ti membolehkan pengkaji menguruskan kod dan tema dengan cekap, meningkatkan kebolehpercayaan dan kesahihan kajian dengan menyediakan rekod yang jelas tentang proses analisis kajian (Frieze, 2019).

3.12 Kesimpulan

Kesimpulannya, bab ini membincangkan secara terperinci proses metodologi yang digunakan dalam kajian bagi menjawab persoalan serta mencapai objektif yang telah ditetapkan. Kajian ini menggunakan reka bentuk berasaskan kaedah kualitatif dengan pendekatan fenomenologi. Persampelan bertujuan telah diaplikasikan dalam menentukan pemilihan sampel kajian. Berdasarkan elemen-elemen yang dinyatakan, pengkaji dapat melaksanakan langkah yang sistematik dalam menjawab objektif

kajian yang dirumuskan. Selain itu, elemen-elemen tersebut turut membantu pengkaji mengurangkan kesilapan semasa proses pengumpulan data, sekali gus memastikan pencapaian matlamat kajian secara efektif. Bab seterusnya akan menerangkan hasil analisis data dan perbincangan.



BAB 4

ANALISIS DATA DAN PERBINCANGAN

4.1 Pengenalan

Bab ini membentangkan hasil analisis data yang diperoleh melalui kaedah kualitatif serta perbincangan yang berkaitan dengan dapatan kajian. Proses analisis dijalankan dengan mematuhi prinsip-prinsip analisis kualitatif yang melibatkan pengekodan data, pengenalpastian tema utama, serta interpretasi makna yang mendalam daripada data yang dikumpulkan. Dapatan kajian ini seterusnya dibandingkan dan dibincangkan dalam konteks literatur sedia ada bagi menilai sejauh mana ia menyokong atau menyanggah teori dan kajian terdahulu. Bab ini juga meneliti implikasi dapatan terhadap persoalan dan objektif kajian yang telah dirumuskan, di samping membincangkan isu-isu penting yang timbul semasa proses analisis. Dengan pendekatan yang menyeluruh, bab ini berusaha untuk memberikan penjelasan yang mendalam dan bermakna dalam menjawab persoalan kajian yang telah dikenal pasti.

4.2 Profil Informan Gelandangan Residivis Wanita

Kajian ini melibatkan seramai lapan orang informan dalam kalangan gelandangan residivis wanita. Bagi memastikan kerahsiaan identiti informan serta pematuhan kepada etika penyelidikan universiti, nama sebenar setiap informan telah dirahsiakan dan digantikan dengan nama samaran. Pendekatan ini diambil bagi mengelakkan sebarang kemungkinan kaitan antara nama samaran dengan identiti sebenar informan. Keputusan ini dibuat memandangkan sifat sensitif kajian yang melibatkan kumpulan informan berisiko tinggi, seperti gelandangan residivis wanita, yang sering terdedah

kepada stigma serta penilaian negatif masyarakat. Profil demografi sosial informan gelandangan residivis wanita dipaparkan dalam Jadual 4.1.

Berdasarkan Jadual 4.1, daripada lapan informan yang terlibat dalam kajian ini, empat orang berasal dari Selangor, seorang dari Kuala Lumpur, seorang dari Perak, seorang dari Sarawak, dan seorang lagi dari Pulau Pinang. Dari segi latar belakang etnik, tujuh daripada mereka berbangsa Melayu, sementara seorang lagi berbangsa Cina yang telah memeluk agama Islam. Informan berumur antara 21 hingga 47 tahun. Dari aspek pendidikan, tiga informan memiliki tahap pendidikan sehingga Sijil Pelajaran Malaysia (SPM), seorang mencapai tahap Penilaian Menengah Rendah (PMR), dua orang mencapai Ujian Penilaian Sekolah Rendah (UPSR), manakala seorang hanya mengikuti pendidikan sehingga tingkatan dua dan tingkatan satu. Dapatan demografi ini menunjukkan bahawa tahap pendidikan dalam kalangan informan adalah pada paras rendah hingga sederhana. Tahap pendidikan yang terhad ini berpotensi mempengaruhi kemampuan mereka untuk keluar daripada kehidupan sebagai gelandangan serta menghadkan akses kepada peluang pekerjaan formal.

Jadual 4.1 : Profil Demografi Sosial Informan Gelandangan Residivis Wanita

No.	Nama Samaran	Asal	Kaum	Umur	Pendidikan	Pekerjaan	Rekod Jenayah	Ketagihan	Penyakit
1.	Jamiliah	Selangor	Melayu	43 Tahun	Tingkatan 2	Menganggur	Dadah (3 Kali)	Heroin	Sawan
2.	Shakila	Kuala Lumpur	Melayu	21 Tahun	Penilaian Menengah Rendah (PMR)	Penjual dadah (runner)	Dadah (3 kali)	Heroin	Bebas Penyakit (OKU Lambat Pembelajaran)
3.	Zaleha	Perak	Melayu	45 Tahun	Ujian Penilaian Sekolah Rendah (UPSR)	Berniaga	Dadah (2 Kali)	Methaphetamin	Bebas Penyakit
4.	Fatiha	Selangor	Cina (Mualaf)	36 Tahun	Tingkatan 1	Tukang urut dan pekerja seks	Dadah (14 Kali)	Methaphetamin	Bebas Penyakit
5.	Liza	Sarawak	Melayu	43 Tahun	Ujian Penilaian Sekolah Rendah (UPSR)	Kerja di kedai Snooker	Dadah (10 kali)	Methaphetamin	Bebas Penyakit
6.	Intan	Selangor	Melayu	46 Tahun	Sijil Pelajaran Malaysia (SPM)	Menganggur	Dadah (8 Kali)	Methaphetamin	Darah Tinggi kronik, hepatitis C
7.	Azizah	Selangor	Melayu	47 Tahun	Sijil Pelajaran Malaysia (SPM)	Menganggur	Dadah, mencuri dalam bangunan dan perlacuran (23 Kali)	Methaphetamin	Bebas Penyakit
8.	Nasha	Pulau Pinang	Melayu	36 Tahun	Sijil Pelajaran Malaysia (SPM)	Menganggur	Dadah (2 Kali)	Methaphetamin dan ketum	Bebas Penyakit

Dapatan kajian menunjukkan status pekerjaan informan mencerminkan keadaan sosioekonomi yang mencabar. Empat daripada mereka tidak bekerja, seorang terlibat dalam aktiviti penjualan dadah, seorang menjalankan perniagaan kecil, seorang bekerja sebagai tukang urut sambil terlibat dalam aktiviti pelacuran, dan seorang lagi bekerja di sebuah kedai snuker. Dari segi latar belakang jenayah, majoriti informan tergolong dalam kalangan pengulang laku jenayah (residivis). Dua informan telah dipenjarakan sebanyak dua kali, dua lagi sebanyak tiga kali, manakala selebihnya telah dipenjarakan lebih daripada empat kali. Keadaan ini menunjukkan bahawa kesemua informan yang ditemu bual merupakan residivis yang secara kronik mengulangi kesalahan jenayah.

Dapatan kajian yang dipaparkan dalam Jadual 4.1 turut menunjukkan bahawa jenis jenayah yang paling dominan dalam kalangan informan berkaitan dengan dadah, termasuk penggunaan, pemilikan, penjualan, dan pengedaran dadah. Dari segi ketagihan, dua orang bergantung kepada heroin, lima orang ketagihan terhadap methamphetamine, manakala seorang lagi ketagihan kepada gabungan methamphetamine dan daun ketum. Situasi ini menggambarkan masalah ketagihan dadah yang agak kronik dalam kalangan informan, di mana mereka masih terus menggunakan bahan terlarang tersebut secara berpanjangan.

Dari aspek kesihatan, enam informan tidak mempunyai sebarang penyakit yang dilaporkan, seorang mengalami masalah sawan, dan seorang lagi menghidap penyakit darah tinggi yang kronik serta Hepatitis C. Melalui temu bual yang dijalankan, pengkaji telah memperoleh pelbagai dapatan yang mencerminkan pengalaman serta cabaran hidup informan. Proses pengumpulan data berjaya mencapai ketepuan data

yang diperlukan serta memenuhi objektif kajian yang ditetapkan. Kesemua kod dan tema yang dikenal pasti telah dikategorikan mengikut kelompok sampel untuk tujuan analisis lanjut.

4.3 Proses Pembinaan Tema dan Analisis Kajian

Kajian ini menggunakan pendekatan analisis tematik bagi membina pemahaman mendalam mengenai pengalaman gelandangan residivis wanita, khususnya dalam konteks pengalaman kemiskinan feminisme dan diskriminasi gender. Proses pembinaan tema dijalankan berdasarkan analisis data kualitatif yang diperoleh daripada transkrip temu bual. Pendekatan ini membolehkan pengkaji mengenal pasti pola utama dalam data yang relevan dengan isu yang dikaji. Data tersebut telah dikodkan secara sistematik, di mana setiap kod, subtema, dan tema yang muncul dianalisis bagi memahami pengalaman diskriminasi gender, cabaran kemiskinan, serta aspek interseksionaliti yang mempengaruhi kehidupan gelandangan residivis wanita.

Proses pembinaan tema dalam kajian ini melibatkan tiga tahap utama dalam analisis kualitatif, iaitu pengekodan terbuka (*open coding*), pengekodan aksial (*axial coding*), dan pengekodan selektif (*selective coding*). Pendekatan ini bertujuan untuk meneroka dan memahami pengalaman hidup gelandangan residivis wanita dengan mengintegrasikan kajian lepas serta menggunakan kerangka analisis Teori Feminist Standpoint dan Teori Interseksionaliti.

Tahap pertama dalam proses ini ialah pengekodan terbuka (*open coding*), yang merupakan langkah awal dalam menganalisis data. Pada peringkat ini, data mentah yang diperoleh daripada temu bual separa struktur dipecahkan kepada segmen-segmen

kecil berdasarkan unit makna yang signifikan. Setiap segmen diberikan kod awal yang menggambarkan kandungan data tanpa andaian teori atau tafsiran yang telah ditetapkan (Braun & Clarke, 2006; Strauss & Corbin, 1988).

Melalui pengekodan terbuka (*open coding*), pengkaji mengenal pasti pelbagai konsep yang signifikan secara bebas tanpa dipengaruhi oleh sebarang kerangka awal. Pendekatan ini membolehkan data menentukan kod yang sesuai, sekali gus membantu membina pemahaman awal terhadap isu yang kompleks dengan memecahkannya kepada bahagian yang lebih kecil dan bermakna. Proses pengekodan dilaksanakan secara berurutan berdasarkan kemunculan data. Jadual 4.2 menunjukkan proses pengekodan terbuka (*open coding*) yang dijalankan. Jadual ini turut memaparkan contoh langkah-langkah yang diambil dalam mengenal pasti dan mengkategorikan kod berdasarkan data yang dikumpulkan.

Pengkaji membaca transkrip yang ada sehingga mendapatkan pemahaman tentang keseluruhan temu bual yang dijalankan. Seterusnya, pengkaji mula menentukan kod-kod yang timbul sepanjang pembacaan transkrip. Pengkaji mengorganisasikan kod dan menamakan kod bagi memberi makna. Setelah kod awal dikenal pasti, proses pengekodan aksial (*axial coding*) dijalankan untuk mengelompokkan kod-kod yang terkumpul kepada kategori yang lebih besar dan saling berkaitan. Pengekodan aksial (*Axial coding*) adalah fasa kedua dalam proses analisis data kualitatif (Strauss dan Corbin, 1998). Ia bertujuan untuk menghubungkan kod-kod dikenal pasti kepada kategori semasa fasa pengekodan open (*open coding*). Proses ini bagi menunjukkan hubungan yang wujud di antara kod dengan cara yang lebih bermakna dan sistematik.

Jadual 4.2 : Proses Pengekodan Terbuka

Informan	Verbatim	Tafsiran	Kod yang dinamakan
Fatiha	<i>“Kalau ada peluang tak apa, tapi buat masa ini saya betul zero, duit tiada, kalau dapat kerja dengan sediakan hostel, lagi bagus, hal ini sebab saya tiada tempat tinggal. Memang sukar nak cari peluang. Orang tak nak ambil orang macam kami dengan rekod jenayah, ketagihan dan jantina kami sebagai wanita”</i>	Verbatim ini memaparkan tentang ketiadaan peluang untuk mendapatkan pekerjaan Keadaan ini menyukarkanmereka untuk berubah.	Ketiadaan peluang untuk keluar daripada kehidupan miskin
Mas	<i>“Sukar nak cari peluang untuk memperbaiki diri. Saya boleh kata kehidupan sini lebih kepada nak kelangsungan hidup semata-mata. Memang sangat sukar untuk dikeluarkan diri daripada kehidupan miskin ini”</i>		Ketiadaan peluang untuk keluar daripada kehidupan miskin
Norshakila	<i>“Susah hidup sebegini, setiap hari menjalani hidup tanpa duit. Saya tidak tahu nak buat macam mana sudah dengan hidup”</i>	Informan melaporkan tentang ketiadaan sumber kewangan.	Kemiskinan disebabkan oleh ketiadaan sumber kewangan.
Fatiha	<i>“Saya betul zero, saya memang tiada duit. Hidup saya di Kuala Lumpur ini memang sangat miskin”,</i>	Informan melaporkan tentang ketiadaan sumber kewangan.	Kemiskinan disebabkan oleh ketiadaan tiada sumber kewangan
Azizah	<i>“Kemiskinan ini apabila kita terpaksa hidup dalam kekurangan, bagi saya miskin yang serba kekurangan. Banyak benda yang tidak dapat dipenuhi”</i>	Verbatim yang menyatakan tentang hidup dalam serba kekurangan.	Hidup dalam serba kekurangan
Mas	<i>“Kesukaran untuk memastikan kelangsungan hidup. Hidup saya serba serbi tidak cukup.”</i>	Verbatim menyatakan tentang kehidupan dalam serba kekurangan.	Hidup dalam serba kekurangan
Zaleha	<i>“Saya tak ada apa, susah sangat, saya ini susah hidup, susah cari makanan, cari pekerjaan, orang banduan ini susah nak cari pekerjaan. Memang terpaksa memilih menganggur”</i>	Informan melaporkan tentang masalah pengangguran yang dihadapi.	Kemiskinan disebabkan oleh pengangguran
Noorliza	<i>“Akak dulu kerja. Masa itu memang ada duit, lepas tak kerja, sudah tak ada duit, akak suka tipu orang lagi, itu balasan sebab suka tipu orang. Saya jadi menganggur macam ini”</i>	Verbatim ini melaporkan tentang ketiadaan sumber kewangan akibat pengangguran.	Kemiskinan disebabkan oleh pengangguran

Jadual 4.2 : Sambungan

Informan	Verbatim	Tafsiran	Kod yang dinamakan
Zaleha	<i>"Akak kan sekarang tak ada pendidikan, memang susah nak dapatkan pekerjaan. Majikan memang tak nak ambil orang yang berpendidikan rendah ini. Akak memang mencari kerja, tolong member kerja. Kadang-kadang RM 25 sehari, kadang-kadang RM 30 sehari. Memang tak cukup ikutkan, akak guna duit itu untuk bayar duit sewa"</i>	Verbatim ini melaporkan tentang ketiadaan pendidikan.	Ketiadaan pendidikan memberi kesukaran dalam mendapatkan pekerjaan
Intan	<i>"Saya sering melihat pendidikan saya yang rendah menyebabkan saya mengalami kesukaran dalam mendapatkan pekerjaan yang baik. Saya hanya dapat kerja macam menjaga kedai, basuh pinggan, potong sayur. Selalu gaji yang diberikan sangat rendah. Saya tidak mempunyai pilihan melainkan menerima kerja tersebut"</i>	Informan mengaitkan kesukaran mendapatkan pekerjaan disebabkan oleh ketiadaan pendidikan.	Ketiadaan pendidikan memberi kesukaran dalam mendapatkan pekerjaan.
Norshakila	<i>"Saya akan membawa tabung, saya akan bergerak di seluruh kawasan Kuala Lumpur, saya menagih simpati dari orang ramai. saya nak buat duit poket sahaja, kalau tak susah nak hidup di jalanan ini"</i>	Menagih simpati untuk kelangsungan hidup.	Terpaksa meminta sedekah akibat kehidupan miskin
Fatiha	<i>"Saya selalu memilih untuk meminta sedekah untuk mendapatkan duit. Hidup saya sangat miskin. Saya tidak mempunyai banyak pilihan. Selalunya akan memilih untuk meminta sedekah akhirnya. Hidup di jalanan ini sangat sukar. Saya sukar untuk mendapatkan pekerjaan yang baik"</i>	Verbatim ini melaporkan tentang aktiviti meminta sedekah	Terpaksa meminta sedekah akibat kemelaratan hidup.
Intan	<i>"Miskin harta benda, dari segi makanan, kekurangan makanan, tempat tinggal, pelajaran, akademik, anak anak, macam tak ada telefon, IC semua itu"</i>	Verbatim ini melaporkan tentang kemiskinan harta benda	Miskin dari segi harta benda
Mas	<i>"Kesan kemiskinan pada gelandangan macam tiada rumah. Hidup melarat dan sebagainya"</i>	Informan menyatakan kehidupan melarat dan miskin.	Miskin dari segi harta benda

Hal ini kerana pengkodan aksial (*axial coding*) berfungsi untuk menjelaskan hubungan antara kategori utama dan subkategori bagi memberikan struktur kepada data yang pada awalnya terpecah-pecah. Dalam tahap ini, hubungan antara kod diperiksa berdasarkan persamaan, perbezaan, dan interaksi di antara tema-tema yang muncul. Proses ini memberikan struktur kepada analisis dengan mengenal pasti kategori utama yang muncul daripada data. Pengkaji melampirkan jadual 4.3 tentang proses menjalankan pengkodan axial.

Jadual 4.3 : Proses Menjalankan Pengkodan Aksial

No.	Senarai kod yang diperolehi daripada pengkodan terbuka (Open coding)	Hubungan di antara kod yang membawa kepada pembentukan kategori	Pemberian nama Kategori
1.	Ketiadaan peluang untuk keluar daripada kehidupan miskin	Kesemua kod melaporkan tentang ketiadaan peluang, ketiadaan sumber kewangan hidup dalam serba kekurangan oleh pengangguran, kesan ketiadaan pendidikan, meminta sedekah dan miskin harta benda.	Keterbatasan Peluang Ekonomi dan Pengangguran
2.	Kemiskinan disebabkan oleh ketiadaan sumber kewangan		
3.	Hidup dalam serba kekurangan		
4.	Kemiskinan disebabkan oleh pengangguran		
5.	Ketiadaan pendidikan memberi kesukaran dalam mendapatkan pekerjaan		
6.	Terpaksa meminta sedekah akibat kehidupan miskin		
7.	Miskin dari segi harta benda.		
8.	Ketiadaan keluarga sebagai sistem sokongan	Kedua-dua kod ini menggambarkan tentang ketiadaan sistem sokongan. Keadaan ini memberi kesan kepada pengalaman kemiskinan feminisme gelandangan residivis wanita.	Sistem Sokongan yang Terhad,
9.	Tertekan akibat ketiadaan keluarga		
10.	Tanggungan yang besar memberi kesan kepada kemiskinan		
11.	Kehidupan lelaki lebih mudah dari wanita	Kaitan yang wujud di antara keempat-empat kod ini menggambarkan tentang keadaan status gender yang stereotaip. Terdapat gambaran tentang kehidupan sebagai wanita yang membawa tanggungan yang besar. Begitu juga dengan	Stereotaip Gender
12.	Mengalami ketidakaturan hidup		
13.	Perjalanan hidup yang sukar		

Jadual 4.3 : Sambungan

		kehidupan lelaki lebih mudah dari wanita.	
14.	Gelandangan residivis wanita sering dieksploitasi oleh teman rapat	Keempat-empat kod ini menggambarkan tentang eksploitasi seksual yang berlaku kepada golongan gelandangan residivis wanita ini sepanjang hidup di jalanan	Eksploitasi gender
15.	Kehidupan lelaki lebih mudah daripada wanita di jalanan		
16.	Mengalami ketidakaturan hidup		
17.	Perjalanan hidup yang sukar		
18.	Ketagihan dadah turut memberi kesan kepada keadaan hidup miskin	Persamaan yang wujud di antara ketiga-tiga kod ini tentang aktiviti jenayah yang dilakukan oleh golongan gelandangan residivis wanita	Eksploitasi jenayah
19.	Menjual daah untuk menampung kehidupan		
20.	Terdedah dengan ancaman bahaya		

Tahap akhir adalah pengekodan selektif (*selective coding*), di mana kategori-kategori utama yang dihasilkan melalui pengekodan aksial (*axial coding*) disatukan untuk membentuk tema besar. Dalam konteks kajian ini, tema utama yang muncul adalah "kemiskinan feminisme dalam gelandangan residivis wanita" dan "diskriminasi gender gelandangan residivis wanita." Pengkaji melampirkan jadual 4.4 tentang proses menjalankan pengekodan selektif (*selective coding*). Proses ini membolehkan pengkaji mengekstrak naratif yang menyeluruh tentang bagaimana gelandangan residivis wanita mengalami pengalaman kemiskinan feminisme dan diskriminasi gender yang menghalang mereka daripada keluar dari kitaran kemiskinan.

Jadual 4.4 : Proses Menjalankan Pengekodan Selektif

No.	Kategori (Sub-tema)	Tafsiran	Tema besar
1.	Keterbatasan Peluang Ekonomi dan Pengangguran	Kesemua kategori menggambarkan tentang pembentukan kemiskinan	Kemiskinan feminisme
2.	Sistem Sokongan yang Terhad,	feminisme dalam kalangan gelandangan residivis wanita.	
3.	Stereotaip Gender		
4.	Eksploitasi Seksual		
5.	Eksploitasi Jenayah		

Proses analisis kod dan tema dipandu oleh Teori *Feminist Standpoint* dan Teori Interaksionaliti. Teori *Feminist Standpoint* membantu pengkaji memahami perspektif gelandangan residivis wanita yang sering diabaikan dalam kajian terdahulu. Teori ini menekankan pentingnya melihat pengalaman wanita dari sudut pandang mereka sendiri untuk mendedahkan ketidakadilan yang wujud dalam struktur sosial patriarki. Teori Interaksionaliti pula digunakan untuk menganalisis bagaimana pelbagai faktor seperti gender, status ekonomi, sejarah jenayah, dan stigma sosial berinteraksi dan memburukkan lagi situasi ketidaksetaraan yang dihadapi oleh golongan ini.


Hasil daripada proses pengkodan terbuka (*open coding*), pengkodan aksial (*axial coding*), dan pengkodan selektif (*selective coding*), kajian ini berjaya mengenal pasti tema-tema utama yang menggambarkan pengalaman gelandangan residivis wanita dalam menghadapi diskriminasi gender dan pengalaman kemiskinan feminisme. Pendekatan analisis ini bukan sahaja memperkayakan pengetahuan tentang isu gelandangan dari perspektif gender dan pembangunan, tetapi juga memberikan asas untuk mencadangkan intervensi yang lebih berkesan dan sensitif-gender dalam menangani masalah yang dihadapi oleh gelandangan residivis wanita.

4.4 Objektif Kajian 1: Meneroka Pengalaman Kemiskinan Feminisme dalam Kalangan Gelandangan Residivis Wanita Sepanjang Hidup Bergelandangan

Kajian ini bertujuan untuk memahami pengalaman kemiskinan feminisme yang dihadapi oleh gelandangan residivis wanita dan meneroka fenomena yang menyumbang kepada kemiskinan yang berterusan di jalanan. Pengalaman fenomena kemiskinan feminisme di jalanan ini dilihat melibatkan pelbagai cabaran, termasuk penolakan keluarga, keengganan untuk hidup bersama keluarga, pengangguran, dan

penyalahgunaan dadah (Patterson et al., 2015). Pengangguran merupakan antara penyumbang terbesar kepada masalah gelandangan (Hanratty, 2017). Menurut Groton dan Radey (2019a), ketiadaan pengalaman pekerjaan yang baik merupakan penyumbang kepada pengangguran dalam kalangan gelandangan wanita. Kekurangan pendidikan dan konflik keluarga juga dikenalpasti sebagai faktor utama yang mendorong gelandangan residivis wanita untuk mengalami kehilangan tempat tinggal (Keane et al., 2016). Kajian Rivera (2003) mendapati pendidikan dapat meningkatkan keyakinan diri dan membolehkan gelandangan wanita memperjuangkan hak mereka, mendapat peluang ekonomi serta akses pendidikan untuk anak-anak mereka. Pengkaji mendapati bahawa kemiskinan feminisme adalah isu sosial yang kompleks dan kurang didokumentasikan dalam kajian lepas. Keadaan ini menjadikannya penting untuk mengkaji secara mendalam bagaimana pengalaman kemiskinan feminisme ini mempengaruhi kehidupan gelandangan residivis wanita di jalanan (Johnsen & Watts, 2014).

Kajian ini mencadangkan bahawa pengalaman gelandangan residivis wanita di kawasan seperti Kuala Lumpur melibatkan pelbagai faktor risiko yang berlapis memerlukan pendekatan yang lebih menyeluruh dan inklusif untuk menangani masalah ini (Somers et al., 2013). Hasil pengekodan yang dijalankan telah membawa kepada penemuan kod, sub-tema dan tema yang menggambarkan tentang pengalaman kemiskinan feminisme yang dihadapi oleh gelandangan residivis wanita. Rajah 4.1 menunjukkan pembentukan tema dan sub tema pengalaman kemiskinan feminisme gelandangan residivis wanita yang diterokai dalam kajian ini. Perincian perbincangan dapatan kajian tentang pengalaman kemiskinan feminisme ini seperti berikut:



Rajah 4.1 : Pembentukan Tema dan Sub Tema Kemiskinan Feminisme Gelandangan Wanita

4.4.1 Sub-Tema 1: Keterbatasan Peluang Ekonomi dan Pengangguran

Keterbatasan peluang ekonomi dan pengangguran dalam kalangan gelandangan residivis wanita mempunyai kaitan rapat dengan pengalaman kemiskinan feminisme yang merujuk kepada kemiskinan yang lebih teruk dialami oleh wanita berbanding lelaki akibat ketidaksamarataan gender. Menurut kajian Hanratty (2017), pengangguran dan kemiskinan yang tinggi mempunyai impak yang besar kepada masalah gelandangan. Gelandangan wanita yang berulang kali terjebak dalam kitaran jenayah sering berdepan dengan pelbagai cabaran yang menyukarkan mereka untuk keluar daripada kitaran kemiskinan (Groton & Radey, 2019a).

Pengangguran ini boleh memberi impak kepada emosi, ekonomi dan kesihatan fizikal gelandangan (Jennings et al., 2015). Diskriminasi gender dalam pasaran kerja menyebabkan mereka berdepan dengan peluang pekerjaan yang lebih terhad (Groton & Radey, 2019b), di mana majikan sering memandang serong terhadap mereka, terutama jika mereka mempunyai rekod jenayah (Bretherton, 2020). Selain itu, tanggungjawab menjaga anak dan keluarga yang lazimnya dipikul oleh wanita menambah lagi tekanan ekonomi yang mereka hadapi menjadikan mereka lebih rentan kepada pengangguran (Paul & Moser, 2009). Beberapa kod yang ditemui berkaitan peluang ekonomi dan pengangguran yang telah dikenalpasti bagi menyokong tema ini. Pengkaji melampirkan kod seperti berikut:

4.4.1.1 Kod 1: Ketiadaan Peluang untuk Keluar daripada Kehidupan Miskin

Salah satu kod yang muncul dalam kajian ini ialah kekangan peluang untuk keluar daripada kemiskinan. Hal ini mencerminkan bagaimana stigma sosial, rekod jenayah, dan ketagihan terus menghalang mereka daripada mendapat peluang pekerjaan yang

sewajarnya (Sheely, 2020). Kajian ini mendapati bahawa stigma berkaitan rekod jenayah dan gender menghalang informan daripada mendapatkan pekerjaan yang stabil. Sebagai contoh, seorang informan menyatakan:

“Kalau ada peluang tak apa, tapi buat masa ini saya betul zero, duit tiada, kalau dapat kerja dengan sediakan hostel, lagi bagus, hal ini sebab saya tiada tempat tinggal. Memang sukar nak cari peluang. Orang tak nak ambil orang macam kami dengan rekod jenayah, ketagihan dan jantina kami sebagai wanita”

(Fatiha/ Informan Gelandangan Residivis Wanita Keempat/ Tahun 2023)

Petikan ini menunjukkan realiti yang dihadapi oleh golongan gelandangan residivis wanita yang bukan sahaja berdepan cabaran kewangan, tetapi juga ketidakupayaan untuk mencari tempat tinggal yang selamat. Keadaan ini menyukarkan lagi peluang untuk mereka memperbaiki diri dan mengekalkan mereka dalam kitaran kemiskinan,. Salah seorang informan turut berkongsi pandangan:

“Sukar nak cari peluang untuk memperbaiki diri. Saya boleh kata kehidupan sini lebih kepada nak kelangsungan hidup semata-mata. Memang sangat sukar untuk dikeluarkan diri daripada kehidupan miskin ini”

(Mas/ Informan Gelandangan Residivis Wanita Kelapan/ Tahun 2023)

Petikan ini mengesahkan bahawa kekurangan peluang dan sokongan yang berterusan menjadi penghalang besar untuk gelandangan residivis wanita untuk keluar dari kitaran kemiskinan. Teori *Feminist Standpoint* berakar daripada pengalaman dan perspektif golongan yang terpinggir, seperti gelandangan residivis wanita, yang memberikan pandangan kritikal terhadap bagaimana struktur sosial dan ekonomi patriarki memperkukuh ketidaksetaraan (Harding, 1991). Dalam konteks gelandangan residivis wanita, situasi mereka yang terperangkap dalam kitaran kemiskinan feminisme menunjukkan bahawa pengalaman hidup mereka dipengaruhi oleh

kedudukan sosial yang kurang berkuasa akibat gender, rekod jenayah, dan stigma sosial (Steelfisher et al., 2019).

Hal ini juga mengukuhkan hujah *Feminist Standpoint* bahawa pengalaman hidup golongan terpinggir adalah sumber pengetahuan penting dalam memahami ketidaksamaan struktur (Kokushkin, 2014). Sebagai contoh, tanggungjawab wanita untuk menjaga tanggungan, seperti anak-anak, sering menjadi beban tambahan yang menghalang mereka keluar daripada kemiskinan (Groton & Radey, 2021). Tugas ini memperlihatkan bagaimana struktur patriarki membebankan wanita dengan tanggungjawab domestik sambil mengabaikan keperluan untuk menyediakan sokongan sistemik yang lebih responsif. Perspektif *Feminist Standpoint* menekankan bahawa pengalaman ini mencerminkan bagaimana kuasa patriarki dalam struktur sosial meminggirkan wanita, menyebabkan mereka sukar mendapatkan pekerjaan yang stabil dan meningkatkan taraf hidup mereka (Bretherton, 2020).

Diskriminasi ini bukan hanya berlaku secara individu tetapi juga secara sistemik, memperkukuh peminggiran golongan wanita. Kajian ini turut menyokong hujah Interseksionaliti bahawa faktor seperti usia dan kesihatan mental (Reingle Gonzalez & Connell, 2014) juga mempengaruhi peluang gelandangan residivis wanita dalam mendapatkan pekerjaan (Brown & Mueller, 2014; Groton & Radey, 2021). Dalam konteks *Feminist Standpoint*, kemiskinan bukan sekadar kekurangan sumber kewangan, tetapi juga kekurangan kuasa untuk mempengaruhi keputusan yang membentuk kehidupan mereka (Rolin, 2009). Gelandangan residivis wanita sering kali tidak mempunyai suara dalam proses membuat keputusan sosial atau dasar yang mempengaruhi kehidupan mereka, menunjukkan bagaimana sistem patriarki terus

meminggirkan mereka. Teori Interseksionaliti pula menunjukkan bahawa kemiskinan ini diperkukuhkan oleh stigma gender dan status sosial mereka sebagai gelandangan dan bekas banduan (Steelfisher et al., 2019). Hal ini menonjolkan bagaimana pelbagai identiti sosial mereka saling berinteraksi untuk mencipta pengalaman kemiskinan feminisme. Sebagai contoh, status sosial yang rendah, stigma gender, dan beban tanggungjawab domestik menjadi penghalang besar kepada mereka untuk memecahkan kitaran kemiskinan (Naami & Liese, 2012).

4.4.1.2 Kod 2: Kemiskinan Disebabkan oleh Ketiadaan Sumber Kewangan

Salah satu faktor utama yang menyumbang kepada kemiskinan dalam kalangan gelandangan residivis wanita ialah ketiadaan sumber kewangan yang stabil. Dapatan ini mencerminkan realiti kehidupan mereka yang sering terperangkap dalam kitaran kemiskinan akibat ketiadaan wang yang mencukupi untuk memenuhi keperluan asas. Sebagai contoh, seorang informan meluahkan kesukaran hidup yang dialaminya:

“Susah hidup sebegini, setiap hari menjalani hidup tanpa duit. Saya tidak tahu nak buat macam mana sudah dengan hidup”

(Norshakila/ Informan Gelandangan Residivis Wanita Kedua/ Tahun 2023)

Keadaan ini turut disokong oleh petikan daripada informan lain yang menggambarkan situasi serupa:

“Saya betul zero, saya memang tiada duit. Hidup saya di Kuala Lumpur ini memang sangat miskin”,

(Fatiha/ Informan Gelandangan Residivis Wanita Keempat/ Tahun 2023)

Tambahan lagi, seorang informan menegaskan:

“Kewangan saya tidak kukuh. Boleh dikatakan hampir tiada duit dalam poket. Saya terpaksa hidup sebagai gelandangan sahaja”

(Noorliza/ Informan Gelandangan Residivis Wanita Kelima / Tahun 2023)

Petikan-petikan ini memperlihatkan bagaimana ketiadaan sumber kewangan secara langsung menyumbang kepada kesukaran hidup yang berterusan bagi golongan gelandangan residivis wanita. Keadaan kewangan yang lemah ini menghalang mereka daripada memperoleh keperluan asas, seterusnya memburukkan lagi keadaan hidup mereka. Teori *Feminist Standpoint* memberikan kerangka untuk memahami bagaimana kemiskinan feminisme dialami oleh gelandangan residivis wanita (Shields, 2008). Ketidadaan pendapatan yang konsisten, seperti yang dibincangkan, menunjukkan bagaimana wanita dalam situasi ini berada pada kedudukan yang marginal dalam masyarakat.

Perspektif *Feminist Standpoint* menegaskan bahawa pengalaman mereka mencerminkan ketidaksemaan struktur sosial, yang didasarkan kepada patriarki dan bias gender yang menghalang akses mereka kepada peluang ekonomi yang setara (Shinn, 2010). Dalam konteks ini, gelandangan residivis wanita menghadapi cabaran berganda kerana mereka bukan sahaja terpinggir sebagai wanita tetapi juga sebagai individu dengan rekod jenayah yang membawa stigma sosial tambahan. Ketidadaan sistem sokongan sosial dan peluang pekerjaan formal mengukuhkan kitaran kemiskinan feminisme, menjadikan mereka tidak berupaya untuk membebaskan diri daripada status gelandangan. Hal ini selari dengan kajian Sham dan Selvaratnam (2018), yang menunjukkan bahawa kebanyakan gelandangan tidak memiliki pendapatan tetap dan sering menghadapi ketidakpastian

Dalam kes gelandangan residivis wanita, bias gender menghalang akses mereka kepada pasaran kerja yang sudahpun mengecualikan mereka kerana rekod jenayah mereka (Biscotto et al., 2016). Kajian ini turut menekankan bahawa ketidakpastian

kewangan yang mereka alami bukan hanya akibat kekurangan pekerjaan tetapi juga struktur sistemik yang memperkukuhkan pengasingan sosial mereka. Sebagai contoh, kajian Benavides et al. (2023) menunjukkan bagaimana pengangguran dan kekurangan perumahan bukan sahaja menghalang penempatan semula tetapi juga meningkatkan risiko pengulangan jenayah.

Interseksionaliti membantu menjelaskan bahawa kemiskinan feminisme dalam kalangan gelandangan residivis wanita bukanlah sekadar masalah kewangan semata-mata tetapi kesan langsung daripada struktur sosial dan ekonomi yang tidak adil. Gelandangan residivis wanita yang terpinggir oleh stigma gender dan rekod jenayah menghadapi kesulitan yang lebih besar dalam mendapatkan akses kepada sumber asas seperti makanan, tempat tinggal, dan perkhidmatan kesihatan. Dengan menggabungkan Teori *Feminist Standpoint* dan Interseksionaliti, analisis ini menonjolkan bahawa kemiskinan feminisme adalah hasil daripada kuasa sistemik yang memperkuat penindasan terhadap wanita yang sudah terpinggir. Perspektif *Feminist Standpoint* menekankan pentingnya suara gelandangan residivis wanita ini untuk memahami bagaimana struktur sosial memperkukuhkan ketidaksetaraan, sementara Interseksionaliti menunjukkan bahawa lapisan-lapisan identiti sosial mereka mencipta pengalaman penindasan (Speedlin et al., 2020). Oleh itu, usaha untuk membantu mereka keluar dari kitaran kemiskinan memerlukan pendekatan yang holistik dan berfokus kepada keperluan khusus mereka, termasuk akses kepada pekerjaan formal, perumahan yang stabil, dan sokongan sosial yang inklusif (Christian et al., 2016).

4.4.1.3 Kod 3: Hidup dalam Serba Kekurangan

Kajian ini turut mengenal pasti bahawa kehidupan dalam serba kekurangan menjadi satu cabaran besar bagi gelandangan residivis wanita. Kekurangan dari segi keperluan asas seperti makanan, tempat tinggal, dan keperluan harian lain menyebabkan mereka terus terperangkap dalam situasi sukar (Tharshini et al., 2018). Beberapa informan memberikan gambaran jelas mengenai kehidupan dalam serba kekurangan:

“Kemiskinan ini apabila kita terpaksa hidup dalam kekurangan, bagi saya miskin yang serba kekurangan. Banyak benda yang tidak dapat dipenuhi”

(Azizah/ Informan Gelandangan Residivis Wanita Ketujuh/ Tahun 2023)

“Kesukaran untuk memastikan kelangsungan hidup. Hidup saya serba serbi tidak cukup.”

(Mas/ Informan Gelandangan Residivis Wanita Kelapan/ Tahun 2023)

Petikan ini menunjukkan bagaimana gelandangan residivis wanita berhadapan dengan cabaran harian yang melibatkan kekurangan dalam memenuhi keperluan asas mereka. Kekurangan ini bukan sahaja menjejaskan kesejahteraan fizikal tetapi juga emosi mereka. Pengalaman gelandangan residivis wanita yang kekurangan dalam pelbagai aspek kehidupan dapat dilihat melalui lensa Teori *Feminist Standpoint* yang menekankan pentingnya memahami realiti sosial dari sudut pandang golongan yang terpinggir. Dalam konteks ini, perspektif gelandangan residivis wanita mendedahkan bagaimana struktur sosial dan ekonomi yang patriarki tidak hanya mengabaikan keperluan mereka tetapi juga memperkukuh ketidaksetaraan (Dickins et al., 2021).

Teori *Feminist Standpoint* juga menekankan bagaimana kedudukan marginal gelandangan residivis wanita dalam hierarki sosial memberi mereka pandangan yang lebih kritikal tentang struktur kuasa yang ada. Kekurangan keselamatan, risiko eksploitasi, dan defisit dalam memenuhi keperluan asas mencerminkan ketidakadilan

sistemik yang berakar pada struktur patriarki dan pengabaian gender dalam dasar sosial. Hal ini selaras dengan kajian Borghi et al. (2023) dan Anombem et al. (2023), yang menunjukkan bahawa kehidupan gelandangan wanita sering kali dicirikan oleh defisit material dan risiko psikososial yang tinggi, yang menggambarkan kedudukan mereka sebagai "marginal" dalam masyarakat.

Melalui Teori Interseksionaliti, analisis ini dapat diperluas untuk memahami bagaimana kategori sosial yang berlapis-lapis—seperti gender, status gelandangan, dan rekod jenayah—berinteraksi untuk memperburuk pengalaman kemiskinan feminisme (Corey et al., 2020). Interseksionaliti menekankan bahawa pengalaman gelandangan residivis wanita tidak boleh difahami hanya melalui satu dimensi seperti gender atau status sosioekonomi tetapi harus dilihat sebagai hasil gabungan pelbagai bentuk penindasan yang saling berkait. Sebagai contoh, seorang gelandangan residivis wanita tidak hanya mengalami diskriminasi sebagai wanita tetapi juga menghadapi stigma sebagai bekas banduan, yang menghalangnya daripada mendapatkan pekerjaan atau tempat tinggal yang stabil (Dickins et al., 2021). Keadaan ini memperlihatkan bagaimana ketidaksamaan sosial bukan sahaja bersifat linear tetapi juga kompleks dan saling berkait.

4.4.1.4 Kod 4: Kemiskinan Disebabkan oleh Pengangguran

Bahagian ini menerangkan bahawa pengangguran merupakan salah satu faktor utama yang menyumbang kepada kemiskinan dalam kalangan gelandangan residivis wanita. Kekurangan pekerjaan yang stabil menyebabkan mereka tidak mempunyai sumber pendapatan, memaksa mereka untuk hidup dalam keadaan serba kekurangan. Sebagai sokongan, petikan daripada informan kajian menegaskan cabaran ini:

“Saya tak ada apa, susah sangat, saya ini susah hidup, susah cari makanan, cari pekerjaan, orang banduan ini susah nak cari pekerjaan. Memang terpaksa memilih menganggur”

(Zaleha/ Informan Gelandangan Residivis Wanita Ketiga/ Tahun 2023)

“Akak dulu kerja. Masa itu memang ada duit, lepas tak kerja, sudah tak ada duit, akak suka tipu orang lagi, itu balasan sebab suka tipu orang. Saya jadi menganggur macam ini”

(Noorliza/ Informan Gelandangan Residivis Wanita Kelima / Tahun 2023)

Penemuan ini menunjukkan bahawa ketiadaan peluang pekerjaan bukan sahaja menyebabkan mereka kekurangan pendapatan tetapi juga mengakibatkan mereka terus terperangkap dalam kitaran kemiskinan dan ketidakstabilan hidup. Pengalaman pengangguran dan kemiskinan dalam kalangan gelandangan residivis wanita, seperti yang diungkapkan dalam petikan di atas, dapat dianalisis secara mendalam melalui Teori *Feminist Standpoint*. Teori ini menekankan bahawa perspektif golongan terpinggir, seperti gelandangan residivis wanita, adalah kunci untuk memahami ketidakadilan struktural dalam masyarakat.

Dari sudut pandang *Feminist Standpoint*, pengangguran bukan sekadar ketiadaan pekerjaan tetapi manifestasi ketidaksamaan yang lebih mendalam (Casnow, 2009). Kajian Jennings et al. (2015) dan Kromydas et al. (2021) menunjukkan bahawa pengangguran memberi kesan buruk kepada psikologi, emosi, dan kesihatan fizikal, yang semakin memburukkan keadaan gelandangan wanita. Ketidadaan pekerjaan formal dan jaringan sosial yang menyokong memaksa mereka untuk bergantung kepada pekerjaan tidak formal yang tidak memberikan keselamatan kewangan, yang memperkuatkan ketidakstabilan mereka.

Interseksionaliti, sebagai kerangka pelengkap, menjelaskan bagaimana pelbagai faktor—gender, status ekonomi, sejarah jenayah, dan stigma sosial—berinteraksi untuk memperburuk pengangguran dan kemiskinan dalam kalangan wanita ini (Creek & Dunn, 2014). Seperti yang dijelaskan oleh Crenshaw (2013), diskriminasi yang dialami oleh gelandangan residivis wanita tidak boleh difahami secara terpisah tetapi harus dilihat sebagai hasil persilangan pelbagai bentuk penindasan.

4.4.1.5 Kod 5: Ketiadaan Pendidikan Memberi Kesukaran dalam Mendapatkan Pekerjaan

Kajian ini juga mendapati bahawa ketiadaan pendidikan formal yang mencukupi menjadi salah satu faktor utama yang menyebabkan gelandangan residivis wanita terperangkap dalam kitaran kemiskinan. Ketidakupayaan untuk mendapatkan pekerjaan yang stabil dan berpendapatan mencukupi telah mendorong mereka untuk beralih kepada pekerjaan yang dibayar dengan gaji yang tidak setimpal. Petikan temu bual berikut memberikan gambaran jelas tentang bagaimana kekurangan pendidikan memberi kesan langsung kepada kehidupan mereka: Pengkaji melampirkan petikan temu bual bagi menyokong kod ini.

“Akak kan sekarang tak ada pendidikan, memang susah nak dapatkan pekerjaan. Majikan memang tak nak ambil orang yang berpendidikan rendah ini. Akak memang mencari kerja, tolong member kerja. Kadang-kadang RM 25 sehari, kadang-kadang RM 30 sehari. Memang tak cukup ikutkan, akak guna duit itu untuk bayar duit sewa”

(Zaleha/ Informan Gelandangan Residivis Wanita Ketiga/ Tahun 2023)

“Saya sering melihat pendidikan saya yang rendah menyebabkan saya mengalami kesukaran dalam mendapatkan pekerjaan yang baik. Saya hanya dapat kerja macam menjaga kedai, basuh pinggan, potong sayur. Selalu gaji yang diberikan sangat rendah. Saya tidak mempunyai pilihan melainkan menerima kerja tersebut”

(Intan/ Informan Gelandangan Residivis Wanita Keenam/ Tahun 2023)

Kekurangan pendidikan sebagai penghalang besar untuk mendapatkan pekerjaan formal adalah salah satu manifestasi jelas bagaimana sistem sosial dan ekonomi meminggirkan wanita. Pendidikan sering dilihat sebagai kunci kepada mobiliti sosial, tetapi bagi gelandangan residivis wanita, akses kepada pendidikan yang memadai sering kali dinafikan oleh struktur patriarki yang tidak menyokong keperluan mereka sejak awal. Ketiadaan pendidikan ini bukan sahaja membataskan peluang mereka dalam pasaran kerja tetapi juga mencerminkan bagaimana peranan gender tradisional menghalang mereka untuk maju (Gwadz et al., 2009).

Dari perspektif *Feminist Standpoint*, pekerjaan tidak formal yang diceburi oleh gelandangan residivis wanita mencerminkan kedudukan subordinasi mereka dalam masyarakat. Pekerjaan ini tidak hanya berpendapatan rendah tetapi juga sering kali tidak memberikan perlindungan sosial atau keselamatan kerja, yang menjadikan mereka lebih rentan terhadap eksploitasi. Perspektif ini menekankan bahawa pengetahuan dan pengalaman golongan terpinggir perlu diangkat untuk memahami dan menangani ketidakadilan yang wujud dalam struktur sosial dan ekonomi. Dalam konteks gelandangan residivis wanita, kehidupan di jalanan memperburukkan lagi kesukaran mereka untuk mendapatkan pekerjaan formal. Anggapan bahawa lelaki lebih sesuai untuk pekerjaan yang memerlukan kekuatan fizikal atau keselamatan mencerminkan stereotaip gender yang mendalam, yang menyekat peluang wanita untuk bersaing secara adil dalam pasaran kerja formal (Sullivan, Ciociolo & Moss-Racusin, 2022).

Selain itu, interseksionaliti membantu menjelaskan bagaimana kekurangan pendidikan yang dialami oleh gelandangan residivis wanita berinteraksi dengan status

gelandangan mereka. Mereka tidak hanya menghadapi diskriminasi sebagai wanita tetapi juga sebagai individu yang tidak mempunyai kelayakan pendidikan dan pengalaman kerja formal. Gabungan faktor-faktor ini menjadikan mereka lebih rentan terhadap pekerjaan tidak formal, yang sering kali tidak stabil dan kurang menjanjikan prospek jangka panjang.

4.4.1.6 Kod 6: Terpaksa Meminta Sedekah Akibat Kehidupan Miskin

Kajian ini mendapati bahawa ketiadaan pendidikan formal yang mencukupi menjadi salah satu faktor utama yang menyebabkan gelandangan residivis wanita terperangkap dalam kitaran kemiskinan. Ketidakupayaan untuk mendapatkan pekerjaan yang stabil dan berpendapatan mencukupi telah mendorong mereka untuk beralih kepada meminta sedekah sebagai jalan terakhir untuk memenuhi keperluan asas. Petikan temu bual berikut memberikan gambaran jelas tentang bagaimana kekurangan pendidikan memberi kesan langsung kepada kehidupan mereka:

“Saya akan membawa tabung, saya akan bergerak di seluruh kawasan Kuala Lumpur, saya menagih simpati dari orang ramai. saya nak buat duit poket sahaja, kalau tak susah nak hidup di jalanan ini”

(Norshakila / Informan Gelandangan Residivis Wanita Kedua/ Tahun 2023)

“Saya selalu memilih untuk meminta sedekah untuk mendapatkan duit. Hidup saya sangat miskin. Saya tidak mempunyai banyak pilihan. Selalunya akan memilih untuk meminta sedekah akhirnya. Hidup di jalanan ini sangat sukar. Saya sukar untuk mendapatkan pekerjaan yang baik”

(Fatiha/ Informan Gelandangan Residivis Wanita Keempat/ Tahun 2023)

Dalam kerangka Teori *Feminist Standpoint*, kehidupan gelandangan residivis wanita sebagai kelompok yang terpinggir memberikan sudut pandang yang dapat mendedahkan ketidaksamaan struktur dan sistemik yang memburukkan pengalaman kemiskinan feminisme. Aktiviti seperti meminta sedekah mencerminkan bagaimana

kekurangan akses kepada pekerjaan formal dan pendapatan stabil memaksa mereka untuk mengambil langkah-langkah survival yang sering dianggap memalukan atau merendahkan martabat.

Teori ini menegaskan bahawa pengalaman hidup wanita yang terpinggir—seperti gelandangan residivis wanita—adalah sumber pengetahuan penting untuk memahami bagaimana sistem patriarki memperkuat ketidaksetaraan ekonomi dan sosial (Lenhard, 2021). Aktiviti meminta sedekah, misalnya, bukan hanya disebabkan oleh ketiadaan sumber kewangan tetapi juga kegagalan sistem sokongan sosial yang sering mengabaikan keperluan golongan wanita.

Teori Interseksionaliti pula membantu menjelaskan bagaimana faktor-faktor identiti sosial seperti gender, status gelandangan, dan rekod jenayah saling berinteraksi untuk memperkuat pengalaman penindasan dalam kehidupan gelandangan residivis wanita. Aktiviti meminta sedekah yang mereka lakukan adalah manifestasi daripada gabungan pelbagai bentuk diskriminasi yang mereka hadapi—bukan hanya sebagai wanita tetapi juga sebagai bekas banduan yang hidup di jalanan. Interseksionaliti menegaskan bahawa pengalaman kemiskinan feminisme bukanlah hasil daripada satu faktor sahaja, tetapi merupakan interaksi pelbagai bentuk penindasan yang saling berkait.

4.4.1.7 Kod 7: Miskin dari Segi Harta Benda

Kajian ini juga mendapati bahawa kemiskinan harta benda merupakan faktor utama yang memburukkan keadaan hidup gelandangan residivis wanita (Vora, 2020). Kekurangan sumber asas seperti makanan, tempat tinggal, pendidikan, dan dokumen pengenalan diri menjadi cabaran utama yang terus memerangkap mereka dalam

kitaran kemiskinan dan ketidakstabilan hidup. Petikan temu bual berikut memperkukuhkan dapatan ini:

“Miskin harta benda, dari segi makanan, kekurangan makanan, tempat tinggal, pelajaran, akademik, anak anak, macam tak ada telefon, IC semua itu”

(Intan/ Informan Gelandangan Residivis Wanita Keenam/ Tahun 2023)

“Kesan kemiskinan pada gelandangan macam tiada rumah. Hidup melarat dan sebagainya”

(Mas/ Informan Gelandangan Residivis Wanita Kelapan/ Tahun 2023)

Menurut Teori *Feminist Standpoint*, pengalaman hidup gelandangan residivis wanita yang kehilangan semua bentuk harta benda memberikan sudut pandang kritikal terhadap ketidaksamaan struktur sosial dan ekonomi. Kehilangan harta benda dalam kalangan mereka bukan sahaja mencerminkan ketidakstabilan material tetapi juga kehilangan autonomi dan keselamatan—dua elemen yang sangat penting bagi keberdayaan individu. Dalam konteks ini, kehidupan tanpa harta benda memperlihatkan bagaimana sistem patriarki memperkuat ketidakadilan dengan mengabaikan keperluan spesifik wanita, terutamanya mereka yang berada dalam golongan marginal seperti gelandangan residivis wanita (Lenhard, 2021).

Teori ini menegaskan bahawa pengalaman wanita yang terpinggir adalah kunci untuk memahami bagaimana struktur sosial memperkukuh pengalaman kemiskinan feminisme. Kehilangan harta benda yang kronik menunjukkan bagaimana gelandangan residivis wanita terpaksa berjuang setiap hari untuk kelangsungan hidup tanpa memiliki peluang untuk mengumpul aset atau memperbaiki kehidupan mereka. Pengalaman hidup yang terpinggir ini membongkar kelemahan dalam struktur ekonomi yang sering mengabaikan golongan rentan, seperti gelandangan residivis

wanita yang tidak diberikan akses kepada peluang yang adil untuk keluar daripada lingkaran kemiskinan.

Kehidupan tanpa harta benda mencerminkan gabungan pelbagai bentuk penindasan, di mana mereka tidak hanya menghadapi diskriminasi sebagai wanita tetapi juga stigma sebagai gelandangan dan bekas banduan (Biscotto et al., 2016). Interseksionaliti menyoroti bahawa kemiskinan yang dialami oleh gelandangan residivis wanita tidak boleh difahami secara terpisah daripada interaksi faktor gender, ekonomi, dan sosial. Kehilangan harta benda mereka menunjukkan bagaimana ketidaksamaan gender dalam akses kepada pekerjaan, pendidikan, dan perlindungan sosial memperkuat ketidakmampuan mereka untuk membangun kestabilan ekonomi. Tanpa aset atau harta benda, peluang mereka untuk mendapatkan pekerjaan formal atau bantuan sosial menjadi sangat terhad, sekaligus memperpanjang lingkaran kemiskinan yang mereka hadapi (Bretherton, 2020).

4.4.2 Sub-Tema 2: Sistem Sokongan yang Terhad

Kekurangan akses kepada sistem sokongan, baik daripada keluarga mahupun masyarakat, merupakan isu yang mendalam dalam konteks kemiskinan feminisme, terutamanya bagi gelandangan residivis wanita. Wanita yang hidup dalam keadaan gelandangan sering kali terputus dari jaringan sokongan sosial yang penting, yang termasuk keluarga, rakan-rakan, dan komuniti yang lebih luas (Winetrobe et al., 2017). Dalam kerangka kemiskinan feminisme, ketidakmampuan untuk mengakses sistem sokongan ini memperlihatkan bagaimana struktur sosial dan gender mempengaruhi kedudukan mereka dalam masyarakat. Gelandangan residivis wanita sering kali menghadapi cabaran tambahan apabila sistem sokongan keluarga tidak tersedia atau

telah terputus. Faktor seperti stigma sosial, diskriminasi gender, dan rekod jenayah menghalang mereka daripada mendapatkan sokongan yang diperlukan (Reilly et al., 2022). Gelandangan residivis wanita ini mengalami pengasingan daripada keluarga atau masyarakat kerana latar belakang mereka, yang memperburukkan keadaan kemiskinan yang mereka hadapi. Stigma terhadap gelandangan dan rekod jenayah sering kali menjadikan mereka sukar untuk membina semula hubungan dengan keluarga dan mendapatkan sokongan daripada komuniti tempatan.

Gelandangan residivis wanita lebih kerap berhubung dengan ahli jaringan mereka dan mendapat lebih banyak bantuan berbanding lelaki gelandangan kerana budaya tradisional mereka dan kemahiran komunikasi sosial yang lebih baik (Zare, 2016). Oleh itu, pendekatan yang berasaskan kemiskinan feminisme memberikan pandangan penting tentang bagaimana kekurangan akses kepada sistem sokongan mempengaruhi gelandangan residivis wanita dan bagaimana struktur sosial yang ada memperburuk keadaan mereka (Sakka & Arthanasiades, 2023). Ini menekankan perlunya strategi sokongan yang lebih inklusif dan sensitif-gender yang dapat membantu memecahkan kitaran kemiskinan dan meningkatkan kesejahteraan gelandangan residivis wanita (Borghi et al., 2023; Dickins et al., 2021). Pengkaji mengumpulkan kod-kod yang berkaitan bagi menyokong tema ini seperti berikut:

4.4.2.1 Kod 1: Ketiadaan Keluarga Sebagai Sistem Sokongan

Kajian ini memberikan pandangan mendalam mengenai pengalaman gelandangan residivis wanita yang menghadapi ketiadaan keluarga sebagai sistem sokongan. Berdasarkan temu bual yang dilakukan, dapat dilihat bahawa ketiadaan sokongan keluarga memberi kesan emosi yang mendalam dan mempengaruhi kesejahteraan

mereka. Jamiliah menyatakan bahawa dia kehilangan ibu bapa dan tidak lagi mempunyai keluarga yang boleh diharapkan:

"Mak bapa tiada, last sekali saya ada kakak dekat Gombak. Dah lama tak jumpa, dia jaga anak akak. Saya memang tiada keluarga yang boleh bergantung harap dalam hidup"

(Jamiliah/ Informan Gelandangan Residivis Wanita Pertama/ Tahun 2023).

Petikan ini menggambarkan bagaimana Jamiliah merasa kehilangan sokongan keluarga dan terpaksa menghadapi kesulitan hidup tanpa tempat bergantung. Norshakila pula mengungkapkan perasaan kesedihan kerana keluarganya jauh dan tidak dapat dihubungi dengan mudah, sementara ayahnya sudah tiada:

"Mak jauh, adik beradik jauh. Sebab keluarga duduk jauh, ayah pula sudah tiada. Mak dekat rumah nenek, tak ada pengangkutan nak ke sana. Saya jadi sedih bila fikir pasal keluarga tiada"

(Norshakila/ Informan Gelandangan Residivis Wanita Kedua/ Tahun 2023).

Ketiadaan akses mudah untuk berhubung dengan keluarga menjadikan Norshakila merasa terasing dan kehilangan sokongan yang sepatutnya memberi kekuatan untuk menghadapinya. Zaleha juga menunjukkan penolakan keluarga dengan mengatakan bahawa dia tidak lagi mahu kembali kepada mereka, kerana telah merasa ditolak oleh keluarga:

"Memang tak nak balik kepada keluarga sudah. Sebab keluarga memang tolak saya. Saya memang tak boleh nak bergantung harap kepada mereka"

(Zaleha/ Informan Gelandangan Residivis Wanita Ketiga/ Tahun 2023).

Zaleha menekankan bahawa dia merasa ditolak oleh keluarganya, menjadikan hubungan mereka semakin renggang dan menyebabkan dia kehilangan tempat bergantung. Fatiha menceritakan bagaimana keluarga meninggalkannya setelah dia terlibat dalam masalah dengan pihak berkuasa, dan dia terpaksa hidup sendiri:

"Saya kena tangkap, lepas itu family buang saya, dia orang buang saya, saya buat sendiri lah, cari duit makan, saya cari duit untuk bayar tempat tinggal saya, keluarga tidak menjaga saya sudah. Saya yang menjaga diri sendiri"

(Fatiha/ Informan Gelandangan Residivis Wanita Keempat/ Tahun 2023).

Fatiha menjelaskan bagaimana keluarganya menjauhinya disebabkan oleh masalah yang dihadapi. Keadaan ini memaksa dia untuk bertanggungjawab terhadap hidupnya sendiri tanpa bantuan keluarga. Azizah mencatatkan perasaan kehilangan ibu bapa, di mana dia merasakan hidupnya menjadi tidak bermakna tanpa keluarga:

"Itu saya nak cakap, macam orang lain mungkin tak rasa lagi tiada ibu bapa, masa mereka ada, kau tak rasa miskin, bila kau tiada mak bapa, kau akan tersungkur, bila kau ada duit tak sama macam ada mak bapa. Memang hidup jadi tak ada apa-apa makna bila tiada keluarga"

(Azizah/ Informan Gelandangan Residivis Wanita Ketujuh/ Tahun 2023).

Azizah mengungkapkan bahawa walaupun memiliki wang, kehilangan keluarga dan ibu bapa memberi kesan yang mendalam terhadap erti hidupnya. Kehidupan di jalanan bagi gelandangan residivis wanita sering kali diperburuk oleh penolakan keluarga, yang seharusnya berfungsi sebagai sistem sokongan utama dalam kehidupan mereka (Winetrobe et al., 2017). Dalam konteks Teori *Feminist Standpoint*, penolakan ini menggambarkan bagaimana pengalaman hidup wanita yang terpinggir membongkar kegagalan sistem sosial yang patriarki untuk menyokong mereka (Gurung, 2020). Keluarga sebagai struktur patriarki tradisional sering kali gagal berfungsi apabila wanita dianggap melanggar norma sosial atau gender, seperti melalui penglibatan dalam jenayah atau gaya hidup yang tidak sesuai dengan peranan tradisional (de Campos & Moretti-Pires, 2022). Dalam kes ini, penolakan keluarga bertindak sebagai salah satu manifestasi penindasan gender yang menyebabkan gelandangan residivis wanita kehilangan sokongan asas, baik material mahupun emosional.

Teori Interseksionaliti pula membantu menjelaskan bagaimana identiti sosial berganda, termasuk status gelandangan, sejarah jenayah, dan gender, berinteraksi untuk memperburukkan penindasan yang dialami oleh wanita ini. Penolakan keluarga menambah satu lagi dimensi penindasan, di mana wanita yang mengalami kemiskinan feminisme bukan sahaja kehilangan akses kepada sumber kewangan tetapi juga sokongan sosial dan emosional yang sangat diperlukan (Schmitz & Tyler, 2015). Keadaan ini menjadikan mereka lebih rentan kepada risiko eksploitasi dan keganasan di jalanan, sambil memperkukuhkan kitaran kemiskinan yang mereka hadapi (Richards et al., 2010). Kajian de Campos dan Moretti-Pires (2022) menunjukkan bahawa penolakan keluarga sering berpunca daripada isu identiti gender atau tingkah laku yang dianggap tidak sesuai dengan norma sosial.

Menurut Zare (2016), gelandangan wanita sering kali bergantung kepada rakan-rakan yang turut berada dalam situasi yang serupa untuk sokongan. Walau bagaimanapun, kebergantungan kepada rakan-rakan ini sering kali tidak membina, malah kadangkala mendorong mereka kepada penglibatan semula dalam aktiviti jenayah atau penyalahgunaan dadah (Biscotto et al., 2016). Teori Interseksionaliti menekankan bahawa faktor-faktor ini tidak boleh dipisahkan tetapi saling berinteraksi untuk mencipta lingkaran kegagalan yang kompleks bagi gelandangan residivis wanita. Kajian Winetrobe et al. (2017) dan Schmitz & Tyler (2015) menyokong pandangan ini dengan menyatakan bahawa penolakan keluarga sering menjadi pendorong kepada kehidupan di jalanan, memperlihatkan bagaimana struktur sosial gagal menyediakan perlindungan bagi wanita dalam situasi terpinggir. Ketiadaan keluarga sebagai rangkaian sokongan menjadikan wanita ini lebih terdedah kepada risiko hidup di

jalanan, sambil kehilangan peluang untuk mengakses sokongan ekonomi dan sosial yang dapat membantu mereka keluar dari kitaran kemiskinan.

4.4.2.2 Kod 2: Tertekan Akibat Ketiadaan Keluarga

Kajian mendapati bahawa ketiadaan sokongan keluarga memberi tekanan emosi yang mendalam kepada gelandangan residivis wanita. Informan kajian menyatakan perasaan sedih dan tertekan akibat hidup tanpa keluarga, yang dilihat sebagai satu elemen penting dalam sokongan emosi dan sosial mereka. Menurut Norshakila, seorang gelandangan residivis wanita, ketiadaan keluarga membuatkan dirinya sering kali dilanda kesedihan. Beliau menyatakan:

“Tertekan lah, ingat keluarga sahaja, call sekejap sekejap je. Saya jadi sedih sangat bila hidup tanpa keluarga ini”

(Norshakila/ Informan Gelandangan Residivis Wanita Kedua/ Tahun 2023).

Pengakuan ini menunjukkan bahawa ketiadaan interaksi keluarga secara berterusan menyebabkan tekanan emosi yang mendalam, di mana komunikasi yang terhad tidak mencukupi untuk mengisi keperluan sokongan emosi. Keadaan menjadi lebih kompleks bagi Fatiha, yang mengalami tekanan akibat penolakan dan stigma oleh ahli keluarganya sendiri. Beliau menyatakan:

“Sebelum ini dia orang layan baik masuk rumah, lepas itu kata saya pembunuh ayah saya (merujuk kepada penyebab kematian ayahnya). Mak tiri saya cakap, dia kanser, dia ini, ada yang cakap dia kencing keluar darah, dia mati terus, nenek saya mati pun dia cakap macam itu. Selepas itu mereka telah membuang saya dari keluarga. Saya jadi tertekan”

(Fatiha/ Informan Gelandangan Residivis Wanita Keempat/ Tahun 2023).

Petikan ini menggambarkan bagaimana konflik keluarga dan stigma terhadap sejarah masa lalu menambahkan beban emosi yang besar kepada Fatiha. Penolakan oleh

keluarga bukan sahaja menyebabkan kehilangan sokongan emosi, tetapi juga menanamkan perasaan bersalah dan tidak dihargai dalam dirinya, yang seterusnya membawa kepada tekanan psikologi.

Dalam kajian ini, penolakan keluarga yang dialami oleh gelandangan residivis wanita dapat dianalisis melalui Teori *Feminist Standpoint* dan Teori Interseksionaliti, yang bersama-sama memberikan pemahaman mendalam tentang bagaimana ketidaksetaraan gender, sosial, dan ekonomi berperanan dalam memperburukkan kemiskinan feminisme (Halpern, 2019). Ketiadaan sokongan keluarga tidak hanya menambah beban kemiskinan, tetapi juga memperlihatkan bagaimana kedudukan sosial wanita sebagai gelandangan residivis membentuk pengalaman hidup yang penuh tekanan (Benbow et al., 2019).

Teori *Feminist Standpoint* menekankan bahawa kumpulan terpinggir, seperti gelandangan residivis wanita, mempunyai pengalaman hidup yang memberikan mereka perspektif khusus terhadap hubungan sosial dan ketidaksetaraan kuasa. Dalam konteks ini, penolakan keluarga mencerminkan bagaimana sistem sosial patriarki gagal menyokong wanita yang paling memerlukan. Cabrera et al. (2023) menekankan pentingnya sistem sokongan sosial yang kukuh untuk kesejahteraan gelandangan wanita, tetapi dalam banyak kes, sistem ini tidak wujud bagi gelandangan residivis wanita yang telah dipinggirkan oleh keluarga mereka. Ketiadaan sokongan keluarga menambah beban psikologi, di mana mereka harus bergantung sepenuhnya kepada diri sendiri untuk bertahan hidup.

Sementara itu, Teori Interseksionaliti memberikan kerangka untuk memahami bagaimana pelbagai bentuk penindasan—berdasarkan gender, status ekonomi, dan sejarah jenayah—berinteraksi untuk mencipta pengalaman yang lebih kompleks bagi gelandangan residivis wanita. Roschelle (2017) menunjukkan bagaimana kemiskinan yang berasaskan perkauman dan keganasan keluarga memperburuk ketidaksetaraan yang dihadapi oleh wanita. Dalam konteks ini, penolakan keluarga menjadi salah satu lapisan penindasan tambahan, di mana mereka bukan sahaja mengalami diskriminasi sebagai wanita tetapi juga sebagai individu yang kehilangan tempat tinggal dan memegang rekod jenayah (Harnois & Bastos, 2018).

Sebagai contoh, temu bual dengan gelandangan residivis wanita menunjukkan bahawa tekanan hidup mereka meningkat kerana kehilangan sokongan keluarga, yang seharusnya berperanan sebagai sumber sokongan utama dalam masyarakat patriarki. Penolakan keluarga ini memperburuk perasaan terasing dan kesepian, yang sering dikaitkan dengan masalah kesihatan mental seperti kemurungan dan kegelisahan, seperti yang dinyatakan oleh Roschelle (2017). Dalam kerangka interseksionaliti, situasi ini mencerminkan bagaimana lapisan identiti mereka—sebagai wanita, sebagai gelandangan, dan sebagai bekas banduan—berinteraksi untuk mencipta pengalaman penindasan yang lebih kompleks dan mendalam.

4.4.3 Sub-Tema 3: Stereotaip Gender

Kemiskinan feminisme adalah konsep yang menekankan bagaimana gender memainkan peranan penting dalam pengalaman kemiskinan, terutamanya dalam kalangan gelandangan residivis wanita (Mangayi, 2014). Wanita-wanita ini sering kali terperangkap dalam kitaran kemiskinan akibat stereotaip gender, stigma, dan

perlabelan yang dikenakan ke atas mereka oleh masyarakat. Stigma yang dikaitkan dengan gelandangan residivis wanita sering kali berkaitan dengan pandangan negatif terhadap mereka sebagai ibu yang gagal, bekas pesalah yang tidak dapat diubah, atau individu yang tidak bertanggungjawab. Pandangan ini merendahkan nilai diri mereka dan menambah kesukaran untuk memperbaiki keadaan hidup mereka. Selain itu, stereotaip gender yang mendalam dalam masyarakat masih meletakkan tanggungjawab utama menjaga anak-anak kepada wanita (Cosgrove & Flynn, 2005). Gelandangan residivis wanita sering dibebani dengan tanggungjawab menjaga anak-anak, walaupun mereka kekurangan sumber untuk melakukannya dengan baik.

Kemiskinan feminisme juga berkait rapat dengan kekurangan kuasa dan autonomi dalam membuat keputusan. Gelandangan residivis wanita yang sering kali menjadi ibu tunggal, menghadapi tekanan untuk menyediakan keperluan asas untuk anak-anak mereka dalam situasi yang sangat terhad (Wardhaugh, 2012). Ketiadaan pendidikan, stigma terhadap rekod jenayah, dan tanggungjawab sebagai ibu menjadikan mereka lebih sukar untuk mendapatkan peluang pekerjaan yang boleh membantu mereka keluar dari kemiskinan (Reilly et al., 2022). Beban penjagaan anak-anak ini juga sering kali memaksa mereka untuk menerima pekerjaan tidak formal atau berpendapatan rendah, yang terus mengekalkan kitaran kemiskinan mereka. Oleh itu, kemiskinan feminisme dalam konteks ini bukan sekadar kekurangan sumber kewangan, tetapi juga kekurangan kuasa dan sokongan yang mencukupi untuk memecahkan kitaran kemiskinan yang dialami oleh gelandangan residivis wanita dan anak-anak mereka. Pengkaji mengumpulkan kesemua kod-kod yang berkaitan bagi menyokong tema ini seperti berikut:

4.4.3.1 Kod 1: Tanggungan yang Besar Memberi Kesan kepada Kemiskinan

Kajian mendapati bahawa tanggungan yang besar, terutama dalam konteks tanggungjawab terhadap anak-anak, menyumbang secara signifikan kepada kemiskinan yang dialami oleh gelandangan residivis wanita. Beban tanggungan ini bukan sahaja memberi tekanan ekonomi tetapi juga menghalang mereka daripada keluar dari kitaran kemiskinan. Menurut Intan, seorang gelandangan residivis wanita, yang mempunyai tanggungjawab untuk menyara anak-anak setelah keruntuhan rumah tangga. Hal ini telah menyebabkan beban yang besar, terutama apabila bekas suami mengabaikan tanggungjawab mereka. Intan menyatakan:

"Kesan dari kemiskinan, keruntuhan rumah tangga, bekas suami abaikan anak-anak, jadi saya lah yang kena tanggung anak-anak ini, dengan hisap dadah, tak ada pendidikan, tiada pengetahuan, tidak ada pekerjaan yang baik. Saya perlu menanggung kesemua dalam keadaan kemiskinan"

(Intan/ Informan Gelandangan Residivis Wanita Keenam/ Tahun 2023).

Petikan ini menggambarkan bagaimana tanggungan terhadap anak-anak dalam keadaan kemiskinan menjadi tekanan utama. Kekurangan pendidikan, pengetahuan, dan pekerjaan yang baik memburukkan lagi keadaan, menyebabkan Intan terperangkap dalam kitaran kemiskinan tanpa sokongan yang mencukupi. Situasi yang sama dihadapi oleh Azizah, yang turut menanggung beban tanggungjawab besar terhadap anak-anaknya. Beliau menyatakan:

"Saya perlu menanggung anak-anak makan. Saya mempunyai tanggungjawab yang sangat besar. Saya perlu mencari kerja untuk membeli makanan kepada anak-anak saya"

(Azizah/ Informan Gelandangan Residivis Wanita Ketujuh/ Tahun 2023).

Pengakuan ini menunjukkan betapa tanggungan terhadap anak-anak menjadi cabaran besar, khususnya dalam menyediakan keperluan asas seperti makanan. Kewajipan

untuk mencari pekerjaan di tengah kemiskinan menambahkan lagi tekanan kepada Azizah, terutama dalam situasi tanpa sokongan ekonomi atau sosial. Kajian ini menunjukkan bahawa gelandangan residivis wanita menghadapi tekanan berganda sebagai akibat daripada tanggungjawab mereka sebagai ibu tunggal, isteri, dan penjaga kepada anak-anak atau pasangan, yang selalunya menambah beban terhadap kehidupan mereka.

Menurut Teori *Feminist Standpoint*, pengalaman hidup golongan terpinggir seperti gelandangan residivis wanita memberikan perspektif yang kritikal terhadap hubungan kuasa dalam masyarakat. Dalam kajian ini, tanggungjawab yang tidak diiktiraf seperti penjagaan anak, pasangan, dan ahli keluarga lain mencerminkan bagaimana peranan gender tradisional yang bersifat patriarki terus memperkukuh ketidakseimbangan kuasa dalam struktur sosial. Kemiskinan feminisme menegaskan bahawa kerja penjagaan tanpa bayaran yang dilakukan oleh wanita sering kali tidak dihargai, walaupun ia menjadi asas kepada kestabilan sosial. Beban tanggungan ini, yang dilihat sebagai "tugas semula jadi" wanita, menambahkan lagi tekanan terhadap gelandangan residivis wanita yang sudah sedia terpinggir dalam ekonomi formal. Bertsch (2014) menunjukkan bahawa ibu tunggal sering kali menjadi mangsa keganasan rumah tangga, perumahan yang tidak mencukupi, dan sewa yang tinggi, yang mengakibatkan mereka kehilangan tempat tinggal. Pengalaman ini memperlihatkan bagaimana sudut pandang wanita sebagai gelandangan residivis memberikan gambaran yang lebih jelas tentang ketidakseimbangan sosial yang wujud dalam masyarakat patriarki.

Teori Interseksionaliti menjelaskan bahawa pengalaman penindasan gelandangan residivis wanita adalah hasil daripada interaksi antara pelbagai faktor seperti gender,

status ekonomi, dan tanggungjawab keluarga. Dalam kajian ini, tanggungjawab keluarga bukan sahaja menambah tekanan ekonomi tetapi juga memperkukuh penindasan berganda yang dialami oleh wanita ini. Sebagai contoh, Van den Dries et al. (2016) menunjukkan bahawa gelandangan keluarga, khususnya ibu tunggal, menghadapi pelbagai bentuk ketidakadilan termasuk perpisahan keluarga akibat kekangan perumahan. Pengalaman mereka tidak boleh hanya dilihat dari satu dimensi tetapi perlu difahami sebagai hasil daripada lapisan-lapisan diskriminasi yang bersilang.

Shinn et al. (2015) juga membincangkan bagaimana kekurangan tempat perlindungan yang sesuai dan kesukaran kewangan menyebabkan perpecahan keluarga, yang menguatkan lagi ketidakstabilan sosial dan ekonomi gelandangan residivis wanita. Dalam kerangka interseksionaliti, diskriminasi gender dalam pasaran kerja memperburuk keadaan mereka, di mana wanita yang mempunyai tanggungan keluarga sering kali ditolak oleh majikan. Penolakan ini mencerminkan stereotaip gender dan stigma terhadap wanita yang memegang peranan sebagai penjaga utama, menghalang mereka daripada memperoleh kestabilan ekonomi yang diperlukan untuk keluar daripada kitaran kemiskinan.

4.4.3.2 Kod 2: Kehidupan Lelaki Lebih Mudah daripada Wanita di Jalanan

Kajian mendapati bahawa kehidupan gelandangan lelaki dianggap lebih mudah berbanding wanita, terutamanya disebabkan oleh ancaman fizikal, seksual, dan sosial yang lebih kerap dihadapi oleh golongan wanita. Pengalaman gelandangan residivis wanita menunjukkan bahawa mereka lebih terdedah kepada risiko dan cabaran dalam usaha untuk terus bertahan hidup. Menurut Intan, wanita lebih mudah menjadi sasaran

ancaman fizikal dan seksual, menjadikan kehidupan di jalanan lebih berbahaya. Beliau menyatakan:

"Kalau wanita tidak boleh tidur tepi jalan, nak curi kasut tak boleh sebab perempuan kan. Golongan wanita lebih mudah mendapat ancaman dari segi fizikal dan seksual. Orang boleh ambil kesempatan"

(Intan/ Informan Gelandangan Residivis Wanita Keenam/ Tahun 2023).

Petikan ini menunjukkan bagaimana wanita menghadapi risiko keselamatan yang lebih besar, termasuk eksploitasi dan gangguan seksual, yang membuatkan mereka lebih terdedah berbanding lelaki dalam situasi gelandangan. Azizah pula menegaskan perbezaan antara gelandangan lelaki dan wanita, di mana wanita lebih mudah terancam, terutama ketika berada di tempat awam seperti tepi jalan. Beliau berkata:

"Apa beza gelandangan lelaki dengan wanita, bila kata gelandangan, lelaki atau perempuan, bagi saya perempuan ni lebih mudah terancam sebenarnya. Kalau tidur suka hati tepi jalan, boleh terjadi gangguan. Akan ada orang cuba kacau atau ganggu golongan wanita"

(Azizah/ Informan Gelandangan Residivis Wanita Ketujuh / Tahun 2023).

Pandangan ini menguatkan dapatan bahawa gelandangan wanita lebih berisiko menghadapi gangguan berbanding lelaki, yang sering kali tidak mengalami ancaman serupa dalam keadaan yang sama. Mas pula menekankan bahawa lelaki lebih mudah untuk "survive" sebagai gelandangan berbanding wanita, yang berdepan rasa malu dan kesukaran lebih besar dalam usaha bertahan hidup. Beliau menyatakan:

"Lelaki senang, dia tak macam perempuan, lelaki mudah dari perempuan, apa sekali pun, perempuan sedikit malu, perempuan nak survive lebih susah, nak tidur tepi jalan pun rasa malu pun ada lah"

(Mas/ Informan Gelandangan Residivis Wanita Kelapan/ Tahun 2023).

Petikan ini menggambarkan keadaan kompleks dan multidimensi yang dihadapi oleh gelandangan residivis wanita, yang dapat dijelaskan dengan menggunakan Teori

Feminist Standpoint dan Teori Interseksionaliti untuk memahami pengalaman mereka dalam konteks kemiskinan feminisme. Menurut Teori *Feminist Standpoint*, pengalaman wanita yang terpinggir menyediakan perspektif dan kritikal terhadap struktur sosial yang mendiskriminasi mereka. Dalam kerangka *Feminist Standpoint*, pengalaman ini penting untuk memahami bagaimana sistem sosial yang ada terus mengukuhkan ketidaksetaraan gender dan memperburuk kemiskinan feminisme. Gelandangan residivis wanita sering kali dianggap tidak layak atau kurang mampu, menonjolkan bagaimana wacana patriarki meminggirkan suara dan pengalaman mereka dalam masyarakat.

Teori Interseksionaliti memberikan kerangka untuk memahami bagaimana pelbagai bentuk diskriminasi dan ketidaksetaraan berinteraksi untuk membentuk pengalaman gelandangan residivis wanita. Identiti mereka sebagai wanita, bekas banduan, dan penagih mencipta penindasan berlapis-lapis, di mana stigma gender berinteraksi dengan status sosioekonomi dan sejarah jenayah mereka untuk memperburuk keadaan.

4.4.3.3 Kod 3: Mengalami Ketidakaturan Hidup

Kajian mendapati bahawa gelandangan residivis wanita sering mengalami ketidakaturan hidup akibat daripada faktor-faktor seperti penyalahgunaan dadah dan keadaan hidup yang tidak stabil. Ketidakaturan ini menjadikan mereka terperangkap dalam kitaran kehidupan gelandangan yang sukar untuk dipulihkan. Menurut Azizah, penyalahgunaan dadah membawa kepada keadaan hidup yang tidak terurus, di mana tabiat seperti penggunaan dadah berlebihan menyebabkan kehilangan kesedaran dan ketidakmampuan untuk mengawal kehidupan harian. Beliau menyatakan:

"Kesan ini, kalau kepada saya lebih kepada diri saya sendiri, kesan dia apa tau bila saya dah start hisap dadah ini kita akan merata-rata, hisap dadah tidur tak sedar, lagi ambil syabu, jadi tak sedar, bangun kencing, bagi makan duduk, terbaring tertidur, tidur mampus, bom jatuh, kita tak sedar itu kena kerat, satu masa dulu. Memang hidup jadi tak teratur la"

(Azizah/ Informan Gelandangan Residivis Wanita Ketujuh/ Tahun 2023).

Petikan ini menggambarkan betapa seriusnya impak penyalahgunaan dadah terhadap kehidupan Azizah, di mana ia mencetuskan keadaan hidup yang huru-hara dan tidak terkawal. Kesemua ini menjadikan usaha untuk keluar dari kitaran gelandangan lebih sukar. Mas pula menegaskan bahawa ketidakaturan hidup akibat keadaan yang dihadapinya telah menjadi satu kesan berpanjangan yang sukar untuk diatasi. Beliau menyatakan:

"Sampai bila-bila lah kesan dia, memang saya akan jadi gelandangan sampai kesudah, sebab hidup pun sudah tidak teratur. Nasib sudah jadi macam ini"

(Mas/ Informan Gelandangan Residivis Wanita/ Tahun 2023).

Kenyataan Mas menyoroti ketidakaturan hidup sebagai kesan berterusan yang menyebabkan rasa pasrah terhadap keadaan dirinya sebagai gelandangan. Hal ini menunjukkan bagaimana kehilangan kestabilan hidup secara fizikal dan emosi menjadi cabaran utama dalam usaha untuk memulihkan diri. Menurut Teori *Feminist Standpoint*, pengalaman wanita yang terpinggir, seperti gelandangan residivis wanita, memberikan pandangan kritikal terhadap struktur sosial yang tidak adil dan patriarki. Dalam kajian ini, situasi ekonomi tidak mencukupi dan stigma sosial yang dihadapi oleh wanita ini menonjolkan bagaimana struktur sosial mendiskriminasi mereka secara sistemik. Kehidupan dalam ketidakstabilan ekonomi, seperti yang digambarkan oleh kajian Dickins et al. (2021), mencerminkan bagaimana struktur sosial yang didominasi lelaki gagal memenuhi keperluan dan cabaran yang dihadapi wanita,

terutama mereka yang berada dalam situasi yang paling terpinggir. Tambahan pula, peranan gender tradisional yang menekan, seperti tanggungjawab domestik yang dianggap semula jadi bagi wanita, memburukkan lagi keadaan mereka. Stigma sebagai bekas banduan dan gelandangan juga memperkuat pengasingan sosial, seperti yang disebut oleh Moorkath et al. (2018), menjadikan mereka semakin sukar untuk mendapatkan pekerjaan formal atau sokongan sosial.

Teori Interseksionaliti membantu mendedahkan lapisan penindasan yang bertindih dan saling berinteraksi dalam kehidupan gelandangan residivis wanita. Identiti mereka sebagai wanita, bekas banduan, dan individu yang hidup di bawah garis kemiskinan menyebabkan mereka menghadapi diskriminasi berbilang lapisan. Misalnya, stigma sosial yang mengaitkan gelandangan wanita dengan kelemahan dan ketidakmampuan, seperti yang dijelaskan oleh Wesely (2009), adalah hasil interaksi antara gender, status sosial, dan latar belakang jenayah mereka. Interseksionaliti menekankan bahawa ketidakstabilan ekonomi dan kekurangan sokongan sosial tidak boleh difahami hanya melalui satu dimensi, seperti kemiskinan atau gender sahaja, tetapi melalui gabungan faktor-faktor yang saling berkaitan. Kajian ini menunjukkan bahawa ketiadaan sokongan sosial dan dasar sensitif gender yang memadai, seperti yang dinyatakan oleh Oudshoorn (2021), memperkuat pengasingan sosial mereka, menjadikan mereka lebih rentan kepada eksploitasi, ketidakstabilan, dan keganasan.

4.4.3.4 Kod 4: Perjalanan Hidup yang Sukar

Kajian mendapati bahawa gelandangan residivis wanita menghadapi pengalaman hidup yang sukar, dipenuhi dengan cabaran kemiskinan, ketiadaan tempat tinggal, tekanan emosi, dan keperluan untuk bertahan hidup. Verbatim daripada para informan

memberikan gambaran mendalam tentang kesukaran yang dialami dalam kehidupan harian mereka. Menurut Jamiliah, kehidupan sebagai gelandangan merupakan satu perjalanan yang sangat mencabar dan tertekan akibat kemiskinan:

"Kehidupan jalanan ini bukan mudah, perjalanan dia sangat sukar. Hidup dengan begitu tertekan akibat kemiskinan"

(Jamiliah/ Informan Gelandangan Residivis Wanita Pertama/ Tahun 2023).

Kenyataan ini menggambarkan bagaimana kehidupan di jalanan memberikan tekanan emosi yang mendalam disebabkan oleh keadaan hidup yang melarat. Norshakila pula menerangkan cabaran mencari tempat untuk tidur di kawasan-kawasan seperti Pasar Seni dan Bukit Bintang, yang menambah kesukaran hidupnya:

"Pagi macam itu dekat Pasar Seni, tidur bawah jambatan Pasar Seni, malam sedikit di segi college, bukit bintang. Memang boleh nampak susah lah, saya hidup sangat susah sebagai gelandangan"

(Norshakila/ Informan Gelandangan Residivis Wanita Kedua/ Tahun 2023).

Keadaan ini menunjukkan ketidakstabilan hidup gelandangan yang memerlukan mereka berpindah-pindah untuk mencari tempat berteduh. Zaleha menekankan keadaan hidupnya yang melarat, menggambarkan kemiskinan yang mendalam:

"Seorang yang hidup susah. Saya hidup dalam kemiskinan. Kadang-kadang saya boleh kata hidup ini sangat melarat"

(Zaleha/ Informan Gelandangan Residivis Wanita Ketiga/ Tahun 2023).

Noorliza pula menyatakan bahawa hidup tanpa rumah dan tanpa wang menjadikannya terpaksa menjalani kehidupan yang papa kedana:

"Saya tiada rumah untuk tinggal, duit tiada nak makan, saya memang terpaksa hidup macam ini. Memang hidup yang sangat papa kedana"

(Noorliza/ Informan Gelandangan Residivis Wanita Kelima/ Tahun 2023).

Intan menambah bahawa kemiskinan yang dialaminya memberikan tekanan emosi yang mendalam, selain terpaksa menjaga kucing peliharaannya dalam keadaan yang serba kekurangan:

"Saya rasa saya berada dalam kemiskinan yang sederhana. Boleh menjadi sangat tertekan, sebab zaman sekarang semua perlukan duit, bila jadi macam itu boleh jadi tertekan, keluarga pun ada masalah, saya tiada anak, saya bela kucing. Saya rasa hidup memang sukar jadi gelandangan macam saya"

(Intan/ Informan Gelandangan Residivis Wanita Keenam/ Tahun 2023).

Azizah pula menjelaskan bagaimana ketiadaan wang dan keperluan dadah menyebabkan tekanan fizikal dan emosional sehingga mendorongnya untuk mencuri:

"Dah tentu, bila tiada duit, mula saya jadi tertekan, lagi yang hisap dadah badan sakit-sakit (merujuk kepada tidak mengambil dadah), sebab itu buat saya memilih untuk mencuri"

(Azizah/ Informan Gelandangan Residivis Wanita Ketujuh/ Tahun 2023).

Mas menegaskan cabaran mencari wang setiap hari untuk meneruskan hidup, walaupun ada bantuan makanan daripada NGO:

"Tak ada duit, macam mana saya nak teruskan hidup hari-hari, nak cari makan tetapi tak apa, NGO bagi makan, mostly kurang duit lah. Hari-hari, cabaran dia nak cari duit, nak settle duit, nak survive"

(Mas/ Informan Gelandangan Residivis Wanita Kelapan/ Tahun 2023).

Kajian ini dengan jelas menunjukkan bahawa gelandangan residivis wanita mengalami kemiskinan feminisme yang melibatkan interaksi kompleks antara struktur sosial patriarki, stigma sosial, dan kekurangan sumber asas, yang memberikan kesan mendalam terhadap kehidupan mereka. Teori *Feminist Standpoint* menegaskan bahawa pengalaman hidup wanita yang terpinggir memberikan perspektif dan kritikal terhadap ketidaksetaraan sosial dan gender dalam masyarakat. Dalam kajian ini, kemiskinan feminisme yang dialami oleh gelandangan residivis wanita mencerminkan

bagaimana struktur sosial patriarki terus mengekalkan ketidakadilan gender yang sistemik (Winker & Degele, 2011).

Pengalaman mereka yang terpaksa hidup di jalanan tanpa akses kepada sokongan keluarga dan sumber asas mencerminkan ketidakseimbangan kuasa dalam struktur sosial yang meminggirkan wanita. Rodriguez-Moreno et al. (2021) juga menyokong pandangan ini, dengan menekankan keperluan mendesak untuk menyediakan perkhidmatan sosial khusus dan perundangan yang responsif terhadap cabaran yang dihadapi oleh gelandangan wanita. Stigma sosial terhadap mereka, seperti yang dinyatakan dalam kajian, bukan sahaja memperburukkan peluang ekonomi mereka tetapi juga mengasingkan mereka dari struktur sosial yang sepatutnya memberikan perlindungan. Kesan kumulatif dari ketidakadilan gender dan kekurangan akses kepada keperluan asas, seperti yang dilaporkan oleh Ebied dan Eldardery (2021), menunjukkan bagaimana gelandangan wanita, terutama yang berusia, menghadapi kesejahteraan biopsikososial yang rendah akibat struktur sosial yang tidak adil. Keadaan ini juga menonjolkan bagaimana sistem sosial dan ekonomi gagal menangani cabaran yang dihadapi oleh gelandangan residivis wanita, menyebabkan mereka terus terperangkap dalam kitaran kemiskinan.

4.4.4 Sub-Tema 4: Eksploitasi Seksual

Kemiskinan feminisme yang dihadapi oleh gelandangan residivis wanita bukan sahaja melibatkan isu ekonomi tetapi juga eksploitasi seksual yang teruk dan meluas. Gelandangan residivis wanita sering kali menjadi mangsa eksploitasi seksual seperti gangguan seksual, rogol, dan pelacuran disebabkan oleh keadaan mereka yang terdedah dan kekurangan perlindungan (Gaetz, 2004; McNaughton & Sanders, 2007).

Gelandangan residivis wanita mengalami kadar rogol yang jauh lebih tinggi berbanding wanita yang mempunyai tempat tinggal tetap. Keadaan ini diperburukkan lagi oleh gabungan masalah kesihatan mental, penyalahgunaan dadah, dan kekurangan sokongan sosial (Biscotto et al., 2016; Sattler et al., 2021).

Hampir kesemua gelandangan residivis wanita yang mengalami masalah mental serius melaporkan beberapa bentuk kekerasan, dengan sebahagian besar mengalami serangan seksual. Hal ini menunjukkan bahawa gelandangan residivis wanita sangat rentan terhadap eksploitasi seksual, yang sering kali disasarkan oleh orang sekeliling. Mereka diandai tidak akan melaporkan jenayah tersebut atau pihak berkuasa tidak akan mengambil tindakan serius terhadap kes tersebut. Stigma yang dihadapi oleh gelandangan residivis wanita, terutamanya jika mereka terlibat dalam seks untuk kelangsungan hidup atau tingkah laku berisiko tinggi lain. Gelandangan residivis wanita terperangkap dalam 'kitaran kerentanan berterusan' yang merangkumi trauma berulang akibat penderaan dan keganasan jangka panjang, perkhidmatan sosial yang tidak mencukupi, dan sumber kesihatan mental yang terhad (Li & Urada, 2020).

Keadaan ini membuktikan eksploitasi seksual yang dialami oleh gelandangan residivis wanita boleh dikaitkan dengan kemiskinan feminisme, di mana mereka terpaksa menghadapi pelbagai cabaran tambahan berbanding dengan gelandangan residivis lelaki. Perasaan terdesak dan ketidakmampuan untuk mendapatkan perlindungan atau sumber yang memadai menjadikan mereka lebih terdedah kepada pelbagai bentuk kekerasan. Ini adalah akibat langsung daripada sistem yang tidak mengiktiraf atau menyediakan perlindungan yang mencukupi untuk gelandangan residivis wanita. Pengkaji melampirkan kesemua kod yang berkaitan ke dalam tema ini:

4.4.4.1 Kod 1: Gelandangan Residivis Wanita Sering Dieksploitasi oleh Teman Rapat

Kajian mendapati bahawa gelandangan residivis wanita sering menjadi mangsa eksploitasi oleh pasangan mereka, yang menggunakan kedudukan kuasa untuk memanfaatkan wanita secara fizikal, emosi, dan ekonomi. Eksploitasi ini termasuk paksaan untuk melakukan aktiviti haram, keganasan fizikal, dan pergantungan kewangan yang merugikan wanita. Menurut Fatiha, kekasihnya memaksanya untuk melacurkan diri dan menjual dadah bagi memperoleh wang. Jika gagal memberikan wang, beliau akan dipukul oleh kekasihnya:

"Mula saya kena paksa dengan boyfriend saya, dia suruh saya melacurkan diri, menjual dadah, lepas itu minta duit daripada saya. Kalau tidak dapat duit, dia akan pukul saya. Lepas itu boyfriend saya kena tangkap"

(Fatiha/ Informan Gelandangan Residivis Wanita Keempat/ Tahun 2023).

Kenyataan ini menunjukkan bagaimana wanita menjadi mangsa paksaan dan keganasan pasangan mereka dalam usaha pasangan untuk memenuhi keperluan kewangan atau ketagihan. Noorliza pula berkongsi pengalaman dengan bekas suaminya, yang sering menggunakan kekerasan fizikal terhadapnya sehingga menyebabkan keguguran sebanyak dua kali:

"Saya pernah berkahwin dulu, lepas itu bercerai, dua kali keguguran sebab kena sepak dengan suami, saya diam, mak saya telefon kata suami cerai kan. Saya banyak dipukul dan dipergunakan oleh bekas suami"

(Noorliza/ Informan Gelandangan Residivis Wanita Kelima/ Tahun 2023).

Pengakuan ini menunjukkan bagaimana keganasan rumah tangga menjejaskan wanita secara fizikal dan emosi, memperlihatkan satu lagi bentuk eksploitasi yang dialami oleh gelandangan residivis wanita. Intan pula mendedahkan bagaimana dia terpaksa

membantu teman lelakinya mencari pendapatan walaupun dia sudah menanggung sebahagian besar sewa rumah:

"Saya duduk di rumah sewa, saya bayar secara bulanan tetapi saya kongsi dengan teman lelaki, dia tolong bayar rumah sewa. Tapi pada masa sama saya kena bantu dia cari sumber pendapatan. Macam-macam saya kena buat untuk dapatkan wang"

(Intan/ Informan Gelandangan Residivis Wanita Keenam/ Tahun 2023).

Keadaan ini menggambarkan pergantungan ekonomi yang tidak seimbang dan tekanan terhadap wanita untuk menanggung keperluan pasangan mereka. Azizah pula menekankan bagaimana kekasihnya bukan sahaja menggunakan kekerasan fizikal, tetapi juga memaksanya untuk melibatkan diri dalam aktiviti melacurkan diri demi mendapatkan wang:

"Saya sering dipergunakan oleh kekasih saya. Kawan saya marah, apa lah kau ini, kau pergi jual badan penat (merujuk kepada situasi melacur), bila dengan boyfriend kau, bila dia gian kena pukul, ada juga cemburu, saya sendiri terkena pukul dengan dia"

(Azizah/ Informan Gelandangan Residivis Wanita Ketujuh/ Tahun 2023).

Pengalaman ini menunjukkan bahawa wanita sering menjadi mangsa eksploitasi, yang melibatkan keganasan, kawalan, dan manipulasi oleh pasangan mereka. Mas turut berkongsi bahawa keganasan sering berlaku apabila pasangan lelaki tidak dapat memenuhi keinginan seperti mendapatkan dadah atau wang:

"Saya pernah dengar ada yang pernah kena pukul, dia selalu kena pukul, mungkin sebab dadah, dia tak dapat dadah, dia pukul perempuan dia. Bila tak dapat duit pun, kekasih akan pukul pasangan dia"

(Mas/ Informan Gelandangan Residivis Wanita Kelapan/ Tahun 2023).

Kajian ini menunjukkan bagaimana gelandangan residivis wanita sering kali menjadi mangsa eksploitasi dalam hubungan mereka, yang merupakan manifestasi jelas kemiskinan feminisme. Teori *Feminist Standpoint* menegaskan bahawa pengalaman wanita yang terpinggir menawarkan pandangan tentang ketidakadilan struktural yang sering tidak dapat dilihat dari perspektif dominan.

Kajian menunjukkan bahawa gelandangan wanita sering kali memasuki hubungan yang dirasakan memberikan perlindungan atau keselamatan, tetapi hubungan ini sering kali bertukar menjadi eksploitasi, seperti penderaan ekonomi atau seksual (Bullock et al., 2020; Flynn et al., 2023). Dari sudut *Feminist Standpoint*, pengalaman ini menyerlahkan bagaimana struktur sosial patriarki menyokong peranan gender yang tidak seimbang, yang meletakkan wanita dalam kedudukan subordinasi dalam hubungan. Wanita dalam situasi ini sering kali tidak memiliki agensi yang mencukupi untuk menentang eksploitasi, kerana mereka bergantung kepada pasangan untuk memenuhi keperluan asas, seperti tempat tinggal atau makanan. Sebagai contoh, Perez et al. (2021) menunjukkan bahawa keganasan pasangan intim dan kekurangan sokongan sosial memperburuk keadaan wanita dalam situasi gelandangan.

Teori Interseksionaliti membolehkan pengkaji memahami bagaimana pelbagai identiti sosial—seperti gender, status sebagai residivis, dan kemiskinan—berinteraksi untuk membentuk pengalaman gelandangan residivis wanita. Eksploitasi yang dihadapi oleh wanita ini bukan sekadar masalah gender tetapi juga hasil daripada persilangan antara faktor ekonomi, sosial, dan sejarah jenayah mereka. Kajian Asante (2015) menunjukkan bagaimana wanita lebih cenderung daripada lelaki untuk terlibat dalam aktiviti seksual untuk kelangsungan hidup, mencerminkan bagaimana gender dan

kemiskinan saling berinteraksi untuk mewujudkan pengalaman eksploitasi. Gelandangan wanita yang berusia, misalnya, menghadapi kegagalan keperluan yang tidak dipenuhi, yang meningkatkan risiko mereka terhadap keganasan domestik dan penderaan seksual (Mostowska & Dębska, 2020).

Malahan Rivas-Rivero, Panadero dan Vázquez (2021) turut menunjukkan bahawa gelandangan wanita di Madrid sering kali mengalami penderaan seksual oleh pasangan intim, yang dikaitkan dengan tekanan hidup akibat kemiskinan. Dalam konteks ini, Interseksionaliti membantu menjelaskan bagaimana diskriminasi gender digabungkan dengan faktor lain, seperti kekurangan sokongan sosial dan latar belakang jenayah, untuk memperburuk kerentanan wanita terhadap eksploitasi dan keganasan. Fenomena ini menonjolkan kemiskinan feminisme, yang menekankan bahawa wanita dalam situasi gelandangan bukan sahaja menghadapi ketidaksamarataan ekonomi tetapi juga bentuk penindasan sosial dan emosi yang lebih kompleks. Dickins et al. (2021) menunjukkan bahawa eksploitasi oleh pasangan menambah lagi kesukaran untuk memperbaiki keadaan hidup, kerana wanita ini tidak mempunyai pilihan lain selain terus bergantung kepada pasangan yang sering kali bertindak secara manipulatif.

4.4.4.2 Kod 2: Penglibatan dalam Aktiviti Pelacuran

Kajian mendapati bahawa gelandangan residivis wanita sering kali terlibat dalam aktiviti pelacuran sebagai satu-satunya cara untuk mendapatkan sumber kewangan, terutamanya dalam keadaan kemiskinan yang mendalam dan kekangan peluang pekerjaan akibat stigma terhadap rekod jenayah mereka. Keadaan ini menunjukkan ketiadaan pilihan alternatif dan tekanan ekonomi yang mendorong mereka kembali

kepada aktiviti pelacuran. Menurut Fatiha, keterlibatan dalam pelacuran adalah akibat daripada kesukaran hidup dan ketiadaan pilihan lain untuk mendapatkan wang bagi keperluan asas seperti makanan. Beliau menyatakan:

"Saya dah lama keadaan susah, untuk dapatkan duit makan, saya mesti terlibat balik dengan aktiviti perlacuran. Saya tiada pilihan"

(Fatiha/ Informan Gelandangan Residivis Wanita Keempat/ Tahun 2023).

Pengakuan ini menunjukkan betapa tekanan ekonomi dan ketiadaan pilihan pekerjaan memaksa Fatiha untuk kembali ke aktiviti pelacuran sebagai langkah terakhir untuk bertahan hidup. Noorliza pula menjelaskan bahawa stigma terhadap rekod jenayahnya menyukarkan peluang untuk mendapatkan pekerjaan yang sah, memaksanya terlibat dalam aktiviti pelacuran bagi mendapatkan pendapatan. Beliau berkata:

"Saya banyak melakukan aktiviti perlacuran untuk mendapatkan duit. Saya sukar nak mendapatkan kerja sebab rekod. Akhirnya, saya akan buat benda ini lah (merujuk kepada aktiviti perlacuran) untuk buat duit"

(Noorliza/ Informan Gelandangan Residivis Wanita Kelima/ Tahun 2023).

Kenyataan ini menonjolkan hubungan erat antara struktur sistemik patriarki, ketidaksamaan gender, dan kemiskinan feminisme, yang menjadi kerangka untuk memahami keadaan gelandangan residivis wanita. Situasi di mana mereka beralih kepada kerja seks sebagai jalan terakhir untuk kelangsungan hidup dapat dianalisis dengan menggunakan Teori *Feminist Standpoint* dan Teori Interseksionaliti. Menurut Teori *Feminist Standpoint*, pengalaman hidup wanita yang berada dalam keadaan marginal seperti gelandangan residivis wanita memberikan sudut pandang kritikal tentang sistem sosial yang mendiskriminasi mereka. Dalam konteks ini, keputusan untuk melibatkan diri dalam kerja seks sebagai kelangsungan hidup adalah refleksi

langsung daripada ketidakadilan gender yang tertanam dalam struktur ekonomi dan sosial.

Sebagai contoh, Watson (2017) mendapati bahawa gelandangan wanita yang menghadapi kemiskinan, penderaan seksual, dan pengecualian sosial sering kali merasa tiada pilihan lain selain melibatkan diri dalam aktiviti seksual untuk memenuhi keperluan asas. Teori *Feminist Standpoint* menekankan bahawa sistem sosial patriarki mencipta hierarki yang meletakkan wanita dalam kedudukan subordinasi, terutama mereka yang menghadapi stigma sebagai gelandangan dan residivis. Pilihan mereka untuk bekerja dalam industri seks bukan sekadar keputusan individu, tetapi hasil daripada tekanan sistemik yang mencipta kekurangan pilihan untuk kelangsungan hidup. Pengalaman mereka, seperti yang dinyatakan oleh Warf et al. (2013), menggambarkan bagaimana faktor seperti tekanan rakan sebaya, keputusan, dan ketagihan memburukkan lagi kerentanan wanita dalam situasi gelandangan.

Teori Interseksionaliti menggariskan bagaimana pelbagai identiti sosial seperti gender, kelas, latar belakang jenayah, dan ketagihan saling berinteraksi untuk mencipta pengalaman yang memperburuk kerentanan gelandangan residivis wanita. Kerja seks untuk kelangsungan hidup, sebagaimana yang diuraikan dalam kajian Biscotto et al. (2016) dan Lazarus et al. (2011), adalah hasil daripada persilangan faktor-faktor ini. Wanita dalam situasi ini menghadapi penindasan berlapis-lapis, termasuk diskriminasi gender, ketidakstabilan ekonomi, kekurangan akses kepada pendidikan, dan keganasan keluarga. Harding dan Hamilton (2009) menjelaskan bahawa keganasan keluarga sistemik dan paksaan memainkan peranan penting dalam mendorong gelandangan wanita ke dalam pekerjaan seksual.

Kajian Watson (2011) dan Castaños-Cervantes & Vélez-Agosto (2018) menunjukkan bahawa keputusan wanita untuk melibatkan diri dalam kerja seks sering kali dipengaruhi oleh faktor psikososial dan tekanan sosial. Wanita ini tidak hanya mencari kelangsungan hidup secara material, tetapi juga kestabilan emosi dan keselamatan fizikal. Interseksionaliti membolehkan analisis mendalam tentang bagaimana kekurangan akses kepada sumber dan peluang memperkuat kitaran kemiskinan feminisme, menjadikan wanita lebih rentan terhadap eksploitasi. Fenomena "seks demi kelangsungan hidup" menggambarkan bagaimana kemiskinan feminisme bukan sekadar isu ekonomi, tetapi juga mencerminkan kegagalan struktur sosial untuk melindungi golongan wanita daripada eksploitasi. Kajian Warf et al. (2013) dan Lazarus et al. (2011) menunjukkan bahawa gelandangan wanita sering kali lebih terdedah kepada keganasan dan eksploitasi kerana struktur sosial yang tidak menyediakan perlindungan atau sokongan mencukupi.

Dalam konteks kemiskinan feminisme, wanita yang bekerja sebagai pekerja seksual bukan sahaja berhadapan dengan stigma sosial tetapi juga risiko yang tinggi terhadap keselamatan fizikal dan kesihatan (Vuillermoz et al., 2017). Kajian Perez et al. (2021) dan Beijer et al. (2018) menegaskan bahawa keganasan pasangan intim dan penggunaan dadah sering menjadi faktor tambahan yang memburukkan keadaan ini.

4.4.4.3 Kod 3: Gangguan Seksual di Jalanan

Kajian mendapati bahawa gelandangan residivis wanita sering menghadapi gangguan seksual semasa hidup di jalanan. Ancaman gangguan ini bukan sahaja berlaku dalam situasi yang melibatkan interaksi dengan individu lain tetapi juga disebabkan oleh kedudukan rentan mereka sebagai gelandangan tanpa perlindungan atau sokongan

yang mencukupi. Gangguan seksual ini merangkumi perbuatan meraba, cubaan merogol, dan usikan fizikal yang sering diabaikan oleh masyarakat. Azizah menyatakan bahawa gelandangan residivis wanita yang tidur di tepi jalan sering menjadi sasaran gangguan seksual, termasuk diraba dan cubaan untuk dirogol:

"Gelandangan wanita, kalau dia orang tidur tepi jalan, pasti kena raba. Akan ada cuba merogol"

(Azizah/ Informan Gelandangan Residivis Wanita Ketujuh/ Tahun 2023).

Pengakuan ini menunjukkan betapa berbahayanya kehidupan di jalanan bagi wanita, di mana ketiadaan tempat tinggal yang selamat menjadikan mereka lebih terdedah kepada gangguan seksual. Mas pula mendedahkan pengalaman semasa mendapatkan bantuan makanan daripada NGO, di mana tangan-tangan yang cuba mengusik dan gangguan seksual adalah perkara biasa. Beliau berkata:

"Adalah kan pergi ambil makan dekat NGO, ratur ambil makanan, memang akan ada tangan yang cuba nak usik kita. Lepas itu perempuan lebih mudah dapat gangguan seksual. Ramai pelaku yang memang aim orang macam kami. Sebab kami tiada tempat nak mengadu. Orang tak ambil peduli golongan macam kami. Selalu yang kena gangguan seksual akan mendingkan diri sahaja tanpa membuat sebarang aduan"

(Mas/ Informan Gelandangan Residivis Wanita Kelapan/ Tahun 2023).

Petikan ini menggambarkan bagaimana gelandangan residivis wanita menjadi sasaran utama pelaku gangguan seksual, yang mengambil kesempatan atas keadaan rentan mereka. Mas juga menegaskan bahawa ketiadaan saluran untuk membuat aduan dan kurangnya perhatian masyarakat terhadap golongan seperti mereka menjadikan isu ini semakin serius, dengan kebanyakan mangsa memilih untuk berdiam diri. Kenyataan ini menggambarkan bagaimana diskriminasi gender dan kemiskinan feminisme saling berkaitan dalam membentuk pengalaman hidup gelandangan residivis wanita.

Teori *Feminist Standpoint* menegaskan bahawa pengalaman hidup mereka yang berada di kedudukan marginal, seperti gelandangan residivis wanita, memberikan sudut pandang tentang ketidakadilan sosial. Dalam konteks ini, diskriminasi gender yang dialami oleh gelandangan residivis wanita, termasuk gangguan seksual, eksploitasi, dan ancaman keselamatan, mencerminkan hierarki sosial yang dipengaruhi oleh patriarki. Sebagai contoh, kajian Meinbresse et al. (2014) menunjukkan bahawa gelandangan wanita yang hidup dalam jangka panjang lebih terdedah kepada pengalaman rogol dan penderaan seksual.

Teori *Feminist Standpoint* melihat pengalaman ini sebagai bukti kegagalan struktur sosial untuk melindungi wanita yang berada dalam kedudukan terpinggir. Heerde dan Hemphill (2017) juga menekankan bahawa faktor risiko seperti pendedahan kepada keganasan dan penderaan kanak-kanak sering kali melibatkan wanita dalam tingkah laku seksual berisiko (Heerde, Scholes-Balog & Hemphill, 2015). Perspektif *Feminist Standpoint* mencadangkan bahawa suara wanita-wanita ini perlu menjadi titik permulaan dalam merangka dasar pembangunan dan sokongan sosial, kerana mereka memahami dengan mendalam bagaimana struktur sosial tidak adil mempengaruhi kehidupan mereka.

Teori Interseksionaliti pula menggariskan bagaimana pelbagai identiti sosial yang saling berkait, seperti gender, status gelandangan, latar belakang jenayah, dan sejarah trauma, membentuk pengalaman hidup (Weinrich et al., 2016). Dalam kes ini, diskriminasi gender bertindih dengan stigma gelandangan dan residivisme untuk memperkuat pengalaman kemiskinan feminisme yang dialami oleh gelandangan residivis wanita. Kajian Lazarus et al. (2011) menunjukkan bahawa wanita yang

bekerja sebagai pekerja seksual menghadapi risiko yang lebih tinggi untuk serangan seksual dan kesihatan yang buruk akibat keadaan hidup yang tidak bersih.

Teori Interseksionaliti menjelaskan bahawa pengalaman ini bukan sekadar disebabkan oleh gender atau status gelandangan, tetapi hasil daripada interaksi pelbagai bentuk penindasan yang saling memperburuk. Dalam konteks ini, gelandangan residivis wanita menghadapi eksploitasi kerana mereka berada di persimpangan diskriminasi gender, ketidakseimbangan ekonomi, dan stigma jenayah. Keadaan ini diperkuatkan oleh kajian Reid et al. (2021) yang menekankan pentingnya terapi berkumpulan berasaskan komuniti untuk mempromosikan kesejahteraan dan pemulihan wanita muda yang menghadapi risiko gelandangan dan keganasan berasaskan gender.

Dalam konteks kemiskinan feminisme, kajian ini menonjolkan bagaimana gelandangan residivis wanita menghadapi cabaran berganda. Kemiskinan mereka tidak hanya berkisar pada kekurangan material tetapi juga mencerminkan ketidakadilan gender yang memperburuk keadaan hidup mereka. Sebagai contoh, kajian Duff et al. (2011) dan Fogel et al. (2017) menunjukkan bahawa gangguan seksual adalah pengalaman yang biasa bagi gelandangan wanita, yang menambah tekanan fizikal dan psikologi dalam kehidupan seharian mereka. Dalam kerangka ini, program pembangunan yang responsif-gender perlu menyediakan perlindungan kepada gelandangan residivis wanita, termasuk terapi trauma seksual dan sokongan perumahan yang berkesan seperti yang disarankan oleh Andermann et al. (2021). Pembangunan yang mengambil kira dimensi gender dapat memutuskan kitaran kemiskinan feminisme yang menghalang wanita daripada membina kehidupan yang stabil.

4.4.4.4 Kod 4: Persekitaran yang Kurang Kondusif dan Destruktif

Kajian mendapati bahawa persekitaran memainkan peranan penting dalam membentuk pengalaman hidup gelandangan residivis wanita, sama ada menjadi faktor kondusif yang membantu mereka keluar dari kemiskinan atau faktor destruktif yang menghalang kemajuan mereka. Persekitaran yang kondusif dapat membuka peluang untuk perubahan positif, manakala persekitaran destruktif menyekat kebolehan mereka untuk memperbaiki kehidupan, sekali gus mengekalkan mereka dalam kitaran kemiskinan. Menurut Zaleha, hidup dalam kemiskinan yang berpanjangan adalah akibat daripada persekitaran yang tidak memberi peluang untuk memperbaiki keadaan dirinya. Beliau menyatakan:

"Saya berada dalam keadaan hidup yang sangat miskin. Persekitaran saya tidak memberi peluang kepada saya. Persekitaran saya mempunyai peluang yang sangat sedikit. Saya sering mengalami kegagalan hidup dan terpaksa hidup berterusan dalam kemiskinan"

(Zaleha/ Informan Gelandangan Residivis Wanita Ketiga/ Tahun 2023).

Kenyataan ini menekankan bahawa ketiadaan peluang dalam persekitarannya telah menjadikan Zaleha terperangkap dalam kemiskinan yang berulang, dengan kegagalan hidup yang dialami menghalangnya untuk mencapai perubahan. Mas pula menegaskan bahawa persekitaran destruktif di sekelilingnya menjadi penghalang utama untuk memperbaiki kehidupannya. Beliau berkata:

"Mesti disebabkan oleh persekitaran, tengok persekitaran saya, tempat duduk saya di situ, akan tersekat, hidup saya akan tewas juga. Saya tersekat dengan persekitaran yang teruk macam ini"

(Mas/ Informan Gelandangan Residivis Wanita Kelapan/ Tahun 2023).

Kenyataan Mas menggariskan bagaimana persekitaran yang buruk tidak hanya mempengaruhi keadaan fizikal, tetapi juga menyekat potensi individu untuk maju,

menyebabkan mereka terus berada dalam keadaan tewas dan terperangkap. Kenyataan ini menggariskan bagaimana gelandangan residivis wanita yang tinggal di kawasan seperti Kuala Lumpur berhadapan dengan pelbagai cabaran kompleks yang berkaitan dengan diskriminasi, stigma, dan persekitaran yang tidak kondusif.

Teori *Feminist Standpoint* menekankan bahawa individu yang berada di kedudukan terpinggir mempunyai perspektif tentang realiti sosial, yang membolehkan mereka melihat dan memahami ketidakadilan struktur yang sering tidak kelihatan kepada golongan yang berada di kedudukan yang lebih berkuasa. Dalam konteks ini, pengalaman gelandangan residivis wanita di Kuala Lumpur menunjukkan bagaimana struktur sosial dan ekonomi patriarki meminggirkan mereka secara sistematik. Sebagai contoh, Decker et al. (2021) menunjukkan bahawa kehidupan jalanan, yang sering kali dikaitkan dengan keganasan terhadap pekerja seks wanita, yang mencerminkan ketiadaan perlindungan untuk wanita yang sudah sedia berada dalam kedudukan yang rendah. Kajian ini juga menonjolkan bagaimana stigma sosial dan pelabelan negatif memperkukuhkan kitaran kegagalan yang dihadapi oleh wanita ini. Seperti yang dijelaskan oleh Tischler et al. (2007), tekanan fizikal dan mental akibat persekitaran yang penuh diskriminasi menjadi penghalang besar kepada usaha mereka untuk memperbaiki keadaan hidup.

Teori Interseksionaliti melihat bagaimana pelbagai identiti sosial yang berlapis—seperti gender, status gelandangan, sejarah jenayah, dan pengalaman trauma masa lalu—berinteraksi untuk memperburukkan penindasan yang dihadapi oleh gelandangan residivis wanita. Dalam konteks ini, Côté et al. (2022) menekankan bahawa wanita yang mengalami penderaan seksual semasa kanak-kanak menjadi

gelandangan akibat peminggiran sosial yang berpunca daripada tindak balas masyarakat yang tidak memadai. Interseksionaliti menjelaskan bahawa pengalaman ini adalah hasil daripada pelbagai bentuk penindasan yang saling bertindih.

Tambahan pula, Green Jr. et al. (2012) menunjukkan bahawa penderaan fizikal pada zaman kanak-kanak mempunyai kesan yang mendalam terhadap kemampuan wanita untuk membina rangkaian sosial yang menyokong. Interseksionaliti membantu menganalisis bagaimana trauma masa lalu, stigma sosial, dan status ekonomi saling berkait untuk mengukuhkan kedudukan mereka dalam hierarki sosial yang tidak adil (Henriques et al., 2022). Stigma terhadap wanita yang dianggap "tidak layak dibantu" memperburukkan keadaan mereka, menjadikan mereka lebih terasing dan sukar untuk keluar dari kitaran kemiskinan dan eksploitasi. Kajian Melo (2019) menunjukkan bahawa persekitaran yang tidak selamat dan penuh bahaya ini menghalang mereka daripada keluar dari kitaran kemiskinan. Tambahan pula, pengalaman mereka terpaksa tinggal dalam persekitaran yang dipenuhi dengan individu yang menghadapi masalah sosial yang sama, seperti penagih dadah dan bekas banduan, mencerminkan bagaimana kemiskinan feminisme melibatkan lebih daripada sekadar kekurangan sumber ekonomi tetapi juga kegagalan sistem untuk menyediakan persekitaran yang menyokong (Scott, Dennis & Lurigio, 2015). Keadaan ini menyebabkan mereka terus hidup dalam ketidakstabilan, dengan risiko keganasan dan eksploitasi menjadi ancaman harian.

4.4.5 Sub-Tema 5: Eksploitasi Jenayah

Eksploitasi jenayah terhadap gelandangan residivis wanita adalah isu yang kompleks dan berkait rapat dengan kemiskinan feminisme, yang merangkumi ketidakadilan

gender dan kesan-kesan kemiskinan yang mendalam terhadap wanita. Gelandangan residivis wanita sering kali terdedah kepada bentuk-bentuk eksploitasi jenayah kerana status mereka yang terpinggir dan kekurangan sumber perlindungan. Kemiskinan feminisme menunjukkan bagaimana ketidaksamaan gender memperburukkan pengalaman kemiskinan. Dalam kes gelandangan residivis wanita, ketidakstabilan ekonomi dan sosial menyebabkan mereka lebih terdedah kepada ancaman dan eksploitasi. Eksploitasi jenayah terhadap gelandangan residivis wanita sering kali mengambil bentuk kekerasan seksual, pengambilan keuntungan dari keadaan mereka, dan penindasan yang berterusan. Dengan kekurangan perlindungan dan sumber yang stabil, wanita-wanita ini sering kali menjadi sasaran bagi individu atau kumpulan yang memanfaatkan keadaan mereka yang tidak berdaya.

Kemiskinan feminisme membantu menerangkan bagaimana aspek gender mempengaruhi tahap eksploitasi yang dialami oleh gelandangan residivis wanita. Wanita, terutamanya yang berstatus gelandangan, sering kali mengalami kekurangan dalam akses kepada sumber-sumber perlindungan dan keperluan asas yang menjadikan mereka lebih mudah terdedah kepada risiko jenayah. Ketidakstabilan yang mereka hadapi bukan hanya berkaitan dengan kekurangan material tetapi juga dengan kegagalan sistem sosial dan ekonomi untuk menyediakan perlindungan yang mencukupi, yang membawa kepada situasi di mana mereka lebih mudah menjadi mangsa eksploitasi. Selain itu, pengalaman eksploitasi jenayah juga memperburukkan lagi keadaan kemiskinan mereka dengan menambahkan beban psikologi dan trauma yang tidak mudah dilihat tetapi sangat memberi kesan kepada kesejahteraan mereka (Dickins et al., 2021). Ketidakstabilan mental dan emosi yang diakibatkan oleh

eksploitasi jenayah dapat memperburuk keadaan hidup mereka dan menyukarkan mereka untuk keluar dari kitaran kemiskinan.

Melalui pemahaman kemiskinan feminisme, dapat difahami bahawa eksploitasi jenayah bukan hanya isu individu tetapi juga masalah struktur yang memerlukan pendekatan yang menyeluruh untuk memastikan keselamatan dan kesejahteraan gelandangan residivis wanita (Dickins et al., 2021). Intervensi yang berkesan mesti merangkumi perlindungan yang lebih baik, sokongan sosial yang lebih kukuh, dan pemulihan yang menyeluruh untuk mengurangkan risiko eksploitasi dan meningkatkan kualiti hidup mereka secara keseluruhan. Pengkaji melampirkan kesemua kod bagi menyokong tema ini seperti berikut:

4.4.5.1 Kod 1: Ketagihan Dadah Turut Memberi Kesan kepada Keadaan Hidup Miskin

Kajian mendapati bahawa ketagihan dadah memberikan kesan mendalam terhadap kehidupan gelandangan residivis wanita, di mana ia memperburukkan keadaan kemiskinan yang sedia ada. Ketagihan dadah bukan sahaja menyebabkan pengabaian keperluan asas tetapi juga menyekat mereka daripada keluar dari kitaran kemiskinan (Jasni et al., 2018). Oleh itu, pengulangan masalah ketagihan memerlukan pendekatan holistik yang berfokus kepada pengurangan kemiskinan dan pemulihan ketagihan secara menyeluruh (Thompson Jr et al., 2013; Tripodi et al., 2011). Menurut Fatiha, ketagihan dadah telah menjadi punca utama yang memburukkan lagi kehidupannya. Beliau menyatakan:

"Ketagihan dadah sebenarnya boleh memburukkan lagi kehidupan saya. Saya menjadi tersekat di antara ingin memenuhi keperluan asas atau ketagihan dadah. Selalunya duit yang ada akan dihabiskan untuk membeli dadah. Kesemua ini menyebabkan hidup saya menjadi lebih susah"

(Fatiha/ Informan Gelandangan Residivis Wanita Keempat/ Tahun 2023).

Kenyataan ini menunjukkan bagaimana ketagihan dadah mencetuskan konflik dalam keutamaan perbelanjaan, di mana keperluan asas sering diketepikan untuk memenuhi ketagihan, sekali gus memperburukkan keadaan hidup yang sudah sukar. Intan pula menjelaskan bahawa ketagihan dadah terus menjadi faktor utama yang menyebabkan kemerosotan hidup golongan gelandangan residivis wanita. Beliau berkata:

"Tengok punca kehidupan sama ada normal ke tidak, selalunya hidup dia jadi lebih teruk sebab dia masih menghisap dadah. Kebanyakan duit dia akan digunakan untuk membeli dadah"

(Intan/ Informan Gelandangan Residivis Wanita Keenam/ Tahun 2023).

Petikan ini menggambarkan realiti kompleks yang dihadapi oleh gelandangan residivis wanita yang bergelut dengan ketagihan dadah. Teori *Feminist Standpoint* menegaskan bahawa pengalaman hidup golongan terpinggir, seperti gelandangan residivis wanita, memberikan pandangan tentang struktur sosial yang tidak adil. Dalam konteks ini, pengalaman mereka dengan ketagihan dadah menonjolkan bagaimana sistem patriarki dan ketidakadilan sosial memperkukuhkan kemiskinan feminisme. Sebagai contoh, ketagihan dadah menyebabkan mereka lebih terperangkap dalam kitaran kemiskinan kerana sumber kewangan yang sedikit dialihkan kepada pembelian dadah, seperti yang dijelaskan oleh Biscotto et al. (2016). Perspektif mereka sebagai wanita yang terpinggir menunjukkan bagaimana ketagihan dadah bukan sekadar isu individu tetapi juga hasil daripada struktur sosial yang gagal memberikan sokongan yang memadai kepada golongan ini (Kulesza et al., 2016). Ketagihan dadah juga memperburukkan stigma sosial yang dihadapi oleh gelandangan residivis wanita (Aguiar Jr., & Parada, 2023). Meyers et al. (2021) menunjukkan

bahawa wanita dengan masalah ketagihan sering menghadapi pelbagai stigma, yang menghalang mereka daripada mendapatkan bantuan.

Teori Interseksionaliti menerangkan bagaimana pelbagai identiti sosial yang saling berlapis, seperti gender, status gelandangan, ketagihan dadah, dan pengalaman trauma masa lalu, memperkukuhkan penindasan yang dialami oleh gelandangan residivis wanita. Dalam kes ini, ketagihan dadah menjadi satu dimensi tambahan kepada pengalaman kemiskinan mereka, seperti yang diperjelaskan oleh Schütz (2016), yang menekankan kaitan antara penyalahgunaan dadah dan risiko gelandangan. Wanita yang menghadapi ketagihan dadah sering kali terdedah kepada stigma gender yang berlapis-lapis (Tucker et al., 2011). Sebagai contoh, Rizzo et al. (2022) menunjukkan bahawa rasa malu, stigma, dan ketakutan terhadap akibat sosial dan undang-undang adalah halangan utama yang menghalang mereka daripada mendapatkan rawatan.

Tambahan pula, Mburu et al. (2018) menyatakan bahawa wanita dengan ketagihan dadah menghadapi kesulitan besar dalam mendapatkan rawatan kesihatan yang diperlukan kerana diskriminasi berdasarkan gender dan status sosial mereka. Keadaan ini mencerminkan bagaimana identiti sosial mereka yang kompleks meletakkan mereka di kedudukan yang lebih rentan dalam hierarki sosial. Ketagihan dadah dalam kalangan gelandangan residivis wanita juga menonjolkan dimensi kemiskinan feminisme, yang merujuk kepada bagaimana struktur sosial dan ekonomi patriarki memperburukkan lagi kemiskinan wanita. Sebagai contoh, Souza et al. (2016) menunjukkan bahawa persekitaran keluarga dan konstruksi sosial memainkan peranan penting dalam mendorong gelandangan wanita kepada penyalahgunaan dadah. Ini

mencerminkan bagaimana ketidakadilan gender dan struktur sosial yang tidak sensitif-gender mengekalkan kemiskinan feminisme.

Wanita dalam situasi ini sering kali terpaksa membuat pilihan yang sangat sukar antara memenuhi keperluan asas mereka atau memenuhi keinginan untuk dadah. Riley et al. (2015) menekankan bahawa risiko keganasan seksual dalam kalangan gelandangan wanita dapat dikurangkan dengan menangani penyalahgunaan dadah. Namun, kekurangan akses kepada sokongan sosial yang inklusif menghalang mereka daripada keluar dari kitaran ketagihan dan kemiskinan. Dengan pendekatan yang tepat, seperti yang dicadangkan oleh Rizzo et al. (2022) dan Schütz (2016), masalah ketagihan dalam kalangan gelandangan residivis wanita dapat ditangani dengan lebih berkesan. Ini bukan sahaja dapat memperbaiki kualiti hidup mereka tetapi juga membantu memecahkan lingkaran kemiskinan feminisme yang mencengkam kehidupan mereka.

4.4.5.2 Kod 2: Menjual Dadah untuk Menampung Kehidupan

Kajian mendapati bahawa gelandangan residivis wanita sering terlibat dalam aktiviti menjual dadah sebagai satu cara untuk menampung kehidupan mereka, terutamanya apabila peluang pekerjaan tidak tersedia atau terhad. Aktiviti ini dilihat sebagai jalan mudah untuk mendapatkan pendapatan di tengah-tengah tekanan ekonomi dan keperluan mendesak untuk meneruskan hidup. Menurut Fatiha, ketiadaan pekerjaan memaksanya untuk menjual dadah sebagai satu-satunya cara mendapatkan wang. Beliau menyatakan:

"Bila saya tidak dapat kerja. Selalu kawan ajak untuk menjual dadah. Sebab dengan menjual dadah, saya dengan mudah boleh mendapat duit. Dekat sini, ramai pembeli. Saya dengan mudah dapat orang yang nak beli"

(Fatiha/ Informan Gelandangan Residivis Wanita Keempat/ Tahun 2023).

Kenyataan ini menunjukkan bagaimana ketiadaan peluang pekerjaan yang sah dan tekanan ekonomi menyebabkan Fatiha memilih aktiviti menjual dadah sebagai sumber pendapatan utama. Keadaan ini juga mencerminkan ketiadaan sokongan dan alternatif ekonomi yang menyebabkan gelandangan residivis wanita terjerumus ke dalam kegiatan haram. Mas pula menjelaskan bahawa menjual dadah menjadi pilihan utama untuk memastikan kelangsungan hidupnya di Kuala Lumpur. Beliau berkata:

"Saya selalu akan pilih untuk menjual dadah untuk dapat duit. Kalau tak jual dadah, saya tidak tahu macam mana nak hidup di Kuala Lumpur. Saya memang guna duit jualan untuk jalani kehidupan"

(Mas/ Informan Gelandangan Residivis Wanita Kelapan/ Tahun 2023).

Tekanan untuk memenuhi keperluan hidup di kawasan bandar seperti Kuala Lumpur sering kali mendorong gelandangan residivis wanita untuk terlibat dalam aktiviti menjual dadah sebagai cara bertahan hidup (Arnos & Acevedo, 2023). Aktiviti ini menjadi strategi survival yang mencerminkan bagaimana kemiskinan feminisme dan ketidakadilan gender memaksa mereka membuat keputusan sukar dalam situasi kemiskinan yang mendalam. Keputusan ini bukanlah pilihan bebas, tetapi hasil daripada tekanan sosial, diskriminasi (Atrey, 2018), dan kekurangan akses kepada peluang pekerjaan formal yang stabil. Dalam konteks Teori *Feminist Standpoint*, pengalaman ini menggambarkan bagaimana struktur sosial patriarki dan ekonomi kapitalis mengabaikan keperluan asas wanita, terutamanya mereka yang terpinggir seperti gelandangan residivis wanita. Keadaan ini memperlihatkan bagaimana kedudukan mereka yang marginal dalam masyarakat menjadikan mereka terpaksa mencari alternatif yang sering kali melibatkan risiko, seperti menjual dadah, untuk memenuhi keperluan asas seperti makanan, tempat tinggal, dan pakaian (Diraditsile & Ontetse, 2017).

Keadaan ini turut dipengaruhi oleh diskriminasi gender dan stigma sosial yang melekat pada identiti mereka sebagai wanita, bekas banduan, dan gelandangan. Teori Interseksionaliti membantu menjelaskan bagaimana pelbagai identiti sosial ini saling berinteraksi, mencipta bentuk penindasan yang berlapis-lapis yang menghalang mereka daripada memperbaiki keadaan hidup. Diskriminasi gender, stereotaip sosial, dan stigma masyarakat membuatkan wanita ini sukar untuk diterima dalam pasaran kerja formal, seperti yang diperjelaskan oleh Ferguson, Bender, dan Thompson (2016), yang mendapati bahawa penyalahgunaan dadah dan ketiadaan tempat tinggal sering kali mendorong individu ke dalam aktiviti ekonomi haram. Ketidakstabilan kewangan dan tekanan untuk memenuhi keperluan asas juga menjadi faktor utama yang mendorong gelandangan residivis wanita ke arah jenayah, seperti menjual dadah, sebagai cara untuk mendapatkan pendapatan segera, walaupun ia melibatkan risiko tinggi (Biscotto et al., 2016).

Ketiadaan sokongan sosial dan kekurangan peluang yang sah memperlihatkan bagaimana struktur gender yang tidak adil terus memperkukuh penindasan terhadap gelandangan residivis wanita. Selain itu, stigma sosial dan stereotaip gender menghalang mereka daripada mendapatkan sokongan yang diperlukan, menyebabkan mereka terpaksa bergantung kepada aktiviti haram untuk kelangsungan hidup (Andermann et al., 2021). Tekanan hidup yang berterusan menjadikan aktiviti jenayah ini kelihatan seperti satu-satunya pilihan yang tersedia bagi gelandangan residivis wanita.

4.4.5.3 Kod 3: Terdedah dengan Ancaman Bahaya

Kajian mendapati bahawa gelandangan residivis wanita menghadapi risiko tinggi terhadap pelbagai ancaman bahaya semasa hidup di jalanan (Rotich et al., 2012). Ancaman ini melibatkan jenayah seperti ragut, rompakan, dan serangan seksual, yang menimbulkan rasa tidak selamat dan meningkatkan tekanan dalam kehidupan mereka (Rothgerber et al., 2021). Menurut Norshakila, ancaman terhadap keselamatan adalah perkara biasa bagi wanita yang hidup di jalanan, termasuk menjadi mangsa ragut, rompakan, dan cubaan merogol:

"Bila hidup di jalan lebih mudah kena ragut, kena rompak, Kadang-kadang ada juga yang cuba nak merogol"

(Norshakila/ Informan Gelandangan Residivis Wanita Kedua/ Tahun 2023).

Kenyataan ini menunjukkan bahawa hidup di jalanan membuatkan gelandangan residivis wanita menjadi sasaran mudah bagi jenayah, disebabkan ketiadaan perlindungan dan sistem sokongan yang mencukupi. Azizah pula berkongsi pengalaman peribadi yang traumatik, di mana dia pernah menghadapi situasi ancaman seksual secara langsung:

"Memang risiko duduk tepi jalan, saya pernah, kenangan saya tak akan lupa ada orang datang dekat saya dengan usaha nak makan saya (merujuk kepada tingkah laku merogol). Memang susah hidup di jalanan ini. Kita tak tahu ancaman itu bila nak datang."

(Azizah/ Informan Gelandangan Residivis Wanita Ketujuh/ Tahun 2023).

Petikan ini menggambarkan ketidakpastian dan bahaya yang sentiasa mengintai gelandangan wanita, terutama ketika mereka terdedah kepada serangan yang tidak dijangka. Pengalaman Azizah menunjukkan betapa kehidupan di jalanan memberi kesan emosi dan psikologi yang mendalam. Kehidupan di jalanan bagi gelandangan residivis wanita sering kali membawa kepada pendedahan terhadap ancaman yang

lebih besar dan kompleks berbanding dengan rakan lelaki mereka. Dalam konteks Teori *Feminist Standpoint*, pengalaman ini mencerminkan bagaimana kedudukan wanita dalam struktur sosial yang patriarki menjadikan mereka lebih rentan terhadap pelbagai bentuk kekerasan (Rouse, 2009). Sebagai contoh, kadar keganasan terhadap gelandangan wanita adalah lebih tinggi, yang menunjukkan bahawa gender mereka menjadi faktor utama yang mempengaruhi kerentanan mereka terhadap ancaman seperti kekerasan fizikal, mental, dan seksual (Calvo et al., 2022). Kehidupan di jalanan, yang menawarkan sedikit perlindungan, menjadikan mereka sasaran mudah untuk eksploitasi dan manipulasi (Osuji & Hirst, 2015). Situasi ini menunjukkan bahawa pengalaman gelandangan residivis wanita tidak dapat dipisahkan daripada struktur sosial yang meletakkan mereka dalam kedudukan yang tidak berdaya dan kurang berkuasa.

Dalam Teori Interseksionaliti, identiti mereka sebagai wanita, bekas banduan, dan gelandangan saling berinteraksi untuk mencipta pengalaman penindasan yang berlapis-lapis. Sebagai contoh, stigma yang berkaitan dengan status gelandangan mereka, digabungkan dengan diskriminasi gender, menyebabkan mereka menghadapi lebih banyak risiko berbanding lelaki. Misalnya, mereka terpaksa berurusan dengan hubungan yang tidak seimbang, termasuk dengan individu yang mengambil kesempatan atas keadaan mereka (Rodriguez-Moreno et al., 2021). Hal ini diperburuk lagi oleh kekurangan peluang yang sah untuk memperbaiki keadaan hidup mereka, yang sering kali memaksa mereka untuk menerima situasi tersebut sebagai sesuatu yang tidak dapat dielakkan.


Kajian menunjukkan bahawa gelandangan residivis wanita lebih mudah menjadi mangsa kekerasan domestik, serangan seksual, dan ancaman fizikal lain. Keadaan ini juga diperburuk oleh stigma sosial dan kurangnya sokongan daripada masyarakat. Misalnya, mereka sering kali disamun atau disisihkan oleh masyarakat kerana status gelandangan mereka, meskipun dalam banyak kes mereka berjaya membentuk ikatan solidariti dengan gelandangan lain untuk menghadapi cabaran hidup (Pavelková et al., 2022). Namun, dinamika sokongan ini tidak mencukupi untuk melindungi mereka daripada ancaman yang lebih besar yang berasal daripada persekitaran berbahaya di jalanan. Keadaan ini menegaskan keperluan untuk menyediakan perkhidmatan khusus yang sensitif terhadap gender dalam menangani trauma, keganasan, dan isu-isu seperti penyalahgunaan dadah yang sering dialami oleh gelandangan residivis wanita (Price & Glorney, 2022).

4.5 Objektif Kajian 2: Memahami Bentuk Diskriminasi Gender yang Dihadapi Gelandangan Residivis Wanita Sepanjang Hidup di Jalanan

Dalam kajian ini, fokus utama adalah memahami diskriminasi gender yang dihadapi oleh gelandangan residivis wanita, serta bagaimana ia mempengaruhi kehidupan mereka di jalanan (Wenzel et al., 2019). Menurut Begeny et al. (2020), walaupun dalam bidang yang didominasi oleh wanita, bias gender tetap wujud terhadap golongan ini. Diskriminasi gender merujuk kepada perlakuan yang tidak adil atau tidak sama rata berdasarkan gender seseorang, yang sering berlaku dalam pelbagai bentuk, sama ada secara langsung atau tidak langsung. Wanita yang menghadapi diskriminasi gender menjadi terdedah kepada perasaan keputusasaan dan menghadapi emosional yang terdedah (Jadhav et al., 2023).

Diskriminasi yang dihadapi oleh gelandangan didorong oleh faktor seperti etnik, jantina, dan agama (Verissimo et al., 2023). Bagi gelandangan residivis wanita, diskriminasi gender ini bukan sahaja menambah kesulitan yang mereka alami tetapi juga memperburukkan keadaan kemiskinan yang mereka hadapi. Kajian Zhou (2023) mengatakan wanita didapati mengalami pelbagai bentuk diskriminasi gender di seluruh dunia tanpa mengira warna kulit, kedudukan sosioekonomi, atau usia. Dengan itu, keperluan bantuan kerajaan dan kesedaran masyarakat untuk mencapai kesaksamaan gender ini (Zhou, 2023).

Stigma dan diskriminasi yang berlaku boleh memberi impak kepada kesihatan seksual wanita kerana ia dikaitkan dengan aspek-aspek tertentu identiti mereka, termasuk gender, penggunaan dadah, seks transaksional, gelandangan, dan status kesihatan seksual (Medina-Perucha et al., 2019). Dalam tema ini, pengkaji mengelompokkan isu diskriminasi gender kepada dua tema sub-utama: stigma dan diskriminasi sebagai wanita dan diskriminasi dalam pekerjaan. Pengkaji melampirkan kesemua sub-tema dan kod dengan teliti untuk memberikan gambaran yang jelas mengenai bagaimana diskriminasi gender mempengaruhi kehidupan gelandangan residivis wanita. Selain itu, pengkaji melampirkan kerangka model untuk diskriminasi gender yang dihadapi oleh gelandangan residivis wanita di dalam rajah 4.2.



Rajah 4.2 : Pembentukan Tema dan Sub-Tema Diskriminasi Gender yang Dihadapi oleh Gelandangan Residivis Wanita

4.5.1 Sub-Tema 1: Stigma dan Diskriminasi Sebagai Wanita

Pelbagai bentuk diskriminasi gender yang boleh berlaku seperti akses yang terhad kepada pendidikan, pekerjaan dan mendapatkan penjagaan kesihatan, gaji yang tidak sama rata, gangguan seksual dan pelbagai lagi. Diskriminasi gender ini boleh memberi kesan kepada kesihatan mental dan fizikal dalam diri seseorang yang menghadapi. Di samping itu, menyebabkan seseorang menghadapi akses yang terhad kepada penjagaan kesihatan yang menyebabkan kadar kesihatan dan jangka hayat yang rendah (Villines, 2021). Keadaan ini membuktikan diskriminasi gender yang dihadapi boleh menyebabkan seseorang gelandangan residivis wanita itu berada dalam pengecualian dan merugikan orang tersebut berdasarkan gender mereka

Bagi kebanyakan gelandangan residivis wanita, stigma dan diskriminasi sebagai wanita adalah realiti yang berlaku pada setiap hari sepanjang di Kuala Lumpur. Stigma dan diskriminasi yang berlaku apabila menghadapi layanan yang tidak adil atau prejudis terhadap gelandangan residivis wanita berdasarkan ciri-ciri seperti bangsa, jantina, umur atau orientasi seksual. Stigma dan diskriminasi ini boleh terjadi dari segi akses terhad kepada pendidikan, kedudukan yang lebih rendah dalam masyarakat, kurang kebebasan untuk membuat keputusan mengenai kehidupan peribadi dan keluarga mereka, dan gaji yang lebih rendah untuk pekerjaan yang mereka lakukan. Gelandangan residivis wanita juga mengalami tahap keganasan dan gangguan yang berleluasa. Kemiskinan dan ketidaksetaraan adalah beberapa contoh paling jelas tentang cara stigma serta diskriminasi gender yang menjejaskan kehidupan gelandangan residivis wanita. Pengkaji telah mengelompokkan kesemua kod yang berkaitan buruk ini di dalam tema ini:

4.5.1.1 Kod 1: Pandangan Buruk Masyarakat

Kajian ini mendapati bahawa pandangan buruk masyarakat terhadap golongan gelandangan residivis wanita adalah salah satu cabaran utama yang dihadapi oleh mereka. Stigma sosial ini bukan sahaja mempengaruhi kehidupan harian mereka, tetapi juga memberi impak kepada imej diri, peluang pekerjaan, dan interaksi sosial. Informan Norshakila menyatakan bahawa masyarakat sering kali membuat tuduhan tidak berasas terhadap dirinya, seperti mengambil dadah, walaupun dia tidak melakukannya. Tuduhan ini timbul semata-mata kerana gaya hidup gelandangan yang dijalannya.

“Belakang orang akan cerita buruk tentang golongan macam saya, orang cakap yang saya ambil barang (merujuk kepada dadah), saya tak ambil barang pun akan ada orang tuduh. Sebab hidup seperti ini. Orang dengan mudah letak pandangan buruk”

(Norshakila/ Informan Gelandangan Residivis Wanita Kedua/ Tahun 2023)

Selain itu, informan Fatiha berkongsi pengalaman bagaimana masyarakat, termasuk kenalan lama, bercakap buruk tentang dirinya. Hal ini menunjukkan bahawa stigma sosial terhadap gelandangan residivis wanita datang bukan sahaja daripada orang asing, tetapi juga daripada mereka yang pernah mengenali mereka.

“Layan buruk, cakap-cakap buruk pun ada, ada cakap yang saya jahat, orang yang kita kenal lama pun, ada yang cakap bukan bukan, kita sahaja tahu, saya baik ke buruk”

(Fatiha/ Informan Gelandangan Residivis Wanita Keempat/ Tahun 2023)

Informan Intan menegaskan bahawa gelandangan wanita sering dinilai berdasarkan penampilan dan aktiviti mereka, seperti bekerja dalam sektor tidak formal (contohnya, pelacuran).

“Hidup di tepi jalan ini, akan ada pandangan buruk, macam orang tengok pakai tudung, kenapa orang ini masih cari makan macam ini (merujuk kepada perlacuran), macam kurang ajar”

(Intan/ Informan Gelandangan Residivis Wanita Keenam/ Tahun 2023)

Informan Mas menyebut bahawa masyarakat sering membuat penilaian buruk dengan hanya melihat rupa atau cara mereka berpakaian. Hal ini menunjukkan bagaimana masyarakat menghakimi gelandangan residivis wanita secara luaran tanpa memahami konteks kehidupan mereka.

“Manusia pandang dengan pandangan yang buruk, bila dia tengok kita atas bawah”

(Mas/ Informan Gelandangan Residivis Wanita Kelapan/ Tahun 2023)

Dalam Teori *Feminist Standpoint*, kedudukan gelandangan residivis wanita menawarkan perspektif khusus untuk memahami bagaimana masyarakat patriarki memperkukuhkan ketidaksetaraan. Gelandangan wanita sering dianggap sebagai gagal memenuhi peranan sosial mereka, menyebabkan mereka berhadapan dengan stigma dan penghinaan yang memperkuat pengasingan sosial mereka. Pandangan sinis ini menjadikan mereka lebih sukar untuk mendapatkan peluang sokongan dan memperbaiki kehidupan mereka.

Dari perspektif Teori Interseksionaliti, gelandangan residivis wanita terdedah kepada diskriminasi berganda yang berasal daripada identiti mereka yang berlapis: sebagai wanita, bekas banduan, dan individu gelandangan (Davis, 2008). Stigma sosial yang melekat pada status gelandangan mereka sering kali bercampur dengan persepsi negatif tentang peranan gender, menjadikan mereka lebih rentan terhadap pengabaian dan diskriminasi dalam akses kepada pekerjaan, perumahan, dan perkhidmatan kesihatan.

Dalam konteks pembangunan, situasi ini menunjukkan keperluan mendesak untuk pendekatan yang holistik dan responsif-gender. Program pembangunan yang dirancang harus berfungsi untuk menghapuskan stigma sosial terhadap gelandangan residivis wanita dan memperkuat sokongan kepada mereka. Ini termasuk menyediakan program pemulihan yang bersepadu, yang bukan sahaja menangani aspek ekonomi tetapi juga isu sosial dan psikologi. Sebagai contoh, program pendidikan masyarakat boleh membantu mengubah persepsi negatif terhadap gelandangan residivis wanita, menjadikan mereka lebih diterima dalam masyarakat dan mengurangkan diskriminasi yang dihadapi. Selain itu, dasar perlindungan yang lebih kuat perlu diperkenalkan untuk memastikan gelandangan residivis wanita mendapat akses yang sama kepada peluang pekerjaan, perumahan yang selamat, dan sokongan kesihatan (Lewis, Andersen & Gelberg, 2003).

4.5.1.2 Kod 2: Stigma dan Diskriminasi Akibat Status Sebagai Penagih Wanita

Kajian ini mendapati bahawa stigma dan diskriminasi terhadap gelandangan residivis wanita yang mempunyai sejarah ketagihan mengalami cabaran besar yang mempengaruhi kehidupan mereka. Stigma ini bukan sahaja hadir dalam bentuk pandangan negatif masyarakat tetapi juga dalam layanan buruk yang diterima mereka daripada pelbagai pihak, termasuk individu, institusi, dan masyarakat keseluruhan. Wanita dengan latar belakang ketagihan sering menerima layanan yang berbeza setelah status mereka diketahui. Informan Norshakila menyatakan:

“Orang bila tahu kita ni penagih, layanan akan jadi semacam. Dia macam takut dengan kita. Dia akan fikir bukan-bukan bila tengok kita”

(Norshakila/ Informan Gelandangan Residivis Wanita Kedua/ Tahun 2023).

Hal ini menggambarkan bagaimana masyarakat cenderung menjauhkan diri dan menilai mereka secara negatif tanpa memahami situasi sebenar. Gelandangan residivis wanita juga sering dilabel dengan gelaran yang merendahkan maruah mereka, seperti "banduan" atau "mat pet," yang menggambarkan diskriminasi berterusan terhadap mereka walaupun selepas mereka berusaha untuk berubah.

“Pernah itu lah, bila mereka tahu kita baru keluar penjara dan ada masalah ketagihan, mereka panggil macam panggilan banduan dan mat pet”

(Zaleha/ Informan Gelandangan Residivis Wanita Ketiga/ Tahun 2023).

Informan Fatiha berkongsi pengalaman bahawa diskriminasi semakin ketara apabila individu lain mengetahui status ketagihan mereka. Selain itu, layanan buruk juga menjadi lebih jelas apabila mereka tidak mempunyai wang.

“Dekat sini, kalau ada duit, dia layan baik, kalau tiada duit kena layan buruk, kena halau, kalau tak cukup duit kena halau keluar, selama 18 tahun saya tak pernah kacau orang buat hal sendiri, lagi-lagi mereka tahu kita ni penagih, mereka akan fikir buruk. Mereka akan kata-kata macam-macam”

(Fatiha/ Informan Gelandangan Residivis Wanita Keempat/ Tahun 2023).

Stigma juga diterjemahkan melalui penghinaan dan kutukan masyarakat yang secara langsung atau tidak langsung melabel mereka sebagai golongan yang tidak bermoral.

“Macam orang hina kita kan, orang kutuk kita dari belakang sebab kita penagih”

(Noorliza/ Informan Gelandangan Residivis Wanita Kelima/ Tahun 2023).

Wanita yang terlibat dalam ketagihan dilihat lebih teruk dilabelkan oleh masyarakat berbanding lelaki dengan latar belakang yang sama. Hal ini ditekankan oleh informan

Intan:

“Macam perception masyarakat terhadap golongan wanita yang menagih”

(Intan/ Informan Gelandangan Residivis Wanita Keenam/ Tahun 2023).

Informan Azizah berkongsi pengalaman diskriminasi apabila memohon bantuan kewangan. Pegawai sering memberikan soalan atau komen yang menjatuhkan moral dan menghina keadaan mereka. Penampilan mereka juga dijadikan alasan untuk memberikan pandangan negatif.

“Apa yang akak faham, bila pernah hadapi pengalaman dilayan buruk, dia kena layan kasar tak mesra, stigma itu, biasa berlaku macam pergi kaunter untuk minta bantuan asnaf, mereka akan tanya kenapa tak kerja, sepatutnya kalau pergi bantuan tanya lah nak buat apa dengan kewangan, kenapa datang minta bantuan, dia akan judge kita lah, dia akan pandang rendah, sedih lah, padahal kecemasan. Dia tengok pemakaian kita pun, dia akan pandangan stigma macam kita orang tidak baik dan ketagih dadah”

(Azizah/ Informan Gelandangan Residivis Wanita Ketujuh/ Tahun 2023).

Gelandangan residivis wanita yang juga penagih dadah menghadapi stigma yang mendalam, mencerminkan diskriminasi gender yang kompleks dalam masyarakat. Wanita yang mengalami ketagihan dadah sering dilihat melanggar norma sosial dan peranan tradisional yang dikaitkan dengan gender mereka, seperti menjaga tanggungjawab keluarga dan menampilkan tingkah laku yang dianggap bermoral. Persepsi negatif ini, seperti yang dinyatakan oleh Reilly et al. (2022), menjadikan mereka lebih terpinggir berbanding lelaki yang berada dalam situasi yang sama. Stigma ini memperkukuh diskriminasi gender, di mana masyarakat sering memandang wanita sebagai lemah lembut dan bertanggungjawab, jauh daripada tingkah laku jenayah seperti penagihan dadah (Bullock et al., 2020; Remster, 2021). Wanita yang melanggar norma ini bukan sahaja dianggap gagal sebagai individu tetapi juga sebagai wanita, menyebabkan mereka lebih dicemuh.

Label negatif yang dikenakan terhadap gelandangan residivis wanita ini menjadikan mereka lebih terasing dari segi sosial, sekaligus menghalang mereka daripada

mengakses peluang pekerjaan, tempat tinggal, atau bantuan pemulihan yang diperlukan (Savage, 2016). Pengasingan ini memperburuk keadaan mereka, menyebabkan mereka sukar untuk keluar daripada kitaran kemiskinan dan ketagihan. Keadaan ini juga mengurangkan keberkesanan usaha pemulihan mereka, kerana stigma sosial sering kali membawa kepada penolakan oleh komuniti dan kekurangan sokongan yang sewajarnya. Halangan besar ini menunjukkan bagaimana ketidakadilan gender dan stigma sosial saling berkait dalam mengekalkan keadaan hidup gelandangan residivis wanita.

4.5.1.3 Kod 3: Ketiadaan Pendidikan Memburukkan Lagi Diskriminasi Gender

Kajian ini mendapati bahawa ketiadaan pendidikan memainkan peranan besar dalam memburukkan lagi diskriminasi gender yang dihadapi oleh gelandangan residivis wanita. Kekurangan pendidikan bukan sahaja menghalang mereka daripada mendapatkan pekerjaan yang stabil tetapi juga menjadikan mereka lebih rentan terhadap stereotaip dan diskriminasi sosial. Informan menekankan bahawa ketiadaan pendidikan sering dijadikan alasan oleh majikan untuk menolak permohonan pekerjaan mereka. Hal ini berlaku walaupun pekerjaan tersebut tidak memerlukan tahap pendidikan yang tinggi. Diskriminasi ini menjadikan peluang pekerjaan bagi gelandangan wanita yang kurang berpendidikan semakin terhad.

“Susah sedikit nak mencari pekerjaan bila tiada pelajaran. Majikan akan tanya pendidikan kita. Padahal pekerjaan itu pun tidak perlu pendidikan yang tinggi. Macam sengaja nak menggunakan alasan pendidikan tiada tu.”

(Norshakila/ Informan Gelandangan Residivis Wanita Kedua/ Tahun 2023)

Informan juga menyatakan bahawa ketiadaan pendidikan menyebabkan mereka dipandang rendah oleh masyarakat. Mereka mengalami diskriminasi berganda –

sebagai wanita dan sebagai individu yang tidak berpendidikan. Persepsi negatif ini meningkatkan kesukaran mereka untuk mendapat penerimaan sosial dan peluang untuk meningkatkan taraf hidup mereka.

“Saya rasa cabaran yang besar bila tidak mempunyai pendidikan. Selalu orang memandang orang macam saya ini jauh lebih rendah. Saya menghadapi pelbagai diskriminasi sebagai wanita, lebih-lebih dengan tiada pelajaran.”

(Intan/ Informan Gelandangan Residivis Wanita Keenam/ Tahun 2023)

Teori *Feminist Standpoint* menekankan kepentingan memahami pengalaman hidup wanita daripada sudut pandang mereka sendiri untuk mendedahkan ketidaksetaraan sosial yang sistemik. Wanita yang kurang berpendidikan sering dianggap tidak berpotensi dan tidak berdaya untuk memperbaiki keadaan hidup mereka, yang menyebabkan mereka terus dipinggirkan daripada peluang pekerjaan dan ekonomi yang lebih baik (Huey & Berndt, 2008). Perspektif ini menunjukkan bahawa pengalaman gelandangan residivis wanita dalam menghadapi diskriminasi gender tidak boleh dipisahkan daripada konteks sosial yang lebih luas yang mengekalkan ketidaksetaraan gender.

Teori Interaksionaliti pula memberikan kerangka untuk memahami bagaimana pelbagai faktor seperti gender, pendidikan, dan status sosial berinteraksi untuk memperburuk diskriminasi terhadap gelandangan residivis wanita. Ketidaksetaraan dalam akses kepada pendidikan, yang berpunca daripada struktur sosial patriarki, berinteraksi dengan stigma yang berkaitan dengan status mereka sebagai bekas banduan dan gelandangan. Kombinasi faktor ini menempatkan mereka di kedudukan yang sangat rentan, di mana mereka tidak hanya menghadapi halangan untuk mendapatkan pekerjaan yang stabil tetapi juga menjadi sasaran eksploitasi dalam kehidupan di jalanan.

Tambahan pula, Teori *Feminist Standpoint* menggariskan keperluan untuk memahami bagaimana ketiadaan pendidikan membatasi peluang mobiliti sosial wanita dalam konteks patriarki. Stereotaip gender yang mengaitkan wanita dengan kelemahan dan kebergantungan terus diperkuat apabila mereka tidak mempunyai akses kepada pendidikan. Hal ini tidak hanya mengehadkan peluang ekonomi mereka tetapi juga mengurangkan autonomi mereka dalam membuat keputusan yang penting untuk kehidupan mereka. Sebagai contoh, wanita yang kurang berpendidikan sering kali tidak dianggap layak untuk pekerjaan yang lebih baik atau untuk menyertai program pemulihan yang berfokus kepada pembangunan kemahiran.

4.5.1.4 Kod 4: Panggilan Buruk Sebagai Ibu Tunggal/Balu

Kajian ini mendapati bahawa panggilan buruk yang diterima oleh gelandangan residivis wanita dengan status ibu tunggal, seperti balu atau janda, merupakan salah satu bentuk diskriminasi sosial yang mereka hadapi. Panggilan dan label ini bukan sahaja mencerminkan stigma masyarakat terhadap mereka tetapi juga menyumbang kepada tekanan emosi dan menghalang usaha mereka untuk membina kehidupan yang lebih baik. Wanita yang berstatus ibu tunggal sering menjadi sasaran panggilan buruk dan persepsi negatif masyarakat. Status mereka sebagai balu dan sejarah ketagihan dadah meningkatkan lagi diskriminasi yang diterima.

“Belakang cakap benda tak elok lah, depan kita memang lah cakap elok, belum lagi belakang kita, lagi lah akak seorang balu, enam orang anak. Lagi macam-macam panggilan dorank akan panggil kita. Kononnya macam teruk la kita ini. Dengan status balu dan penagih dadah.”

(Zaleha/ Informan Gelandangan Residivis Wanita Ketiga/ Tahun 2023)

Informan juga berkongsi pengalaman tentang bagaimana status mereka sebagai janda sering menjadi punca panggilan buruk daripada masyarakat. Hal ini berkait dengan

stereotaip gender terhadap wanita yang tidak bersuami, terutama mereka yang mempunyai rekod masa lalu, seperti penjara atau ketagihan dadah.

“Saya sering menerima panggilan buruk sebagai janda di sini. Orang memanggil saya dengan pelbagai panggilan. Sebab saya wanita, tiada suami, ada rekod, orang mempunyai pandangan buruk tentang orang macam kami ini.”

(Azizah/ Informan Gelandangan Residivis Wanita Ketujuh/ Tahun 2023)

Diskriminasi gender yang dialami oleh gelandangan residivis wanita, khususnya mereka yang berstatus balu, ibu tunggal, atau janda, menggambarkan kesan mendalam norma masyarakat patriarki terhadap kehidupan mereka. Dalam konteks Teori *Feminist Standpoint*, pengalaman wanita ini memberikan perspektif yang berharga untuk memahami bagaimana struktur patriarki beroperasi dalam memperkukuhkan ketidaksetaraan gender. Teori ini menekankan pentingnya memahami pengalaman golongan yang tertindas daripada sudut pandang mereka sendiri, untuk mendedahkan ketidakadilan sosial yang sering kali tidak diakui dalam struktur masyarakat dominan (Harding, 2004a).

Dari perspektif Teori Interaksionaliti, diskriminasi gender terhadap gelandangan residivis wanita bukanlah pengalaman yang tunggal, tetapi hasil daripada pelbagai identiti yang bertindih, termasuk gender, status sosial, dan sejarah jenayah. Teori ini membantu menjelaskan bagaimana pelbagai bentuk ketidaksetaraan saling berinteraksi untuk mencipta pengalaman diskriminasi gender untuk wanita ini (Crenshaw, 2013). Menurut Toolis et al. (2022), pembangunan yang responsif-gender adalah penting untuk menangani cabaran ini, dengan menyediakan perlindungan sosial seperti bantuan kewangan, perumahan sementara, dan latihan kemahiran kerja. Melalui lensa Teori *Feminist Standpoint*, usaha ini dapat dirangka berdasarkan pengalaman

langsung wanita tersebut, memastikan bahawa intervensi yang dirancang benar-benar memenuhi keperluan mereka. Sementara itu, Teori Interaksionaliti menekankan pentingnya menangani diskriminasi berlapis-lapis yang dialami oleh wanita ini, termasuk stigma sosial, sejarah jenayah, dan kekangan ekonomi.

4.5.2 Sub-Tema 2: Diskriminasi kepada Pekerjaan

Diskriminasi pekerjaan terhadap gelandangan residivis wanita memperlihatkan bagaimana ketidaksamaan gender terus membelenggu, memburukkan keadaan kemiskinan dan keterpinggiran sosial yang dialami (Tejashwini, & Venumadhava, 2016). Gelandangan residivis wanita sering kali menghadapi diskriminasi pekerjaan disebabkan oleh pelbagai faktor seperti status sosial, latar belakang pendidikan yang rendah, serta stigma yang melekat pada identiti mereka sebagai wanita tanpa tempat tinggal. Kajian Vázquez, Cabrera, & Panadero, (2022) mengatakan gelandangan wanita di Madrid mengalami masalah untuk mendapatkan pekerjaan dan terpaksa melalui kehidupan dengan pekerjaan yang tidak stabil. Hal ini menjadikan mereka terpinggir daripada pasaran kerja formal, sekaligus menyekat akses kepada pekerjaan yang stabil dan berkualiti, sekali gus memburukkan lagi keadaan ekonomi mereka. Menurut Njoki (2021), masih terdapat diskriminasi gender di tempat kerja, di mana diskriminasi terhadap wanita lebih ketara berbanding lelaki. Diskriminasi gender ini memberi kesan negatif terhadap kepuasan pekerja, motivasi, dedikasi, dan tahap tekanan dalam kalangan wanita (Njoki, 2021).

Ketidaksamaan gender terus berterusan dalam keadaan di mana wanita sering memperoleh pendapatan yang lebih rendah berbanding lelaki dan menghadapi cabaran yang lebih besar untuk mendapatkan perumahan yang selamat dan selesa (Huey &

Berndt, 2008; Steelfisher et al., 2019). Akibat daripada ketidaksamaan ini, gelandangan residivis wanita sering kali terdedah kepada diskriminasi dalam perumahan serta akses terhadap banyak ruang awam dan persendirian. Menurut Cai (2023), dengan meningkatkan penyertaan wanita dalam tenaga kerja dan menangani diskriminasi gender di tempat kerja boleh meningkatkan kedudukan sosial wanita dan memupuk kemajuan yang harmonis dalam kedua-dua bidang ekonomi dan sosial.

4.5.2.1 Kod 1: Mampu Mencari Kerja yang Tidak Formal

Kajian ini mendapati bahawa gelandangan residivis wanita sering terpaksa bergantung kepada pekerjaan tidak formal atau pekerjaan bergaji rendah kerana menghadapi diskriminasi dalam sektor pekerjaan formal. Ketidadaan pendidikan, status sosial, serta rekod lampau mereka menjadi punca utama majikan menolak mereka untuk pekerjaan yang lebih stabil dan berstatus tinggi. Hal ini memaksa mereka untuk menerima pekerjaan yang memerlukan tenaga fizikal yang tinggi dan kurang penghargaan dari segi ekonomi. Informan Jamiliah berkongsi bahawa jenis pekerjaan yang tersedia untuknya hanya melibatkan kerja biasa di sektor tidak formal, seperti mencuci pinggan, menjaga kedai, dan membersihkan meja. Pekerjaan ini tidak menawarkan kestabilan atau peluang untuk kemajuan diri.

“Kebanyakan saya banyak melakukan kerja yang biasa sahaja di sekitar Kuala Lumpur ini. Saya pernah basuh pinggan mangkuk, jaga kedai, cuci meja dan lain lain.”

(Jamiliah/ Informan Gelandangan Residivis Pertama/ Tahun 2023)

Informan Noorliza menyatakan bahawa beliau hanya berjaya mendapat pekerjaan dalam sektor-sektor yang memerlukan tenaga fizikal yang tinggi, seperti bekerja di

kedai makan, kedai snuker, atau kedai CD. Jenis pekerjaan ini menunjukkan bagaimana diskriminasi pekerjaan mendorong golongan ini untuk bekerja dalam sektor tidak formal yang menawarkan gaji rendah dan tanpa faedah pekerjaan.

“Pekerjaan yang saya buat ini macam kerja di kedai makan, tapi saya lebih sesuai berkerja di kedai snooker sahaja, sebab kerja mudah, saya pernah kerja kedai jual CD, lepas itu kerja di kedai makan. Asyik dapat kerja yang macam itu sahaja. Kerja yang banyak menggunakan hasil tenaga tulang empat kerat.”
(Noorliza/ Informan Gelandangan Residivis Wanita Kelima/ Tahun 2023)

Diskriminasi gender yang dihadapi oleh gelandangan residivis wanita dalam konteks pekerjaan formal dan stabil adalah manifestasi jelas ketidaksamarataan struktur yang ditekankan dalam Teori *Feminist Standpoint* dan Teori Interaksionaliti. Melalui lensa *Feminist Standpoint*, pengalaman gelandangan residivis wanita dalam sektor pekerjaan tidak formal menonjolkan perspektif khusus yang sering diabaikan dalam wacana dominan mengenai pembangunan ekonomi. Teori ini menegaskan bahawa pengalaman gelandangan residivis wanita yang terpinggir membawa pengetahuan penting tentang bagaimana ketidaksamarataan gender berfungsi dalam realiti kehidupan seharian mereka (Harding, 2004). Ketiadaan kontrak rasmi, eksploitasi oleh majikan, dan pendapatan tidak tetap mencerminkan bagaimana wanita ini dipaksa untuk bekerja dalam keadaan yang menindas, tanpa perlindungan sosial atau peluang untuk pembangunan diri (Steelfisher et al., 2019). Sementara itu, stigma sosial terhadap wanita yang berstatus residivis dan gelandangan menambah lagi beban psikososial mereka, memperkukuhkan hierarki patriarki yang meminggirkan mereka.

Teori Interaksionaliti memberikan kerangka untuk memahami bagaimana faktor-faktor seperti gender, latar belakang sosial, dan status residivis saling berinteraksi untuk mencipta bentuk diskriminasi berlapis-lapis terhadap gelandangan residivis

wanita. Status mereka sebagai wanita sering kali menjadikan mereka lebih rentan terhadap eksploitasi dalam sektor pekerjaan tidak formal, kerana norma-norma sosial patriarki melihat wanita sebagai lemah dan mudah dimanipulasi (Crenshaw, 2013). Tambahan pula, latar belakang sebagai residivis mengukuhkan stigma dan diskriminasi, menyebabkan mereka sering diketepikan dalam peluang pekerjaan formal. Kajian menunjukkan bahawa diskriminasi gender, yang berlaku dalam bentuk ketidaksamarataan gaji, kekurangan peluang, dan eksklusi sosial, mempunyai kesan negatif yang signifikan terhadap kesihatan mental dan kesejahteraan emosi wanita ini (de la Torre et al., 2019; Hosang & Bhui, 2018). Dalam konteks pekerjaan, tekanan untuk memenuhi keperluan asas sambil berdepan ketidakstabilan ekonomi yang berterusan menjadikan mereka lebih rentan terhadap kemurungan, kecemasan, dan kehilangan keyakinan diri.

Melalui Teori *Feminist Standpoint*, pengalaman kerja gelandangan residivis wanita ini mendedahkan bagaimana struktur ekonomi dan sosial patriarki mengekalkan ketidaksamarataan gender dalam pasaran kerja. Perspektif ini menekankan pentingnya membawa suara wanita gelandangan ke hadapan untuk memahami dan mencabar norma-norma yang menindas mereka. Dalam masa yang sama, Teori Interaksionaliti menegaskan bahawa untuk memahami sepenuhnya kesukaran yang dihadapi oleh gelandangan residivis wanita, perlu mempertimbangkan bagaimana pelbagai identiti dan faktor diskriminasi saling berinteraksi untuk memperburukkan keadaan mereka.

Pendekatan ini perlu disokong dengan dasar yang menangani diskriminasi gender dalam sektor pekerjaan dan menyediakan perlindungan sosial untuk mereka yang bekerja dalam sektor tidak formal. Seperti yang ditunjukkan oleh Steelfisher et al.

(2019), pekerjaan tidak formal sering kali bersifat sementara dan tidak menawarkan kestabilan kewangan, menjadikan wanita ini terus terperangkap dalam kitaran kemiskinan. Dengan memperkukuhkan keupayaan gelandangan residivis wanita melalui pendidikan dan latihan, pembangunan dapat mengubah kedudukan mereka dalam hierarki sosial dan memberikan mereka peluang untuk melarikan diri daripada eksploitasi yang sistemik (Dhillon, 2011).

4.5.2.2 Kod 2: Tidak Semua Pekerjaan yang Dapat Dilakukan Wanita

Kajian ini mendapati bahawa gelandangan residivis wanita sering berhadapan dengan diskriminasi gender yang menghalang mereka untuk mendapatkan pekerjaan tertentu. Persepsi negatif majikan, stereotaip terhadap kemampuan wanita, dan diskriminasi berdasarkan rekod lampau mereka menjadi punca utama yang menghalang golongan ini daripada bersaing dalam pasaran kerja secara adil. Informan Zaleha berkongsi bahawa walaupun beliau cuba memohon pekerjaan yang baik, statusnya sebagai bekas banduan menyebabkan majikan menolak permohonan kerja dengan alasan bahawa wanita seperti beliau tidak layak bekerja.

“Memang ada beza lah, lelaki ini dia orang semua boleh buat, bila kita buat benda elok, kita nak mohon kerja, orang anggap kita akan buat benda jahat di tempat kerja. Pernah lah, majikan kata saya dari penjara, rekod akak tak elok, dia suruh cari kerja lain.”

(Zaleha/ Informan Gelandangan Residivis Wanita Ketiga/ Tahun 2023)

Gelandangan residivis wanita sering berdepan dengan situasi di mana pekerjaan tertentu hanya diberikan kepada lelaki atas alasan mereka lebih kuat dan sesuai untuk kerja-kerja berat. Hal ini menyebabkan peluang pekerjaan bagi wanita menjadi lebih terhad, terutama dalam sektor seperti gudang dan pasar.

“Pengalaman pasal kerja, tak semua pekerjaan saya boleh mohon. Ada pekerjaan memang hanya diberikan kepada lelaki. Memang majikan tidak akan mengambil perempuan lah untuk kerja macam itu. Selalu macam kerja dekat kedai, Gudang dan pasar. Mereka banyak mencari orang lelaki sebab kononnya lebih kuat tenaga. Situasi macam ini buat saya susah dapat kerja.”

(Fatiha/ Informan Gelandangan Residivis Wanita Keempat/ Tahun 2023)

Informan Noorliza menjelaskan bahawa diskriminasi gender sering kali berakar umbi daripada stereotaip bahawa wanita tidak mampu melakukan kerja berat, lambat bekerja, dan kurang efisien. Alasan-alasan ini menyebabkan majikan enggan mengambil wanita seperti beliau untuk bekerja.

“Oh lelaki senang cari duit, dia orang ini boleh dapat apa bentuk perkerjaan. Perempuan ini susah cari duit. Tak semua majikan nak ambil orang perempuan macam kami. Macam-macam alasan dia orang beri. Macam tak boleh buat kerja berat lah, selalu lambat buat kerja lah dan macam-macam. Saya pun sudah malas nak fikir pengalaman buruk yang pernah saya hadapi sebelum ini.”

(Noorliza/ Informan Gelandangan Residivis Wanita Kelima/ Tahun 2023)

Diskriminasi gender terhadap gelandangan residivis wanita, yang menghalang mereka daripada mendapatkan pekerjaan stabil dan bermakna, adalah manifestasi jelas struktur patriarki dan stereotaip gender yang mendalam. Teori *Feminist Standpoint* memberikan pemahaman kritikal bahawa pengalaman diskriminasi ini mesti dilihat dari perspektif gelandangan residivis wanita, yang sering kali diabaikan dalam wacana arus perdana. Teori ini menegaskan bahawa pengalaman mereka sebagai wanita yang terpinggir dari aspek gender dan status sosial memberi pandangan yang penting terhadap bagaimana sistem patriarki berfungsi dalam mengukuhkan ketidaksamaan dalam pasaran pekerjaan (Harding, 2004b). Diskriminasi yang mereka hadapi dalam pekerjaan, seperti stigma yang dikaitkan dengan status sebagai bekas banduan dan anggapan bahawa pekerjaan tertentu tidak sesuai untuk wanita, mencerminkan

bagaimana norma gender tradisional terus membatasi peluang mereka (van den Broek, Black & Nicki, 2021).

Dari perspektif Teori Interaksionaliti, cabaran ini menjadi lebih kompleks kerana identiti mereka sebagai wanita, gelandangan, dan bekas banduan saling berinteraksi untuk mencipta diskriminasi berlapis. Faktor-faktor ini bukan sahaja mengekalkan stereotaip gender tetapi juga meminggirkan mereka dalam pasaran kerja formal, menjadikan mereka bergantung kepada pekerjaan tidak formal yang rendah gaji dan tidak stabil. Diskriminasi gender di tempat kerja juga memperburukkan kesihatan mental mereka, di mana penolakan dan prasangka berterusan menurunkan harga diri, motivasi, dan kebahagiaan mereka (Tang & Xu, 2023). Teori Interaksionaliti menekankan bahawa pelbagai dimensi identiti yang mereka bawa tidak dapat dipisahkan tetapi saling berkait untuk membentuk pengalaman unik ketidaksetaraan dan pengasingan sosial (Crenshaw, 2013).

Keadaan ini menunjukkan bagaimana norma-norma sosial dan ekonomi yang berpusat pada lelaki mengukuhkan struktur yang tidak adil, di mana gelandangan residivi wanita tidak hanya kehilangan peluang pekerjaan tetapi juga dihalang daripada memecahkan kitaran kemiskinan. Stereotaip tentang "peranan tradisional" wanita sebagai penjaga domestik memperkuat ketidakadilan ini, sementara stigma terhadap status mereka sebagai bekas banduan menambah lapisan diskriminasi yang mengasingkan mereka dari sokongan sosial dan peluang ekonomi (van den Broek et al., 2021). Situasi ini menggariskan betapa mendesaknya keperluan untuk intervensi pembangunan yang berorientasikan gender, yang bukan sahaja menghapuskan

diskriminasi gender dalam pekerjaan tetapi juga memberi tumpuan kepada pemberdayaan ekonomi dan sosial wanita ini.

4.5.2.3 Kod 3: Pandangan Hina Majikan Terhadap Penagih Wanita

Kajian ini mendapati bahawa gelandangan residivis wanita yang mempunyai sejarah ketagihan dadah menghadapi stigma yang mendalam di tempat kerja. Majikan sering memandang rendah dan memberi layanan buruk terhadap mereka, yang mengakibatkan diskriminasi berasaskan gender serta menghalang peluang mereka untuk memperoleh pekerjaan yang stabil. Informan Zaleha berkongsi pengalaman di mana beliau telah dibuang kerja sebanyak tiga kali kerana statusnya sebagai penagih. Layanan buruk ini disebabkan oleh persepsi negatif majikan yang memandang hina terhadap dirinya, sekali gus menyebabkan beliau merasa kecewa dan putus asa.

“Tiga kali juga saya kena buang kerja sebab majikan kata saya ini penagih, dah fed up dan kecewa, majikan pandang hina.”

(Zaleha/ Informan Gelandangan Residivis Wanita Ketiga/ Tahun 2023)

Informan Mas menekankan bahawa wanita sering menerima layanan yang tidak adil di tempat kerja, di mana majikan cenderung melabel wanita dengan sikap yang negatif. Malah, diskriminasi gender ini disertai dengan komen bersifat menghina dan memperlekehkan.

“Majikan selalu kata wanita ini suka bagi attitude tak baik dekat tempat kerja, sedangkan majikan yang beri stigma dan diskriminasi, siap perli-perli bila cakap dengan saya.”

(Mas/ Informan Gelandangan Residivis Wanita Kelapan/ Tahun 2023)

Diskriminasi gender yang dihadapi oleh gelandangan residivis wanita yang juga merupakan penagih dadah menggambarkan interaksi kompleks antara stigma sosial,

stereotaip gender, dan ketidaksemaan struktur, yang memperburukkan lagi marginalisasi golongan ini (Valcore, 2015). Teori *Feminist Standpoint* menekankan bahawa pengalaman wanita ini perlu difahami dari perspektif khusus mereka, kerana mereka berada di kedudukan terpinggir dalam hierarki sosial. Status sebagai penagih dadah sering kali dilihat melalui lensa moral yang menghukum, dan bukannya sebagai akibat keadaan sosio-ekonomi yang mencabar. Persepsi ini mengukuhkan diskriminasi gender dengan meletakkan tanggungjawab ke atas individu tanpa mengakui bagaimana faktor sistemik dan patriarki menyumbang kepada keadaan mereka. Majikan dan masyarakat sering menganggap mereka sebagai individu yang tidak produktif atau tidak layak, menyebabkan peluang pekerjaan mereka terhad dan kehidupan mereka terus terperangkap dalam kitaran kemiskinan (Tang & Xu, 2023).

Dalam konteks Teori Interaksionaliti, cabaran ini menjadi lebih kompleks kerana identiti sebagai wanita, penagih dadah, dan gelandangan saling berinteraksi untuk mencipta diskriminasi berlapis. Stigma ketagihan bukan sahaja menambah beban psikososial tetapi juga menghalang gelandangan residivis wanita daripada mendapat sokongan yang diperlukan untuk memulihkan kehidupan mereka. Mereka sering menghadapi diskriminasi di tempat kerja, termasuk layanan tidak adil, penghinaan, dan kurangnya peluang pembangunan kerjaya.

4.5.2.4 Kod 4: Sering Dibuang Pekerjaan Akibat Rekod Jenayah

Kajian ini mendapati bahawa gelandangan residivis wanita yang mempunyai rekod jenayah kerap menghadapi diskriminasi dalam sektor pekerjaan. Rekod jenayah mereka sering menjadi alasan bagi majikan untuk menolak permohonan kerja atau membuang mereka daripada pekerjaan, walaupun tiada bukti jelas bahawa mereka

melakukan kesalahan di tempat kerja. Diskriminasi ini menghalang usaha mereka untuk membina kehidupan baharu dan keluar daripada kitaran kesusahan. Wanita dengan rekod jenayah sering menjadi sasaran tuduhan apabila berlaku kejadian tidak diingini di tempat kerja. Informan Zaleha berkongsi pengalamannya apabila dia dibuang kerja selepas dituduh mencuri, hanya kerana latar belakangnya yang mempunyai rekod jenayah.

“Pernah dibuang kerja oleh majikan sebab rekod jenayah juga. Bila ada barang hilang, kawan kata kita buat, sebab kita ada rekod kan, saya dibuang kerja.”

(Zaleha/ Informan Gelandangan Residivis Wanita Ketiga/ Tahun 2023)

Rekod jenayah juga menjadi halangan utama dalam mendapatkan pekerjaan. Informan Fatiha menjelaskan bagaimana majikan secara langsung menolak permohonannya dengan alasan bahawa rekod jenayah meningkatkan risiko di tempat kerja. Hal ini menunjukkan bagaimana stigma terhadap bekas banduan terus mempengaruhi peluang pekerjaan mereka.

“Pernah majikan cakap yang dia tidak boleh ambil sebab ada rekod jenayah. Dia cakap elok dengan saya, dia cakap awak ada rekod keluar masuk penjara, tempat kerja tak nak, sebab takut risiko.”

(Fatiha/ Informan Gelandangan Residivis Wanita Keempat/ Tahun 2023)

Diskriminasi gender terhadap gelandangan residivis wanita yang memiliki rekod jenayah mencerminkan bagaimana struktur patriarki dan stereotaip sosial yang mendalam memperburuk keadaan mereka dalam pasaran pekerjaan. Rekod jenayah dijadikan alasan yang sering digunakan oleh majikan untuk menolak peluang pekerjaan, menjadikan gelandangan residivis wanita lebih terpinggir. Keadaan ini memperlihatkan diskriminasi berlapis, di mana identiti mereka sebagai wanita dan status sebagai residivis saling melengkapi untuk mencipta halangan sistemik yang

sukar ditembusi. Dalam masyarakat patriarki, wanita sering kali diadili berdasarkan piawaian gender yang tidak adil, di mana mereka dianggap gagal memenuhi peranan tradisional sebagai penjaga keluarga atau model kesopanan apabila mereka mempunyai rekod jenayah. Hal ini bukan sahaja menyebabkan mereka kehilangan martabat sosial tetapi juga menambah tekanan emosi dan psikososial dalam usaha mereka untuk mendapatkan pekerjaan yang stabil (Huey & Berndt, 2008).

Wanita ini sering kali berdepan dengan prasangka yang saling memperkuat, di mana mereka dilihat sebagai "tidak layak" kerana rekod jenayah mereka, dan pada masa yang sama, status mereka sebagai wanita menambah stigma bahawa mereka telah gagal memenuhi jangkaan sosial. Interaksi antara faktor-faktor ini mengekalkan kitaran kemiskinan dan pengasingan sosial yang mereka alami, di mana mereka terpaksa mencari nafkah di sektor pekerjaan tidak formal yang rendah gaji dan tanpa perlindungan.

4.5.2.5 Kod 5: Lelaki Lebih Mudah Memperolehi Kerja Berbanding Perempuan

Kajian ini mendapati bahawa lelaki lebih mudah mendapatkan pekerjaan berbanding gelandangan residivis wanita, akibat diskriminasi gender yang berlaku di sektor pekerjaan. Diskriminasi ini berpunca daripada stereotaip yang menggambarkan lelaki sebagai pekerja yang lebih rajin, kuat secara fizikal, dan mampu melakukan pelbagai jenis pekerjaan, sementara wanita sering dianggap kurang sesuai untuk pekerjaan tertentu. Informan Fatiha menjelaskan bahawa majikan sering mengutamakan lelaki untuk diambil bekerja kerana persepsi bahawa lelaki lebih rajin dan dapat bekerja tanpa perlu menangani masalah peribadi seperti ketagihan dadah. Hal ini

menunjukkan bagaimana stereotaip gender memberi kelebihan kepada lelaki dalam pasaran kerja.

“Kalau pekerjaan ini, orang lelaki lebih senang nak dapat, sebab lelaki rajin, perempuan ada setengah pemalas, kena angkat dulu (merujuk kepada dadah), baru boleh kerja, sebab itu majikan lebih mudah ambil lelaki selalunya.”

(Fatiha/ Informan Gelandangan Residivis Wanita Keempat/ Tahun 2023)

Informan Intan menyatakan bahawa wanita sering dianggap tidak sesuai untuk pekerjaan tertentu, terutama yang melibatkan kerja berat atau fizikal. Majikan lebih suka mengambil lelaki kerana mereka dianggap lebih serba boleh dalam melaksanakan tugas di tempat kerja. Hal ini menyebabkan peluang pekerjaan untuk wanita menjadi lebih terhad.

“Selalunya lelaki akan lalui kehidupan yang lebih mudah berbanding kami yang wanita ini. Majikan lebih suka ambil lelaki sebab boleh buat macam-macam kerja, boleh angkat berat. Kalau wanita, lebih tersekat. Ramai sahaja majikan yang mendiskriminasi golongan wanita untuk bekerja. Mereka merasakan wanita tidak sesuai untuk kerja yang ditawarkan.”

(Intan/ Informan Gelandangan Residivis Wanita Keenam/ Tahun 2023)

Hasil kajian menunjukkan bahawa lelaki sering dianggap lebih mudah memperoleh pekerjaan berbanding wanita, mencerminkan diskriminasi gender yang berakar dalam stereotaip dan struktur patriarki. Lelaki cenderung dikaitkan dengan kemampuan menjalankan pekerjaan yang memerlukan tenaga fizikal atau tugas berat, manakala wanita dipersepsikan lebih sesuai untuk pekerjaan penjagaan atau peranan domestik yang dianggap ringan. Stereotaip ini tidak hanya mengehadkan peluang wanita dalam sektor pekerjaan formal tetapi juga memperkukuh hierarki sosial yang menempatkan wanita, khususnya gelandangan residivis, di bahagian paling bawah. Menurut Galos dan Coppock (2023), wanita sering menghadapi penerimaan mudah dalam pekerjaan bergaji rendah tetapi hampir mustahil untuk menembusi sektor pekerjaan bergaji

tinggi yang didominasi lelaki. Diskriminasi gender di tempat kerja, yang mencakupi pendapatan tidak setara dan keadaan kerja yang tidak adil, turut menjejaskan produktiviti organisasi dan menyukarkan wanita untuk keluar daripada kitaran kemiskinan (Saminathan & Dhamodaran, 2023).

Dalam konteks gelandangan residivis wanita, diskriminasi gender menjadi penghalang utama kepada mobiliti sosial dan ekonomi. Selain menghadapi stigma sebagai bekas banduan dan gelandangan, mereka juga berdepan persepsi negatif yang mengaitkan wanita dengan kelemahan moral dan ketidakupayaan untuk menyesuaikan diri dalam dunia pekerjaan. Struktur patriarki yang mendominasi pasaran kerja terus memperkukuh stereotaip ini, menjadikan lelaki dilihat sebagai pilihan semula jadi untuk pelbagai pekerjaan, manakala wanita terus terpinggir. Walaupun banyak negara telah memperkenalkan undang-undang anti-diskriminasi, seperti yang dinyatakan oleh Fink (2017), keberkesanannya masih terhad kerana tidak mengatasi lapisan tambahan stigma yang dihadapi oleh gelandangan residivis wanita, termasuk rekod jenayah mereka.

Teori Interaksionaliti memperkuat analisis ini dengan menunjukkan bagaimana identiti berlapis seperti gender, status gelandangan, dan rekod jenayah saling berinteraksi untuk mencipta bentuk diskriminasi yang kompleks. Wanita ini bukan sahaja terjejas oleh stereotaip gender tetapi juga oleh stigma sosial terhadap gelandangan dan bekas banduan, yang memperburuk peluang mereka untuk mendapatkan pekerjaan yang bermakna. Melalui usaha kolektif untuk memperbaiki dasar dan persepsi masyarakat, gelandangan residivis wanita dapat diberikan peluang yang lebih baik untuk keluar daripada kitaran diskriminasi dan kemiskinan.

Pendekatan ini tidak hanya membantu wanita mencapai keadilan sosial, tetapi juga memanfaatkan potensi mereka sebagai aset produktif dalam pembangunan ekonomi dan sosial.

4.5.2.6 Kod 6: Majikan Enggan Mengambil Gelandangan Residivis Wanita untuk Bekerja

Kajian ini mendapati bahawa gelandangan residivis wanita menghadapi diskriminasi yang serius dalam mendapatkan pekerjaan. Diskriminasi ini berpunca daripada persepsi negatif terhadap rekod lampau mereka, terutama rekod jenayah dan sejarah hidup di jalanan. Majikan cenderung menolak permohonan pekerjaan mereka tanpa mempertimbangkan usaha mereka untuk berubah atau jenis jenayah yang pernah dilakukan. Informan Intan berkongsi bahawa rekod lampau, khususnya yang berkaitan dengan dadah, menjadi sebab utama majikan enggan mengambilnya bekerja, walaupun untuk pekerjaan yang tidak memerlukan tanggungjawab besar, seperti menjadi juruwang. Hal ini menunjukkan bagaimana diskriminasi terhadap bekas banduan masih berlaku, tanpa mempertimbangkan usaha individu untuk berubah.

“Mohon kerja masa dulu tak dapat sebab ada rekod lampau, kenapa rekod lampau tak boleh terima, habis saya nak buat kerja apa, bekas banduan nak kerja apa. Sepatutnya tengok lah jenayah jenis apa kan, kes rogol ke apa ke, fikir lah balik, rekod lampau dadah tak akan tak boleh kerja cashier kan, kita cuba untuk berusaha ubah ke jalan betul, nak berubah, tak nak lah asyik main dadah ke apa ke, saya dengan boyfriend saya, dua dua mohon kerja, majikan kata ada rekod lampau, teruknya kau, kenapa warga asing boleh kerja sini, ke sebab kau tak nak bayar SOCSO ke KWSP ke, orang nak kerja bagi lah peluang, hari itu nak terima dia kata rekod lampau, benda dah lepaskan.”

(Intan/ Informan Gelandangan Residivis Wanita Keenam/ Tahun 2023)

Informan Azizah menyatakan bahawa sebagai wanita dengan rekod penjara dan hidup di jalanan, peluang untuk mendapatkan pekerjaan menjadi lebih sukar. Wanita dengan

latar belakang seperti beliau sering tidak menjadi pilihan utama majikan, kerana stereotaip dan persepsi negatif yang mengaitkan wanita dengan ketidakupayaan untuk menjalankan tugas.

“Saya menghadapi kesukaran sebagai wanita untuk mendapatkan pekerjaan. Majikan enggan mengambil orang macam saya ini untuk bekerja. Saya sebagai wanita, dengan mempunyai rekod penjara, hidup di jalanan selalunya bukan menjadi pilihan majikan dalam pemberian peluang pekerjaan. Itu yang saya rasakan sebagai wanita apabila memohon kerja di sekitar Kuala Lumpur ini.”

(Azizah/ Informan Gelandangan Residivis Wanita Ketujuh/ Tahun 2023)

Diskriminasi gender yang dihadapi oleh gelandangan residivis wanita, khususnya dalam konteks ketagihan, mencerminkan bagaimana stereotaip gender dan stigma sosial bertindak secara sistematik untuk menghalang mereka daripada memperoleh peluang pekerjaan yang bermakna dan stabil. Dalam pasaran pekerjaan, majikan cenderung memandang wanita dengan sejarah ketagihan sebagai risiko tambahan, baik dari segi produktiviti, hubungan kerja, mahupun reputasi organisasi. Persepsi berat sebelah ini menjadi alasan untuk menolak mereka dalam proses pengambilan pekerja, sekali gus mengukuhkan kedudukan marginal mereka dalam masyarakat.

Kajian Joshi (2019) mengesahkan bahawa diskriminasi gender di tempat kerja masih menjadi cabaran besar, meskipun terdapat usaha undang-undang untuk mengatasinya. Situasi ini lebih rumit bagi gelandangan residivis wanita, yang tidak hanya menghadapi stigma sebagai bekas banduan tetapi juga sebagai individu yang terlibat dalam ketagihan. Curcio dan Pattavina (2018) menegaskan bahawa wanita dengan anak tanggungan atau sejarah penyalahgunaan dadah sering kali diberikan waktu kerja yang terhad, menunjukkan penilaian tidak adil yang memperburuk kedudukan ekonomi mereka. Choubey (2023) pula menyoroti kesan ketidaksamaan ini terhadap

kesejahteraan psikologi wanita, di mana mereka lebih cenderung menghadapi tekanan mental akibat diskriminasi sistemik ini.

Dalam konteks teori *Feminist Standpoint*, diskriminasi ini menunjukkan bagaimana pengalaman hidup gelandangan residivis wanita, terutamanya mereka yang bergelut dengan ketagihan, memberikan perspektif unik terhadap ketidaksamaan gender. Perspektif mereka mendedahkan bahawa ketagihan dan status residivis bukanlah sekadar masalah individu, tetapi akibat daripada struktur sosial yang menindas, termasuk diskriminasi gender dalam pasaran pekerjaan.

Teori Interaksionaliti pula menawarkan kerangka untuk memahami bagaimana identiti gender, status sebagai bekas banduan, dan stigma terhadap ketagihan saling berinteraksi untuk mencipta diskriminasi yang kompleks dan berlapis-lapis. Wanita ini menghadapi bukan sahaja diskriminasi berdasarkan gender, tetapi juga stigma sosial yang melekat pada status residivis dan penagih dadah. Sebagai contoh, lelaki dengan sejarah ketagihan mungkin masih diterima dalam pekerjaan tertentu kerana dianggap mempunyai "potensi pemulihan," tetapi wanita sering kali dilihat sebagai "tidak mampu" atau "tidak layak," memperlihatkan ketidaksamaan gender yang berakar dalam stereotaip.

4.6 Kesimpulan

Penemuan utama kajian membincangkan kemiskinan feminisme dan diskriminasi gender yang dialami oleh gelandangan residivis wanita sepanjang kehidupan mereka di jalanan. Perbincangan ini turut memberi gambaran terperinci mengenai kemiskinan feminisme yang dialami oleh gelandangan residivis wanita, serta menyoroti prinsip-

prinsip utama yang dikenal pasti oleh para informan berkaitan diskriminasi gender yang mereka hadapi sepanjang kehidupan di jalanan. Bab terakhir membincangkan implikasi, limitasi dan cadangan bagi kajian masa depan.



BAB 5

RUMUSAN DAN PENUTUP

5.1 Pengenalan

Bab ini merumuskan keseluruhan kajian dengan perbincangan mengenai implikasi kajian, limitasi, serta cadangan dan hala tuju untuk kajian masa hadapan. Implikasi kajian dibahagikan kepada tiga aspek utama, iaitu implikasi terhadap dasar, teori, dan metodologi. Selain itu, bab ini turut menggariskan limitasi yang dihadapi sepanjang pelaksanaan kajian. Akhirnya, pengkaji mengemukakan cadangan kajian yang berpotensi untuk diterokai dalam masa akan datang.

5.2 Implikasi Kajian

Bagaian ini dibahagikan kepada beberapa bahagian seperti terhadap polisi, dasar dan program, teoretikal dan bidang gender dan pembangunan bagi memastikan susunan yang sistematik dan terperinci.

5.2.1 Implikasi Polisi, Dasar dan Program

Implikasi kajian ini terhadap dasar dan program yang berkaitan dengan gelandangan residivis wanita amat penting, terutama dalam usaha membantu mereka selepas pembebasan dari penjara. Hasil kajian telah membuktikan bahawa bantuan kepada gelandangan residivis wanita perlu dimulakan sebaik sahaja mereka dibebaskan dari penjara. Kegagalan untuk membantu integrasi semula mereka ke dalam masyarakat selepas pembebasan menjadi salah satu sebab utama mereka berakhir hidup di jalanan. Kekurangan pemantauan yang tepat dan sistem sokongan menyebabkan ramai

residivis wanita ini terpaksa memilih kehidupan jalanan sebagai jalan terakhir. Kehidupan di jalanan sering memerangkap mereka dalam lingkaran jenayah berulang seperti penyalahgunaan dadah, pelacuran, penipuan, dan mencuri (Biscotto et al., 2016).

Hasil kajian menunjukkan keperluan mendesak untuk memperkenalkan program pasca pembebasan yang merangkumi pelbagai perkhidmatan seperti perumahan, pekerjaan, rawatan kesihatan berkaitan dadah, sokongan sistem kekeluargaan, dan pendidikan (Gubits et al., 2016). Tujuan program ini adalah untuk memastikan residivis wanita yang keluar daripada penjara tidak berakhir sebagai gelandangan, sambil berfungsi sebagai mekanisme untuk mengeluarkan mereka daripada kehidupan di jalanan. Program bersepadu ini harus memberikan panduan menyeluruh untuk memastikan proses integrasi semula berjalan lancar, khususnya bagi gelandangan residivis wanita yang terdedah kepada pelbagai keperluan kriminogenik. Keadaan ini sangat penting kerana kekurangan program atau agensi kerajaan yang komprehensif yang berperanan dalam menyediakan perkhidmatan ini bagi membantu residivis wanita selepas pembebasan. Oleh itu, dasar yang lebih kukuh diperlukan untuk melaksanakan program yang lebih menyeluruh, termasuk dalam aspek pemantauan berterusan dan sokongan pasca-pembebasan. Keperluan dalam memperkenalkan dasar baharu yang membentuk struktur untuk proses integrasi semula, serta menyediakan perkhidmatan penjagaan selepas pembebasan. Perkhidmatan seperti pekerjaan, perumahan, dan kesihatan mental perlu menjadi sebahagian daripada struktur ini, supaya mereka tidak kembali kepada kehidupan di jalanan atau terlibat dalam jenayah berulang.

5.2.2 Implikasi terhadap Teoretikal

Penemuan ini turut memberi impak kepada bidang kajian terutama dari segi kerangka teoretikal. Implikasi kajian terhadap teori yang digunakan adalah apabila hasil kajian membuktikan bahawa telah berlaku suatu bentuk kemiskinan yang berat sebelah terhadap gelandangan residivis wanita. Hal ini mendapati bahawa gelandangan residivis wanita mengalami ketidakadilan dan ketidaksemaan sepanjang hidup di jalanan. Hasil kajian memberi implikasi yang sangat penting dalam menyumbang kepada ilmu baharu untuk teori yang dipilih. Ia memberi makna yang besar dalam membawa pemahaman baharu dari segi subjek perbincangan yang berbeza. Kajian ini menggunakan Teori *Feminist Standpoint* dan Teori Interseksionaliti sebagai kerangka teoretikal dalam memahami gelandangan residivis wanita. Mereka adalah kumpulan yang tersisih dan masih belum dibincangkan dengan lebih lanjut dalam konteks tempatan.

Analisis mengenai gelandangan residivis wanita melalui lensa Teori *Feminist Standpoint* dan Teori Interseksionaliti, dengan tumpuan kepada kemiskinan feminisme dan diskriminasi gender, menyoroti bagaimana ketidaksemaan ekonomi berasaskan gender serta identiti yang bertindih mempengaruhi kehidupan mereka secara mendalam (Harding, 1991). Teori *Feminist Standpoint* menekankan bahawa kumpulan terpinggir, khususnya wanita, mempunyai perspektif khusus yang dibentuk oleh kedudukan sosial mereka (Hartsock, 2017). Bagi gelandangan residivis wanita, kedudukan mereka sebagai individu yang mengalami kekurangan ekonomi dan penindasan berlapis-lapis dari segi gender memberikan pemahaman yang lebih mendalam tentang bagaimana kemiskinan disusun sepanjang garis gender (Smith, 1987).

Konsep kemiskinan feminisme merujuk kepada peningkatan jumlah wanita yang hidup dalam kemiskinan akibat isu sistemik seperti gaji yang tidak setara, kekurangan peluang pekerjaan, dan beban tanggungjawab penjagaan yang tidak dibayar. Gelandangan residivis wanita sering tergolong dalam kategori ini, di mana kerentanan ekonomi mereka berpunca daripada kekurangan berasaskan gender dalam pasaran kerja dan pembahagian kerja domestik yang tidak seimbang (Walby, 2011). Wanita yang merupakan ibu tunggal, balu, atau bercerai mengalami marginalisasi yang lebih teruk kerana mereka terpaksa mengimbangi kerja bergaji rendah dengan tanggungjawab penjagaan.

Perspektif gender ini mendedahkan bagaimana halangan struktur—seperti diskriminasi dalam pasaran pekerjaan, kekurangan penjagaan anak yang mampu milik, dan jaringan keselamatan sosial yang tidak mencukupi—memerangkap mereka dalam kitaran kemiskinan (Harding, 2004a). Gelandangan residivis wanita terpaksa bekerja dalam pekerjaan bergaji rendah dan tidak tetap, atau tidak dapat bekerja kerana tanggungjawab penjagaan anak. Tanpa akses kepada sumber yang boleh mengeluarkan mereka daripada kemiskinan, seperti pendidikan, latihan pekerjaan, atau perumahan yang mampu milik, mereka kekal terpinggir secara ekonomi dan terus mengalami ketidakstabilan kewangan (Crenshaw, 2013).

Pengulangan jenayah dalam kalangan gelandangan residivis wanita memperburukkan masalah ekonomi mereka (Botello, 2017). Penglibatan yang berulang-ulang dengan sistem keadilan jenayah menghalang mereka daripada melarikan diri daripada kemiskinan. Dengan rekod jenayah, mereka menghadapi diskriminasi sistemik dalam perumahan dan pekerjaan, yang mengehadkan peluang ekonomi mereka dan

memperkukuhkan kemiskinan mereka (Walby, Armstrong & Strid, 2012). Dari sudut teori *feminist standpoint*, pengalaman hidup mereka mendedahkan bagaimana ketidaksamaan ekonomi berasaskan gender dan jenayah terhadap kemiskinan berinteraksi untuk mengekalkan marginalisasi mereka.

Selain itu, Teori Interseksionaliti, yang diperkenalkan oleh Kimberlé Crenshaw, menekankan bagaimana identiti yang bertindih—seperti gender, kaum, kelas, dan status jenayah—membentuk pengalaman penindasan individu. Bagi gelandangan residivis wanita, pengalaman kemiskinan mereka bukan sahaja dipengaruhi oleh gender tetapi juga oleh identiti lain yang turut terpinggir (Crenshaw, 2013). Gelandangan residivis wanita sering berhadapan dengan identiti kompleks yang bertindih dan memperhebatkan pengalaman mereka terhadap kemiskinan dan marginalisasi. Persilangan penindasan ini memperburukkan kemiskinan feminisme, menjadikan lebih sukar bagi mereka untuk mendapatkan akses kepada sumber dan melarikan diri dari kehidupan gelandangan (Parent et al., 2013).

Teori interseksionaliti mendedahkan bagaimana diskriminasi gender berinteraksi dengan bentuk penindasan lain untuk mengehadkan akses gelandangan residivis wanita kepada sumber penting seperti perumahan, penjagaan kesihatan, dan perkhidmatan sosial (Rodriguez et al., 2016). Ramai gelandangan residivis wanita ini menghadapi halangan kerana rekod jenayah mereka, yang mengagalkan mereka daripada program perumahan dan peluang pekerjaan. Pada masa yang sama, stigma sosial berkaitan peranan mereka sebagai ibu atau penjaga menyebabkan cabaran tambahan.

Kedua-dua Teori *Feminist Standpoint* dan Teori Interseksionaliti menekankan bagaimana diskriminasi gender beroperasi di pelbagai peringkat untuk meminggirkan gelandangan residivis wanita, memerangkap mereka dalam kitaran kemiskinan (Levon, 2015). Gelandangan residivis wanita sangat terdedah kepada keganasan berasaskan gender, eksploitasi seksual, dan gangguan, sama ada di jalanan atau di tempat perlindungan. Teori *Feminist Standpoint* menekankan bagaimana kedudukan terpinggir mereka sebagai wanita menjadikan mereka sasaran eksploitasi, kerana mereka sering kekurangan kuasa sosial dan ekonomi untuk mempertahankan diri (Hankivsky, 2012).

Teori *Feminist Standpoint* juga mencadangkan bahawa gelandangan residivis wanita menghadapi stigma masyarakat yang lebih teruk kerana gender mereka. Mereka sering dilihat sebagai telah gagal dalam peranan mereka sebagai penjaga atau ibu, yang membawa kepada penghakiman moral yang lebih besar berbanding gelandangan lelaki. Gelandangan residivis wanita yang mempunyai rekod jenayah berulang terutamanya menghadapi stigma, kerana mereka dilihat sebagai devian dari segi moral dan sosial, yang memperkukuhkan kitaran kemiskinan dan peminggiran. Dengan menggunakan Teori *Feministe Standpoint* dan Teori Interseksionaliti, dapat memperoleh pemahaman yang lebih mendalam tentang bagaimana kemiskinan feminisme dan diskriminasi gender berfungsi untuk meminggirkan gelandangan residivis wanita. Kedudukan mereka sebagai individu yang mengalami kekurangan ekonomi mendedahkan dimensi kemiskinan feminisme, manakala Teori Interseksionaliti menunjukkan bagaimana identiti yang bertindih—seperti gender, status jenayah, dan peranan sebagai penjaga—memperhebatkan peminggiran mereka

(Hancock, 2007). Implikasi baru dengan membawa suara gelandangan residivis wanita menerusi konteks akademik.

5.2.3 Implikasi terhadap Bidang Gender dan Pembangunan

Implikasi kajian ini adalah penting dalam bidang gender dan pembangunan, khususnya berkaitan dengan gelandangan residivis wanita. Kajian ini memperdalam pemahaman tentang ketidaksamaan gender dengan mendedahkan bagaimana kemiskinan feminisme dan diskriminasi gender mempengaruhi gelandangan residivis wanita (Jadhav et al., 2023). Kumpulan ini dimarginalkan akibat gender dan keadaan ekonomi mereka, mengalami bentuk kemiskinan yang lebih mendalam daripada sekadar kekurangan kewangan.

Konsep kemiskinan feminisme adalah inti pati penemuan kajian ini, kerana ia menonjolkan bagaimana wanita-wanita ini terperangkap dalam kemiskinan bukan hanya disebabkan oleh faktor ekonomi tetapi juga oleh tanggungjawab sebagai penjaga, pengecualian daripada pekerjaan formal, dan halangan yang mereka hadapi dalam mendapatkan akses kepada sumber (García-Suelto & Santoveña-Casal, 2022). Kajian ini, dengan fokus kepada dimensi gender dalam kemiskinan, memberikan bukti bahawa kemiskinan dalam kalangan gelandangan residivis wanita berkait rapat dengan ketidaksamaan sistemik berasaskan gender (Zhou, 2023). Pemahaman ini sangat penting untuk pembangunan dasar berasaskan gender, kerana ia mendedahkan kerumitan cabaran yang dihadapi oleh gelandangan residivis wanita.

Kajian ini juga membawa implikasi yang lebih luas dalam bidang pembangunan, khususnya dalam strategi membasmi kemiskinan. Kajian ini menunjukkan bahawa

kemiskinan dalam kalangan gelandangan residivis wanita bukan hanya berkaitan dengan kekurangan pendapatan, tetapi melibatkan isu sosial dan struktur yang lebih luas yang memerlukan intervensi yang lebih menyeluruh. Penemuan kajian ini menunjukkan bahawa kemiskinan yang dihadapi oleh wanita-wanita ini melibatkan kekurangan akses kepada pendidikan, perkhidmatan asas, peluang pekerjaan, dan inklusi sosial (Johnstone et al., 2015). Oleh itu, strategi pembasmian kemiskinan perlu melangkaui sekadar meningkatkan pendapatan atau menyediakan tempat tinggal sementara. Pendekatan menyeluruh yang menangani halangan-halangan ini diperlukan untuk memastikan perubahan yang berkesan dan berkekalan dalam kehidupan mereka.

Kajian ini menekankan pentingnya menangani pengecualian sosial dalam dasar pembangunan. Gelandangan residivis wanita berhadapan dengan penolakan keluarga, penyertaan terhad dalam membuat keputusan, dan sering dikecualikan daripada program sosial (Anombem et al., 2023). Mengatasi isu-isu ini bukan sahaja akan meningkatkan kualiti hidup mereka, tetapi juga membolehkan mereka menyumbang secara lebih menyeluruh kepada masyarakat. Penemuan kajian ini menunjukkan bahawa program pembangunan yang bertujuan untuk pembasmian kemiskinan perlu bersifat sensitif-gender. Pendekatan yang sama untuk semua dalam usaha pembasmian kemiskinan tidak berkesan bagi gelandangan residivis wanita, memandangkan diskriminasi gender yang mereka hadapi. Oleh itu, intervensi pembangunan perlu mengintegrasikan perspektif gender untuk memenuhi keperluan kumpulan ini secara efektif.

Implikasi kajian ini diharapkan dapat meningkatkan pemeraksanaan dan integrasi semula gelandangan residivis wanita ke dalam masyarakat. Dengan meningkatkan akses kepada pendidikan, peluang pekerjaan, dan perkhidmatan sokongan, wanita-wanita ini boleh beralih keluar daripada kehidupan gelandangan dan menjadi individu produktif kepada keluarga dan masyarakat (Cameron et al., 2016). Keadaan ini secara tidak langsung menyumbang kepada matlamat pembangunan yang lebih besar dalam pengurangan kemiskinan dan peningkatan inklusi sosial.

Kajian ini memberikan sumbangan penting kepada bidang kajian gender dan amalan pembangunan dengan menunjukkan bagaimana pengalaman gelandangan residivis wanita dibentuk oleh gabungan diskriminasi gender dan ketidaksamaan struktur yang lebih luas (Medina-Perucha et al., 2019). Harapan daripada penemuan ini dapat memaklumkan dasar yang bukan sahaja menangani keperluan segera wanita-wanita ini tetapi juga memperkasakan mereka untuk mengatasi halangan yang memerangkap mereka dalam marginalisasi, seterusnya menyumbang kepada pemeraksanaan gender dan pembangunan yang mampan.

5.3 Limitasi Kajian

Selain daripada implikasi kajian yang telah dibincangkan, kajian ini juga mengenal pasti beberapa limitasi yang perlu diambil kira sebagai panduan kepada pengkaji pada masa akan datang. Salah satu limitasi utama adalah kesukaran mendapatkan kerjasama daripada gelandangan residivis wanita dalam menyertai sesi temu bual. Mereka menunjukkan keengganan yang tinggi untuk terlibat dalam kajian lapangan. Ramai daripada mereka berasa tidak selesa untuk ditemu bual mengenai kehidupan dan pengalaman hidup mereka. Keadaan ini menyukarkan pengkaji untuk mendapatkan

persetujuan mereka untuk ditemu bual, sekali gus menghadkan jumlah data yang boleh diperolehi. Kajian ini hanya berjaya memperolehi lapan orang informan gelandangan residivis wanita yang sudi ditemu bual selepas penerangan tentang tujuan kajian serta etika kajian yang akan dipatuhi, seperti kerahsiaan nama, temu bual di tempat tertutup, dan tujuan akademik kajian ini. Untuk kajian masa depan, pengkaji lain perlu meneliti pendekatan yang lebih inklusif dan memahami cara untuk membangun kepercayaan dengan lebih berkesan sebelum memulakan sesi temu bual.

Limitasi kedua adalah kesukaran gelandangan residivis wanita untuk mengungkapkan pandangan mereka dengan lebih jelas. Ramai daripada mereka didapati lebih mudah mengalah apabila gagal memberikan jawapan yang tepat. Keadaan ini menyukarkan pengkaji untuk mendalami lebih lanjut situasi yang mereka hadapi kerana jawapan yang diberikan seringkali ringkas dan kurang terperinci. Walaupun pengkaji telah cuba mengubah bentuk soalan menjadi lebih mudah, mereka tetap menunjukkan kesukaran yang tinggi dalam memberikan pandangan selepas soalan diubah. Hal ini menunjukkan bahawa keterbatasan linguistik dan emosi memainkan peranan dalam proses kajian. Keadaan ini memerlukan lebih banyak masa untuk membina hubungan yang lebih kukuh sebelum mendapatkan maklumat yang lebih mendalam.

Limitasi yang dikenal pasti dalam kajian ini merangkumi kesukaran mendapatkan kerjasama, kesulitan dalam menyatakan pandangan, serta rendahnya tahap pendidikan sampel. Limitasi ini menghalang pengkaji daripada memperoleh maklumat yang mendalam dan terperinci tentang kehidupan serta pengalaman gelandangan residivis wanita. Oleh itu, kajian masa depan disarankan untuk mempertimbangkan kaedah yang lebih fleksibel, empatik, serta membangunkan hubungan yang lebih erat dengan

sampel kajian sebelum menjalankan pengumpulan data bagi mengatasi cabaran-cabaran ini.

5.4 Cadangan Kajian

Pengkaji telah berjaya mengenal pasti beberapa input yang sangat penting untuk digariskan sebagai panduan kepada pengkaji pada masa akan datang yang bercadang untuk meneliti isu berkaitan gelandangan residivis wanita. Kajian ini memberi impak yang besar kepada bidang pengetahuan gender dan pembangunan. Kajian ini merupakan permulaan kepada sesuatu yang lebih besar pada masa akan datang. Terdapat keperluan untuk melanjutkan pemahaman mengenai isu gelandangan residivis wanita yang sedang berlaku di sekitar Kuala Lumpur. Isu gelandangan residivis wanita bukanlah sesuatu yang akan selesai dengan segera dalam masa terdekat. Hasil yang diperoleh daripada kajian ini mengemukakan beberapa cadangan dan hala tuju untuk kajian masa depan.

Kajian ini mempunyai beberapa ciri khusus. Pendekatan kaedah kualitatif telah memperkaya dan memperdalam pemahaman mengenai gelandangan residivis wanita dari segi kemiskinan feminisme dan diskriminasi gender. Kaedah temu bual mendalam telah mendedahkan analisis menyeluruh tentang subjek gelandangan residivis wanita. Berdasarkan dapatan kajian, adalah disyorkan agar keterwakilan informan kajian dipertingkatkan supaya dapat mencerminkan konteks gelandangan residivis wanita, yang akan meningkatkan kebolehgeneralisasian penemuan, terutamanya dalam menjalankan kajian berbentuk kuantitatif. Terdapat juga keperluan untuk menjalankan penyelidikan pada masa depan dengan informan dari kaum lain serta lelaki dan perempuan yang berasal dari latar belakang budaya dan kawasan

geografi yang berbeza, yang mewakili tahap sosioekonomi dan kelas sosial yang berlainan.

5.5 Penutup

Secara keseluruhannya, kajian ini telah berjaya meneroka pengalaman hidup gelandangan residivis wanita serta mengenal pasti beberapa aspek penting yang berpotensi membantu golongan ini keluar daripada kemelut kehidupan yang mencabar. Bagi memastikan gelandangan residivis wanita mampu meninggalkan kehidupan jalanan, pendekatan holistik perlu dilaksanakan dengan melibatkan kerjasama bersepadu antara agensi kerajaan, organisasi bukan kerajaan (NGO), dan usaha berterusan daripada gelandangan residivis wanita itu sendiri. Terdapat keperluan mendesak untuk memperkenalkan program serta bantuan yang bersifat responsif terhadap isu gender bagi memenuhi keperluan khusus golongan ini. Pendekatan yang lebih sensitif terhadap konteks gender mampu memberi impak yang lebih berkesan dalam membimbing mereka ke arah kehidupan yang lebih stabil dan bermakna. Kajian ini diharapkan dapat menyumbang kepada bidang ilmu berkaitan gender dan pembangunan, khususnya dalam kajian mengenai gelandangan residivis wanita. Harapan besar kajian ini adalah agar pemahaman yang diperoleh dapat memberi panduan kepada strategi yang berkesan dalam membantu golongan ini keluar daripada kehidupan jalanan dan membina kehidupan yang lebih sejahtera.

RUJUKAN

- Abercrombie, S. H., & Hastings, S. L. (2016). Feminization of poverty. *The Wiley Blackwell Encyclopedia of Gender and Sexuality Studies*, 1-3.
- Abdullah, A. (2012). Literatur dan kajian tentang gender di Malaysia sejak 1980 hingga dekad 2000an. *Jurnal Islam dan Masyarakat Kontemporari*, 6, 27-35.
- Adib, N.A.M., Hussin, Z., & Ahmad, Y. (2016). Homeless women in Malaysia: Their choice or victims of situations. *Journal of Education and Social Sciences*, 5(3), 8-15.
- Aguiar Jr., R., & Parada, A. P. (2023). Between pain and hope: Drug addiction in the history of women in rehabilitation from the psychoanalytical perspective. *International Journal of Human Sciences Research*, 3(18), 2-12 <https://doi.org/10.22533/at.ed.5583182301066>.
- Aizuddin, A. N., Abdul Jabar, S. W., & Idris, I. B. (2019). Factors associated with health services financier among temporary sheltered homeless in urban Malaysia. *BMC public health*, 19, 1-10. <https://doi.org/10.1186/s12889-019-6871-5>.
- Alhabshi, S.M., & Manan, A.K.A. (2012). Homelessness in Kuala Lumpur, Malaysia: A case of agenda denial. *International Journal of Social Science Tomorrow*, 1(2), 1-9.
- Alkadry M. G., & Tower L. E. (2011). Covert pay discrimination: How authority predicts pay differences between women and men. *Public Administration Review*, 71, 740-750.
- Alkadry M. G., Tower L. E. (2014). *Women in public service: Barriers, challenges, and opportunities*. M.E. Sharpe.
- Alessi, E. J., Greenfield, B., Manning, D., & Dank, M. (2021). Victimization and resilience among sexual and gender minority homeless youth engaging in survival sex. *Journal of Interpersonal Violence*, 36(23-24), 11236-11259. <https://doi.org/10.1177/0886260519898434>.
- Allen, J., & Vottero, B. (2020). Experiences of homeless women in accessing health care in community-based settings: a qualitative systematic review. *JBISIRIR-D-19-00214*, 18(9), 1970-2010. <https://doi.org/10.11124/JBISIRIR-D-19-00214>.
- Alper, M., Durose, M. R., & Markman, J. (2018). 2018 update on prisoner recidivism: A 9-year follow-up period (2005-2014). In *Bureau of Justice Statistics [NCJ No: 250975]*.
- Amerson, R. (2008). Mental illness in homeless families. *The Journal for Nurse Practitioners*, 4(2), 109-113. <https://doi.org/10.1016/J.NURPRA.2008.01.001>.

- Amnesty International (2021). *A human rights guide for researching racial and religious discrimination in counter-terrorism in Europe*. Amnesty International and the Open Society Foundation.
- Amore, K., Baker, M., & Howden-Chapman, P. (2011). The ETHOS definition and classification of homelessness: an analysis. *European Journal of Homelessness*, 5(2), 19–37.
- Andermann, A., Mott, S., Mathew, C., Kendall, C., Mendonca, O., Harriott, D., Mclellan, A., Riddle, A., Saad, A., Iqbal, W., Magwood, O., & Pottie, K. (2021). Evidence-informed interventions and best practices for supporting women experiencing or at risk of homelessness: A scoping review with gender and equity analysis. *Health Promotion and Chronic Disease Prevention in Canada: Research, Policy and Practice*, 41(1), 1–13. <https://doi.org/10.24095/hpcdp.41.1.01>
- Anombem, O. M., Arisoyin, A., Okereke, O. P., Okobi, O. E., Mamman, A., Salawu, M. A. & Oaikhena, I. O. A. (2023). A review of the impact of homelessness on mental health. *Journal of Advances in Medicine and Medical Research*, 35(17), 11-18. <https://doi.org/10.9734/jammr/2023/v35i175099>.
- Anthony, E. R., Vincent, A., & Shin, Y. (2018). Parenting and child experiences in shelter: A qualitative study exploring the effect of homelessness on the parent-child relationship. *Child & Family Social Work*, 23(1), 8–15.
- Arnos, D., & Acevedo, A. (2023). Homelessness and gender: Differences in characteristics and comorbidity of substance use disorders at admission to services. *Substance Use & Misuse*, 58(1), 27–35. <https://doi.org/10.1080/10826084.2022.2136491>.
- Asante, K. (2015). Exploring age and gender differences in health risk behaviours and psychological functioning among homeless children and adolescents. *The International Journal of Mental Health Promotion*, 17(5), 278–292. <https://doi.org/10.1080/14623730.2015.1088739>.
- Atkinson, R., & Flint, J. (2001). Accessing hidden and hard-to-reach populations: Snowball research strategies. *Social Research Update*, 33(1), 1-4.
- Atrey, S. (2018). The intersectional case of poverty in discrimination law. *Human Rights Law Review*, 18(3), 411-440. <https://doi.org/10.1093/HRLR/NGY021>.
- Azman, A. S., Nor Azmal, N. K., & Mat Nor, F. (2017). Kemiskinan relatif di kalangan wanita: Kajian di Banting Selangor. *Persidangan Antarabangsa Sains Sosial & Kemanusiaan (PASAK) 2017*.
- Azim, K. A., MacGillivray, L., & Heise, D. (2019). Mothering in the margin – a narrative inquiry of women with children in a homeless shelter. *Journal of Social Distress and the Homeless*, 28(1), 34–43
- Babbie, E. R. (2020). *The practice of social research*. Cengage Au.

- Bakar, J., Yaacob, N., & Rosle, S. (2021). Actors of homelessness in Kuala Lumpur city: Advocacy versus paradox. *Journal of Tourism, Hospitality and Environment Management*, 6(25), 103-118. <https://doi.org/10.35631/jthem.625009>.
- Baloch, A., Noor, Z. M., Habibullah, M. H., & Bani, N. Y. (2018). The effect of the gender equality on income inequality: A dynamic panel approach. *Jurnal Ekonomi Malaysia*, 52(2), 3–17. <https://doi.org/10.17576/JEM-2018-5202-1>
- Baptista, I. (2010). Women and homelessness in Europe. In E. O’Sullivan, V. Busch-Geertsema, D. Quilgars, & N. Pleace (Eds.), *Homelessness Research in Europe* (pp. 163–86). Brussels: FEANTSA,
- Barman-Adhikari, A., Petering, R., Lengnick-Hall, R., Rice, E., Rhoades, H., & McCune, S. (2016). Social context of service use among homeless youth in Los Angeles, California. *Journal of Social Service Research*, 42(4), 501–515. <https://doi.org/10.1080/01488376.2016.1153563>
- Barros, K. C. C., Moreira, R. D. C. R., Oliveira, J. F. D., Nascimento, D. F. B. D., Jesus, M. E. F. D., & Ferreira, R. B. S. (2022). Vulnerabilities of homeless women: Social markers of gender and race/color. *Rev. Rene*, 23, 80608-80608. <https://doi.org/10.15253/2175-6783.20222380608>.
- Barry, C. L., McGinty, E. E., Pescosolido, B. A., & Goldman, H. H. (2014). Stigma, discrimination, treatment effectiveness, and policy: Public views about drug addiction and mental illness. *Psychiatric Services*, 65(10), 1269–1272. doi: 10.1176/appi.ps.201400140
- Bassuk, E. L., Volk, K. T., & Olivet, J. (2010). A framework for developing supports and services for families experiencing homelessness. *The Open Health Services and Policy Journal*, 3(1), 34–40.
- Bazeley, P. (2020). *Qualitative data analysis: Practical strategies*. SAGE Publication.
- Beauchamp, T. L., & Childress, J. F. (2014). *Principles of biomedical ethics* (7th ed.). Oxford University Press.
- Begeny, C. T., Ryan, M. K., Moss-Racusin, C. A., & Ravetz, G. (2020). In some professions, women have become well represented, yet gender bias persists—Perpetuated by those who think it is not happening. *Science advances*, 6(26), eaba7814. <https://doi.org/10.1126/sciadv.aba7814>.
- Beijer, U., Birath, C., DeMartinis, V., & Klinteberg, B. (2018). Facets of male violence against women with substance abuse problems: Women with a residence and homeless women. *Journal of Interpersonal Violence*, 33(9), 1391 - 1411. <https://doi.org/10.1177/0886260515618211>.
- Belcher, J. R., & DeForge, B. R. (2012). Social stigma and homelessness: The limits of social change. *Journal of Human Behavior in the Social Environment*, 22(8), 929-946. <https://doi.org/10.1080/10911359.2012.707941>.

- Benavides, A., Nodeland, B., Carey, C. D., & Tu, W. M. (2023). Justice system involvement, employment, and homelessness in rural areas. *International Journal of Rural Criminology*, 8(1), 1-24. <https://doi.org/10.18061/ijrc.v8i1.9169>.
- Benbow, S., Forchuk, C., Gorlick, C., Berman, H., & Ward-Griffin, C. (2019). “Until you hit rock bottom there’s no support”: Contradictory sources and systems of support for mothers experiencing homelessness in Southwestern Ontario. *Canadian Journal of Nursing Research*, 51(3), 179-190. <https://doi.org/10.1177/0844562119840910>.
- Berawi, F.A. & Ismail, N.A (2019). Gelandangan di Kuala Lumpur: Tinjauan awal. https://www.researchgate.net/publication/337679453_Gelandangan_di_Kuala_Lumpur_Tinjauan_Awal
- Bertsch, T. (2014). Crafting my own story: Homeless mothers standpoints using thematic narrative analyses. *European Scientific Journal*, ESJ, 10. <https://doi.org/10.19044/ESJ.2014.V10N10P%P>.
- Bhavnani, K. K., Chua, P., & Collins, D. (2014). Critical approaches to qualitative. *The Oxford handbook of qualitative research*, 165-178.
- Bharat, N., Cicatello, J., Guo, E., & Vallabhaneni, V. (2020, May 11). *Homelessness and job security: Challenges and interventions*. School of Public Health University of Michigan. <https://sph.umich.edu/pursuit/2020posts/homelessness-and-job-security-challenges-and-interventions.html>
- Biederman, D.J. & Nichols, T.R. (2014). Homeless women’s experiences of service providers encounters. *Journal of Community Health Nursing*, 31(1), 34-48.
- Biederman, D. J., Nichols, T.R., & Lindsey, E.W. (2013). Homeless women’s experience of social support from service providers. *Journal of Public Mental Health*, 12(3), 136- 145
- Biernacki, P., & Waldorf, D. (1981). Snowball sampling: Problems and techniques of chain referral sampling. *Sociological Methods & Research*, 10(2), 141-163.
- Biscotto, P. R., Jesus, M. C. P. D., Silva, M. H. D., Oliveira, D. M. D., & Merighi, M. A. B. (2016). Understanding of the life experience of homeless women. *Revista da Escola de Enfermagem da USP*, 50(05), 749-755. <https://doi.org/10.1590/S0080-623420160000600006>.
- Bishu, S. G., & Alkadry, M. G. (2017). A systematic review of the gender pay gap and factors that predict it. *Administration & Society*, 49(1), 65–104. <https://doi.org/10.1177/0095399716636928>
- Borghi, G., Caillet, P., Devriendt, S., Lebeaupin, M., Poirier, M., & Poveda, J. D. (2023). The perceived impact of homelessness on health during pregnancy and the postpartum period: A qualitative study carried out in the metropolitan area of Nantes, France. *Plos One*, 18(2), e0280273. <https://doi.org/10.1371/journal.pone.0280273>.

- Botello, C. M. (2017). *Women's imprisonment and recidivism: An illustrative analysis of Boronia Women's Pre-Release Centre (Western Australia) and progressive/open prison systems in Norway and Sweden* [Master dissertation]. The University of Notre Dame Australia.
- Bosak, J., Eagly, A., Diekman, A. & Sczesny, S. (2018). Women and men of the past, present, and future: evidence of dynamic gender stereotypes in Ghana. *Journal of Cross-Cultural Psychology*, 49(1), 115-129. doi: 10.1177/0022022117738750.
- Boudet, A. M. M., Buitrago, P., de la Briere, B. L., Newhouse, D., Matulevich, E. R., Scott, K., & Suarez-Becerra, P. (2018). *Gender difference in poverty and household composition through the life-cycle: A global perspective* [Policy research working paper 8360]. World Bank Group. <https://doi.org/10.1596/1813-9450-8360>
- Bowpitt, G., Dwyer, P., Sundin, E. & Weinstein, M. (2011). Comparing men's and women's experiences of multiple exclusion homelessness. *Social Policy and Society*, 10(4), 537–546.
- Braun, V., & Clarke, V. (2006). Using thematic analysis in psychology. *Qualitative Research in Psychology*, 3(2), 77-101.
- Braun, V., & Clarke, V. (2014). *Successful qualitative research: A practical guide for beginners* (Vol. 2013). SAGE Publications Inc.
- Brennan, T. (2015). *A women's typology of pathways to serious crime with custody and treatment implications*. Northpointe. <http://go.volarisgroup.com/rs/volarisgroup/images/Women-Typology-Descriptions-Gender-Responsive-4-15.pdf>
- Brennan, T., Breitenbach, M., & Dieterich, W. (2010). Unraveling women's pathways to serious crime: New findings and links to prior feminist pathways. *American Probation and Parole Association*, 4(2), 35–47.
- Brennan, T., Breitenbach, M., Dieterich, W., Salisbury, E. J., & Van Voorhis, P. (2012). Women's pathways to serious and habitual crime: A person-centered analysis incorporating gender responsive factors. *Criminal Justice and Behavior*, 39(11), 1481–1508. <https://doi.org/10.1177/0093854812456777>
- Bretherton, J. (2020). Women's experiences of homelessness: A longitudinal study. *Social Policy and Society*, 19(2), 255-270. doi:10.1017/S1474746419000423
- Bretherton, J. & Pleace, N. (2018) *Women and rough sleeping: A critical review of current research and methodology*. London: St Mungos.
- Broidy, L., Payne, J., & Piquero, A. R. (2018). Making sense of heterogeneity in the influence of childhood abuse, mental health, and drug use on women's offending pathways. *Criminal Justice and Behavior*, 45(10), 1565–1587. <https://doi.org/10.1177/0093854818776687>

- Broll, R., & Huey, L. (2020). "Every time I try to get out, I get pushed back": The role of violent victimization in women's experience of multiple episodes of homelessness. *Journal of Interpersonal Violence*, 35(17–18), 3379–3404. <https://doi.org/10.1177/0886260517708405>
- Broner, N., Lattimore, P. K., & Steffey, D. M. (2010). Mental health needs and services receipt of reentering offenders: A multi-site study of men, women and male youth. In H. A. Dlugacz (Ed.), *Re-entry planning for offenders with mental disorders: Policy and practice* (pp. 12–41). Civic Research Institute.
- Brown, C., & Mueller, C. T. (2014). Predictors of employment among sheltered homeless women. *Community, Work & Family*, 17(2), 200–218. <https://doi.org/10.1080/13668803.2014.890562>.
- Brown, C.S. & Stone, E.A. (2016), Gender stereotypes and discrimination. *Advances in Child Development and Behavior*, 50, 105-133. doi: 10.1016/bs.acdb.2015.11.001.
- Brush, B. L., Gultekin, L. E., Dowdell, E. B., Saint Arnault, D. M., & Satterfield, K. (2018). Understanding trauma normativeness, normalization, and help seeking in homeless mothers. *Violence Against Women*, 24(13), 1523–1539
- Bryman, A. (2016). *Social research methods* (5th ed.). Oxford University Press.
- Bullock, H. E., Reppond, H. A., Truong, S. V., & Singh, M. R. (2020). An intersectional analysis of the feminization of homelessness and mothers' housing precarity. *Journal of Social Issues*, 76(4), 835-858. <https://doi.org/10.1111/josi.12406>.
- Bungay, V., Johnson, J. L., Varcoe, C., & Boyd, S. (2010). Women's health and use of crack cocaine in context: Structural and 'everyday' violence. *The International Journal on Drug Policy*, 21(4), 321–329. <https://doi.org/10.1016/j.drugpo.2009.12.008>
- Burlingham, B., Andrasik, M. P., Larimer, M., Marlatt, A., & Spigner, C. (2010) A house is not a home: A qualitative assessment of the life experiences of alcoholic homeless women. *Journal of Social Work Practice in the Addictions*, 10(2), 158–179. <https://doi.org/10.1080/15332561003741921>
- Burroway, R. (2021). The political economy of conflict and violence against women: Cases from the south. *Contemporary Sociology: A Journal of Reviews*, 50, 258 - 260. <https://doi.org/10.1177/00943061211006085aa>.
- Byron R. A. (2010). Discrimination, complexity, and the public/private sector question. *Work and Occupations*, 37(4), 435-475.
- Cabrera, A., García-Pérez, C., Panadero, S., & Vázquez, J. J. (2023). Determining factors in the overall happiness and outlook for the future of women living homeless: Evidence from Madrid, Spain. *Journal of Community Psychology*, 51(5), 2163-2179. <https://doi.org/10.1002/jcop.23018>.

- Cabrera, M. S., Belloso, M. L., & Prieto, R. (2020). The application of Feminist Standpoint Theory in social research. *Investigaciones feministas*, 11(2). <https://doi.org/10.5209/infe.66034>.
- Cai, Y. (2023). Female employment dilemma analysis. *Advances in Education, Humanities and Social Science Research*, 7(1), 609-609. <https://doi.org/10.56028/aehtsr.7.1.609.2023>.
- Calvo, F., Watts, B., Panadero, S., Giralt, C., Rived-Ocaña, M., & Carbonell, X. (2022). The prevalence and nature of violence against women experiencing homelessness: A quantitative study. *Violence against Women*, 28(6-7), 1464-1482. <https://doi.org/10.1177/10778012211022780>.
- Camenius, R., & Sandman, T. (2023). Women in the malestream study of crime: Exploring three Swedish Journals throughout the last century. *Women & Criminal Justice*, 33(4), 261-279. <https://doi.org/10.1080/08974454.2021.1958731>
- Cameron, A., Abrahams, H., Morgan, K., Williamson, E., & Henry, L. (2016). From pillar to post: Homeless women's experiences of social care. *Health & Social Care in the Community*, 24(3), 345-352. <https://doi.org/10.1111/hsc.12211>.
- Carastathis, A. (2014). The concept of intersectionality in feminist theory. *Philosophy compass*, 9(5), 304-314. <https://doi.org/10.1111/PHC3.12129>.
- Carfinkel, I., & McLanahari, S. (2019). The feminization of poverty: Nature, causes, and a partial cure. *Poverty and social welfare in the United States*. (pp. 27-52). Routledge. <https://doi.org/10.4324/9780429302787-2>.
- Carlson, B. E., Shafer, M. S., & Duffee, D. E. (2010). Traumatic histories and stressful life events of incarcerated parents II: Gender and ethnic differences in substance abuse and service needs. *The Prison Journal*, 90(4), 494-515. <https://doi.org/10.1177/0032885510382224>
- Carnemolla, P., & Skinner, V. (2021). Outcomes associated with providing secure, stable, and permanent housing for people who have been homeless: An international scoping review. *Journal of Planning Literature*, 36(4), 508-525. <https://doi.org/10.1177/08854122211012911>.
- Carrington, K., & Death, J. (2014). Feminist criminologies' contribution to understandings of sex, gender, and crime. In R. Gartner & B. McCarthy (Eds), *The Oxford handbook of gender, sex, and crime*. Oxford Academic,
- Casey, R., Goudie, R., & Reeve, K. (2008). Homeless women in public spaces: Strategies of resistance. *Housing Studies*, 23(6), 899-916. <https://doi.org/10.1080/02673030802416627>.
- Castaños-Cervantes, S., & Vélez-Agosto, N. M. (2018). Psychosocial risk behaviors in Mexican young women experiencing homelessness. *Children and Youth Services Review*, 95, 235-242. <https://doi.org/10.1016/J.CHILDYOUTH.2018.10.041>.

- Cederbaum, J. A., Wenzel, S. L., Gilbert, M. L., & Chereji, E. (2013). The HIV risk reduction needs of homeless women in Los Angeles. *Women's Health Issues*, 23(3), e167-e172. <https://doi.org/10.1016/j.whi.2013.01.004>.
- Chandola, T., & Conibere, R. (2015). Social exclusion, social deprivation and health. In J. D. Wright (Ed.), *International encyclopedia of the social & behavioral sciences* (pp. 285–290). Elsevier Inc. <https://doi.org/10.1016/B978-0-08-097086-8.14087-5>
- Channar, Z. A., Abbassi, Z., & Ujan, I. A. (2011). Gender discrimination in workforce and its impact on the employees. *Pakistan Journal of Commerce and Social Sciences (PJCSS)*, 5(1), 177-191.
- Chant, S. (2012). Feminization of poverty. *The Wiley-Blackwell Encyclopedia of Globalization*.
- Chant, S. (2015, March 2). *The 'feminization of poverty': A reflection 20 years after Beijing* [Blog post]. United Nations Research Institute for Social Development. <https://www.unrisd.org/en/library/blog-posts/the-feminization-of-poverty-a-reflection-20-years-after-beijing>
- Chant, S. (2016). Women, girls and world poverty: Empowerment, equality or essentialism?. *International Development Planning Review*, 38(1), 1-24. <https://doi.org/10.3828/IDPR.2016.1>.
- Chavan, P. (2023). Issues and challenges of homeless women in Mumbai city. *International Journal for Multidisciplinary Research*, 5(5), 1-12. <https://doi.org/10.36948/ijfmr.2023.v05i05.7915>.
- Chesney-Lind, M., & Morash, M. (2013). Transformative feminist criminology: A critical re-thinking of a discipline. *Critical Criminology*, 21, 287-304.
- Chesney-Lind, M., & Chagnon, N. (2016). Criminology, gender, and race: A case study of privilege in the academy. *Feminist Criminology*, 11(4), 311-333. <https://doi.org/10.1177/1557085116633749>
- Choubey, S. (2023). Gender discrimination: A long moving pace towards progress. *Journal of Namibian Studies: History Politics Culture*, 35, 2358-2370. <https://doi.org/10.59670/jns.v35i.3992>.
- Christensen, M. A. (2019). Feminization of poverty: Causes and implications. In W. Leal Filho, A. Azul, P. L. Brandli, P. Özuyar, & T. Wall (Eds.), *Gender Equality. Encyclopedia of the UN Sustainable Development Goals*. (pp. 1-10). Springer. https://doi.org/10.1007/978-3-319-70060-1_6-1
- Christian, J., Abrams, D., Clapham, D., Nayyar, D., & Cotler, J. (2016). Intentions to move from homelessness to social inclusion: The role of participation beliefs, attitudes and prior behaviour. *Social Inclusion*, 4(4), 16–27.

- Chulu, J. (2015). *A feminist perspective that poverty is gendered: Do women have lesser access to resources in comparison with men?* [Working Paper No.3]. Copperstone University, School of Post-graduate Studies, Kitwe, Zambia. <https://doi.org/10.2139/ssrn.2663381>
- Cobb-Clark, D. A., & Zhu, A. (2017). Childhood homelessness and adult employment: The role of education, incarceration, and welfare receipt. *Journal of Population Economics*, 30(3), 893-924.
- Cobbina, J. E. (2010). Reintegration success and failure: Factors impacting reintegration among incarcerated and formerly incarcerated women. *Journal of Offender Rehabilitation*, 49(3), 210–232. <https://doi.org/10.1080/10509671.2010.509671>
- Collins, P. H. (2022). *Black feminist thought: Knowledge, consciousness, and the politics of empowerment*. Routledge.
- Corey, E., Frazin, S., Heywood, S., & Haider, S. (2020). Desire for and barriers to obtaining effective contraception among women experiencing homelessness. *Contraception and Reproductive Medicine*, 5, 1-7. <https://doi.org/10.1186/s40834-020-00113-w>.
- Cosgrove, L., & Flynn, C. (2005). Marginalized mothers: Parenting without a home. *Analyses of Social Issues and Public Policy*, 5(1), 127-143. <https://doi.org/10.1111/J.1530-2415.2005.00059.X>.
- Côté, P., Flynn, C., Dubé, K., Fernet, M., Maheu, J., Gosselin-Pelerin, A., Couturier, P., Cribb, M., Petrucci, G., & Cousineau, M. (2022). “It made me so vulnerable”: Victim-blaming and disbelief of child sexual abuse as triggers of social exclusion leading women to homelessness. *Journal of Child Sexual Abuse*, 31(2), 177 - 195. <https://doi.org/10.1080/10538712.2022.2037804>.
